IRSYADUL IBAD

TERJEMAHAN

Syekh Zainuddin Ibnu Abdul Aziz Al-Malibari

ارشاد العباد



إِرْشَادُ الْعِبَادِ إِلَى سَبِيْلِ الرَّشَادِ

تأليف أَحْمَدَ زَينِ الدِّيْنِ بْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ المَعْبَرِيَ المَلِيْبَارِيّ الفَنَّانِيّ الشَّافِعِيَ من علماء قرن العاشر الهجري

PANDUAN PARA HAMBA KEPADA JALAN PETUNJUK

Karangan Ahmad Zainuddin bin Abdul ‘Aziz al ma’bari al malabari al fannani as syafi’e daripada ulamak kurun kesepuluh hijrah.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

الحمد لله الذى أرشدنا إلى طاعته وزجرنا عن معصيته وأشهد أن لا إله إلا الله إقرارا بوحدانيته، وأشهد أن محمدا رسول الله اعترافا بنبوته، والصلاة والسلام على من أرسله الله لإرشاد العباد وعلى آله وصحبه المهتدين إلى سبيل الرشاد.

1. Segala pujian bagi Allah yang membimbing kita kepada ketaatan kepadaNya dan mencegah kita dari kemaksiatan kepadaNya. Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah, kerana mengaku dengan keesaanNya, dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu utusan Allah. Selawat dan salam keatas orang yang Allah utuskan untuk membimbing para hamba kepada jalan pimpinan dan keatas kaum keluarganya dan para sahabatnya yang mendapat petunjuk kepada jalan pimpinanNya.

وبعد، فهذا كتاب انتخبته من كتابَيْ "الزَّوَاجِر" و"مُرْشِدِ الطُّلاَّبِ" لشيخَيْ مشايخ الإسلام وملِكَيْ العلماء الأعلام شيخنا الشيخ شهاب الدين أحمدَ ابن حجر الهيتمى وجدّنا زين الدين بن على المَعْبَرِيّ رضى الله عنهما. وحشرنا فى زُمْرَتِهما. وزدت فيه ما أيسر من الأحاديث والمسائل الفقهيات والمواعظ والحكايات. وسميته بـ"إِرْشَادِ الْعِبَادِ إِلَى سَبِيْلِ الرَّشَادِ" راجيا من الله الجَوَّاد أن يرشدنى به وجميعَ العباد إلى دار الخلود، إنه كريم ودود.

2. Selepas itu, maka kitab ini aku petik dari dua kitab “Zawajir” dan “Mursyidut Tullab” bagi dua orang syeikh daripada syeikh-syeikh Islam dan dua orang raja bagi para ulamak yang hebat-hebat, dua syeikh kami : syeikh Syihabuddin Ahmad bin Hajar al haitami dan datuk kami Zainuddin bin Ali al ma’bari, redha Allah akan kedua mereka dan menghimpunkan kami didalam sidang jamaah mereka. Aku tambah padanya apa yang termudah daripada hadith-hadith dan masaalah-masaalah fekah dan nasihat-nasihat dan hikayat-hikayat. Aku namakannya dengan “Irsyadul ‘Ibad ila Sabilil Rasyad” hal keaadaan aku mengharap kepada Allah al jawwad agar bahawa Dia membimbing aku dengannya dan semua hamba-hamba kepada Negeri Kekal sungguhnya Doa maha pemurah dan maha kasih sayang.

روى الشيخان البخاري [رقم : 1] ومسلم [رقم : 1908] عن عمر بن الخطاب رضى الله عنه قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : ((إنما الأعمال بالنيات، وإنما لكل امرئ ما نوى فمن كانت هجرته إلى الله

ورسوله فهجرته إلى الله ورسوله، ومن كانت هجرته لدنيا يصيبها أو امرأة ينكحها فهجرته إلى ما هاجر إليه)).

3. Meriwayat dua syeikh : Bukhari dan Muslim, dari Umar bin al Khattab r.a katanya : aku dengar rasulullah sawm berkata ((amalan-amalan itu hanyalah dengan niat, seorang itu hanya mendapat apa yang dia niatkan, maka siapa yang hijrahnya kepada Allah dan rasulNya maka hijrahnya kepada Allah dan rasulNya, dan siapa yang hijrahnya kerana dunia nescaya dia mendapatnya atau kerana perempuan nescaya dia dapat mengahwininya, maka hijrahnya adalah kepada apa yang dia hijrah kerananya)).

بَابُ الإِيْمَانِ

قال الله تعالى [سورة البقرة، الآيتان : 21-22] يَاأيها الناس اعبدوا ربكم الذي خلقكم والذين من قبلكم لعلكم تتقون ﴿٢١﴾ الذي جعل لكم الأرض فراشا والسماء بناء وأنزل من السماء ماء فأخرج به من الثمرات رزقا لكم فلا تجعلوا لله أندادا وأنتم تعلمون ﴿٢٢﴾ أنه لخالق ولا يخلقون ولا يكون إلها إلا من يخلق.

4. **BAB IMAN**. Kata Allah taala ((wahai manusia sembahlah)) iaitu esakanlah ((Tuhan kamu yang menjadikan kamu dan orang yang sebelum kamu, harap-harap kamu takut)) akan siksaanNya, ((iaitu Tuhan yang menjadikan bagi kamu bumi sebagai hamparan)) iaitu terbentang yang dijadikan hamparan, ((dan langit sebagai binaan)) iaitu bumbung ((dan menurunkan dari langit akan hujan maka dia mengeluarkan dengan sebabnya dari)) pelbagai ((buah-buahan akan razeki bagi kamu. Maka janganlah kamu jadikan bagi Allah akan sekutu-sekutu)) pada ibadat, ((sedang kamu mengetahui)) bahawa Dia adalah yang menjadikan dan mereka itu tidak menjadikan, dan bukanlah Tuhan melainkan orang yang menjadikan.

وقال تعالى [48 سورة الفتح \ الآية: 13] ومن لم يؤمن بالله ورسوله فإنا أعتدنا للكافرين سعيرا أى نارا شديدة.

5. dan kata Allah taala ((dan barangsiapa yang tidak beriman dengan Allah dan rasulNya maka sungguhnya Kami menyediakan bagi para kafir akan Saier)) iaitu api yang kuat maraknya.

وأخرج مسلم [رقم : 8] عن عمر بن الخطاب رضى الله عنه، قال : بينما نحن [جلوس] عند رسول الله صلى الله عليه وسلم ذات يوم إذ طلع علينا رجل شديد البياض الثياب شديد سواد الشعر لا يرى عليه أثر السفر ولا يعرفه منا أحد حتى جلس إلى النبى صلى الله عليه وسلم فأسند ركبتيه إلى ركبتيه ووضع كفيه على فخذيه وقال يا محمد! أخبرني عن الإسلام. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ((الإسلام أن تشهد أن لا إلٰه إلا الله وأن محمدا رسول الله وتقيم الصلاة وتؤتي الزكات وتصوم رمضان وتحج البيت إن استطعت إليه سبيلا)). قال : صدقت. قال فعجبنا له، يسأله ويصدقه! قال فأخبرنى عن الإيمان. قال ((أن تؤمن بالله وملائكته وكتبه ورسله واليوم الآخر والقدر خيره وشره من الله تعالى)). قال : صدقت. قال فأخبرنى عن الإحسان. قال : ((أن تعبد الله كانك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك)).

6. Muslim mengeluarkan dari Umar r.a : katanya : sedang kami duduk disisi rasulullah sawm pada satu hari tiba-tiba muncul keatas kami seorang lelaki yang sangat putih pakaiannya sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan padanya kesan bermusafir dan tidak mengenalinya seorang dari kami, lalu dia duduk dekat rasullah sawm, maka dia menyandarkan dua lututnya kepada dua lutut rasullah sawm dan meletakkan dua tapak tangannya diatas dua peha rasullah sawm dan berkata : wahai Muhammad! Khabarkan aku tentang Islam. Maka kata rasulullah sawm ((Islam itu bahawa kamu bersaksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu rasulullah, dan kamu mendirikan sembahyang dan kamu memberikan zakat dan kamu puasa pada bulan ramadhan dan kamu mengerjakan haji di baitullah jika kamu mampu pergi kepadanya)). Katanya : benarlah kamu. Kata Umar : maka kami hairankannya, dia bertanya dan dia memperbenarkan rasulullah sawm! Katanya : maka khabarkan aku tentang iman. Kata Rasulullah sawm ((bahawa kamu beriman dengan Allah dan para malaikatnya dan kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya dan hari akhir dan qadar yang baiknya dan yang buruknya dari Allah taala)). Katanya : benarlah kamu. Katanya lagi : maka khabarkan aku tentang ihsan. Katanya ((bahawa kamu sembah Allah seolah-olah kamu melihatNya maka jika kamu tidak melihatnya maka dia melihat kamu)).

قال فأخبرنى عن الساعة. أي عن زمن وجود يوم القيامة. قال: ((ما المسؤول عنها بأعلم من السائل)). قال : فأخبرنى عن أماراتها. قال : ((أن تلد الأمة ربّتها)) أى سيدتها، يعنى يكثر عقوق الأولاد لأمهاتهم، فيعاملونهن معاملة السيد أمته من الإهانة والسب. ((وأن ترى الحفاة العراة العالة رعاء الشاء يتطاولون فى البنيان)). يعنى يصير الأسافل كالملوك. ثم انطلق، فلبثت مَلِيًّا أى زمنا كثيرا، ثم قال ((يا عمر! أتدرى من السائل؟)) قلت : الله ورسوله أعلم. قال : ((فإنه جبريل، أتاكم يعلمكم دينكم)).

7. Katanya lagi : maka khabarkan aku tentang saat itu, iaitu tentang masa ujud Hari Kiamat. Katanya ((tidaklah orang yang ditanya tentangnya lebih tahu dari yang bertanya)). Katanya lagi : maka khabarkan aku tentang tanda-tandanya. Kata rasulullah sawm ((bahawa seorang perempuan melahirkan penghulu perempuannya)). Maknanya banyak penderhakaan anak-anak terhadap ibu mereka, maka mereka berurusan dengan ibu-ibu mereka sebagai berurusan penghulu akan hamba perempuannya dengan menghina dan memaki. ((dan bahawa kamu lihat orang-orang yang berkaki ayam, tidak berpakaian, papa kedana, pengembala kambing mendirikan bangunan yang tinggi)) maknanya : jadilah orang bawahan seperti raja-raja. Kemudian dia berjalan pergi. Maka lama aku diam, kemudian kata rasulullah sawm ((wahai Umar! Adakah kamu tahu siapa yang bertanya tadi?)). Aku kata : Allah dan rasulNya yang tahu. Katanya ((maka sungguhnya dia adalah Jibril, dia datang kepada kamu mengajarkan kamu ugama kamu)).

قال التاج السبكى : الإسلام أعمال الجوارح ولا يعتبر إلا مع الإيمان، والإيمان تصديق القلب ولا يعتبر إلا مع التلفظ بالشهادتين.

8. Kata Taj asSubki : Islam itu amalan-amalan anggota dan tidak diiktibarkan ia melainkan bersama iman, dan iman itu pembenaran hati dan tidak diiktibarkan ia melainkan bersama dengan berlafaz dua syahadah.

ونقل النووي في "شرح مسلم" اتفاق أهل السنة من المحدثين والفقهاء والتكلمين على أن من آمن بقلبه ولم ينطق بلسانه مع قدرته كان مخلدا فى النار. انتهى.

9. Nawawi menakalkan didalam Syarah Muslim akan sepakatan ahli Sunnah daripada ahli hadith dan ahli fekah dan ahli kalam diatas bahawa orang yang beriman dengan hatinya dan tidak menuturkan dengan lidahnya serta kuasanya adalah dia kekal didalam neraka. Intaha.

واعلم أنه يشترط فى إسلام كافر التلفظ بالشهادتين، لا الإتيان بلفظ أشهد. فالأظهر الاكتفاء بـ"لا إله إلا الله محمد رسول الله". وهو مقتضى كلام الروضة، لكن الذى اعتمده بعض المتأخرين اشتراطه، وهو مقتضى كلام العباب. فعليه لو قال : أعلم، أو أسقطهما فقال : لا إله إلا الله محمد رسول الله، لم يكن مسلما. ولبعض أئمتنا رأي ثالث، وهو اشتراط "أشهد" أو مرادفها كـ"أعلم". فينبغى لكل من يُسْلِم الاحتياط بأن يقول: أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا رسول الله. ومعنى أشهد أعلم وأبين.

10. Ketahuilah bahawa disyaratkan pada islam setiap kafir akan berlafaz dengan dua syahadah, tidak mendatangkan lafaz "أَشْهَدُ", maka yang paling zahir memada dengan "لا إله إلا الله محمد رسول الله", yang mana ia kehendak kalam Raudhah. Akan tetapi yang dipegangi oleh sebahagian ulamak mutakhir adalah mensyaratkannya yang mana ia kehendak kalam Ubab. Maka diatasnya kalau dia berkata "أَعْلَمُ" i.e aku tahu atau dia menggugurkan keduanya maka katanya "لا إله إلا الله محمد رسول الله" tidaklah dia menjadi muslim. Ada bagi sebahagian imam-imam kita pendapat ketiga iaitu mensyaratkan "أَشْهَدُ" atau yang sama makna dengannya seperti "أَعْلَمُ". Maka sayugia bagi setiap orang yang memeluk islam bercermat dengan bahawa dia kata " أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا رسول الله". Makna "أَشْهَدُ" aku tahu dan aku menjelaskan.

ويشترط ترتيبهما، فلا يصح الإيمان بالنبي قبل الإيمان بالله، لا الموالاة بينهما ولا العربية وإن أحسنها، لكن يشرط فهم معنى ما تلفظ به، وهو أنه لا معبود بحق فى الوجود إلا الله المنفرد بالألوهية، وأن يزيد المشرك "كفرت بما كنت أشركت به وأنا بريئ من كل دين يخالف دين الإسلام"، فلا يصير المشرك مؤمنا حتى يضم إلى الشهادتين ذلك كما فى الروضة والعباب. وقيل لا يجب زيادة ذلك.

11. Disyaratkan tertib keduanya, maka tidak sah beriman dengan nabi sebelum beriman dengan Allah. Tidak disyaratkan mualat diantara keduanya dan tidak bahasa arab sekalipun dia pandai dengannya, akan tetapi disyaratkan faham makna apa yang dia lafazkan, iaitu bahawa tidak ada yang disembah dengan sebenar pada yang ujud melainkan Allah yang bertunggalan dengan ketuhanan. Disyaratkan bahawa seorang musyrik menambah "aku kufur dengan apa yang telah aku syirik dengannya dan aku berlepas diri dari setiap ugama yang menyalahi ugama islam. Maka seorang musyrik tidak jadi beriman hingga dia menghimpunkan kepada dua syahadahnya akan demikian itu sepertimana didalam Raudhah dan 'Ubab. Dikatakan : tidak wajib tambahan itu.

واعلم أن الإيمان بالله اعتقاد أنه واحد لا نظير له فى ذاته وصفاته ولا شريك له فى الألوهية وهي استحقاق العبادة وأنه قديم لا ابتداء لوجوده وباق لا انتهاء لأبديته، وبالملائكةِ اعتقاد أنهم مكرّمون لا يعصون الله ما أمرهم ويفعلون ما يؤمرون صادقون فيا أخبرو به، وبالكتبِ اعتقاد أنها كلام الله الأزلي القائم بذاته المنزّه عن الحرف والصوت وأن كل ما تضمنته حق وأن الله تعالى أنزلها على بعض رسله بألفاظ حادثة فى ألواح أو على لسان الملك، وبالرسل اعتقاد أن الله أرسلهم إلى الخلق ونزههم عن كل وخيمة ونقص، فهم معصومون من الصغائر والكبائر قبل النبوة وبعدها، وباليوم الآخر وهو من الموت إلى آخر ما يقع اعتقاد وجوده وما اشتمل عليه من سؤال الملكين ونعيم القبر أو عذابه والبعث والجزاء والحساب والميزان والصراط والجنة والنار، وبالقدر اعتقاد ان ما قدره الله فى الأزل لا بد من وقوعه وما لم يقدر يستحيل وقوعه وأنه تعالى قدر الخير والشر قبل خلق الخلق وأن جميع الكائنات بقضائه وقدَره.

12. Ketahuilah bahawa beriman dengan Allah itu adalah iktikad bahawa Dia asa tidak ada yang sebanding denganNya pada zatNya dan sifat-sifatNya dan tidak ada yang bersekutu denganNya pada ketuhanan yang mana ia adalah hak kepada penyembahan, dan bahawa Dia qadim tidak ada mula bagi ujudnya dan kekal tidak ada kesudahan bagi keabadiannya, dan bahawa beriman dengan malaikat adalah iktikad bahawa mereka itu mulia tidak menderhakai Allah pada apa yang Dia perintahkan mereka dan mereka melakukan apa yang mereka diperintahkan, benar pada apa yang mereka khabarkan, dan bahawa beriman dengan kitab itu iktikad bahawa ia adalah kalam Allah yang azali yang berdiri pada zatNya yang suci dari huruf dan suara dan bahawa semua apa yang ia kandungi adalah benar dan bahawa Allah taala menurunkannya keatas kesebahagian rasul-rasulnya dengan lafaz-lafaz yang baharu pada kepingan-kepingan atau diatas lidah malaikat, dan bahawa beriman dengan para rasul itu adalah iktikad bahawa Allah mengutuskan mereka kepada makhluk, dan membersihkan mereka dari setiap perkara tak baik dan kekurangan, maka mereka itu maksum dari dosa-dosa kecil dan besar sebelum kenabian dan selepasnya, dan bahawa beriman dengan hari yang akhir iaitu mula dari mati hingga kepada apa yang jatuh adalah iktikadkan ujudnya dan apa yang ia meliputinya daripada soalan dua malaikat dan nikmat kubur atau azabnya dan kebangkitan dan balasan dan hisab dan mizan dan shirat dan syurga dan neraka, dan bahawa beriman dengan kadar adalah iktikad bahawa apa yang Allah telah kadarkan diazali tidak dapat tidak dari berlakunya dan apa yang dia tidak kadarkannya mustahil berlakunya dan bahawa Allah taala mengkadarkan kebaikkan dan kejahatan sebelum menjadikan makhluk dan bahawa semua yang berlaku adalah dengan qadha dan kadarnya.

وأخرج أحمد [المسند 2\359، رقم 7493] والحاكم [الجامع الصغير رقم : 3581] عن أبى هريرة رضى الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((جددو إيمانكم)). قيل : وكيف نجدد إيمانَنا يا رسول الله؟ قال ((أكثرو من قول لا إله إلا الله)).

13. Mengeluar oleh Ahmad dan Hakim dari Abu HUrairah r.a katanya : kata rasulullah sawm ((perbaharuilah iman kamu)). Dikatakan : bagaimana kami hendak membaharui iman kami wahai rasulullah? Katanya ((banyaklah mengatakan "لَاَ إِلَهَ إِلاّ اللهَ")).

والشيخان [البخارى رقم 435، مسلم رقم 33] عن عِتْبَانِ بن مالك ((إن الله قد حرم على النار من قال لا إلٰه إلا الله، يبتغى بذلك وجه الله)).

14. Mengeluar dua syeikh dari ‘Itban bin Malik ((sungguhnya Allah telah mengharamkan keatas neraka akan orang yang mengatakan “لَاَ إِلَهَ إِلاّ اللهَ” yang dia tuntut wajah Allah dengan demikian itu.

وابن عساكر [الجامع الصغير رقم 3694، كنز العمال رقم 1769] عن علي رضى الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم ((حدّثنى جبريل، قال: يقول الله تعالى : لا إلٰه إلا الله حِصْنِي، فمن دخله أمن من عذابى)). [وهذا الحديث من الأحاديث المسلسلة وهو مسلسل بالأشرف].

15. Mengeluar Ibnu ‘Asakir dari Ali r.a dari nabi sawm ((Jibril memberitahu aku, Allah taala berkata “لَاَ إِلَهَ إِلاّ اللهَ” itu kubu Ku, maka siapa yang memasukinya dia aman dari azab Ku)).

والطراني [فى الكبير و مجمع الزوائد رقم 1683] عن أبى الدرداء ((ليس من عبد يقول لا إلٰه إلا الله مئةَ مرةٍ إلا بعثه الله يوم القيامة ووجهه كالقمر ليلة البدر. ولم يُرفع لأحد يومئذ عملٌ أفضل من عمله إلا من قال مثلَ قوله أو زاد)).

16. Mengeluar Thabarani dari Abu Darda’ ((tidak ada seorang hamba yang mengatakan “لَاَ إِلَهَ إِلاّ اللهَ” seratus kali melainkan Allah membangkitkannya pada hari kiamat kelak sedang mukanya seperti bulan purnama, dan tidak diangkatkan bagi sesaorang pada hari itu akan satu amalan pun yang lebih afdhal dari amalannya melainkan orang yang berkata seumpama katanya atau lebih lagi)).

وابن ماجه [رقم 3797] عن أم هانئ ((لا إلٰه إلا الله لا يسبقها عمل ولا تترك ذنبا)).

17. Mengeluar Ibnu Majah dari Ummi Hani’ ((“لَاَ إِلَهَ إِلاّ اللهَ” tidak mendahuluinya oleh satu amalan pun dan tidak ia meninggalkan satu dosa pun)).

والترمذي [رقم 3383] والنسائي [بل ابن ماجه رقم 3800] عن جابر ((أفضل الذكر لا إلٰه إلا الله وأفضل الدعاء الحمد لله)).

18. Mengeluar Turmizi dan Nasai’e dari Jabir ((zikir yang terafdhal “لَاَ إِلَهَ إِلاّ اللهَ” dan doa yang terafdhal “الْحَمْدُ لِلّهِ”.

والنسائي [وكذلك نَسَبَه ابن حجر العسقلاني رحمه الله فى فتح البارى رقم الحديث 6405، وقال: بسند صحيح] عن أبي سعيد الخدري عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: ((قال موسى عليه السلام : يا ربي! علِّمْنى شيئا أذكرك به. فقال :

قل لا إله إلا الله. فقال : يا ربي! كل عبادك يقول هذا إنما أريد شيئا تخصُّنى به. فقال : يا موسى! لو أن السموات السبع وعامرَهنّ غيري والأرضين السبع جعلت فى كفَّة ولا إله إلا الله فى كفة لَمَالَتْ بهنّ لا إله إلا الله)).*

19. Mengeluar Nasai'e dari Abu Sai'ed al Khudri dari nabi sawm katanya ((kata Musa alaihissalam : wahai Tuhan ku! Ajari aku sesuatu untuk aku mengingati Mu dengannya. Maka Kata Tuhannya : katakan "لآ إِلَهَ إِلآ اللهَ". Maka kata Musa : wahai Tuhan ku! Semua hamba Mu menyebut kalimah ini, aku hanya maksudkan sesuatu yang Engkau khususkan aku dengannya. Maka katanya: wahai Musa! kalau bahawa langit yang tujuh dan isinya selain Ku dan segala bumi yang tujuh diletakkan pada satu daun timbang dan "لآ إِلَهَ إِلآ اللهَ" pada satu daun timbang lagi nescaya senget daun timbang yang bersamanya "لآ إِلَهَ إِلآ اللهَ")).

وأبو يعلى [مجمع الزوائد رقم 17573] عن أبى بكر رضى الله عنه وعن ذريته ((عليكم بـ لا إله إلا الله والاستغفار، وأكثروا منهما فإن إبليس قال : أهلكْتُ الناسَ بالذنوب وأهلكوني بلا إله إلا الله والاستغفار. فلما رأيت ذلك أهلكتهم بالأهواء وهم يحسبون أنهم مهتدون)).*

20. Mengeluar Abu Ya'la dari Abu Bakar moga Allah meredhainya dan zuriatnya ((hendaklah kamu lazimi "لآ إِلَهَ إِلآ اللهَ" dan istighfar dan perbanyakkanlah keduanya kerana Iblis berkata : aku binasakan manusia dengan dosa dan mereka binasakan aku dengan "لآ إِلَهَ إِلآ اللهَ" dan istighfar. Maka apabila aku lihat demikian itu aku binasakan mereka dengan hawa nafsu sedang mereka sangka bahawa mereka diatas hidayah)).

وابن أبي الدنيا [في كتاب المحتضرين] والبيهقي [فى شعب الإيمان، كنز العمال رقم 1770] عن أبى هريرة رضى الله عنه ((حضر ملك الموت رجلا يموت فشق أعضاءه فلم يجد عملا خيرا ثم شق قلبه فلم يجد فيه خيرا ففك لحييه فوجد طرف لسانه لاصقا بحنك يقول : لا إله إلا الله، فغفر له بكلمة الإخلاص)).

21. Mengeluar Ibnu Abi Dunya dan Baihaqi dari Abu Hurairah r.a ((hadhir malaikat maut pada seorang lelaki yang sedang kematian maka dia mengoyakkan anggota-anggotanya maka dia tidak mendapati satu amalan baik pun, kemudian dia mengoyakkan jantungnya maka dia tidak mendapat apa-apa kebaikkan padanya, maka dia merekahkan dua tulang rahangnya lalu mendapati hujung lidahnya berdempek dengan langit-langitnya sedang dia mengatakan "لآ إِلَهَ إِلآ اللهَ", maka diampunkan dia dengan kalimah ikhlas itu)).

وأبو داود [رقم 3116] وأحمد [رقم 21529- 21622] عن معاذ ((من كان آخر كلامه لا إله إلا الله دخل الجنة). نسأل الله الكريم الودود أن يَخْتِمَ كلامنا بكلمة التوحيد.

22. Mengeluar Abu Daud dan Ahmad dari Mu'az akan ((siapa yang adalah akhir kata-katanya "لآ إِلَهَ إِلآ اللهَ" masuk dia kedalam syurga)). Kita mohon Allah yang maha pemurah yang maha kasih sayang agar menyudahkan kata-kata kita dengan kalimah tauhid ini.

وحكى إمامنا محمد بن إدريس الشافعي رضي الله عنه قال : رأيت بمكة نصرانيا يُدْعَى بالأُسْقُف وهو يطوف بالكعبة فقلت له : ما الذى رغّبك عن دين آبائك؟ فقال : بُدِّلْتُ خيرا منه. قلت : فكيف كان ذلك؟ فحكى لي أنه ركب البحر، قال : فلما توسّطْنا فيه انكسرت المركب فسلِمْت على لوح، فما زالت الأمواج تدافعني حتى رمتني في جزيرة من جزائر البحر، فيها أشجار كثيرة ولها أثمار أحلى من الشَهْد وألْيَن من الزبد وفيها نهرٌ جارٍ عذبٌ. قال : قلت : الحمد لله على ذلك آكل من هذا الثمر وأشرب من هذا النهر حتى يأتي الله تعالى بالفرج. فلما ذهب النهار وجاء الليل خفت على النفس من الدواب فعلوت شجرة ونمت على غصن. فلما كان فى وسط الليل وإذا بدابة على وجه الماء تسبح الله تعالى بلسان فصيح : لا إلٰه إلا الله الغفار ومحمد رسول الله النبي المختار.

23. Imam kita Muhammad bin Idris assyafi'e r.a bercerita, katanya : aku lihat di Makkah seorang Nasrani yang dipanggil Usquf, sedang dia tawaf di Ka'bah, maka aku kata kepadanya : apakah yang membuatkan kamu benci ugama datuk nenek kamu? Maka katanya : digantikan bagi ku akan yang lebih baik darinya, aku kata: maka macamana demikian itu? Maka dia dia menceritakan kepada ku bahswa dulu dia pernah belayar dilaut katanya : tatkala kami berada ditengah laut pecahlah kapal kami tetapi aku selamat diatas sekeping papan, maka ombak berterusan menolak aku hingga mencampakkan aku pada sebuah pulau daripada pulau-pulau dilaut itu, padanya ada banyak pokok yang berbuah yang lebih manis dari madu dan lebih lembut dari keju dan padanya ada sungai air tawar yang mengalir. Katanya : maka aku kata : alhamdulillah diatas demikian itu, aku makan dari buah ini dan aku minum dari sungai ini, hingga Allah taala datangkan penyelesaian masaalah ini. Maka apabila siang bertukar malam aku berasa takut bahaya diatas diri ku kerana binatang buas, maka aku panjat sebatang pokok dan aku tidur diatas dahannya, maka kketika berada ditengah malam tiba-tiba muncul seekor binatang diatas permukaan air, ia bertasbih kepada Allah taala dengan lidah yang fasih "tidak ada Tuhan melainkan Allah yang maha mengampun dan Muhammad rasul Allah nabi yang terpilih".

فلما وصلت الدابة إلى البر إذ رأسها رأس نَعامة ووجهها وجه إنسان وقوائمها قوائم بعير وذَنَبها ذنب سمكة، فخفت على نفسى الهلكة فنزلت من الشجرة ووَلّيْتُ هاربا، فالتفتت إليّ وقالت : قِفْ وإلا هلكت. فوقفت، فقالت لي : ما دينك؟ فقلت : النصرنية. فقالت ويحك يا خاسر! ارجع إلى الحنيفية، فإنك قد حللت بفَناء قوم من مؤمنى الجن لا ينجو منهم إلا مسلم. فقلت: وكيف الاسلام؟ قالت : تشهد أن لا إلٰه إلا الله وأن محمدا رسول الله . فقلتها. ثم قالت الدابة : تريد المُقام هنا أو الرجوع إلى أهلك؟ فقلت : الرجوع إلى أهلي. فقالت : امكث مكانك حتى يجتاز بك مركب. فمكثت مكاني ونزلت الدابة في البحر، فما غابت عن عيني حتى مر مَرْكب ورُكّاب فأشرت إليهم فحملوني، فإذا فى المركب اثنا عشر رجلا كلهم نصارى، فأخبرتهم خبري وقصصت عليهم قصتي فأسلموا كلهم.

24. Maka tatkala binatang itu sampai kedaratan tiba-tiba aku dapati kepalanya kepala burung kasawari dan mukanya muka manusia dan kakinya kaki unta dan ekornya ekor ikan, maka aku takut diri ku akan binasa maka aku turun dari pokok itu dan berpaling melarikan diri, maka ia menoleh kepada ku dan berkata : berhenti jika tidak kamu binasa, maka aku berhenti maka katanya kepada ku : apa ugama kamu? Maka aku

katakan : nasrani, maka katanya : celakalah kamu wahai orang yang rugi! Kembalilah kepada ugama yang sebenar, kerana kamu telah tiba dikawasan satu kaum daripada jin-jin yang beriman yang tidak lepas daripada mereka itu melainkan orang islam. Maka kata ku : bagaimana Islam itu? Katanya : bahawa kamu menyaksikan bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah rasulul Allah, maka aku mengatakannya. Kemudian kata binatang itu : kamu hendak menetap disini atau balik kepada keluarga kamu? Maka aku kata : balik kepada keluarga ku. Maka katanya : duduk diam pada tempat kamu hingga melintas kapal pada kamu, maka aku duduk diam ditempat ku, dan binatang itu turun kelaut, maka tidak hilang ia dari dua mata ku tia-tiba lalu sebuah kapal bersama penumpangnya, maka aku memberi isyarat kepada mereka maka mereka membawa ku. Kemudian aku dapati didalam kapal itu ada dua dua belas orang yang semuanya nasrani, maka aku khabarkan mereka khabar aku dan aku ceritakan kepada mereka akan kisah ku, maka semua mereka memeluk Islam.

وحكى الشيخ عبد الله اليافعي رحمه في كتابه روض الرياحين [الحكاية رقم 210] **أنه كان فى الأمم الماضية ملك تمرّد على ربه، فغزاه المسلمون فأخذوه أسيرا، فقالوا بأيّ قتلة نقتله؟ فاجتمع رأيهم على أن يجعلوا له قمقما عظيما ويجعلوه فيه وتوقد تحته النار ولا يقتلوه حتى يذيقوه طعم العذاب، ففعلوا ذلك به. فجعل يدعو آلهته واحدا بعد واحد: يا فلان! إنما كنت أعبدك أنقذني مما أنا فيه. فلما رأى الآلهة لا تغني عنه شيئا رفع رأسه إلى السماء وقال : لا إلٰه إلا الله، ودعا مخلصا فصب الله عليه مَثْعَبَ ماء من السماء فأطفأ تلك النار، وجاءت ريح فاحتملت ذلك القمقم وجعلت تدور به بين السماء والأرض وهو يقول : لا إلٰه إلا الله. فقذفته إلى قوم لا يعبدون الله عز وجل وهو يقول لا إلٰه إلا الله، فاستخرجوه، وقالوا : ويحك، ما لك؟ فقال : أنا مالك بني فلان كان من أمري وخبري كيت وكيت وقص عليهم القصة فآمنوا.**

25. Syeikh Abdullah al Yafi'ie rahimahullah menceritakan didalam kitabnya Riyadhur Riyahin bahawa ada pada umat-umat yang lalu seorang raja yang bersikap degil terhadap Tuhannya, maka orang Islam memeranginya lalu menangkapnya sebagai tawanan. Maka mereka berkata dengan cara bunuh mana kita nak bunuh dia? Maka sependapat pandangan mereka diatas membuatkan baginya satu botol[1] yang besar dan meletakkan dia didalamnya dan dipingatkan api dibawahnya, dan mereka tidak membunuhnya hingga mereka memberinya rasa kecapan azab, maka mereka melakukan demikian itu padanya. Maka mulalah dia menyeru tuhan-tuhannya satu demi satu: wahai fulan dulu aku menyembah mu maka selamatkan aku dari keadaan yang aku padanya. Maka tatkala dia yakin tuhan-tuhan itu tidak menolak sesuatu pun dari dirinya dia mengangkatkan kepalanya kearah langit dan berkata "لاَ إِلَهَ إِلاّ الله" dan dia berdoa dalam keadaan ikhlas, maka Allah menuangkan keatasnya curahan air dari langit lalu ia memadamkan api itu, dan datang angin lalu membawa botol itu dan mulalah ia berputar dengannya diantara langit dan bumi sedang dia berkata "لاَ إِلَهَ إِلاّ الله", maka angin itu mencampakkannya kepada satu kaum yang tidak menyembah Allah azza wa jalla sedang dia berkata "لاَ إِلَهَ إِلاّ الله", maka mereka mengeluarkannya dan berkata : kesiannya kamu, apa kena kamu ini? Maka katanya : aku raja bani fulan, adalah keadaan ku dan khabar ku begini-begini dan dia mengkisahkan kepada mereka akan kisah dirinya maka mereka itu pun beriman.

---

[1] Iaitu botol wangian yang darinya dipercikkan wangian kepada orang. Sifatnya kecil dan panjang tengkoknya.

وحكى فيه أيضا [الحكاية رقم 348] عن الشيخ أبي يزيد القرطبي، قال : سمعت فى بعض الآثار أن من قال : لا إلٰه إلا الله سبعين ألف مرة كانت فداءه من النار. فعملت على ذلك رجاء بركة الوعد، فعملت منها لأهلي وعملت منها أعمالا ادخرتها لنفسى. وكان إذ ذاك يبيت معنا شاب يقال إنه يكاشف في بعض الأوقات بالجنة والنار، وكانت الجماعة ترى له فضلا على صغر سِنِّه وكان فى قلبي منه شيئ. فاتفق أَنِ استدعانا بعض الإخوان إلى منزله، فنحن نتناول الطعام والشاب معنا إذ صاح صيحة منكرة واجتمع في نفسه* وهو يقول : يا عم! هذه أمي فى النار، وهو يصيح بصياح عظيم لا يشك من سمعه أنه عن أمر. فلما رأيت ما به من الانزعاج قلت في نفسي : اليوم أجرب صدقه. فألهمني الله السبعين ألفا ولم يطلع على ذلك أحد إلا الله. فقلت في نفسي : الأثر حق والذين رَوَوْهُ صادقون : اللّٰهُمَّ السبعين ألفا فداء هذه المرأة أم هذا الشاب. فما استتممت الخاطر في نفسي إلا أن قال : يا عم! ها هي أخرج، الحمد لله.

26. Dia menghikayatkan didalamnya juga dari syeikh Yazid al qurtubi, katanya : aku dengar pada sebahagian athar bahawa orang yang mengatakan “لاَ إِلَهَ إِلاّ اللّٰهَ” tujuh puluh ribu kali adalah ia menjadi tebusannya dari neraka. Maka aku amalkan demikian itu kerana mengharap keberkatan janji baik itu, maka aku amalkannya untuk keluarga ku dan aku amalkannya beberapa kali khatam yang aku simpannya untuk diri ku. Pada satu masa bermalam bersama kami seorang pemuda, dikatakan bahawa dia dikasyafkan pada sebahagian waktu dengan syurga dan neraka, dan adalah orang ramai melihat dia mempunyai kelebihan disamping muda umurnya sedangkan didalam hati ku ada sedikit ragu padanya. Maka kebetulan seorang dari saudara-saudara kami menjemput kami kerumahnya, maka sedang kami mencapai makanan dan pemuda itu ada bersama kami tiba-tiba dia menjerit dengan jeritan yang menakutkan, dan dia menumpukan fikiran pada dirinya dan dia berkata : wahai pak cik! perempuan ini emak aku berada didalam neraka, dan dia menjerit dengan jeritan yang keras yang tidak syak orang yang mendengarnya bahawa ia kerana suatu perkara. Maka tatkala aku lihat keadaannya yang gelisah aku kata didalam hati ku : hari ini aku uji kebenarannya. Maka Allah mengilhamkan aku tujuh puluh ribu itu yang mana tidak memandang demikian itu seorang pun melainkan Allah. Maka aku kata didalam hati ku : athar itu benar dan orang-orang yang meriwayatkannya benar, ya Allah tujuh puluh ribu itu tebusan perempuan itu ibu bagi pemuda ini. Maka belum aku sempurnakan lintasan didalam hati ku tiba-tiba dia berkata : wahai pak cik! Dia dah dikeluarkan, alhamdulillah.

فَصْلٌ فِي الرِّدَّةِ

هي أفحش أنواع الكبائر. قال الله تعالى إن الله لا يغفر أن يشرك به ويغفر ما دون ذلك لمن يشاء ومن يشرك بالله فقد ضل ضلالا بعيدا [سورة النساء \ الآية : 116] وقال تعالى لقد كفر الذين قالوا إن الله هو المسيح ابن مريم وقال المسيح يابني إسرائيل اعبدوا الله ربي وربكم إنه من يشرك بالله فقد حرم الله عليه الجنة ومأواه النار وما للظالمين من أنصار [سورة المائدة \ الآية 72].

27. **FASAL PADA RIDDAH**. Ia adalah yang paling keji daripada bagai-bagai dosa besar. Kata Allah taala ((Sungguhnya Allah tidak mengampunkan syirik terhadapnya dan Dia mengampunkan apa yang selain demikian itu bagi orang yang Dia mahukan. Barang siapa mensyirikkan Allah maka sungguh dia telah sesat dengan sesat yang jauh)). Dan kata Allah taala ((Sungguh telah kufurlah orang-orang yang berkata : sungguhnya Allah adalah al Masih anak lelaki Maryam, sedang kata al Masih : wahai anak cucu Israel sembahlah Allah Tuhan ku dan Tuhan kamu, barang siapa mensyirikkan Allah maka sungguhnya Allah telah mengharmkan syurga keatasnya dan tempat kembalinya adalah api neraka. Dan tidak ada para penolong bagi orang-orang zalim)).

وأخرج بن ماجة [رقم 4034] والبيهقي [وكذا هو فى الدر المنثور للسيوطي، سورة المائدة الآية 90] عن أبي الدرداء قال : أوصاني خليلي رسول الله صلى الله عليه وسلم ((أن لا تشركْ بالله شيئا وإن قُطِّعْتَ أو حُرِّقْتَ، ولا تتركْ صلاة مكتوبة متعمدا، فمن تركها متعمدا فقد بَرِئَتْ منه الذمة، ولا تَشْرَبِ الخمر فإنه مفتاح كل شر)).

28. Mengeluar Ibnu Majah dan Baihaqi dari Abu Darda', katanya : berpesan kepada ku oleh kekasih ku rasulullah sawm ((bahawa jangan kamu syirikkan Allah dengan sesuatu sekalipun kamu dikerat-kerat atau dibakar, dan jangan kamu tinggalkan sembahyang maktubah dengan sengaja, maka siapa meninggalkannya dengan sengaja maka sungguhnya bebas zimmah ku darinya, dan jangan kamu minum arak maka ia kunci setiap kejahatan)).

والطبراني [كنز العمال رقم 392] ((من بدل دينه فاقتلوه، ولا يقبل الله توبة عبد كفر بعد اسلامه)) أي ما دام مصرا على كفره.

29. Mengeluar Thabarani ((siapa menukar ugamanya maka hendaklah kamu bunuh dia, dan tidaklah Allah menerima taubat seorang hamba yang kufur selepas Islamnya)) iaitu selama mana dia kekal diatas kekufurannya.

والشافعي [مسند الشافعي رقم 284] والبيهقي [كنز العمال رقم 394] ((من غير دينه فاضربوا عنقه)).

أعاذنا الله منها بمَنِّه وكرمه.

30. Mengeluar Syafi'e dan Baihaqi ((barang siapa mengubah ugamanya maka hendaklah kamu pancung tengkoknya)). Moga Allah melindungi kita darinya dengan kurniaanNya dan kemurahanNya.

واعلم أن من أنواعه أن يعزم مكلّفٌ مختارٌ على الكفر في زمن قريب أو بعيد، أو يتردّد فيه أو يعلقه باللسان أو القلب على شيء ولو محالا عقليا فيكفر حالا، أو يعتقد ما يوجبه أو يفعله أو يتلفظ بما يدل عليه مع اعتقاد أو عناد أو استهزاء،

31. Ketahuilah bahawa sebahagian daripada bagai-bagai kufur itu bahawa seorang mukallaf yang bebas memilih berazam diatas kufur pada masa yang dekat atau jauh, atau dia berbelah bagi padanya atau dia menta'likkannya dengan lidah atau hati diatas sesuatu walaupun mustahil pada akal, maka kufurlah dia pada masa itu juga, atau dia iktikadkan apa yang mewajibkan kufur atau dia melakukannya atau dia melafazkan apa yang menunjuk keatasnya beserta mengiktikadkannya atau degil atau bermain-main,

كأن يعتقد قدم العالم أو الروح أو حدوث الصانع، أو ينفي ما هو ثابت لِلّه تعالى بالاجماع كالعلم والقدرة، أو يثبت ما هو منفي عنه بالاجماع كاللون، أو يعتقد وجوب غير واجب كصلاة سادسة وصوم غير رمضان، أو يشك فى تكفير اليهود والنصارى،

32. seperti dia iktikadkan qidam alam atau roh atau baharu Pencipta, atau dia menafikan perkara yang sabit bagi Allah taala dengan ijmak seperti ilmu dan kudrat, atau dia mensabitkan perkara yang dinafikan darinya dengan ijmak seperti warna, atau dia mengiktikadkan wajib perkara yang tidak wajib seperti sembahyang yang keenam dan puasa selain ramadhan, atau dia syak pada kafir Yahudi dan Nasara,

وكأن يسجد لمخلوق كصنم وشمس أو يمشي إلى الكنائس مع أهلها بزِيّهم من الزنانير وغيرها أو يلقي ورقة فيه شيء من القرآن أو العلم الشرعي أو اسم الله تعالى أو اسم نبي أو ملك فى مستقذر ولو طاهرا كبذاق أو مخاط، أو يلطخ ذلك أو مسجدا بنجس ولو معفوا عنه،

33. dan seperti bahawa dia sujud kepada makhluk seperti berhala dan matahari, atau dia berjalan kegereja bersama dengan ahlinya dengan pakaian mereka daripada zunar dan selainnya, atau dia mencampakkan kertas yang ada padanya suatu daripada Quran atau ilmu syara’ atau nama Allah taala atau nama nabi atau malaikat pada cemar walaupun suci seperti kahak atau hingus, atau dia melumurkan demikian itu atau masjid dengan najis walaupun yang dimaafkan,

وكأن ينكر النبوةَ نبي أجمع عليها أو إنزالَ كتاب كذلك كالتوراة والإنجيل وزبور داود وصحف إبراهيم أو آية من القرآن مجمعا عليها كالمعوذتين، أو ينكر وجوب واجب أو ندب مندوب أو تحريم حرام أو تحليل حلال أجمع عليها وعلم من الدين بالضرورة كركعة من إحدى المكتوبات وصوم رمضان وكالرواتب وصلاة العيد وكشرب الخمر والزنا واللواط ووطء الحائض وإيذاء مسلم وأخذ مكس وربا ورشوة وصلاة بلا وضوء والبيع والنكاح، أو ينكر إعجاز القرآن أو صحبة أبي بكر رضي الله عنه أو البعث أو الجنة أو النار، أو كأن يكذب نبيا أو يستخف به أو بملك أو يسبهما ولو تعريضا، أو يقذف عائشة رضي الله عنها أو يدعي النبوة أو يصدق مدعيها،

34. dan seperti bahawa dia ingkarkan kenabian seorang nabi yang diijmakkan diatasnya atau ingkarkan penurunan kitab yang diijmakkan seperti Taurat dan Injil dan Zabur Daud dan Suhuf Ibrahim, atau ingkarkan satu ayat dari Quran yang diijmakkan diatasnya seperti dua mu’awwazah, atau dia ingkarkan wajib perkara yang wajib atau sunat perkara sunat atau haram perkara yang haram atau halal perkara yang halal yang diijmakkan diatasnya dan diketahui ia daripada ugama dengan mudah seperti satu rakaat daripada satu daripada sembahyang-sembahyang maktubah dan puasa ramadhan dan seperti rawatib dan sembahyang raya dan seperti minum arak dan zina dan liwat dan setubuh perempuan haid dan menyakiti orang Islam dan pengambilan cukai dan riba dan rasuah dan sembahyang tanpa wudhuk dan seperti jualan dan nikah, atau dia ingkarkan mukjizat Quran atau taraf sahabat Abu Bakar r.a, atau kebangkitan atau syurga atau neraka, atau seperti bahawa dia mendustakan nabi atau meringan-ringankannya atau malaikat atau dia memaki keduanya walaupun secara

sindiran atau dia menuduh Aisyah r.a atau dia mendakwa kenabian atau membenarkan orang yang mendakwanya,

وكأن يرضى بالكفر كإكراه مسلم عليه أو إشارته عليه به أو إشارته على كافر بأن لا يسلم وإن لم يستشره، وكمنع تلقين كافر كلمة الاسلام إذا طلبه واستمهاله منه ولو ساعة، بخلاف الدعاء بنحو لا رزقه الله الإيمان أو سلبه عن فلان المسلم إن أراد تشديد الأمر لا الرضا به،

35. dan seprti bahawa dia redha dengan kekufuran seperti memaksa orang Islam diatasnya atau dia mengisyaratkan kepadanya agar kufur atau dia mengisyaratkan kepada kafir dengan bahawa jangan dia memeluk Islam sekalipun kafir itu tidak meminta isyarat darinya, dan seperti enggan mengajarkan kafir kalimah Islam apabila dia memintanya, dan bertangguh darinya walaupun sesaat, bersalahan doa dengan umpama : Allah tidak razekikan dia dengan iman, atau Allah menanggalkannya dari si pulan yang Islam, jika dia hendak mengeraskan satu perkara* bukan redha dengannya,

وكأن يفضِّل الوليّ على النبي أو يجوِّز بعثة نبي بعد نبينا صلى الله عليه وسلم، وكأن يقول إنه رأى الله عِيانا فى الدنيا أو كلمه شِفاها أو أن الله يحُلُّ فى صورة حسنة أو أنه يطعمه ويسقيه أو أسقط عنه التمييز بين الحلال والحرم، أو أن العبد يصل إلى الله من غير طريق العبودية أو أنه وصل رتبة سقط عنه التكليف بها،

36. dan seperti bahawa dia melebihkan wali diatas nabi, atau mengharuskan kebangkitan nabi selepas nabi kita sawm, dan seperti bahawa dia kata: bahawa dia nampak Allah terang-terangan didunia atau bercakap terus dengannya atau bahawa Allah jatuh pada rupa yang cantik atau bahawa Dia memberinya makan dan minum, atau Dia menggugurkan tamyiz darinya diantara halal dan haram, atau bahawa hamba boleh sampai kepada Allah tanpa jalan ibadat atau bahawa dia sampai kepada martabat yang gugur darinya taklif dengan ibadat,

وكذا يكفر من سخِر باسم الله تعالى أو نبيه أو بأمره أو نهيه أو بوعده أو وعيده أو صغّر اسمَ الله أو وصفَه كالله مَلِيٌّ أو، غيّر شيئا من القرآن أو زاد كلمة فيه معتقدا أنه منه، أو بَسْمَلَ عند شرب خمر أو زنا استخفافا باسم الله، أو قال : لو أمرني الله ورسوله بكذا لم أفعل، أو أنه لو أعطاني الجنة ما دخلتها استخفافا أو عنادا، أو : لو آخذني بترك الصلاة مع ما بي من الشدة والمرض ظلمني، أو : لو شهد عندي نبي أو ملك ما صدّقته، أو قال : المؤذن يكذب أو صوته كالجرس وأراد تشبيهه بناقوس الكفرة أو الاسخفاف بالأذان.

37. Begitu juga kufur orang yang mempermainkan nama Allah taala atau nabinya atau perintahnya atau tegahannya atau janji baikNya atau janji jahatNya, atau dia mengecilkan nama Allah atau sifatNya seperti “اللهُ مَلِيٌّ” i.e Allah itu buruk, atau dia mengubah suatu daripada Quran, atau menambah satu kalimah padanya hal keadaan dia mengiktikadkan bahawa ia daripada Quran, atau dia baca bismillah disisi minum arak atau zina kerana meringan-ringankan nama Allah, atau berkata : kalau Allah menyuruh aku dan rasulnya dengan sekian tidak aku buat, atau : bahawa kalau Dia memberi aku syurga tidak aku memasukinya, kerana meringan-ringankan atau degil, atau : kalau Dia ambil salah akan aku kerana meninggalkan sembahyang serta keadaan ku yang susah atau sakit nescaya Dia menzalimi aku, atau : kalau seorang nabi atau malaikat bersaksi disisi aku tidak aku perbenarkannya, atau dia kata :

muazzin itu berbohong atau suaranya seperti loceng dan dia hendak menyerupakannya dengan gendang orang-orang kafir atau hendak meringan-ringankan azan.

ومن قال مستخفا : شبِعْتُ من القرآن أو الصلاة أو الذكر، أو لا أخاف القيامة، أو أي شيء المحشر أو جهنم، أو أيٌّ شيء عملت؟ وقد ارتكب معصية، أو أي شيء أعمل بمجلس العلم؟ وقد مر بحضوره أو قصعة زيد خير من العلم، أو لعنة الله على كل عالم إن لم يرد الاستغراق، وإلا لم يشترط استخفاف لشمول الأنبياء والملائكة،

38. dan begitu juga kufur orang yang berkata dalam keadaan dia meringan-ringankan : aku puas/jemu dari Quran atau sembahyang atau zikir, atau : tidak aku takutkan kiamat, atau : apa benda mahsyar itu atau jahannam itu, atau : apa benda yang dah aku buat? sedang dia telah mengerjakan maksiat, atau : apa aku nak buat dengan majlis ilmu? walhal dia disuruh menghadhirinya, atau : semangkok bubur lebih baik dari ilmu, atau : laknat Allah diatas setiap orang ‘alim jika dia tidak hendak menghabisi, jika tidak tidak disyaratkan meringan-ringankan kerana ia meliputi para nabi dan malaikat,

أو تشبه بالعلماء أو الوُعّاظ أو المعلّمين على هيئة مزرية بحضرة جماعة حتى يضحكوا أو يلعبوا استخفافا، أو ألقى فتوى عالم، أو قال أي شيء هذا الشرع؟ وقصد الاستخفاف.

39. dan begitu juga kufur orang yang menyerupai ulamak atau pendakwah atau guru diatas kelakuan yang keji dihadapan orang ramai hingga mereka ketawa atau mereka bermain-main, kerana meringankan, atau dia mencampakkan fatwa orang alim atau dia kata : syara’ apa ini? dan dia bermaksud meringan-ringankan.

ومن تمنى كفرا ثم إسلاما حتى يعطى دراهم مثلا، أو أن لا يحرِّم الله ما لم يكن حلالا في زمن قط كالزنا والظلم والقتل، أو نسب الله إلى الجَوْر فى التحريم، أو قال في المكس ونحو إنه حق السلطان معتقدا أنه حق

40. dan begitu juga kufur orang yang mencita untuk kufur kemudian islam supaya diberikan dia duit sebagai contoh, atau dia mencita bahawa Allah tidak mengharamkan apa yang tidak pernah halal pada satu zaman pun seperti zina dan zalim dan bunuh, atau dia menisbahkan Allah kepada zalim pada mengharamkan sesuatu, atau dia kata pada cukai dan umpamanya bahawa ia hak sultan dengan dia iktikadkan bahawa ianya hak,

ومن لبس زِيّ كافر ميلا لدينه أو ضلل الأمة أو سب الشيخين أو الحسن والحسين،

41. dan begitu juga kufur orang yang memakai pakaian kafir kerana cenderong kepada ugamanya, atau dia menyesatkan umat islam, atau dia memaki dua syeikh atau Hasan dan Husain,

ومن قيل له ما الإيمان؟ فقال : لا أدري، استخفافا، أو : أَلَسْتَ مسلما. فقال : لا عمدا، أو : لم تأمر بالمعروف؟ فقال : ما لي بهذ الفضول، أو : قَلِّمْ أظفارك فهو سنة! فقال استهزاء بها : لا أفعل وإن كان سنة،

42. dan begitu juga kufur orang yang dikatakan kepadanya : apakah iman itu? maka katanya : aku tidak tahu, hal keadaan dia meringan-ringankan, atau : bukankah kamu orang Islam? maka katanya : tidak, dengan sengaja, atau : tidak kamu suruh dengan

perkara makruf? Maka katanya : apa faedah bagi ku dengan remeh temeh ini, atau : keratlah kuku kamu maka ianya sunat! Maka katanya denga mempermainkannya : tidak aku buat sekalipun ianya sunat,

ومن قال لمُحَوْقِلٍ : الحوقلة لا تغني من جوع، و لمن شَمّتَ كبير بـ"يرحمك الله" : لا تقل هكذ، قاصدا أنه غني عن الرحمة أو أجلٌ من أن يقال له ذلك، أو لمن فعل قبيحا شرعا كقتل السارق وضرب المسلم ظلما : أحسنت! أو لزوجته : أنت أحب إلي من الله ورسوله! وأراد محبة التعظيم لا الميل، أو المسلم : يا كافر! بلا تأويل، أو : دَعِ العبادات الظاهرة الشأن فى عمل الأسرار.

43. dan begitu juga kufur orang yang berkata kepada muhauqil : hauqalah itu tidak mengkayakan dari lapar, atau kepada orang yang mentasymitkan orang dewasa* dengan "يرحمك الله" moga Allah merahmati kamu : jangan kamu kata seperti itu, dengan dia bermaksud bahawa orang dewasa itu* terkaya dari rahmah atau bahawa dia hebat daripada bahawa dikatakan kepadanya demikian itu, atau kepada orang yang melakukan perkara keji pada syara' seperti membunuh pencuri dan memukul orang Islam diatas jalan zalim : elok perbuatan kamu! atau kepada isterinya : kamu lebih kasih kepada aku dari Allah dan rasulNya! dan dia hendakkan kasih membesarkan bukan minat hati, atau kepada orang Islam : wahai kafir! tanpa takwil, atau tinggalkan ibadat zahir pada melakukan amalan hati,

ومن قال إنه يوحى إليه وإن لم يدع نبوة أو أنه يدخل الجنة ويأكل من ثمارها ويعانق الحور قبل موته أو أن النبوة مكتسب وأن مرتبها تنال بصفاء القلب، أو: إن صدق الأنبياء فيما قالوه نجونا، أو : الله يعلم أني فعلت كذا وهو كاذب فيه، أو مُطِرْنا بنجم كذا، مريدا أن للنجم تأثيرا فيه.

44. dan begitu juga kufur orang yang berkata : bahawa dia diwahyukan kepadanya sekalipun dia tidak mendakwa kenabian, atau bahawa dia masuk syurga dan memakan buahnya dan memeluk bidadari sebelum matinya, atau bahawa kenabian itu diusahakan, dan bahawa martabatnya dicapai dengan bersih hati, atau dia kata : jika benar para nabi pada apa yang mereka katakan nescaya kita berjaya, atau : Allah tahu bahawa aku melakukan sekian-sekian sedang dia dusta padanya, atau : dihujani kita dengan bintang sekian, hal keadaan dia hendak bahawa bintang itu mempunyai kesan pada hujan itu.

ومن قال إن نبينا محمدا صلى الله عليه وسلم كان أسود أو ليس بقريشي أو عربي أو إنسي، أو لا أدر أهو الذى بعث بمكة أو مات بالمدينة. أعاذنا الله من الكفر وحمانا مما يجر إليه.

45. dan begitu juga kufur orang yang kata : bahawa nabi kita Muhammad sawm adalah hitam atau bukan Quraisy atau bukan Arab atau bukan manusia, atau : tidak aku tahu adakah dia orang yang dibangkitkan di Makkah atau mati di Madinah. Moga Allah melindungi kita dari kufur, dan memelihara kita daripada apa yang menarik kepadanya.

وروى مسلم [رقم 3005، وراجع الترمذي رقم 3340، مسند أحمد رقم 23414] عن صهيب قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((كان ملك فيمن كان قبلكم، وكان له ساحر، فلما كبِر قال للملك: إني كبِرْتُ فابعث إليّ غلاما أعلِّمه السحر. فبعث إليه غلاما يعلّمه. وكان في طريقه إذا سلك راهبٌ فقعد إليه وسمع كلامه

[فأعجبه]. وكان إذا أتى الساحر مر بالراهب وقعد إليه، فإذا أتى الساحر ضربه، فشكا ذلك إلى الراهب فقال : إذا خشيت الساحر فقل : حبسني أهلي، وإذا خشيت أهلك فقل : حبسني الساحر.

46. Muslim meriwayatkan dari Suhaib katanya : kata rasulullah sawm ((ada seorang raja pada satu kaum yang sebelum kamu. Dia mempunyai seorang ahli sihir. Maka tatkala ahli sihir itu tua dia berkata kepada raja itu : sungguhnya aku telah tua, hantar kepada ku seorang budak untuk aku ajari dia ilmu sihir. Maka raja itu menghantar kepadanya seorang budak untuk ahli sihir itu ajari. Pada jalan budak itu apabila dia melaluinya ada seorang rahib, maka dia duduk kepadanya dan mendengar kata-katanya, maka dia kagumkannya. Sentiasalah dia apabila pergi kepada ahli sihir itu melalui rahib itu dan dia duduk kepadanya, maka apabila dia datang kepada ahli sihir dia memukulnya maka budak itu mengadu tentang demikian itu kepada rahib maka katanya : apabila kamu takutkan ahli sihir itu maka katakan : keluarga ku menahan aku, dan apabila kamu takutkan keluarga mu maka katakan : ahli sihir itu menahan ku.

فبينما هو على ذلك إذ أتى على دابة عظيمة قد حبست الناس، فقال : اليوم أعلم الساحرُ أفضلُ أو الراهبُ أفضلُ؟ فأخذ حجرا فقال : اللّٰهُمَّ إن كان أمر الراهب أحب إليك من أمر الساحر فاقتل هذه الدابة حتى يمضي الناس، فرماها فقتلها ومضى الناس. فأتى الراهب فأخبره، فقال له الراهب : أَيْ بُنَيّ أنت اليوم أفضل منّي قد بلغ من أمرك ما أرى، وإنك ستبتلى، وإن ابتليت فلا تدل عليّ.

47. Maka sedang dia diatas demikian itu satu masa dia datang keatas seekor binatang yang besar yang menahan jalan orang ramai, maka katanya : hari ini aku tahu ahli sihir itu lebih baik atau rahib itu lebih baik? Maka dia mengambil seketul batu maka katanya : ya Allah jika pekerjaan rahib itu lebih kasih kepada kamu dari pekerjaan ahli sihir itu maka bunuhlah binatang ini supaya orang ramai boleh lalu. Maka dia melontarnya lalu membunuhnya dan lalulah orang ramai. Maka dia datang kepada rahib itu lalu mengkhabarkannya. Maka kata rahib itu kepadanya : wahai anakku kamu hari ini lebih baik dari aku, sungguh pekerjaan kamu telah sampai kepada apa yang aku nampak dan sungguhnya kamu akan dibala. Jika kamu dibala maka jangan kamu tunjukkan aku kepada mereka.

وكان الغلام يبرئ الأكمه والأبرص ويداوي الناس من سائر الأدواء. فسمع جليس الملك وكان قد عمِي فأتاه بهدايا كثيرة فقال : هي لك إن شفيتي، فقال : إني لا أشفى أحدا إنما يشفي الله. فإن (أنت) أمنت بالله دعوت الله فشفاك. فأمن بالله فشفاه الله. فأتى الملك فجلس إليه كما كان يجلس فقال له : الملك من رد عليك بصرك؟ فقال : ربي. قال : أَوَ لك ربٌّ غيري؟ فقال : ربي وربك الله. فأخذه فلم يزل يعذبه حتى دل على الغلام.

48. Adalah budak itu menyembuhkan buta yang asli dan sopak dan mengubati orang ramai dari sekelian penyakit. Maka seorang pembesar raja itu mendengar halnya dan adalah dia buta mata maka dia datang kepada budak itu dengan banyak hadiah maka katanya : ia milik kamu jika kamu sembuhkan aku. Maka kata budak itu : aku tidak menyembuhkan sesiapa pun, yang menyembuhkan hanyalah Allah. Maka jika kamu beriman dengan Allah aku doa kepada Allah agar menyembuhkan kamu. Maka pembesar itu beriman maka Allah menyembuhkannya. Kemudian dia datang kepada raja itu lalu duduk dimajlisnya sepertimana dia duduk sebelumnya, maka kata raja itu kepadanya : siapa mengembalikan pandangan mata kamu? Maka katanya : Tuhan ku. Kata raja : adakah kamu punya tuhan selain aku? Katanya : Tuhan ku dan Tuhan kamu

adalah Allah. Maka dia menangkapnya lalu berterusan menyikasanya hingga pembesar itu menunjuk kepda budak itu.

فجيء بالغلام، فقال له الملك : أي بُنَيّ! قد بلغ من سحرك ما تُبرئ به الأكمه والأبرص وتفعل وتفعل؟ فقال : إني لا أشفي أحدا إنما يشفي الله تعالى. فأخذه فلم يزل يعذب حتى دل على الراهب. فجئ بالراهب. فقيل : ارجع عن دينك، فأبى. فدعا بالمنشار فوضع المنشار في مَفْرِق رأسه فشقه به حتى وقع شقاه. ثم جيء بجليس الملك فقيل له : ارجع عن دينك، فأبى، فوضع المنشار في مفرق رأسه فشقه به حتى وقع شقاه.

49. Maka dibawa datang budak itu kepda raja, maka kata raja itu kepadanya : wahai anakku! Sungguhnya sihir kamu telah sampai kepada menyembuhkan buta asli dan sopak dan kamu mampu buat sekian-sekian? Maka katanya : sungguhnya aku tidak menyembuhkan sesiapa yang menyembuhkan hanyalah Allah taala. Maka raja itu menangkapnya lalu berterusan menyiksanya hingga dia menunjuk kepada rahib itu. Maka dibawa datang rahib itu lalu dikatakan kepadanya : kembalilah dari ugama kamu, lalu dia enggan. Maka raja itu menyeru dibawakan gergaji lalu diletakkan gergaji itu ditengah kepalanya lalu dia membelah rahib itu dengannya hingga jatuh dua belahan tubuhnya. Kemudian didatangkan pembesar raja itu maka dikatakan kepadanya : kembalilah dari ugama kamu lalu dia enggan maka diletakkan gergaji ditengah kepalanya lalu dia membelahnya hingga jatuh dua belahan tubuhnya.

ثم جيء بالغلام فقيل له : ارجع عن دينك، فأبى. فدفعه إلى نفر من أصحابه فقال : اذهبوا به إلى جبل كذا وكذا فاصعدوا به الجبل فإذا بلغتم ذُرْوَتَهُ فإن رجع عن دينه، وإلا فاطرحوه. فذهبوا به فصعدوا به الجبل، فقال : اللّٰهُمَّ اِكْفِنِيْهِمْ بما شئت. فَرَجَفَ بهم الجبل فسقطوا. وجاء يمشى إلى الملك فقال له الملك : ما فعل أصحابك؟ قال كفانيهم الله. فدفعه إلى نفر من أصحابه فقال اذبوا به فاحملوه في قُرْقُوْر وتوسطوا به البحر فإن رجع عن دينه، وإلا فاقذفوه. فذهبوا به فقال : اللّٰهُمَّ اِكْفِنِيْهِمْ بما شئت. فَانْكَفَأَتْ بهم السفينة فغرِقوا. وجاء يمشي إلى الملك، فقال : الملك ما فُعِل أصحابك؟ قال كفانيهم الله. فقال للملك : إنك لست بقاتلي حتى تفعل ما آمرك به. قال ما هو؟ قال : تجمع الناس في صعيد واحد، وتصلبني على جذع، ثم خذ سهما من كِنَانَتِي ثم ضع السهم في كَبِدِ القوس ثم قل : بسم الله رب الغلام، ثم ارم، فإنك إذا فعل ذلك قتلتني.

50. Kemudian didatangkan budak itu maka dikatqkan kepadanya : kembalilah dari ugama kamu, lalu dia enggan. Maka raja itu menyerahkannya kepada sekumpulan orangnya dan berkata : pergilah kamu dengannya kepada bukit sekian sekian maka kamu daki bukit itu bersamanya, maka apabila kamu sampai puncaknya maka jika dia kembali dari ugamanya maka lepaskan dia jika tidak maka campakkanlah dia. Maka mereka membawanya pergi lalu mendaki bukit itu dengannya. Maka kata budak itu : ya Allah Engkau padakan aku dari mereka itu dengan apa yang Engkau hendak. Maka bukit itu menggoncang mereka lalu mereka jatuh. Datanglah budak itu kepada raja dengan berjalan, maka kata raja itu kepadanya : apa yang dah diperbuat pada orang yang bersama kamu itu? Katanya : Allah memadakan aku dari mereka. Maka dia menyerahkan budak itu kepada sekumpulan orangnya maka katanya : pergilah kamu dengannya maka bawalah dia didalam kapal dan pergi ketengah laut, maka jika dia kembali dari ugamanya lepaskan dia jika tidak maka campakkan dia. Maka mereka pergi bersama budak itu maka katanya : ya Allah padakan aku dari mereka dengan apa

yang Engkau hendak. Maka terbalik kapal itu maka merekapun lemas. Budak itu datang kepada raja, maka kata raja itu : apa yang dah diperbuat pada orang-orang yang bersama kamu? Katanya : Allah memadakan aku dari mereka. Maka katanya kepada raja itu : sungguhnya kamu tidak dapat membunuh aku hingga kamu buat apa yang aku suruh. Kata raja itu : apa dia? Katanya : kamu kumpulkan orang ramai pada satu tanah tinggi dan kamu salib aku diatas sebatang kayu kemudian ambil satu anak panah dari bekas anak panah ku kemudian letakkan panah itu ditengah busur kemudian katakan : dengan nama Allah Tuhan budak ini, kemudian lontarkan panah itu, maka apabila kamu buat demikian itu kamu dapat membunuh ku.

فجمع الناس في صعيد واحد وصلبه على جذع، ثم أخذ سهما من كِنانته ثم وضع السهم في كبد القوس ثم قال : بسم الله رب الغلام، ثم رماه. فوقع السهم في صدغه فوضع يده على صدغه [في موضع السهم] فمات. فقال الناس : آمنا برب الغلام [آمنا برب الغلام آمنا برب الغلام].

51. Maka dia mengumpulkan orang ramai pada satu tanah tinggi dan menyalib budak itu diatas sebatang kayu, kemudian mengambil anak panah dari bekas anak panahnya kemudian meletakkan panah itu ditengah busur kemudian berkata : dengan nama Allah Tuhan budak ini, kemudian dia melontarkannya. Maka jatuh panah itu pada pelipis budak itu lalu dia meletakkan tangannya dias pelipisnya itu pada tempat anak panah itu lalu dia mati. Maka kata orang ramai : kami beriman dengan tuhan budak ini!

فأَتِيَ الملكُ فقيل له : أرأيت ما كنت تحذره، قد والله نزل بك حذرك، قد آمن الناس. فأمر بالأخدود بأفواهِ السِّكَكِ فخُدّتْ، وأُضْرِمَ فيها النيران، وقال: من لم يرجع عن دينه فأَقْحِمُوْهُ فيها، أو قيل له: اِقْتَحِمْ! ففعلوا حتى جاءت امرأة ومعها صبي لها فتَقَاعَسَتْ [أن تقع فيها] فقال الغلام : يا أُمَّهْ! اصبري! فإنك على الحق.

52. Maka raja itu didatangi pengikutnya lalu dikatakan kepadanya : kamu nampak apa yang sebelum ini kamu bimbangkan, sungguhnya telah terjadilah kebimbangan kamu itu kamu itu, sungguhnya orang ramai telah beriman. Maka dia menyuruh diperbuat parit dihujung lorong-lorong maka parit pun digali, dan dipingat api didalamnya. Katanya : siapa yang tidak kembali dari ugamanya maka aku paksa dia masuk kedalamnya, atau dikatakan kepadanya : paksalah mereka masuk! Maka raja itu bersama pengikutnya melakukan hingga datang seorang perempuan bersama anak kecilnya maka dia teragak-agak untuk masuk kedalamnya, maka kata anak kecilnya itu : wahai emak ku! Sabarlah! Maka sungguhnya kamu diatas kebenaran)).

وحكى ابن الجوزي عن أبي علي البربري قال : إن ثلاثة إخوة من الشام كانوا يغزون وكانوا فرسانا شجعانا فأسرم الروم مرة، فقال الملك : إني أجعل فيكم المُلْكُ وأزوجكم بناتي وتدخلون في النصرانية. فأبوا، وقالوا يا محمداه! فأمر بثلاث قُدور، فصب فيها الزيت ثم أُوْقِد تحتها النار ثلاثة أيام، يعرضون فى كل يوم على تلك القدور ويدعون إلى النصرانية فيأبون. فألقي الأكبر في القدر ثم الثاني ثم أُدْنِيَ الأصغر، فجعل يفتنه عن دينه بكل أمر. فقام إليه عِلْجٌ فقال : أيها الملك! أنا أفتنه عن دينه. قال : بماذا؟ قال : قد علمت أن العرب أسرع شيء إلى النساء وليس في الروم أجمل من بنتي فادفعه إلي حتى أخلِّيَ معها، فإنها ستفتنه. فضرب له أجلا أربعين يوما، ودفعه إليه.

53. Ibnu Jauzi menceritakan dari Abu Ali al barbari katanya : sungguhnya ada tiga bersaudara dari Syam, mereka itu selalu berperang, dan mereka itu tentara yang menunggang kuda dan sangat berani. Satu masa mereka ditawan oleh Rom. Maka kata raja Rom : aku berikan kamu kerajaan dan aku kahwinkan dengan anak-anak perempuan ku dengan syarat kamu masuk ugama Nasrani, maka mereka enggan dan berkata : wahai Muhammad! Maka raja menyuruh disediakan tiga periuk, lalu dituangkan minyak kedalamnya kemudian dipingatkan api dibawahnya tiga hari. Pada setiap hari dipamerkan periuk itu kepada mereka dan diajak mereka kepada ugama Nasrani maka mereka enggan. Maka dicampakkan yang tua pada satu periuk kemudian yang kedua kemudian didekatkan yang ketiga kepada satu periuk, maka mulalalah raja itu memfitnahnya dari ugamanya dengan setiap cara. Maka bangun seorang kafir ‘ajam lalu berkata : wahai raja! Aku memfitnah dia dari ugamanya. Kata raja : dengan apa? Katanya : aku tahu sangat bahawa orang arab sangat cepat kepada perempuan, dan tidak ada didalam negeri Rom ini perempuan yang lebih cantik dari anak perempuan ku, maka serahkan dia kepada ku untuk aku sunyikan dia bersama anak perempuan ku, maka dia akan menggodanya. Maka raja itu menetapkan baginya tempoh empat puluh hari dan menyerahkan pemuda itu kepadanya.

فجاء به، فأدخل مع ابنته وأخبرها بالأمر. فقالت له : دعه، فقد كفيتك أمرَه. فأقام معها نهارَه صائمٌ وليلَه قائمٌ، حتى مضى أكثر الأجل. فقال العِلْجُ لابنته : ما صنعت؟ قالت : ما صنعت شيئا. هذا رجل فَقَدَ أخويه في هذه البلدة، فأخاف أن يكون امتناعه من أجلهما كلما رأى آثارهما، ولكن استزد الملِك في الأجل وانْفِنِي وإياه إلى بلد غير هذا.

54. Maka dia membwanya pergi dan memasukan kedalam bilik bersama anak perempuannya dan memberitahu anak perempuannya akan rancangannya. Maka kata anak perempuannyanya kepadanya : biarkan dia, aku memada bagi kamu pada urusannya. Maka pemuda itu duduk bersamanya, siangnya dia berpuasa dan malamnya sembahyang malam hingga berlalu kebanyakkan tempoh itu. Maka kata kafir ‘ajam itu kepada anak perempuannya : apa yang kamu dah buat? Katanya : aku tidak buat apa-apa. Lelaki ini kehilangan dua saudaranya pada tempat ini maka aku takut bahawa enggannya adalah kerana kedua saudaranya itu setiapkali dia melihat kesan-kedua mereka, sebaliknya mintalah raja melebihkan tempohan itu dan hantarlah aku dan dia kekawasan lain.

فزاده أياما فأخرجها إلى قرية أخرى، فمكث على ذلك أياما صائمَ النهار وقائمَ الليل، حتى إذا بقي من الأجل أيامٌ قالت له الجارية ليلةً : يا هذا! إني أراك تقدِّس ربا عظيما، وإني قد دخل معك في دينك وتركت دين آبائي. قال لها : فكيف الحيلة في الهرب؟ قالت : أنا أحتال لك، وجاءته بدابة فركبا. وكانا يسيران الليل ويكتمان النهار.

55. Maka raja itu menambah beberapa hari lagi, maka si kafir itu menghantar anak perempuannya kepada kampong yang lain. Maka teruslah pemuda itu diatas keadaannya beberapa hari, siangnya dia berpuasa dan malamnya sembahyang malam, hingga apabila tinggal daripada tempoh itu beberapa hari kata perempuan muda itu kepadanya pada satu malam : wahai tuan! Sungguhnya aku melihat kamu mensucikan satu Tuhan yang agong dan sungguhnya aku telah masuk bersama kamu kepada ugama kamu dan aku tinggalkan ugama datuk nenek ku. Katanya kepada perempuan itu maka bagaimana helah kita untuk lari? Katanya : aku membuat helah itu

untuk kamu, dan dia datang kepadanya dengan tunggangan lalu mereka menunggangnya. Adalah mereka itu berjalan pada malam dan bersembunyi pada siang hari.

فبينما هما يسيران ليلة إذ سمعا وَقْعَ خيل فإذا بأخويه ومعه ملائكة رسلا إليه، فسلم عليهما وسألهما حالهما. فقالا : ما كانت إلا الغَطْسَةُ التى رأيت حتى خرجنا فى الفردوس، وإن الله أرسلنا إليك لنشهد تزويجك بهذه الفتاة. فزوجوه إياها ورجعوا. وخرج إلى بلاد الشام فأقام معها.

56. Maka satu malam sedang mereka berljalan tiba-tiba mereka mendengar kertukkan tapak kaki kuda, tiba-tiba dua saudara lelakinya dan bersamanya seorang malaikat sebagai utusan kepadanya. Maka pemuda itu memberi salam keatas kedua mereka dan bertanyakan keadaan mereka. Maka kata mereka : tidak adalah ia melainkan sekali selaman yang kamu nampak hingga kami keluar pada syurga firdaus. Dan sungguhnya Allah mengutuskan kami kepada kamu untuk menyaksikan perkahwinan kamu dengan perempuan muda ini. Maka mereka mengahwinkannya dengan perempuan muda itu dan kembali. Sampailah dia ke negeri Syam lalu menetap bersama perempuan itu.

ثَبَّتَنَا اللهُ بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ وَحَمَانَا مِنَ الْكُفْرِ وَالنِّفَاقِ.

57. Moga Allah menetapkan kita dengan kata-kata yang tetap dan memelihara kita dari kufur dan nifaq.

تنبيهات. أحدها : إن من ارتكب مكفِّرا يحبَط جميع أعماله، ويجب عليه القضاء الواجب منها، وينفسخ النكاح حالا ولو بعد الدخول عند جماعة من الأئمة كأبي حنيف، بل عند إمامنا الشافعي رضي الله عنهما أن ثواب العمل يحبَط لكن لا يحبط نفس العمل أي من حيث إنه لا يجب عليه القضاء، وإن النكاح ينفسخ حالا إن كان قبل الدخول، وبعد العدة إن إن كان بعده.

58. Beberapa penyedaran. Pertamanya : bahawa orang yang mengerjakan perkara yang mengkufurkan gugur semua amalannya dan wajib dia mengkadha yang wajib daripadanya, dan terfasakh nikahnya serta merta walaupun selepas setubuh disisi sekumpulan imam-imam seperti Abu Hanifah, akan tetapi disisi imam kita Syafi’e redha Alalh akan kedua mereka bahawa pahala amalan itu yang gugur sebaliknya tidak gugur diri amalan itu iaitu dari sekira-kira tidak wajib dia mengkadhanya, dan bahawa nikah terfasakh serta merta jika ianya sebelum setubuh, dan selepas ‘iddah jika ianya selepas setubuh.

الثاني : إنه يجب على اللإمام أو نائبه استتابه فورا، ويحرم إمهاله. فإن تاب قُبِلَ منه على الأصح، وإلا فيقتله بضرب عنقه، لا بنحو إحراق. ولا يدفن في مقابر المسلمين.

59. Keduanya : wajib diatas imam atau naibnya menyuruhnya taubat dengan segera, dan haram menangguhkannya. Maka jika dia taubat diterima ia darinya diatas yang paling sahih, jika tidak maka dia membunuhnya dengan memancung tengkoknya, tidak dengan umpama bakar. Tidak dikebumikan dia pada kubur orang Islam.

وثالثها: إنه يشترط في صحة توبته النطق بالشهادتين، فلا يحصل إسلامه ككافر أصلي إلا بذلك. ويزيد حتما من كفر بإنكار معلوم من الدين بالضرورة اعترافَه بما كفر بإنكاره. ونُدِبَ لكل مرتد استغفار.

60. Ketiganya : disyaratkan pada sah taubatnya bahawa dia menuturkan dua syahadah. Maka tidak terhasil Islamnya sama seperti kafir melainkan dengan demikian itu. Wajib orang yang kufur dengan sebab ingkar perkara yang maklum daripada ugama dengan mudah menambah pengakuannya dengan apa yang dia kufur dengan ingkarkannya. Sunat bagi setiap yang murtad istighfar.

بَابُ الْعِلْمِ

قال الله تعالى يرفع الله الذين آمنوا منكم والذين أوتوا العلم درجات والله بما تعملون خبير [سورة المجادلة، الآية : 11] أي ويرفع درجات العلماء منهم خاصة.

61. **BAB ILMU**. Kata Allah taala ((Allah mengangkat orang-orang yang beriman dari kalangan kamu dan orang-orang yang diberikan ilmu beberapa darjat. Dan Allah sangat tahu dengan apa yang kamu buat)). Iaitu Dia mengangkat khusus darjat para ulamak dari kalangan mereka itu.

وقال الله عز وجل قل هل يستوي الذين يعلمون والذين لا يعلمون إنما يتذكر أولو الألباب [سورة الزمر، الآية 9] أي لا يستويان.

62. dan kata Allah azza wa jalla (adakah sama orang-orang yang tahu dan orang-orang yang tidak tahu), iaitu tidak sama keduanya.

وأخرج ابن عبد البر [الجامع الصغير رقم 1111] عن أنس قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((اطلبوا العلم ولو بالصِّين. فإنّ طلب العلم فريضة على كل مسلم. إن الملائكة تضع أجنحتها لطالب العلم رضًا بما يطلب)).

63. Mengeluar Ibnu Abdul Barr dari Anas katanya : kata rasulullah sawm ((tuntutlah ilmu walaupun di negeri cina. Maka sungguhnya menuntut ilmu itu satu kefardhuan diatas setiap orang Islam. Sungguhnya para malaikat merendahkan sayapnya bagi penuntut ilmu kerana redha dengan apa yang dia tuntut)).

والديلمي [الجامع الصغير رقم 5269] عن ابن عباس ((طلب العلم ساعة خير من قيام ليلة وطلب العلم يوما خير من صيام ثلاثة أشهر)).

64. Mengeluar Dailami dari Ibnu Abbas katanya : kata rasulullah sawm ((menuntut ilmu Satu jam lebih baik dari berdiri malam dan menuntut ilmu sehari lebih baik dari puasa tiga bulan)).

والترمذي [رقم 2648 الدارمي رقم 561] عن سَخْبَرَة ((مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ كَانَ كَفَّارَةً لِمَا مَضَى)).

65. Mengeluar Turmizi dari Sakhbarah ((siapa yang menuntut ilmu adalah ia kifarat bagi apa yang telah lalu)).

والشيرازي [الجامع الصغير رقم 8030] عن عائشة رضي الله عنها ((من انتقل ليتعلم علما غفر له قبل أن يَخْطُوْ)).

66. Mengeluar Syairazi dari Aisyah r.a ((orang yang berpindah untuk mempelajari ilmu diampunkan dia sebelum dia melangkah)).

وابن عساكر والديلمي [الجامع الصغير رقم 4118] عن ابن عباس رضى الله عنهما ((خُيِّرَ سليمان عليه السلام بين المال والمُلْك والعلم فاختار العلم فأعطى الملك والمال لاختياره العلم)).

67. Mengeluar Ibnu ‘Asakir dan Dailami dari Ibnu Abbas r. anhuma ((diberi pilih Sulaiman diantara harta dan kerajaan dan ilmu maka dia memilih ilmu maka diberikan dia kerajaan dan harta kerana pilihannya akan harta)).

والطبراني [المعجم المكبير 130 \ 8] عن أبي أمامة ((أيُّما ناشئ نشأ في طلب العلم والعبادة حتى يكبر أعطاه الله يوم القيامة ثواب اثني وسبعين صديقا)).

68. Mengeluar Thabarani dari Abu Umamah ((mana-mana budak yang lahir yang membesar didalam menuntut ilmu dan ibadat hingga dia tua Allah berikan dia pada hari kiamat pahala tujuh puluh dua orang yang amat benar)).

وابن النجار [الجامع الصغير رقم 5705] عن أنس ((العلماء ورثة الأنبياء، يحبهم أهل السماء ويستغفر لهم الحيتان في البحر إذا ماتوا إلى يوم القيامة)).

69. Mengeluar Ibnu Najjar dari Anas ((para ulamak itu pewaris nabi-nabi, dikasihi oleh penduduk dilangit dan meminta ampun bagi mereka ikan dilautan apabila mereka mati hingga hari kiamat)).

والبخاري [رقم 71] عن معاوية ((من يرد الله به خيرا يفقه في الدين)).

70. Meriwayat Bukhari dari Mu’awiyah ((orang yang Allah hendakkan kebaikkan padanya dia berikan kepadanya kefahaman pada ugama)).

والطبراني والبيهقي [الجامع الصغير رقم 2691] عن أبي هريرة ((ما عبد الله بشيء أفضل من الفقه في الدين، ولَفَقِيْهٌ واحد أشد على الشيطان من ألف عابد. ولكل شيء عماد، وعماد هذا الدين الفقه)).

71. Mengeluar Thabarani dan Baihaqi dari Abu Hurairah ((tidak diibadatkan Allah dengan sesuatu yang lebih utama dari kefahaman ugamanya. Sungguhnya seorang fakeh [yang kuat fahaman ugamanya] lebih menyusahkan Syaitan daripada seribu ‘abid [ahli ibadat]. Bagi tiap suatu itu ada tiangnya dan tiang ugama ini adalah kefahaman tentangnya)).

وابن النجار [الجامع الصغير رقم 4476] عن محمد بن علي ((ركعتان من عالم أفضل من سبعين ركعة من غير عالم)).

72. Mengeluar Ibnu Najjar dari Muhammad bin Ali ((dua rakaat dari seorang ‘alim [yang luas pengetahuannya] lebih utama dari tujuh puluh rakaat dari selain orang ‘alim)).

وأبو نعيم والخطيب [الجامع الصغير رقم 3970] عن أبي هريرة ((خِيَارُ أمتي علماؤها وخير علمائها رُحَمَاؤُهَا. أَلَا وإنّ الله تعالى لَيغفر للعالم أربعين ذنبا قبل أن يغفر للجاهل ذنبا واحدا، ألا وإِنّ العالم الرحيم يجيء يوم القيامة وإِنّ نوره قد أضاء، يمشي فيه ما بين المشرق والمغرب كما يضيء الكوكب الدُرّيُّ)).

73. Mengeluar Abu Nu’aim dan khatib dari Abu Hurairah ((orang-orang yang terbaik dari kalangan umat ku adalah para ulamaknya dan sebaik-baik ulamak itu adalah yang bersifat kasihan belas daripada mereka. Sedarlah bahawa Allah taala sungguhnya mengampun bagi orang ‘alim empat puluh dosa sebelum dia mengampunkan bagi orang jahil satu dosa, sedarlah sungguhnya orang ‘alim yang bersifat kasihan belas itu datang pada hari kiamat sedang cahayanya menerangi, berjalan padanya manusia yang diantara timur dan barat sepertimana bintang yang bersinar menerangi)).

والديلمي عن ابن عباس ((إذا مات العالم صور الله علمه في قبر يؤنسه إلى يوم القيامة ويدرأ عنه هوام الأرض)).

74. Mengeluar Dailami dari Ibnu Abbas ((apabila seorang ‘alim mati Allah merupabentukkan ilmunya didalam kubur, berjinak-jinak ia dengannya hingga ke hari kiamat dan menolak darinya cacing-cacing didalam tanah)).

وأبو الشيخ والديلمي [كنز العمال رقم 28688] عن ابن عباس رضي الله عنهما ((إذا اجتمع العالم والعابد على الصراط قيل للعابد ادخل الجنة وتنعم بعبادتك وقيل للعالم قف هنا فاشفع لمن أحببت، فإنك لا تشفع لأحد إلا شُفِعْتَ فقام مقام الأنبياء)).

75. Mengeluar Abu Syeikh dan Dailami dari Ibnu Abbas r. anhuma ((apabila berhimpun seorang ‘alim dan seorang ‘abid diatas shirat dikatakan kepada ‘abid itu : masuklah kedalam syurga dan berni’matlah dengan sebab ibadat kamu, dan dikatakan kepada si ‘alim itu : berhenti disini dan berilah syufaat kepada orang yang kamu kasih maka sungguhnya kamu tidak mensyufaatkan sesaorang melainkan diterima syufaat kamu. Maka dia berperanan dengan peranan nabi-nabi)).

والخطيب [الجامع الصغير رقم 2834] عن عثمان رضى الله عنه ((أول من يشفع يوم القيامة الأنبياء ثم العلماء ثم الشهداء)).

76. Mengeluar Khatib dari Uthman r.a ((awal orang yang memberi syufaat pada hari kiamat kelak adalah para nabi kemudian para ulamak kemudian pada syuhada’)).

والخطيب [الجامع الصغير رقم 1428] عن جابر ((أكرموا العلماء فإنهم ورثة الأنبياء فمن أكرمهم فقد أكرم الله ورسوله)).

77. Mengeluar Khatib dari Jabir ((permuliakanlah ulamak kerana mereka itu pewaris nabi-nabi. Maka siapa memuliakan mereka maka sungguhnya dia telah memuliakan rasul Allah)).

وابن عساكر [الجامع الصغير رقم 8864] عن أبي سعيد ((من علم آية من كتاب الله أو بابا من علم أَنْمَى الله أجره إلى يوم القيامة)).

78. Mengeluar Ibnu 'Asakir dari Abu Sai'ed ((siapa yang mengajarkan satu ayat dari kitab Allah atau satu bab ilmu Allah menyuburkan ganjarannya hingga ke hari kiamat)).

وابن ماجه [رقم 240] عن معاذ ابن أنس ((من علم علما فله أجر من عمل به لا يَنْقُصُ من أجر العامل)).

79. Mengeluar Ibnu Majah dari Mu'az bin Anas ((siapa yang mengajarkan ilmu maka baginya ganjaran orang yang beramal dengannya tidak kurang ia dari ganjaran orang yang beramal itu)).

وأحمد [راجع مسند أحمد رقم 21569] عن معاذ ((لأن يهدي الله بك رجلا خير لك من الدنيا وما فيها)).

80. Sungguhnya bahawa Allah memberi hidayah seorang lelaki dengan sebab kamu lebih baik bagi kamu daripada dunia dan apa yang ada padanya)).

وابن النجّار [الجامع الصغير رقم 5790] عن ابن عباس ((الغُدُوُّ وَالرَّوَاحُ إلى المساجد في تعليم العلم أفضل عند الله من الجحاد في سبيل الله)).

81. Mengeluar Inbu Najjar dari Ibnu Abbas ((berpagi-pagi ke masjid untuk mengajarkan ilmu terlebih utama disisi Allah dari jihad fi sabilillah)).

والطبراني [الجامع الصغير رقم 2965] عن ابن مسعود ((أَيُّمَا رجلٍ أتاه الله علما فكتمه ألجمه الله يوم القيامة بلجام من نار)).

82. Mengeluar Thabarani dari Ibnu Mas'ud ((mana-mana lelaki yang Allah berikan ilmu lalu dia menyembunyikannya Allah mengekangnya pada hari kiamat dengan tali kekang daripada api)).

والنسائي [بل أبو داود رقم 3664، مسند أحمد رقم 8252] عن أبي هريرة ((من تعلّم علما مما يبتغى به وجه الله لا يتعلمه إلا ليصيب عرضا من الدنيا لم يجد عرف الجنة يوم القيامة))، يعني ريحها.

83. Mengeluar Nasai'e dari Abu Hurairah ((siapa yang mempelajari satu ilmu daripada ilmu yang dituntut wajah Allah dengannya, tidak dia mempelajarinya melainkan untuk dia mendapat matabenda dunia, tidak dia mendapat bau syurga pada hari kiamat kelak)).

وابن ماجه [رقم 260] عنه ((من تعلّم العلم ليباهي به العلماء أو يُمَارِيَ به السُفهاء أو يصرف به وجوه الناس إليه أدخله الله جهنم)).

84. Mengeluar Ibnu Majah dari Abu Hurairah ((siapa yang mempelajari ilmu untuk bermegah-megah dengannya pada para ulamak atau untuk bertengkar dengan orang-orang jahil atau untuk memalingkan muka orang ramai kepadanya Allah memasukkan dia kedalam Jahannam)).

وابن أبي الدنيا والبيهقي [الجامع الصغير وشرحه فيض القدير رقم 8065] عن الحسن [البصري] مرسلا ((ما من عبد يخطب خطبة إلا اللهُ سائلُه عنها يوم القيامة : ما أراد بها)). قال جعفر [بن سليمان]: فكان مالك ابن دينار إذ حدّث بهذا بكى [حتى ينقطع] ثم يقول : أتحسبون عينيّ تقرّ بكلامي عليكم وأنا أعلم أن الله سائلي عنه يوم القيمة ما أردت به؟ فاقول : أنت الشهيد على قلبي، لو لم أعلم أنه أحبُّ إليك لم أقرأ على اثنين أبدا.

85. Mengeluar Ibnu Abi Dunya dan Baihaqi dari Hasan Basri hal keadaan ianya mursal ((tidak ada seorang hamba yang menyampaikan satu khutbah melainkan Allah bertanyakan dia pada hari kiamat kelak : apa yang dia hendakkah dengan khutbahnya itu)). Kata Ja'far bin Sulaiman : adalah Malik bin Dinar bila membacakan hadith ini dia menangis, kemudian dia berkata : adakah kamu sangka dua mata ku berasa sejuk dengan kata-kata ku kepada kamu sedang aku tahu bahawa Allah akan bertanyakan aku pada hari kiamat kelak apa yang aku hendak dengannya? Maka aku katakan : Engkau menyaksikan hati ku, kalaulah aku tidak tahu bahawa kata-kata ku itu Engkau kasihi tidak aku bacakannya keatas dua orang selama-lama.

وقال شيخنا شيخ مشايخ الإسلام والمسلمين قُطْبُ الزمان شمس دائرة العِرْفَان لسان الملكوت القدسيّ فى عالم التمكين زين العابدين أبو بكر محمد ابن أبي الحسن البكري الصدّيقي رضي الله عنه فيما أوصاني به : اجعل الإخلاصَ فيما تفيده وتستفيده شعارك، والأدبَ مع الله فيما تُعَلِّمُهُ وتَتَعَلّمُهُ دِثارَك، ولا تبخل على طالب بتعليم ما علّمه الله إياك متحريا فيه تحرّى من يعلم أن الله يراه. انتهى.

86. Kata syeikh kami syeikh bagi segala syeikh Islam dan muslimin Zainal Abidin Abu Bakar Muhammad bin Abu Hasan al Bakri as shiddiqi r.a pada pesanannya kepada ku: jadikan ikhlas pada apa yang engkau beri faham dan ambil faham sebagai lambang mu, dan jadikan adab bersama Allah pada apa yang engkau ajari dan pelajari sebagai pakaian mu, jangan engkau bakhil diatas penuntut ilmu dengan mengajarkan apa yang Allah ajarkan engkau dalam keadaan kamu mencari padanya akan pencarian orang yang tahu bahawa Allah melihatnya. Intaha.

رزقنا الله الإخلاص في طلب العلم ونشره وفي جميع الطاعات.

87. Moga Allah merazekikan kita dengan ikhlas pada menuntut ilmu dan menyebarkannya dan pada semua ketaatan-ketaatan.

وفي "الغاية" للحِصْنِيّ : قال السيد الجليل ضِرار بن عمر : إن قوما تركوا العلم ومجالسة أهل العلم واتخذوا محاريب وصلوا وصاموا حتى يبس جلد أحدهم على عظمه. خالفوا فهلكوا. والذى لا إله غيره ما عمل عامل على جهل إلا كان ما يفسد أكثر مما يصلح. وصفهم بالهلاك.

88. Didalam "al Ghayah" bagi al Hisni "kata Sayyid al jalil Dhirar bin Umar: sungguhnya satu kaum meninggalkan ilmu dan bergaul dengan ahli ilmu dan mereka membuat mihrab-mihrab lalu sembahyang dan puasa didalamnya hingga kering kulit seorang dari mereka diatas tulangnya. Mereka itu menyalahi sunnah, maka mereka binasa. Demi Tuhan yang tidak ada tuhan selainnya, tidak beramal seorang diatas kejahilan melainkan apa yang dia rosakkan lebih banyak dari apa yang dia elokkan". Dia mensifatkan mereka dengan kebinasaan.

تنبيهه. إن أول واجب على الآباءِ للأولاد تعليمُهم أن النبي صلى الله عليه وسلم [ولد و] بعث بمكة ومات ودفن بالمدينة.

89. Tanbih. Bahawa awal perkara yang wajib diatas para bapa bagi anak-anak mereka adalah mengajar mereka bahawa nabi sawm diperanakkan dan dibangkitkan di Makkah dan mati dan dikebumikan di Madinah.

اعلم أن أول ما يلزم المكلف تعلمُ الشهادتين ومعناهما وجزم اعتقاده، ثم تعلمُ ظواهر علم التوحيد وصفات الله تعالى وإن لم يكن عن الدليل، ثم ما يحتاج إليه لإقامة فرائض الدين كأركان الصلاة والصوم وشروطهما والزكاة إن ملك مالا نصابا ولو كان هناك ساع، والحج إن كان مستطيعا له، ثم علمِ الأحكام التي يكثر وقوعها إن أراد أن يباشر عقدا بيعا كان أو غيره كالأركان والشروط، لا سيما في الربويات لمن خاض فيها، وكواجبات القسم بين الزوجات والقيام بالمماليك. ويجب أيضا تعلمُ دواء أمراض القلب كالحسد والرياء والعجب والكبر، واعتقدُ ما ورد به الكتاب والسنة.

90. Ketahuilah bahawa awal perkara yang melazimi mukallaf adalah belajar dua syahadah dan makna keduanya dan menjazamkan iktikadnya, kemudian belajar ilmu Tauhid yang zahir dan sifat-sifat Allah taala sekalipun ianya tidak dari dalil, kemudian belajar apa yang dia perlu kepadanya untuk mendirikan fardhu-fardhu ugama seperti rukun-rukun sembahyang dan puasa dan syarat-syarat keduanya dan zakat jika dia memiliki harta senishabnya walaupun disana ada sai'e, dan rukun dan syarat haji jika dia mampu untuknya, kemudian belajar ilmu tentang hukum-hukum yang banyak berlaku jika dia hendak mengerjakan akad dengan dirinya sendiri, jualan atau selainnya, seperti rukun-rukun dan syarat-syaratnya, apatah pula pada benda berunsur riba bagi orang yang melibatkan diri dengannya, dan seperti perkara-perkara yang wajib pada giliran diantara isteri-isteri dan pengurusan hamba abdi. Wajib juga belajar ubat penyakit-penyakit hati seperti dengki dan menunjuk-nunjuk dan bangga diri dan sombong, dan iktikadkan apa yang datang kitab dan sunnah dengan wajib mengiktidkannya.

بَابُ الْوُضُوْءِ

أخرج الشيخان [البخاري رقم 6954، وسلم رقم 225، الترمذي رقم 76، أبو داود رقم 70، مسند أحمد رقم 8018 و 27444] عن أبي هريرة قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((لا يقبل الله صلاة أحدكم إذا أحدث حتى يتوضأ)).

91. **BAB WUDHUK**. Mengeluar dua syeikh dari Abu Hurairah katanya : kata rasulullah sawm ((Allah tidak menerima sembahyang seorang dari kamu apabila dia berhadath sehingga dia berwudhuk)).

وأبو الشيخ عن ابن مسعود ((أمر بعبد من عباد الله تعالى أن يضرب في قبره مئة جَلْدَة فلم يزل يسأل ويدعو حتى صارت جلدة واحدة، فامتلأ قبره عليه نارا، فلما ارتفع عنه قال عَلَامَا جلدْتموني؟ قالوا : إنك صليت صلاة بغير طهور ومررت بمظلوم فلم تنصره)).

92. Mengeluar Abu Syeikh dari Ibnu Mas'ud ((diperintahkan seorang hamba daripada hamba-hamba Allah bahawa dia dipukul didalam kuburnya seratus kali sebatan maka sentiasalah dia meminta dan berdoa hingga jadilah ia satu sebatan, maka api memenuhi kuburnya maka tatkala dia keluar darinya dia berkata : diatas apa kamu sebat aku? kata mereka : sungguhnya kamu sembahyang satu sembahyang tanpa suci dan kamu lalu pada orang yang dizalimi maka kamu tidak menolongnya.*

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 337] عن سلمان ((إذا توضأ العبد تحاتّت عنه ذنوبه كما تحاتّت ورق هذه الشجرة)).

93. Mengeluar Baihaqi dari Salman ((apabila seorang hamba berwudhuk luruhlah darinya dosanya sepertimana luruh daun pokok ini)).

مسلم [رقم 244، الترمذي رقم 2، مسند أحمد رقم 2960 ، موطأ مالك رقم 63، الدارمي رقم 718] عن أبي هريرة ((إذ توضأ العبد المسلم أو المؤمن فغسل وجهه خرج من وجهه كل خطيئة نظر إليه بعينه مع الماء أو مع آخر قطر الماء. فإذا غسل يديه خرج من يديه كل خطيئة بطشتْها يداه مع الماء أو مع آخر قطر الماء، فإذا غسل رجليه خرج من رجليه كل خطيئة مشتها رجلاه مع الماء أو مع آخر قطر الماء، حتى يخرج نَقِيًّا من الذنوب)).

94. Mengeluar Muslim dari Abu Hurairah ((apabila seorang hamba muslim atau mukmin berwudhuk lalu dia membasuh mukanya keluar dari mukanya setiap kesalahan yang dia pandang dengan matanya bersama dengan air itu atau bersama dengan titikkan akhir air itu, maka apabila dia membasuh dua tangannya keluar dari dua tangannya setiap kessalahan yang dikerjakan dua tangannya bersama air itu atau bersama titikkan akhir air itu, maka apabila dia membasuh dua kakinya keluar dari dua kakinya setiap kesalahan yang dua kakinya berjalan kepadanya bersama dengan air itu atau bersama titikkan akhir air itu.

وحكى الغزالي أنه رؤي بعض الموتى في المنام فقيل له : كيف حالك؟ فقال : صليت يوما بلا وضوء فوكل علي ذئب يروِّعني في قبري فحالي معه في أسوإ حال.

95. Ghazali menceritakan bahawa dia diberi nampak sebahagian orang-orang mati didalam tidurnya maka dikatakan kepadanya : bagaimana keadaan kamu? Maka katanya : aku sembahyang pada satu hari tanpa wudhuk maka diwakilkan keatas aku seekor harimau yang mengacah-acah aku didalam kubur ku maka keadaan aku bersamanya sangat teruk.

وحكي أنه رمدت عين الجنيد مرة فقال الطبيب: إن أردت عينيك فلا توصل إليهما ماء. فلما ذهب الطبيب توضأ وصلى ونام، فبرئت عينه. فسمع هاتفا يقول : ترك الجنيد عينه في رضاي فلو طلب منّي الجَهَنَّمِيُّوْنَ

بذلك العزم لأجبت. فلما جاء الطبيب ورأى العين صحيحة قال: ما فعلت؟ قال : توضأت وصليت وكان الطبيب نصرانيا فآمن في الحال. وقال : هذا علاج الخالق المخلوق وكنتُ أنا أرمد وكنتَ أنت الطبيب.

96. Dihikayatkan bahawa pernah sekali al Junaidi sakit mata maka kata tabib : jika kamu hendakkan* dua mata kamu maka jangan kamu sampaikan air kepada keduanya. Maka tatkala tabib itu pergi dia berwudhuk dan sembahyang dan tidur, maka sembuh matanya , maka dia mendengar suara berkata : Junaidi meninggalkan matanya pada keredhaan Ku maka kalau meminta dari Aku oleh ahli jahannam* dengan keazaman sebegitu nescaya aku perkenankan. Maka tatkala tabib itu datang dan melihat matanya telah sembuh dia berkata : apa yang telah engkau buat? Katanya : aku berwudhuk dan sembahyang. Adalah tabib itu berugama Nasrani, maka dia beriman serta merta. Katanya : ini rawatan Pencipta makhluk, dan adalah aku sakit mata dan Engkau tabibnya.

وحكى اليافعي [روض الرياحين رقم 198] عن سهل بن عبد الله قال : أول ما رأيت من العجائب والكرامات أني خرجت يوما إلى موضع خال فطاب لي المقام فيه، ووجدت من قلبي ميلا إلى الله عز وجل، وحضرت الصلاة وأردت الوضوء وكانت عادتي من صِباي تجديد الوضوء لكل صلاة فكأني اغتممت لفقد الماء، فبينما أنا كذلك وإذا دُبٌّ يمشي على رجليه كأنه إنسان معه جرّة خضراء قد أمسك بيده عليها. فلما رأيت من بعيد توهمت أنه آدمي حتى دنا مني وسلم عليّ ووضع الجرة بين يدي فجاءني أعراض العلم. فقلت : [هذه] الجَرّة والماء من أين هو؟

97. Yafi'e meriwayatkan dari Sahl bin Abdulah katanya : kejaiban dan keramat yang pertama aku lihat adalah bahawa aku keluar pada satu hari ke satu tempat sunyi maka terasa senang hati ku untuk menetap padanya dan aku dapati ada rasa condong kepada Allah azza wa jalla didalam hati ku. Waktu sembahyang pun hadhir dan aku hendak berwudhuk. Adalah adat ku dari zaman kecil ku melakukan tajdid wudhuk bagi setiap sembahyang, maka seolah-olah aku berasa tidak senang hati kerana ketiadaan air. Maka sedang aku seperti demikian itu tiba-tiba muncul seekor dhab berjalan diatas dua kakinya seolah-olah ia manusia, bersamanya ada sebuah takar hijau yang pegang dengan tangannya. Maka tatkala aku melihatnya dari jauh aku sangkakan bahawa ia adalah manusia hingga ia mendekati ku dan memberi salam keatas ku dan meletakkan takar itu dihadapan ku. Maka datang kepada ku lintasan ilmu maka aku kata : takar dan air ini darimana datangnya?

فنطق الدب وقال : يا سهل! إنّا قوم من الوحوش قد انقطعنا إلى الله تعالى بعزم المحبة والتوكل. فبينما نحن نتكلم مع أصحابنا في مسألة إذ نودينا : ألا إن سهلا يريد ماء لتجديد الوضوء، فوُضعت هذه الجرة بيدي، وإذا بجنبي ملكان فدنوت منهما وصَبّا فيها هذه الماء من الهواء وأنا أسمع خرير الماء. قال سهل : فغشي علي، فلما أفقت إذا بالجرة موضوعة ولا أعلم بالدب إلى أين ذهب وأنا متحسِّر إذ لم أكلمه. وتوضأت فلما فرغت أردت أو أشرب منها فنوديت من الوادي : يا سهل! لم يؤذن لك في شرب هذا الماء بعدُ. فبقي الجرة تضطرب وأنا أنظر إليها فلا أدري أين ذهبت.

98. Maka dhab itu bercakap dan berkata : wahai Sahl! Kami adalah satu kaum dari haiwan liar yang telah putus hati kepada Allah taala dengan mengazamkan kasih

sayang dan tawakkal, maka sedang kami berbual bersama sahabat kami pada satu masaalah tiba-tiba diserukan : sungguhnya Sahl berkehendak kepada air untuk membaharui wudhuknya, maka diletakkan takar ini didepan ku. Tiba-tiba disebelah ku ada dua malaikat, maka aku menghampiri mereka, dan mereka menuang padanya air ini dari udara sedang aku mendengar bunyi deruan air itu. Kata Sahl : maka aku tertidur. Maka tatkala aku sedar aku dapati takar itu ada terletak dan aku tidak tahu dhab itu pergi kemana. Aku menyasal kerana tidak bercakap dengannya. Dan aku pun berwudhuk, maka tatkala aku selesai aku hendak minum darinya maka diseru aku dari arah lembah: wahai Sahl tidak diizinkan kamu meminum air ini selepas wudhuk itu. Maka takar itu bergetar dan aku memandang kepadanya. Kemudian tidak aku tahu kemana ia pergi.

فَصْلٌ فِيْ أَحْكَامِ الْوُضُوْءِ

شروطه ماءٌ مطلقٌ وظنٌّ أنه مطلق وإسلامٌ وتمييزٌ وعلمٌ بفرضيته وعدمُ ظن فرضه نفلا وعدمُ حائل ولا مغيّر للماء على العضو كوسَخ تحت ظُفر وكزعفران، وجريُ الماء عليه ودخولُ وقت لدائم حدث.

99. **FASAL PADA HUKUM-HUKUM WUDHUK**. Syarat-syaratnya : air mutlak dan sangka bahawa ianya mutlak, dan Islam dan tamyiz dan tahu dengan kefardhuannya dan tidak ada sangkaan pada fardhunya sebagai sunat, dan tidak ada yang menghalang dan tidak ada yang mengubah air diatas anggota seperti daki dibawah kuku dan seperti za'faran, dan mengalir air diatasnya dan masuk waktu sembahyang bagi orang yang berpanjangan hadath.

وفروضه : نية أداء فرض الوضوء أو الطهارة لاستباحة الصلاة عند غسل أول جزء من الوجه، وغسل الوجه واليدين مع المرفقين ومسح بعض الرأس وغسل الرجلين مع الكعبين والترتيب.

100. Fardhu-fardhunya : niat menunaikan wudhuk atau bersuci untuk mengharuskan sembahyang disisi basuh juzuk muka yang awal, dan basuh muka dan dua tangan serta dua siku dan sapu sebahagian kepala dan basuh dua kaki serta dua buku lali, dan tertib.

فرع : لو شك في تطهير عُضْوٍ قبل الفراغ من الوضوء طهّره وما بعده، أو بعد الفراغ لم يؤثّر.

101. Cabangan. Kalau seorang syak pada mensucikan satu anggota sebelum selesai dari wudhuk dia mensucikannya dan apa yang selepasnya, atau selepas selesai ianya tidak berkesan.

وسننه : التسمية قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((لا صلاة لمن لا وضوء له، ولا وضوء لمن لم يذكر اسم الله عليه)). رواه أحمد [رقم 9137] وأبو داود [رقم 101، وابن ماجه رقم 399].

102. Sunat-sunatnya : tasmiah, kata rasulullah sawm ((tidak ada sembahyang bagi orang yang tidak ada wudhuk baginya dan tidak ada wudhuk bagi orang yang tidak menyebut nama Allah diatasnya)).

ثم غسل الكفين ثم السواك بكل خشِن إلا لصائم بعد الزوال. قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((لو لا أن أشق على أمتي لأمرتهم بالسواك مع كل وضوء)). رواه مالك [بل أحمد، المسند رقم 9612] والشافعي [الجامع الصغير رقم 7508]،

103. kemudian basuh dua tapak tangan kemudian siwak dengan setiap yang kasar mlainkan bagi orang yang puasa selepas zawal. Kata rasulullah sawm ((kalaulah aku tidak menyusahkan umat ku nescaya aku suruh mereka dengan bersiwak serta setiap wudhuk)). Meriwayatkannya Malik dan Syafi'e.

ثم المضمضة والاستنشاق والمبالغة فيهما لمفطر، وجمعهما بثلاث غرف والاستنثار ومسح كل الرأس والأذنين ظاهرا وباطنا،

104. kemudian kumur-kumur dan sedut air kehidung dan mubalaghah pada keduanya bagi yang tidak puasa, dan himpunkan keduanya dengan tiga ceduk, dan hembuskan air dari hidung dan sapu semua kepala dan sapu dua telinga zahir dan batin,

وتخليل شعر كثيف من لحية وعارض وأصابع اليدين بالتشبيك، والرجلين من أسفل بخنصر يده اليسرى. قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((أتاني جبريل فقال : إذا توضأت فخلل لحيتك))، رواه ابن أبي شيبة [الجامع الصغير رقم 85]، وقال صلى الله عليه وسلم ((خللوا بين أصابعكم لا يخلل الله بينها بالنار))، ثم قال ((ويل للأعقاب من النار)). رواه الدار قطني [الجامع الصغير رقم 3940].

105. dan sunat menyelati bulu yang tebal daripada janggut dan tali tudung dan menyelati jari-jari dua tangan dengan tasybik, dan menyelati jari-jari dua kaki dari bawah dengan kelingkingnya yang kiri. Kata rasulullah sawm ((Jibril datang kepada ku maka katanya : apabila kamu berwudhuk maka selatilah janggut kamu)), meriwayatkannya Ibnu Abi Syaibah, dan kata rasulullah sawm ((selatilah diantara jari-jari kamu nescaya Allah tidak menyelati diantaranya dengan api)), kemudian dia kata ((celakalah bagi tumit-tumit kerana api neraka)). Meriwayatkannya Daruqutni.

ودلك الأعضاء، وأن يقول ثلاثا آخره مستقبلا إلى القبلة رافعا يديه وبصره إلى السماء ولو أعمى : أشهد أن لا إلٰه إلا الله وحده لا شريك له وأشهد أن محمدا عبده ورسوله، اللّٰهُمَّ اجعلني من التوابين واجعلني من المتطهرين، سبحانك اللّٰهُمَّ وبحمدك أشهد أن لا إلٰه إلا أنت أستغفرك وأتوب إليك. وصلى الله على سيدنا محمد وسلم. وأن يقرأ (إِنَّا أَنْزَلْنَهُ) [أي سورة القدر] بعده كذلك.

106. dan sunat menggosok anggota, dan bahawa dia katakan tiga kali pada akhirnya hal keadaan dia megadap kiblat mengangkatkan dua tangannya dan penglihatannya kelangit walaupun dia buta : aku menyaksikan bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah sendirian sahaja tidak ada yang bersekutu dengannya dan bahawa Muhammad hambaNya dan rasulNya. Ya Allah jadikanlah aku dari kalangan orang-orang yang taubat dan jadikan aku dari kalangan orang-orang yang bersuci. Maha suci Engkau ya Allah dan dengan kepujian Engkau aku menyaksikan tidak ada Tuhan melainkan Engkau, aku memohon ampun dan bertaubat kepada Engkau. Merahmat Allah keatas nabi kita Muhammad dan mensejahterakannya. dan bahawa dia membaca "إِنَّا أَنْزَلْنَهُ" iaitu surah al Qadr selepasnya, begitu juga tiga kali.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((من توضأ فأحسن الوضوء ثم رفع بصره إلى السماء ثم قال : أشهد أن لا إلع إلا الله وحد لا شريك له وأشهد أن محمد عبده ورسوله اللّٰهُمَّ اجعلني من التوابين واجعلني من المتطهرين، فتحت له ثماني أبواب الجنة يدخل من أيها شاء))، رواه مسلم [بل الترمذي رقم 55، النسائي رقم 148، وابن ماجه رقم 470]،

107. Kata rasulullah sawm ((siapa yang berwudhuk maka dia mengelokkan wudhuknya kemudian dia mengangkatkan pandangannya kelangit kemudian berkata "أشهد أن لا إلع إلا الله وحد لا شريك له وأشهد أن محمد عبده ورسوله اللّٰهُمَّ اجعلني من التوابين واجعلني من المتطهرين" dibukakan baginya lapan pintu syurga, dia masuk dari mana-mana satu dia hendak.

وقال صلى الله عليه وسلم ((من توضأ فقال بعد فراغه : سبحانك اللّٰهُمَّ وبحمدك إني أتوب إليك، كتب في ورق ثم جعل في طابِع فلم يكسر إلى يوم القيامة. روى الحامكم [الجامع الصغير رقم 2995]،

108. dan kata rasulullah sawm ((siapa berwudhuk maka berkata selepas selesainya "سبحانك اللّٰهُمَّ وبحمدك إني أتوب إليك" dituliskan pada sekeping kertas kemudian diletakkan pada bekas yang dipateri maka tidak dipecahkan ia hingga ke hari Kiamat)). Meriwayatkannya Hakim.

وقال ((من قرأ سورة "إنا أنزلناه" في إثر وضوئه مرة كان من الصديقين، ومن قرأها مرتين كتب في ديوان الشهداء، ومن قرأها ثلاثا حشره الله مع الأنبياء))، رواه الديلمي [كنز العمال رقم 26090]،

109. dan katanya sawm ((siapa membaca surah "إنا أنزلناه" mengiringi wudhuknya sekali adalah dia dari kalangan orang yang benar, dan siapa membacanya dua kali dituliskan dia didewan para syuhada', dan siapa membacanya tiga kali Allah himpunkan dia bersama para nabi)). Meriwayatkannya Dailami.

وتثليث كل والتوجه للقبلة في كل وقرن النية بأول السنن المتقدم على غسل الوجه ليثاب عليها والتلفظ بها سرا وتعهد الغضون وكذا الموق واللحاظ بالسبابة إذا لم يكن فيهما رَمَص يمنع وصول الماء إلى محله، وإلا فواجب، وأخذ ماء الوجه بكفيه معا، وعدم لطمه به والبداءة فيه بأعلاه وفي اليدين والرجلين بالأصابع، وإن صب عليه غيره، وفي الرأس بمقدمه، وإطالة الغرة والتحجيل.

110. dan sunat menigakan setiap perbuatan dan mengadap kiblat pada setiap perbuatan dan menyertakan niat dengan awal sunat-sunat yang mendahului basuhan muka supaya diberi pahala dia diatasnya dan melafazkan niat dengan perlahan dan merawati kedutan dan pangkal mata dan ekor mata dengan telunjuk apabila tida ada padanya tahi mata yang menegah sampai air kepada tempatnya, jika tidak maka wajib, dan mengambil air untuk muka dengan dua tapak tangannya bersama-sama, dan tidak menamparkan muka dengannya, dan mula padanya dengan bahagian atasnya dan pada dua tangan dan dua kaki pada jari-jari sekalipun orang lain menuangkan keatasnya, dan pada kepala pada bahagian depannya, dan memanjangkan ghurrah dan tahjil.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((إن أمتي يدعون يوم القيامة غُرًّا محجّلين من أثر الوضوء. فمن استطاع أن يطيل غُرّتَهُ فليفعل)). رواه الشيخان [البخاري رقم 136، مسلم رقم 246].

111. Kata rasulullah sawm ((sungguhnya umat ku diserukan pada hari kiamat dalam keadaan bercahaya gemilang kepala dan betisnya kerana kesan wudhuk. Maka siapa yang mampu memanjangkan gemilang mukanya maka hendaklah dia buat)).

وقال صلى الله عليه وسلم ((تبلغ الحِلْيَة من المؤمنين حيث يبلغ الوضوء)) رواه مسلم [رقم 25].

112. dan kata rasulullah sawm ((sampailah perhiasan pada orang beriman sekira-kira sampai wudhuk)). Meriwayatkannya Muslim.

والتيامنُ والولاءُ وتركُ التكلم والاستعانة والتنشيف والنفض بلا حاجة، وتوقِّي الرشاش ووضعُ ما يغترف منه عن يمينه وما يَصُبُّ منه عن يساره، والشربُ من فضل وَضوئه، والاجتهادُ في إسباغ الوضوء.

113. dan sunat mendulukan kanan dan mualat dan meninggalkan bercakap dan minta tolong dan mengelap dan merenjiskan air tanpa hajat dan memelihara dari kena percikkan dan meletakkan bejana yang dia ceduk darinya dikanannya dan bejana yang dia tuang darinya dikirinya, dan minum dari lebihan air wudhuknya dan bersungguh pada meratakan wudhuk.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((لا يُسبغ عبد الوضوء إلا غفر له ما تقدم من ذنبه وما تأخر)). [الجامع الصغير رقم 26058].

114. Kata rasulullah sawm ((tidak meratakan wudhuk oleh seorang hamba melainkan diampunkan baginya apa yang telah terdahulu dan apa yang terkemudian)).

ورَشُّ ماء بين إزاره بعده كبعد استنجاء. قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((أتاني جبريل في أول ما أوحي إلي فعلّمني الوضوء فلما فرغ الوضوء أخذ غرفة من الماء فنضح بها فرجه)). رواه أحمد والحاكم [الجامع الصغير رقم 87].

115. dan sunat memercikkan air diantara kain pakainya selepasnya sama seperti selepas istinja’. Kata rasulullah sawm ((Jibril datang kepada ku pada awal aku diberian wahyu maka dia mengajarkan aku wudhuk maka tatkala dia selesai wudhuk dia mengambil seraup air lalu memercikkannya kepada farajnya)).

لا مسحُ الرقبة ودعاءُ الأعضاء. أما حديثهما فموضوع أو شديد ضعفه، فلا يعمل بهما.

116. Tidak sunat sapu tengkok dan doa anggota-anggota. Adapun hadith bagi kedua-duanya maka ianya maudhu’ atau sangat lemah maka tidak diamalkan.

فرع يقتصر حتما على الواجب لضيق وقت عن إدراك الصلاة كلا فيه. وإدراك جماعة أولى من التثليث وسائر سنن الوضوء غير الذلك [وغير مسح كل الرأس] ما لم يرجُ جماعة أخرى.

117. Cabangan. Wajib menghadkan diatas perkara yang wajib kerana sempit waktu dari mendapat seluruh sembahyang didalam waktu. Mendapat jamaah terutama dari menigakan perbuatan dan sekelian sunat-sunat wudhuk selain gosok [dan selain sapu semua kepala], selama tidak diharapkan jamaah yang lain.

ومكروهاته: الإسراف في الماء، وتقديم اليسرى على اليمنى، والنقص عن الثلاثة والزيادة عليها من غير ماء موقوف، فمنه حرام.

118. Makruh-makruh wudhuk : berlebih-lebih pada air dan mendulukan yang kiri diatas yang kanan dan kurang dari tiga dan lebih diatasnya dari air yang tidak diwakafkan, maka darinya adalah haram.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((هكذ الوضوء، فمن زاد على هذا أو نقص فقد أساء وظلم)). رواه أبو داود [رقم 135، النسائي رقم 140] .

119. Kata rasulullah sawm ((beginilah wudhuk itu, maka siapa yang menambah diatas ini atau mengurangkan maka sungguh dia membuat buruk dan zalim)).

وحكى الشيخ معين الدين حسن السِجْزِيّ : أنه كان مع شيخ أَجَلّ سِرّيّ يوما، فحضر وقت الصلاة فجدد الشيخ أجل سرى الوضوء وسها عن تخليل الأصابيع فهتف هاتف : يا أجلُ! تَدّعِي محبة محمد صلى الله عليه وسلم وتكون من أمته وتترك سنته؟ فحلف الشيخ أجل : لا أترك سنة من سُنَنِه عليه الصلاة والسلام من وقتنا هذا إلى وقت الموت. وقال الشيخ معين الدين : كنت إذا رأيت الشيخ أجل رأيته كأنه ينام، فسألته عنه فقال : أنا من ذلك الوقت الذي نسيت تخليل الأصابع إلى هذا الوقت في الحَيْرَة كيف ألاقي بهذا الوجه محمدا صلى الله عليه وسلم؟

120. Syeikh Mui'enuddin Hasan as sijzi menceritakan : bahawa dia bersama syeikh Ajal Sirri pada satu hari, maka hadhir waktu sembahyang, maka syeikh Ajal sirri membaharui wudhuknya dan lupa menyelati jari-jarinya, maka berseru satu suara : wahai Ajal! Kamu mendakwa kasihkan Muhammad sawm dan kamu dari umatnya sedangkan kamu meninggalkan sunnahnya! Maka Syeikh Ajal bersumpah : aku tidak akan meninggalkan satu sunnah daripada sunnah-sunnahnya mula dari waktu kita ini hingga waktu mati ku. Kata syeikh Mui'enuddin : adalah aku apabila melihat syeikh Ajal aku melihatnya seolah-olah dia tidur, maka aku tanya dia tentangnya : mula dari waktu yang aku lupa menyelati jari-jari hingga waktu ini aku berada didalam kebingungan bagaimana aku nak bertemu Muhammad sawm dengan muka ini.

وحكي عن الفضيل بن عياض أنه نسي في الوضوء غسلَ اليد مرتين، فلما صل ونام في تلك الليلة رأى النبي صلى الله عليه وسلم فقال يا فضيل! العجبُ منك، إنك تترك في الوضوء سنتي. فانتبه الفضيل من هَيْبَتِهِ، وجدد الوضوء من أوله ووظّف على نفسه خمس مئة ركعة إلى سنة كفارةً لذلك. نفعنا الله به وبسائر الأولياء ورزقنا اتباعَهم.

121. Diceritakan dari Fudhail bin 'Iyadh bahawa dia lupa membasuh tanyannya dua kali pada wudhuknya, maka tatkala dia sembahyang dan tidur pada malam itu dia mimpikan abi sawm maka katanya : wahai Fudhail! Hairan kamu ini, kamu meninggalkan sunnah ku pada wudhuk. Maka Fudhail terjaga kerana rasa gerunnya dan dia membaharui wudhuk dari awalnya dan mengnakan keatas dirinya lima ratus rakaat hingga setahun sebagai kifarat demikian itu. Moga Allah memanfaatkan kita

dengannya dan dengan sekelian wali-wali dan merazekikan kita dapat mengikut mereka.

ونواقضه: تيقُّن خروج غير منيه ولو ريحا من فرج، وغلبة على العقل، لا بنوم ممكِّن مقعده، ومس فرج آدمي ببطن كفه وتلاقي بشرتي ذكر وأنثى بكبر لا مع محرمية.

122. Perkara-perkara yang membatalkannya : yakin keluar selain maninya walaupun angin dari faraj, dan hilang akal, tidak dengan tidur orang yang menetapkan papan punggungnya, dan sentuh faraj anak adam dengan batin tapak tangan dan bertemu dua kulit lelaki dan perempuan, tidak bersama keadaan mahram.

ويحرم بالحدث صلاة وطواف وسجود ومس وحمل ما كتب فيه قرآن لدراسة، لا مع تفسير زاد عليه ولا قلب ورقة بعود إن لم ينفصل عليه.

123. Haram dengan hadath sembahyang dan tawaf dan sujud dan sentuh dan tanggung apa yang ditulis Quran padanya untuk dibaca, tidak bersama dengan tafsir yang lebih diatasnya dan tidak membalikkan helaiannya dengan ranting jika ia tidak tercerai diatasnya.

ويجب على نحو الولي منع غير مميز مصحفا ولَوْحا فيه قرآن ولو بعض آية، لا مميزا لحاجة.

124. Wajib diatas umpama wali menegah orang yang tidak mumayyiz dari mushaf dan papan yang ada Quran padanya walaupun sebahagian ayat, tidak wajib menegah yang mumayyiz kerana hajat.

بَابُ الْغَسْلِ

أخرج الطبراني [في الأوسط، الجامع الصغير رقم 283] عن ابن عمر قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((إذا التقى الختانان وغابت الحشفة فقد وجب الغسل، أنزل أو لم ينزل)).

125. **BAB MANDI**. Thabarani mengeluarkan dari Ibnu Umar katanya : kata rasulullah sawm ((apabila bertemu dua khitan dan ghaiblah hasyafah maka sungguhnya telah wajiblah mandi, turun mani atau tidak turun)).

والنسائي [بل الترمذي رقم 113 ، أبو داود رقم 236، مسند أحمد رقم 25663، الدارمي رقم 765] وابن ماجه [رقم 612] عن عائشة رضي الله عنها ((إذا استيقظ أحدكم من نومه فرأى بللا ولم ير أنه احتلم اغتسل وإذا رأى أنه احتلم ولم ير بللا فلا غسل عليه)).

126. Mengeluar Nasai'e dari Aisyah r.a ((apabila seorang dari kamu terjaga dari tidurnya maka dia dapati ada basahan dan dia tidak yakin bahawa dia telah bermimpi dia mandi, dan apabila dia yakin bahawa dia telah bermimpi dan tidak mendapati basahan maka tidak ada mandi diatasnya)).

وسَمُّوَيْهِ [الجامع الصغير رقم 636] عن أنس ((إذا وجدت المرأة في المنام ما يجد الرجل فليغتسل)).

127. Mengeluar Sammuwaihi ((Apabila perempuan mendapati pada tidurnya apa yang didapati oleh lelaki maka hendaklah dia mandi)).

والطبراني [كنز العمال رقم 26557] عن ابن عباس ((إن الملائكة لا تحضر الجنبَ ولا المُتَضَمِّخَ بالخُلوق حتى يغتسلا)).

128. Mengeluar Thabarani dari Ibnu Abbas ((sungguhnya para malaikat tidak hadhir pada orang yang berjunub dan tidak yang berlumur dengan suatu yang kalis air hingga mereka mandi)).

وأبو داود [رقم 4152] والنسائي [رقم 261] ((لا تدخل الملائكة بيتا فيه صورة ولا كلاب ولا جنب)).

129. Mengeluar Abu Daud dan Nasai'e ((tidak masuk malaikat kedalam rumah yang padanya ada gambar dan anjing dan orang yang berjunub)).

وأحمد [رقم 739] وأبو داود [رقم 249] عن علي رضي الله عنه ((من ترك موضع شعرة من جنابة لم يغسلها فعل بها كذا وكذا من النار)). قال علي : فمن ثم عاديت شعر رأسي ثلاثا، وكان يَجُزُّ شعره.

130. Mengeluar Ahmad dari Ali r.a ((siapa yang meninggalkan tapak bagi sehelai rambut yang berjunub tidak dia membasuhnya diperbuat dia dengan sebabnya sekian-sekian daripada neraka)). Kata Ali : maka kerana hadith itu aku bersungguh-sungguh membasuh rambut kapala ku tiga kali. Adalah dia sentiasa memotong rambutnya.*

وابن ماجه [رقم 597] والترمذي [رقم 106 وأبو داود رقم 248] عن أبي هريرة ((إن تحت كل شعرة جنابة، فاغسلوا الشعر وأنقوا تابشرة)).

131. Mengeluar Ibnu Majah dan Turmizi dari Abu Hurairah ((sungguhnya dibawah setiap helai rambut itu ada janabah maka basuhah rambut itu dan bersihkan kulit)).

وهما [الترمذي [رقم 131، ابن ماجه رقم 596] عن ابن عمر ((لا يقرأ الجنب والحائض شيئا من القرآن)).

132. Menegluar oleh kedua mereka itu dari Ibnu Umar ((tidak boleh orang yang berjunub dan berhaid membaca suatu daripada Quran)).

والنسائي [بل أبو داود رقم 232] عن عائشة رضي الله عنها ((وجّهوا هذه البيوت عن السجد، فإني لا أحلّ المسجد لحائض ولا جنب)).

133. Mengeluar Nasai'e dari Aisyah r.a ((hendaklah kamu menuju kepada rumah-rumah ini ganti dari masjid, maka sungguhnya aku tidak menghalalkan masjid bagi perempuan berhaid dan tidak orang yang berjunub)).*

وأبو داود [رقم 3904] والترمذي [رقم 135، ابن ماجه رقم 639، مسند أحمد رقم 9035] عن أبي هريرة رضي الله عنه ((من أتي حائضا في فرجه أو امرأة في دبرها أو كاهنا فقد كفر بما أنزل على محمد صلى الله عليه وسلم)).

134. Mengeluar Abu Daud dan Turmizi dari Abu Hurairah r.a ((siapa yang mendatangi perempuan yang berhaid pada farajnya atau perempuan yang suci pada duburnya atau tukang tilik maka sungguh dia telah kufur dengan apa yang diturunkan keatas Muhammad sawm)).

والشيخان [البخاري رقم 286، مسلم رقم 305] عن عائشة رضي الله عنها : كان رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا كان جنبا وأراد أن يأكل أو ينام توضأ وضوءه للصلاة)).

135. Mengeluar dua syeikh dari aisyah r.a : sentiasalah rasulullah sawm apabila berjunub dan hendak makan atau tidur berwudhuk sebagai wudhuknya untuk sembahyang)).

ومسلم [رقم 308] عن أبي سعيد الخدري ((إذا أتي أحدكم أهله ثم أراد أن يعود فليتوضأ بينهما)).

136. Mengeluar Muslim dari Abu Sai'ed al khudri ((apabila seorang dari kamu mendatangi isterinya dan hendak mengulangi maka hendaklah dia berwudhuk diantara keduanya)).

والبزار [الجامع الصاغر رقم 1392] عن ابن عباس ((إن الله ينهاكم عن التعري فاستحيوا من الملائكة الله الذي لا يفارقونكم إلا عند ثلاثة حالات: الغائط والجنابة والغسل. فإذا اغتسل أحدكم بالعَرَاء فليستتر بثوبه أو بجِذْمَةِ حائطٍ أو ببعيرِه)).

137. Mengeluar Bazzar dari Ibnu Abbas ((sungguhnya Allah menegah kamu dari telanjang maka hendaklah kamu malu dari para malaikat yang tidak bercerai dari kamu melainkan pada tiga keadaan : tandas dan janabah dan mandi. Maka apabila seorang kamu mandi ditempat lapang maka hendaklah dia menutup tubuh dengan kainnya atau dengan sepotong daripada pagar atau dengan untanya)).

وعبد الرزاق [كنز العمال رقم 2661] عن ابن جريج قال : بلغني أن النبي صلى الله عليه وسلم خرج فإذا هو بأجير له يغتسل عاريا فقال ((لا أراك تستحِي من ربك! خذ إجارتك لا حاجة لنا بك)).

138. Mengeluar Abdu Razzak dari Ibnu Juraij katanya : sampai kepada aku bahawa nabi sawm keluar maka tiba-tiba dia mendapati pekerja upahannya mandi dalam keadaan telanjang, maka katanya ((aku lihat kamu ini tidak malu kepda Tuhan mu! Ambil upah kamu, kami tidak ada hajat kepada kamu)).

وحكى أَبَانُ بن عبد الله البَجَلِيّ : هلك جار لنا فشهدنا غسلَه وحملَه إلى قبره، فإذا فيه شبيه بالهِرّة فزجرناه فلم ينزجر، فضرب الحَفّار جبهته ببَيْرَمِه فلم يبرح. فتحولوا إلى قبر آخر فلما ألحد فإذا هو فيه، فصنعوا به مثل ما صنعوا فلم يلتفت. فقال القوم إن هذا الأمر ما رأينا مثله! فادفِنوا صاحبكم، فدفنوه. فلما سُوّيَ عليه اللبِن سمعنا قَضْقَضَةَ عظامه. فذهب عَمِّي وغيره إلى امرأتـه فقالوا: ما حال زوجك؟ وحدثواها بما رأوا. فقالت : كان لا يغتسل من الجنابة.

139. Aban bin Abdullah al bajjali menceritakan : seorang jiran kami mati, maka kami hadhiri pemandiannya dan menanggungnya kekuburnya. Maka tiba-tiba didalam kuburnya ada binatang yang menyerupai kucing maka kami menghalaunya tetapi ia tidak pergi darinya. Maka tukang gali kubur memukul dahinya dengan cangkul tetapi ia masih tetap disitu. Maka mereka beralih kepada kubur lain. Tatkala dibuatkan lahad binatang itu ada padanya. Maka mereka buat seumpama apa yang mereka telah buat padanya, tetapi ia tidak beredar. Maka kata sekumpulan yang hadhir : perkara ini tidak pernah kita lihat seumpamanya! kebumikan kawan kamu ini. Lalu mereka

mengkebumikannya. Kemudian tatkala telah disusun rata akan bata diatasnya kami dengar bunyi patah-patah tulangnya. Maka bapa saudara ku dan orang lain pergi kepada isterinya lalu berkata : apa kelakuan suami kamu? dan mereka menceritakan kepadanya apa yang telah mereka lihat. Maka katanya : dia tidak pernah mandi dari janabah.

وحكى الغزالي أنه رؤي رجل في المنام فقيل له : ما فعل الله بك؟ قال : دعني، فإني لم أتمكن من غسل يوما من الجنابة فألبسني الله ثوبا من النار أتقلب فيه.

140. Ghazali menceritakan bahawa dia nampak seorang lelaki didalam tidurnya maka dikatakan baginya : apa yang Allah buat pada kamu? Maka katanya : tinggalkan aku, maka sungguhnya aku tidak dapat mandi janabah pada satu hari maka Allah memakaikan aku dengan kain dari api, berbalik-balik aku didalamnya.

وحكى اليافعي : أن الشيخ عز الدين ابن عبد السلام احتلم في ليلة باردة فأتى إلى الماء وهو جامد فكسره واغتسل وكادت روحه تخرج من شدة البرد، ثم احتلم في ليلة ثانيا فأتى إلى الماء واغتسل، فغُشي عليه فسمع يقال له : لأُعَوِّضَنّكَ بها عِزّ الدنيا والآخرة. أعزّنا الله معه في الدارين.

141. al Yafi'e menceritakan : bahawa syeikh 'Izzuddin bin Abdussalam mimpi pada satu malam yang sejuk, maka dia pergi mendapatkan air yang telah pun beku, maka dia memecahkannya dan mandi. Hampir-hampirlah keluar nyawanya kerana kesejukkan yang amat sangat itu. Kemudian dia bermimpi pada malam lain buat kali keduanya, maka dia pergi mendapatkan air dan mandi. Kemudian dia tertidur maka dia mendengar, dikatakan kepadanya : sungguhnya aku akan gantikan kamu dengan sebabnya kemuliaan dunia dan akhirat. Semoga Allah memuliakan kita bersamanya pada dua negeri.

فصل. موجب الغسل جنابة بخروج منيه أو دخول حشفة أو قدرها فرجا، وحيض ونفاس ونحو ولادة وموت.

142. **FASAL**. Perkara yang mewajibkan mandi itu adalah janabah dengan sebab keluar maninya atau masuk hasyafah atau kadarnya kedalam faraj, dan haid dan nifas dan umpama kelahirkan anak, dan mati.

وشروطه : ماء مطلق وعدم حائل ولا مغيِّر للماء على العضو كوسخ تحت ظُفر وكزعفران وصَنْدَل وسِدْر، وجري الماء عليه.

143. Syarat-syaratnya : air mutlak dan tidak ada yang menghalang dan mengubah air diatas anggota seperti daki dibawah kuku dan seperti za'faran dan lilin dan bidara, dan mengalir air diatas anggota.

وفروضه : نية أداء الغسل أو رفع نحو الجنابة، وتعميم ظاهر البدن حتى ما تحت القلفة من الأقلف بالماء.

144. Fardhu-fardhunya : niat mandi atau mengangkatkan umpama janabah, dan meratakan tubuh dengan air hinggakan apa yang dibawah kulup pada orang yang berkulup.

وسننه : تسمية، وإزالة قذر ثم وضوء وتخليل وتعهد غضون وموق ولحاظ ودلك وتيامن وتوجه للقبلة وترك استعانة في صب والشهادتان بعده تثليث وولاء.

145. Sunat-sunatnya : baca bismillah dan menghilangkan cemar-cemar kemudian wudhuk dan menyelati dan merawati kedutan-kedutan dan pangkat mata dan ekor mata dan gosok dan mendulukan kanan dan mengadap kiblat dan meninggalkan minta tolong pada menuang air dan dua syahadah selepasnya, dan menigakan basuhan dan mualat.

ومكروهاته : إسرافٌ في الماء وتركُ وضوءٍ ومضمضةٍ واستنشاقٍ.

146. Makruh-makruhnya : berlebihan pada air dan meninggalkan wudhuk dan kumur-kumur dan sedut air kehidung.

بَابُ فَضْلِ الصَّلَاةِ الْمَكْتُوْبَةِ

قال الله تعالى ﴿إن الصلاة كانت على المؤمنين كتابا﴾ أي مفروضا ﴿موقوتا﴾ [سورة النساء لآية 103] أي مقدرا وقتته فلا تؤخّر عنه. وقال تعالى ﴿يأيها الذين آمنوا لا تلهكم أموالكم ولا أولادكم عن ذكر الله﴾ أي الصلوات الخمس ﴿ومن يفعل ذلك فأولئك هم الخاسرون﴾ [سورة المنافقون رقم 9].

147. **FASAL PADA SEMBAHYANG MAKTUBAH**. Kata Allah taala ((Sungguhnya sembahyang itu kena keatas orang-orang beriman sebagai kefardhuan yang berwaktu)) iaitu yang dikadarkan waktunya maka tidak boleh ditakhirkan ia ia darinya. Dan kata Allah taala ((wahai orang-orang beriman janganlah melalaikan kamu oleh harta-harta kamu dan anak-anak kamu dari mengingati Allah)) iaitu sembahyang yang lima itu (dan siapa yang melakukan demikian itu maka mereka itu adalah orang-orang yang rugi.

وأخرج الحاكم [في "الكنى"، كنز عمال رقم 18859] عن ابن عمر رضى الله عنهما قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((أول ما افترض الله على أمتي الصلوات الخمس. وأول ما يرفع من أعمالهم الصلوات الخمس، وأول ما يسألون عن أعمالهم الصلوات الخمس. فمن كان ضيّع شيئا منها يقول الله تعالى : انظروا هل تجدون لعبدي نافلة من صلاة تتمون بها ما نقص من الفريضة، وانظروا في صيام عبدي شهر رمضان فإن كان ضيّع شيئا منه فانظروا هل تجدوا لعبدي نافلة من صيام تتمون بها ما نقص من الصيام، وانظروا في زكاة عبدي فإن كان ضيّع شيئا منها فانظروا هل تجدوا لعبدي نافلة من صدقة تتمون بها ما نقص من الزكاة. فيؤخذ ذلك على فرائض الله وذلك برحمة الله وعدله. فإن وجد فضلا وضع في ميزانه، وقيل له : أدخل الجنة مسرورا وإن لم يوجد له شيء من ذلك أمرت به الزبانية، تأخذه بيديه ورجليه ثم يقذف به في النار.

148. Al Hakim mengeluarkan dari Ibnu Umar r.anhuma : kata nya : kata rasulullah sawm ((awal apa yang Allah fardhukan keatas umat ku adalah sembahyang yang lima itu, dan awal apa yang diangkat daripada amalan-amalan mereka adalah sembahyang yang lima itu dan awal apa yang ditanya daripada amalan-amalan mereka adalah sembahyang yang lima itu. Maka siapa mensia-siakan suatu daripadanya Allah taala

berkata : tengoklah, adakah ada bagi hamba Ku itu amalan sembahyang sunat yang boleh kamu sempurnakan apa yang kurang daripada sembahyang fardhu, dan tengoklah pada puasa hamba Ku itu pada bulan ramadhan maka jika dia mensia-siakan suatu daripadanya maka tengoklah adakah kamu dapati ada bagi hamba ku itu puasa sunat yang boleh kamu sempurnakan dengannya apa yang kurang daripada puasa ramadhannya, dan tengoklah pada zakat hamba ku itu maka jika dia mensia-sakan sesuatu daripadanya maka tengoklah adakah kamu dapati ada bagi hamba ku itu sedekah sunat yang boleh kamu sempurnakan dengannya apa yang kurang daripada zakat, maka diambil demikian itu diatas menyempurnakan fardhu-fardhu Allah. Demikian itu adalah dengan rahmat Allah dan keadilanNya. Maka jika didapati suatu yang lebih diletakkan ia pada timbangannya dan dikatakan kepadanya : masuklah syurga dengan gembira, dan jika tidak didapati ada baginya sesuatu daripada demikian itu diperintahkan Zabaniah padanya, lalu dia memegang dua tangan dan dua kakinya kemudian dia dicampakkan kedalam neraka.

ومسلم [رقم 668] عن جابر ((مثل الصلوات الخمس كمثل نَهْر جار عَذْب على باب أحدكم، يغتسل فيه كل يوم خمس مرة)) قال : قال الحسن : فما يُبْقِي ذلك من الدَنَس؟

149. Muslim mengeluarkan dari Jabir ((Bandingan sembahyang yang lima itu seperti sungai air tawar yang mengalir didepan pintu seorang kamu, dia mandi padanya setiap hari lima kali)). Katanya : kata Hasan : maka ia tidak meninggalkan apa-apa daki.

وأحمد [رقم 21046] عن أبي ذر أن النبي صلى الله عليه وسلم خرج زمن الشتاء والورق يتهافت فأخذ بغصنين من شجرة، قال : فجعل ذلك يتهافت. قال : فقال ((يا أبا ذر!)) فقلت : لبيك يا رسول الله! فقال ((إن العبد المسلم ليصلي الصلاة يريد بها وجه الله فتهافت عنه ذنوبه كما تهافت هذا الورق عن هذه الشجرة)).

150. Ahmad mengeluarkan dari Abu Zarr, bahawa nabi sawm keluar pada masa musim sejuk sedang daun-daun kayu berjatuhan, maka dia mengambil dua ranting dari satu pokok, kata Abu Zarr : maka mulalah ranting itu gugur daunnya. Kata Abu Zarr : maka kata Rasulullah sawm ((wahai Abu Zarr!)), maka aku kata : labbaika ya rasulullah! Maka katanya ((sungguhnya seorang hamba muslim mendirikan sembahyang yang dia hendakkan dengannya wajah Allah maka berjatuhanlah darinya dosa-dosanya seperti berjatuhan daun-daun ini dari pokok ini)).

والطبرني والبيهقي [الجامع الغير رقم 2062] عن ابن عمر ((إن العبد إذا قام يصلي أُتِيَ بذنوبه كلها فوضعت على رأسه وعاتقه فكلما ركع أو سجد تساقط عنه ذنوبه)).

151. Thabarani mengeluarkan dari Ibnu Umar ((sungguhnya seorang hamba itu apabila berdiri untuk sembahyang didatangkan semua dosa-dosanya maka diletakkan diatas kepalanya dan kepala bahunya maka setiap kali dia rukuk atau sujud gugurlah dosa-dosanya itu darinya)).

ومسلم [رقم 228] عن عثمان رضى الله عنه ((ما من امرئ مسلم حضره صلاة مكتوبة فيحسن وضوؤها وخشوعها وركوعها إلا كانت له كفارة لما قبلها من الذنوب ما لم يأت كبيرة. وذلك الدهر كله)).

152. Muslim mengeluarkan dari Uthman r.a ((tidak ada daripada seorang Islam yang hadhir padanya sembahyang maktubah maka dia mengelokkan wudhuknya dan

khusyuknya dan rukuknya melainkan adalah sembahyangnya itu menjadi kifarat dosa-dosa baginya selama dia tidak mendatangkan dosa besar. Demikian itu setahun penuh)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 8021] عن أنس ((ما من حافظين يرفعان إلى الله تعالى بصلاة رجل مع صلاة إلا قال الله تعالى : أشهدكم أني قد غفرت لعبدي مما بينهما)).

153. Baihaqi mengeluarkan dari Anas ((tidak ada daripada dua orang malaikat hafazah yang mengangkatkan kepada Allah taala akan sembahyang seorang lelaki bersama satu sembahyangnya yang lain melainkan Allah taala berkata : aku menyaksikan kamu bahawa aku telah mengampunkan hamba ku dari apa yang diantara keduanya)).

وفي كتاب الزواجر [1\295] لشيخنا خاتمة المحققين أحمد بن حجر الهيتمي رضي الله عنه، قال بعضهم : ورد في حديث ((من حافظ على الصلاة أكرمه الله بخمس خصال : يرفع عنه ضيق العيش وعذاب القبر، ويعطيه الله كتابه بيمينه، ويمر على الصراط كالبرق، ويدخل الجنة بغير حساب.

154. Didalam kitab Zawajir bagi syeikh kami penyudah ulamak-ulamak muhakkik Ahmad Ibnu Hajar al haitami r.a : kata sebahagian mereka : datang didalam hadith ((orang yang memelihara sembahyang Allah muliakan dia dengan lima perkara : Dia mengangkatkan darinya kesempitan hidup dan azab kubur, dan Allah memberikan suratan amalannya pada tangan kanannya, dan dapat dia lalu diatas shirat seperti kilat, dan masuk dia kedalam syurga tanpa hisab.

ومن تهاون عن الصلاة عاقبه الله بخمس عشرة عقوبة، خمسة في الدنيا وخمسة عند الموت وثلاثة في قبره وثلاثة عند خروجه من القبر. فأما اللَوَاتِي في الدنيا فالأولى : ينزع البركة من عمره، والثانية يمحي سِيْمَا الصالحين من وجهه، والثالثة كل عمل يعمله لا يأجره الله عليه، والرابعة لا يرفع له دعاء إلى السماء، والخامسة ليس له حظ في دعاء الصالحين.

155. Sementara orang yang meringankan sembahyang Allah siksa dia dengan lima belas siksaan : lima didunia dan tiga disisi mati dan tiga didalam kuburnya dan tiga disisi keluar dari kuburnya. Adapun siksaan yang didunia maka yang pertama : Dia mencabutkan keberkatan dari umurnya, keduanya Dia padamkan tanda orang-orang soleh dari mukanya, ketiganya : setiap amalan yang dia amalkan tidak Allah berikan dia ganjaran diatasnya, keempatnya : tidak diangkatkan doa kelangit baginya, kelimana : tidak ada baginya habuan daripada doa orang-orang soleh.

وأما التي تصيبه عند الموت فالأولى أنه يموت ذليلا، والثانية يموت جائعا، والثالثة يموت عطشانَ ولو سقي بحار الدنيا ما روِي من عطشه. وأما التي تصيبه في قبره فالأولى يضيق عليه القبر حتى تختلف أضلاعه، والثانية يوقِد عليه القبرُ نارا يتقلب على الجَمْرِ ليلا ونهارا، والثالثة يسلّط عليه في قبره ثعبانٌ اسمَه الشجاع الأقرع، عيناه من نار وأظفاره من حديد، كل ظُفر مسيرة يوم، يكلّم الميت فيقول : أنا الشجاع الأقرع، وصوته مثل الرعد القاصف. يقول : أمرني الله أن أضربك على تضييع صلاة الصبح إلى بعد طلوع الشمس،

وأضربك على تضييع صلاة الظهر إلى العصر، وأضربك على تضييع صلاة العصر إلى المغرب، وأضربك على تضييع صلاة المغرب إلى العشاء، وأضربك على تضييع صلاة العشاء إلى اللفجر. فكلما ضرب ضربة يغوص في الأرض سبعين ذراعا، فلا يزال في الأرض معذّبا إلى يوم القيامة.

156. Adapun siksaan yang menimpanya disisi mati maka yang pertama bahawa dia mati dalam keadaan hina, keduanya dia mati kelaparan, ketiganya dia mati dalam keadaan dahaga yang kalau diberi minum dia dengan laut-laut dunia tidak dia hilang dahaga. Adapun siksaan yang mengenainya didalam kuburnya maka yang pertama : sempit diatasnya kuburnya hingga bersilang tulang-tulang rusuknya, keduanya : kuburnya menyalakan api yang dia berbalik-balik diatas bara malam dan siang, ketiganya : dijadikan ular yang namanya syuja' al aqra' menggagahi dia didalam kuburnya, matanya dari api dan kukunya dari besi, setiap kukunya perjalanan sehari, dia bercakap dengan mayat itu maka katanya : aku Syuja' al aqra', suaranya seumpama kilat yang menyambar, dia bercakap dengan mayat itu kata : Allah menyuruh aku memukul kamu kerana mensia-siakan sembahyang subuh sehingga selepas terbit matahari, dan menyuruh aku memukul kamu diatas mensia-siakan sembahyang zohor sehingga asar dan menyuruh aku memukul kamu diatas mensia-siakan sembahyang asar sehingga maghrib dan menyuruh aku memukul kamu diatas mensia-siakan sembahyang maghrib sehingga isyak dan menyuruh aku memukul kamu diatas mensia-siakan sembahyang isyak sehingga fajar. Maka setiap kali dia dipukul dia tenggelam didalam bumi tujuh puluh hasta. Maka sentiasalah dia didalam bumi itu diazab sehingga hari kiamat.

وأما التي تصيبه عند الخروج من القبر في موقف القيامة فشدة الحساب وسخط الرب ودخول النار)).

157. Adapun yang menimpanya disisi keluar dari kubur pada mauqif kiamat maka hisab yang ketat dan kemurkaan Tuhan dan masuk neraka)).

وفي رواية ((فإنه يأتي يوم القيام وعلى وجهه ثلاثة أسطر مكتوبات، فى السطر الأول : يا مضيّع حق الله والسطر الثاني يا مخصوص بغضب الله، والسطر الثالث ضيعكك الله كما ضيعت فى الدنيا حق الله، فَايْئَسِ اليوم أن من رحمة الله)).

158. Pada satu riwayat ((maka dia datang pada harikiamat kelak sedang diatas mukanya ada tiga baris yang tertulis. Pada baris pertama "wahai orang yang mensia-siakan hak Allah", baris kedua "wahai orang yang dikhususkan dengan kemurkaan Allah" dan baris ketiga "Allah mensia-siakan kamu sepertimana kamu mensia-siakan didunia akan hak Allah, maka putus asalah kamu hari ini dari rahmat Allah".

وروي ((إن في جهنم واديا يقال له لَمْلَمُ فيه حَيّات، كل حية بثِخْنِ رقبةِ البعير، طوله مسيرة شهر، تلسع تارك الصلاة فيغلي سمها في جسمه سبعين سنة ثم يتهرى لهحه))، [الزواجر 296\1].

159. Diriwayatkan ((bahawa didalam jahannam ada satu wadi dipanggil Lamlam, padanya ada banyak ular, tiap seekor ular sebesar tengkok unta, panjangnya perjalanan sebulan, ia menyengat orang yang meninggalkan sembahyang maka menggelegak racunnya didalam tubuh orang itu tujuh puluh tahun, kemudian luruh dagingnya)).

وروي أيضا ((إن امرأة من بني إسرائيل جاءت إلى موسى عليه السلام فقالت : يا نبي الله! أذنبت ذنبا عظيما وقد تبت إلى الله تعالى، فادع الله أن يغفر لي ذنبي ويتوب عليّ. فقال لها موسى : وما ذنبك؟ قالت : يا نبي الله! زنيت وولدت ولدا وقتلته. فقال موسى عليه السلام : أُخرجي يا فاسقة لئلا تنزل نار من السماء فتحرقنا بشؤمكِ. فخرجت من عنده منكسِرة القلب. فنزل جبريل عليه السلام وقال : يا موسى! الرب تعالى يقول لك : لما رددت التائبة؟ يا موسى! أما وجدت شرًّا منها؟ قال موسى : يا جبريل ومن شرٌّ منها؟ قال من يترك الصلاة عامدا متعمدا))، انتهى. [نقلا عن الزواجر 1\295 و 1\296].

160. Diriwayatkan juga ((bahawa seorang perempuan dari Bani Israel datang kepada Musa a.s maka katanya : wahai nabi Allah! Aku telah berdosa besar dan sungguhnya aku telah taubat kepada Allah taala, maka doalah kepada Allah agar mengampunkan dosa ku dan menerima taubat ku. Maka kata Musa kepadanya : apa dosa kamu itu? Katanya : wahai nabi Allah aku telah berzina dan melahirkan anak dan aku bunuhnya. Maka kata Musa a.s : keluarlah kamu wahai perempuan fasik supaya tidak turun api dari langit maka membakar kami dengan kemalangan kamu itu. Maka dia keluar dari sisi Musa dalam keadaan terpecah hati. Maka turun Jibril a.s dan berkata : wahai Musa! Tuhan yang maha tinggi berkata kepada kamu : kenapa kamu tolak perempuan yang taubat itu? Wahai Musa! Adakah engkau tidak dapati akan orang yang lebih buruk darinya? Kata Musa : wahai Jibril! Siapa yang lebih buruk darinya? Katanya : orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja)). Intaha.

وأخرج أحمد [رقم 6540، والجارمي رقم 2721] وابن حبان ((من حافظ على الصلوات كانت له نورا وبرهانا ونجاة يوم القيامة، ومن لم يحافظ عليها لم يكن له نور وبرهان ولا نجاة، وكان يوم القيامة مع قارون وفرعون وهامان وأبي بن خلَف)).

161. Ahmad mengeluarkan dari Ibnu Hibban ((siapa yang memelihara sembahyangnya adalah ia menjadi cahaya dan bukti dan kelepasan baginya pada hari kiamat, dan siapa yang tidak memeliharanya tidak ada baginya cahaya dan bukti dan tidak ada kelepasan, dan adalah dia pada hari kiamat kelak bersama Qarun dan Haman dan Ubay bin Khalaf)).

ومسلم [قم 82] وأبو داود [قم 4678] والترمذي [رقم 2618 و 2620] وابن ماجه [رقم 1078] ((بين الرجل وبين الكفر ترك الصلاة)).

162. Muslim dan Abu Daud dan Turmizi dan Ibnu Majah mengeluarkan ((diantara seorang lelaki dan diantara kufur adalah meninggalkan sembahyang)).

والترمذي [رقم 1078) ((بين الكفر والإيمان ترك الصلاة)). وأبو داود [رقم 1078] ((بين العبد وبين المفر ترك الصلاة)).

163. Turmizi mengeluarkan ((diantara kufur dan iman itu tinggal sembahyang)). Abu Daud mengeluarkan ((diantara hamba dan diantara kufur itu tinggal sembahyang)).

وأحمد [رقم 22428 و 22498] والترمذي [رقم 2631] والنسائي [رقم 463] وابنا ماجه [رقم 1079] وحبان والحاكم عن بُريدة ((العهد الذي بيننا وبينهم الصلاة ومن تركها فقد كفر)).

164. Ahmad dan Turmizi dan Nasai'e dan Ibnu Majah dan Ibnu Hibban dan Hakim mengeluarkan ((perjanjian yang diantara kita dan diantara mereka adalah sembahyang, siapa meninggalkannya maka sungguh dia kufur)).*

والطبراني [الجامع الصغير رقم 8587] ((من ترك الصلاة متعمّدا فقط كفر جهارا)).

165. Tabarani mengeluarkan ((siapa meninggalkan sembahyang dengan sengaja maka sungguh dia kufur terang-terangan)).

وفي رواية سندها حسن [الجامع الصغير رقم 5414] ((عُرَا الإسلام وقواعدُ الدين ثلاثٌ، عليهن أسس الإسلام. من ترك واحدة منهن فهو كافر حلال الدم : شهادة أن لا إله إلا الله، والصلاة المكتوبة وصوم رمضان)).

166. Pada satu riwayat yang sanadnya hasan ((kekuatan Islam dan tiang ugama ada tiga. Diatasnya diasaskan Islam itu. Siapa meninggalkan satu daripadanya maka dia kafir halal darahnya : penyaksian bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah, dan sembahyang maktubah dan puasa ramadhan)).

وفي رواية أخرى سندها حسن أيضا ((من ترك واحدة منهن فهو بالله كافر ولا يقبل منه صرف ولا عدل، وقد حل دمه وماله)).

167. Pada satu riwayat lain yang sanadnya juga hasan ((siapa meninggalkan satu daripadanya maka dia kufur dengan Allah, tidak diterima darinya ibadat yang wajib dan tidak yang sunat, dan sungguh telah halallah darahnya dan hartanya)).

والترمذي [رقم 2622] ((كان أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم لا يرون شيئا من الأعمال تركُه كفرٌ غيرَ الصلاة)).

168. Turmizi mengeluarkan ((adalah sahabat rasulullah sawm tidak memandang suatu daripada amalan-amalan yang meninggalkannya kufur selain sembahyang)).

وابن أبي شيبة والبخاري في تاريخه [الجامع الصغير رقم 21654] موقوفا على علي رضي الله عنه قال : من لم يصلّ فهو كافر.

169. Mengeluar Abu Syaibah dan Bukhari didalam Tarikhnya hal keadaan ia mauquf keatas Ali r.a katanya : siapa yang tidak sembahyang maka dia kafir.

ومحمد بن نصر وابن عبد البر [مجمع الزوائد 1\295] موقوفا على ابن عباس : من ترك الصلاة فقد كفر.

170. Muhammad bihn Nasr dan Ibnu Abdul Barr mengeluarkan hal keadaan ia mauquf diatas Jabir : siapa meninggalkan sembahyang maka sungguhnya dia kufur.

وابن عبد البر [مجمع الزوائد 1\295] موقوفا على جابر : من لم يصلّ فهو كافر.

171. Meneluar Ibnu Abdul Barr hal keadaan ia mauquf diatas Jabir : siapa yang tidak sembahyang maka dia kafir.

وقال محمد بن نصر : سمعت إسحاق بن راهَويه يقول : صح عن النبي صلى الله عليه وسلم أن تارك الصلاة كافر مرتد.

172. Kata Muhammad bin Nasr : aku dengar Ishaq bin Rahawaih berkata : sah dari nabi sawm bahawa orang yang meninggalkan sembahyang itu kafir murtad.

تنبيه : قال جماعة من الصحابة والتابعين ومن بعدهم بكفر تارك الصلاة وإباحة دمه؟ منهم عمر بن الخطاب وابن عباس وابن مسعود وعبد الرحمن بن عوف ومعاذ بن جبل وأبو هريرة وأبو الدرداء وجابر بن عبد الله رضى الله عنهم. ومن غير الصحابة أحمد بن حنبل وإسحاق بن راهويه وعبد الله بن المبارك والنخعي والحَكَم بن عيينة وأيوب السختِيانيّ وأبو داود الطيالسي وأبو بكر ابن أبي شيبة وزهير بن حرب وابن حبيب وغيرهم.

173. Tanbih. Kata sekumpulah dari sahabat dan tabi'en dan orang yang selepas mereka dengan kufur orang yang meninggalkan sembahyang dan diharuskan darahnya. Daripada mereka Umar bin al Khattab dan Ibnu Abas dan Ibnu Mas'ud dan Abdul Rahman bin 'Auf dan Mu'az bin Jabal dan Abu Hurairah dan Abu Darda' dan Jabir bin Abdullah r. anhum. Dan dari selain sahabat : Ahmad bin Hambal dan Ishaq bin Rahawaih dan Abdulllah bin al Mubarak dan Nakhai'e dan Hakam bin Uyaynah dan Ayyub bin Sakhtiyani dan Abu Daud Tayalisi dan Abu Bakar bin Abi Syaibah dan Zuhair bin Harb dan Ibnu Habib dan selainnya.

وقال الشافعي رضى الله عنه وآخرون : إن تارك الصلاة يكفرون إن استحل الترك أو جحد الوجوب، وإلا يقتل بترك أداء صلاة واحدة حتى يخرج وقت الجمع بضرب عنقه بالسيف إن لم يتب بعد استتابته كتارك الصلاة . وقيل : يضرب بالعصى. وقيل يُنْخَسُ بحديدة إلى أن يصلي أو يموت.

174. Kata Syafi'e r.a dan beberapa orang lain : bahawa orang yang meninggalkan sembahyang kufur jika dia menghalalkan perbuatan meninggalkannya, atau ingkarkan wajibnya. Jika tidak dibunuh dia dengan sebab tidak menunaikan satu sembahyang hingga keluar waktu jamaknya dengan memancung tengkoknya dengan pedang jika dia tidak taubat selepas dituntut taubat, sama seperti orang yang meninggalkan sembahyang. Dikatakan : dipukul dia dengan tongkat, dikatakan diselar dia dengan besi hingga dia sembahyang atau mati.

وقال الغزالي : لو زعم زاعم أن بينه وبين الله حالة أسقطت عنه الصلاة فلا شك في وجوب قتله. وقتل مثله أفضل من قتل مئة كافر.

175. Kata Ghazali : kalau seorang menyangka bahawa diantara dia dan diantara Allah ada satu keadaan yang menggugurkan sembahyang darinya maka tidak syak pada wajib membunuhnya, dan membunuh seumpama dia terutama dari membunuh seratus kafir.

وقال أحمد ابن حنبل : لا يصح نكاح تارك الصلاة، ولكنْ في مذهبنا أن نكاح الذمية أولى من نكاح تاركها.

176. Kata Ahmad bin Hanbal : tidak sah nikah dengan orang yang meninggalkan sembahyang, sebaliknya pada mazhab kita bahawa nikah dengan perempuan zimmi terutama dari nikah dengan orang yang meninggalkan sembahyang.

فَصْلٌ فِى تَحْرِيمِ تَأْخِيرِ الصَّلاَةِ عَنْ وَقْتِهَا وَاسْتِحْبَابِ تَعْجِيْلِهِمَا لِأَوّلِ الْوَقْتِ

قال الله تعالى {فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ الّذِينَ هُم عَنْ صَلاتِهِمْ سَاهُونَ} [سورة الماعون الآيتان 4 و 5]. قال النبي صلى الله عليه وسلم ((هم الذين يؤخِّرون الصلاة عن وقتها)) [مجمع الزوائد رقم 1823]. والويل شدة العذاب. وقيل : وادٍ في جهنم، لو سُيِّرت فيه جبال الدنيا لذابت من شدة حرّه. فهو مسكن من يؤخِّر الصلاة عن وقتها.

177. **FASAL PADA HARAM MENTAKHIRKAN SEMBAHYANG DARI WAKTUNYA DAN SUNAT MENYEGERAKAN KEDUANYA PADA AWAL WAKTUNYA**. Kata Allah taala (maka wail bagi orang-orang yang sembahyang. Orang yang mereka itu lalai dari sembahyang mereka). Kata nabi sawm ((mereka itu orang yang mentakhirkan sembahyang dari waktunya)). Wail itu adalah azab yang sangat keras. Dikatakan : satu wadi didalam Jahannam yang kalau diperlalukan bukit bukau dunia ini nescaya ia hancur kerana amat kuat panasnya. Maka ia tempat tinggal orang yang melewatkan sembahyang dari waktunya.

وأخرج الحاكم [1\275] والترمذي [رقم 188، الجامع الصغير رقم 8618] عن ابن عباس قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((من جمع بين صلاتين فقد أتى بابا من أبواب الكبائر)).

178. Hakim dan Turmizi mengeluarkan dari Ibnu ‘Abbas katanya : kata rasulullah sawm ((siapa yang menghimpunkan diantara dua sembahyang maka sungguh dia mendatangi satu pintu daripada pintu-pintu dosa besar.

وأبو داود [رقم 593] وابن اماجه [رقم 970] عن ابن عمر ((ثلاثة لا يقبل الله منهم صلاة : الرجلُ يؤمّ قوما وهم له كارهون، والرجلُ لا يأتي الصلاة إلا دُبَارا)) والدُبار أن يأتيها بعد أن يفوّتها، ((ورجلٌ اعتبد محرّرا)) أي جعله عبدا.

179. Abu Daud dan Ibnu Majah mengeluarkan dari Ibnu Umar ((tiga orang Allah tidak terima satu sembahyang pun dari mereka : lelaki yang menjadi imam satu kaum sedangkan mereka bencikan dia, dan lelaki yang tidak mendatangkan sembahyang melainkan selepas dia meluputkannya, dan lelaki yang menghambakan orang yang merdeka)).

وروى الذهبي [كنزل العمال رقم 19267، رواه ابن النجار، عن ابن مسعود] أنه صلى الله عليه وسلم قال ((إذا صلى العبد الصلاة في أول الوقت صعِدَتْ إلى السماء ولها نور حتى تنتهي إلى العرش، فتستغفر لصاحبها إلى يوم القيامة، وتقول له : حفِظك الله كما حفِظْتني، وإذا صلى العبد الصلاة في غير وقتها صعدت إلى السماء وعليها ظُلمة، فإذا انتهت إلى السماء تُلَفُّ كما يُلَفُّ الثوب الخَلَق ويضرب بها وجه صاحبها [وتقول : ضيّعك الله كما ضيّعْتَني)).

180. Zahabi meriwayatkan dari Ibnu Mas'ud bahawa rasulullah sawm berkata ((apabila seorang hamba sembahyang satu sembahyang pada awal waktunya naiklah ia kelangit dan baginya cahaya hingga sampai kepada 'arasy maka ia meminta ampun untuk tuannya hingga kehari kiamat dan berkata kepadanya : Allah memelihara kamu sepertimana kamu memelihara aku, dan apabila seorang hamba sembahyang satu sembahyang pada selain waktunya naiklah ia kelangit dan padanya kegelapan, maka apabila ia sampai kelangit dilipat ia sepertimana dilipat kain buruk dan dipukulkan ia kemuka tuannya, dan ia berkata : Allah mensia-siakan kamu sepertimana kamu sia-siakan aku)).

وأخرج أبو الشيخ [الجامع الصغير رقم 5867] عن ابن عمر ((فضل الوقت الأول على الآخر كفضل الآخرة على الدنيا)).

181. Abu syeikh mengeluarkan dari Ibnu Umar ((kelebihan waktu awal diatas waktu akhir seperti kelebihan akhirat diatas dunia)).

والترمذي [رقم 172] عنه ((الوقت أول من الصلاة رضوان الله، والوقت الآخر عفو الله)).

182. Turmizi mengeluarkan dari Ibnu Umar ((waktu sembahyang yang awal keredhaan Allah dan waktu sembahyang akhir kemaafan Allah)).

والطبراني [كنز العمال رقم 1957] عن أم فَرْوَة ((أحب الأعمال تعجيل الصلاة لأول وقتها)).

183. Thabarani mengeluarkan dari Ummu Farwah ((yang paling dikasihi daripada amalan-amalan adalah menyegerakan sembahyang pada awal waktunya)).

روى البخاري [رقم 530] عن الزُهري قال : دخلت على أنس بن مالك بدِمَشْق وهو يبكي. فقلت : ما يبكيك؟ قال : لا أعرف شيئا مما أدركت إلا هذه الصلاة، وهذه الصلاة قد ضيّعْتُ. قال الكَرْمَانِيّ : والمراد بتضييعها أي تأخيرها عن الوقت المستحب لا أنهم أخّروها عن وقتها بالكلية.

184. Bukhari meriwayatkan dari Zuhri katanya : aku masuk keatas Anas bin Malik di Damsyik sedang dia menangis, maka aku kata : apa yang membuatkan engkau menangis? Katanya : aku tidak tahukan* sesuatu daripada apa yang aku dapat melainkan sembahyang ini sedangkan sembahyang ini telah aku sia-siakan. Kata Karmani : yang dikehendaki dengan mensia-siakannya adalah mentakhirkannya dari waktu sunatnya, bukan bahawa mereka mentakhirkannya dari waktunya sama sekali.

وروي عن عَقِيْل بن أبي طالب كنت أمشي مع رسول الله صلى الله عليه وسلم فإذا جمل يعدوا حتى بلغ رسول الله صلى الله عليه وسلم وقال يا رسول الله! الأمان! الأمان! فلم يلبث حتى جاءت خلفه رجل أعرابي ومعه سيف مسلول فقال النبي صلى الله عليه وسلم : ((ما ذا تريد من هذا المسكين؟)). قال : يا رسول الله! اشتريته بثمن كثير وليس يطيعني، فأريد أن أذبحته وأنتفع بلحمه. فقال النبي صلى الله عليه وسلم للجمل ((لما تعصيه؟)). فقال : يا رسول الله لست أعصيه لأني لست أقدر على العمل، ولكن أعصيه لأن قبيلة التي أنا فيها ينامون عن صلاة العشاء الأخيرة، فلو عاهدك أن يصلي العشاء الأخيرة عاهدتُك أن لا أعصيه ما دمت

حيا. فإني أخاف أن ينزل العذاب من الله عز وجل فأكون فيهم. فأخذ النبي صلى الله عليه وسلم العهد على الأعرابي أن لا يترك الصلاة، وسلم إليه الجمل فرجع إلى أهله.

185. Diriwayatkan dari ‘Aqil bin Abu Thalib : adalah aku berjalan bersama rasulullah sawm, maka tiba-tiba ada seekor unta berlari hingga sampai kepada rasulullah sawm dan berkata : wahai rasulullah! Berikan aku aman! Tidak lama dari itu datang dibelakangnya seorang darat dan bersamanya pedang terhunus. Maka kata nabi sawm : ((apa yang engkau hendak dari si miskin ini?)). Katanya : wahai rasulullah! Aku beli dia dengan harga yang mahal dan dia tidak mentaati aku, maka aku hendak menyembelihnya dan memanfaatkan dagingnya. Maka kata nabi sawm kepada unta itu ((kenapa engkau derhakainya?)). Maka katanya : wahai rasulullah! Aku bukan derhaka kepadanya kerana aku tidak mampu bekerja, sebaliknya aku derhakainya kerana kabilah yang aku berada padanya tidur meninggalkan sembahyang isyak yang akhir. Maka kalau dia berjanji dengan kamu bahawa dia akan sembahyang isyak yang akhir aku berjanji dengan kamu bahawa aku tidak akan menderhakainya selama aku hidup, kerana aku takut bahawa turun keatas mereka azab dari Allah azza wa jalla maka aku ada pada mereka. Maka nabi sawm mengambil perjanjian diatas orang darat itu bahawa dia tidak akan meninggalkan sembahyang dan menyerahkan unta itu kepadanya, maka dia balik kepada keluarganya.

وحكي عن بعض السلف أنه دفن أختا له ماتت، فسقط منه كِيْس فيه مال في قبرها ولم يشعر به حتى انصرف عن قبرها، ثم ذكره فنبشه بعد ما انصرف الناس، فوجد القبر يشتعل عليها نارا. فرد التراب إليها ورجع إلى أمه باكيا حزينا. فقال : يا أماه! أخبرني عن أختي وما كانت تعمل؟ قالت : وما سؤالك عنها؟ قال : يا أمي رأيت قبرها يشتعل عليها نارا. قال : فبكت، وقالت : يا ولدي! كانت أختك تتهاون بالصلاة وتؤخِّرها عن وقتها

[راجع الورع لابن أبي الدنيا رقم 73، والزواجر 1\298].

186. Dihikayatkan dari sebahagian salaf bahawa dia mengkebumikan saudara perempuannya yang mati, maka jatuh darinya satu pundi yang ada harta didalamnya kedalam kuburnya, dan dia tidak sedar hingga dia berpaling pergi, kemudian dia teringatkannya maka dia kembali kekubur itu lalu membongkarnya selepas orang ramai beredar pergi. Maka dia mendapati kubur itu menyala api padanya maka dia mengembalikan tanah kekubur itu dan balik kepada emaknya seraya menangis kesedihan. Maka katanya : wahai emak ku! Khabarkan aku tentang saudara perempuan ku itu dan apa yang dia selalu buat? Kata emaknya : kenapa kamu bertanyakan dia? Katanya : wahai emakku! Aku lihat kuburnya menyala api padanya. Katanya : maka emaknya menangis dan berkata : wahai anak ku! adalah saudara perempuan mu itu selalu meringan-ringankan sembahyang dan mentakhirkannya dari waktunya.

فهذا حال من يؤخر الصلاة عن وقتها فكيف حال من لا يصلى؟ فنسأل الله أن يعيننا على محافظة عليها بكمالاتها في أوقاتها إنه جواد كريم رؤوف رحيم.

187. Maka ini adalah hal orang yang mentakhirkan sembahyang dari waktunya maka bagaimana keadaan orang yang tidak sembahyang? Maka kita minta Allah membantu kita diatas memeliharanya dengan sempurnanya pada waktu-waktunya, sungguhnya Dia maha boros lagi maha murah lagi maha mesra lagi mengasihi

تنبيهات: أحدها : إن إخراج الصلاة عن وقتها بلا عذر من أكبر الكبائر المهلكة. فيجب على من فوّتها بغير عذر القضاء فورا وصرف جميع زمنه للقضاء ما عدا الوقت الذي يحتاج لصرفه في تحصيل ما عليه من مؤنة نفسه وعِياله. وكما يحرم الإخراج عن الوقت يحرم تقديمها عنه عمدا.

188. Beberapa penyedaran. Satu daripadanya bahawa mengeluarkan sembahyang dari waktunya tanpa uzur adalah satu daripada sebesar-besar dosa yang membinasakan. Maka wajib diatas orang yang meluputkannya tanpa uzur mengkadhanya dengan segera dan memalingkan semua masanya untuk kadha selain masa yang dia perlu untuk dipalingkan pada menghasilkan apa yang wajib diatasnya daripada perbelanjaan dirinya dan kaum keluarganya. Sepertimana haram mengeluarkannya dari waktunya haram mendulukannya dari waktunya dengan sengaja.

وثانيها : إن الصلاة تجب أول الوقت وجوبا موسّعا. فله التأخير عن أوله إلى وقت يسعها ما لم يظن فوتها، بشرط العزم على فعلها فيه، وإلا عصى بالتأخير، كمن نام بلا غلبة بعد دخول الوقت وقبل فعلها حيث لم يظن الاستيقاظ قبل ضيق الوقت أو إيقاظ غيره له.

189. Keduanya : bahawa sembahyang itu wajib pada awal waktunya sebagai wajib yang luas. Maka boleh dia mentakhirkannya dari awal waktunya hingga kepada waktu yang memuatkannya, selama tidak disangkakan luputnya, dengan syarat azam diatas melakukannya didalam waktunya. Jika tidak, maksiat dia dengan mentakhirkannya. Seperti orang yang tidur tanpa tergagah selepas masuk waktu sembahyang dan sebelum mendirikannya sekira-kira tidak disangkakan akan terjaga sebelum sempit waktu atau orang lain mengejutkan.

وثالثها أن فضيلة أول الوقت تحصل باشتغاله بأسباب الصلاة كطهارة وسَتر أول الوقت ثم يصليها.

190. Ketiganya bahawa fadhilat awal waktu itu terhasil dengan dia sibuk dengan sebab-sebab sembahyang seperti bersuci dan menutup aurat pada awal waktu kemudian dia sembahyang.

ورابعها : أنه يندب تأخير الصلاة عن أول الوقت لمن تيقّن جماعةً أثناءه، وإن فحش التأخير، ما لم يضِقِ الوقت. وكذا لمن ظنها إذا لم يفحش التأخير بحيث لا يزيد على نصف الوقت. ولا يندب التأخير مطلقا لمن شك فيه.

191. Keempatnya : sunat mentakhirkan sembahyang dari awal waktunya bagi orang yang yakin mendapat jamaah ditengahnya, sekalipun keji takhir itu selama tidak sempit waktu. Begitu juga bagi orang yang sangka dapat jamaah apabila tidak keji takhir itu dengan sekira-kira tidak lebih diatas setengah waktu. Tidak sunat takhir semata-mata bagi orang yang syak padanya.

فَصْلٌ فِيْ أَحْكَامِ الصّلاَةِ

شروطها سترُ رجل وأمة ما بين سرة وركبة، وحرةٍ غيرَ وجهٍ وكفٍ من الأعلى والجوانب بما لا يحكي اللون إن قدروا عليه، وتوجهٌ للقبلة إلا في صلاة شدة الخوف ونفل سفر مباح، ومعرفةُ دخول وقت ولو ظنًّا، ومعرفة كيفية الصلاة بأن يعرف فرضيّتها ويميّز فرائضها من سننها إلا في حق العاميّ إذا لم يقصد النفل بما هو فرض، وطهارةٌ عن حدث وطهارةُ بدن وملبوس ومكان عن نجس لا عن دم نحو برغوث ودمل وحجم وإن كثر بغير فعله ولا عن قليل دم أجنبي غير نحو كلب ودم نحو حيض، ولا عن روث وبول نحو خُفّاش وإن كثرا.

192. **FASAL PADA HUKUM-HUKUM SEMBAHYANG**. Syarat-syaratnya : [1] menutup lelaki dan amah akan apa yang diantara pusat dan lutut, dan perempuan merdeka akan selain muka dan tapak tangan dari atas dan sekeliling dengan apa yang tidak menampakkan warna kulit jika mereka kuasa diatasnya, dan [2] mengadap kiblat melainkan pada sembahyang syiddah khauf dan sunat safar yang mubah, dan [3] tahu masuk waktu walaupun dengan sangka, dan [4] tahu kaifiat sembahyang dengan bahawa dia tahukan kefardhuannya dan membezakan fardhu-fardhunya dari sunat-sunatnya melainkan pada hak orang awam bila dia tidak kasadkan yang sunat sebagai yang fardhu, dan [4] toharah dari hadath dan toharah tubuh dan pakaian dan tempat dari najis, tidak dari darah umpama kutu dan bisul dan bekam sekalipun banyak tanpa perbuatannya, dan tidak dari sedikit darah ajnabi yang selain umpama anjing dan darah umpama haid, dan tidak dari tahi dan air kencing umpama lipas sekalipun keduanya banyak.

ويعفى عن ذَرْق طيور في المسجد وإن كثر ما لم يتعمد ملاقاته من غير حاجة ولم يكن هو أو مُمَاسُّه رطبا.

193. Dimaafkan dari tahi burung didalam Masjid sekalipun banyak selama dia tidak sengaja pada bersentuhan dengannya tanpa hajat dan tidaklah dia atau apa yang bersentuh dengannya itu basah.

وفروضها : نية فعلها مع تعيين ذات وقت أو سبب، ومع نية الفرض فيه، كأصلي فرض الظهر. ويجب قرنها بأول التكبير واستصحابها إلى آخرها كما في الروضة وأصلها. والمختار الاكتفاء بالمقارنة العرفية بحيث يعد مستحضرا للصلاة.

194. Fardhu-fardhunya : niat melakukannya serta menentukan akan yang empunya waktu atau sebab dan beserta dengan niat fardhu padanya, seperti "sahaja aku sembahyang fardhu zohor". Wajib menyertakannya dengan awal takbir dan mengekalkannya hinggga keakhirnya sepertimana didalam Raudhah dan asalnya. Yang dipilih adalah memada penyertaan 'urfiah dengan sekira-kira dikirakan dia menghadhirkan sembahyang.

وتكبيرة تحرم. وتعيّن فيه : ألله أكبر. ويجب إسماع التكبير نفسه إن كان صحيح السمع، ولا عارِضَ من لغط ونحوه. وكذا كل ركن قولي.

195. dan takbir taharrum. Tertentu padanya "ألله أكبر". Wajib mendengarkan dirinya jika dia sihat pendengaran dan tidak ada penghalang daripada hingar dan umpamanya. Begitu juga setiap rukun perkataan.

وقيام لقادر في فرض. والعاجز عنه، ولو بنحو دَوْرَان رأسه في سفينة قعد، ثم اضطجع ثم استلقى.

196. dan berdiri bagi yang kuasa pada sembahyang fardhu. Orang yang lemah darinya walaupun dengan pening kepala pada kapal dia duduk kemudian mengereng kemudian menelentang.

وقراءة الفاتحة مع البسملة كل ركعة إلا ركعة مسبوق. ويجب رعاية حروفها ومخارجها وتشديداتها وإعرابها المخِلّ للمعنى وموالاتِها، كالتشهد. فإن تخلل سكوت طال أو قصد به قطع القراءة أو ذكر قطع الموالاة. فإن تعلق للصلاة كتأمينه وسجوده لقراءة إمامه وفتحح عليه فلا.

197. dan membaca fatihah bersama basmalah pada setiap rakaat melainkan rakaat masbuk. Wajib memelihara huruf-hurufnya dan makhraj-makhrajnya dan tasydid-tasydidnya dan i'rabnya yang mencederakan makna, dan memelihara mualatnya sama seperti tasyahhud. Maka jika menyelangi diam yang lama atau tidak lama tetapi dia bermaksud dengannya memutuskan bacaan, atau menyelangi zikir, ia memutuskan mualat. Maka jika zikir itu bersangkut dengan sembahyang seperti ucapan aminnya dan sujudnya kerana bacaan imamnya dan membukanya akan imamnya maka tidak putus mualat itu.

وترتيبِها. ولو شك في حرف أو آية قبل فراغه لا بعده أو هل قرأ استأنف. وكالفاتحة في ذلك سائر الأركان. ويحرم وقف لطيفة بين السين والتاء من "نَسْتَعِيْن" وتعمّد تشديد مخفف. ثم قدرها من بقية القرآن فمن ذكر أو دعاء ، ثم وقفة بقدرها .

198. dan wajib memelihara aturannya. Kalau dia syak pada satu huruf atau satu ayat sebelum selesainya, tidak selepasnya, atau adakah dia telah membaca fatihah, dia memulakan. Seperti fatihah pada demikian itu segala rukun-rukun. Haram berhenti sekejap dintara sin dan ta' pada "نَسْتَعِيْن", dan sengaja mentasydidkan yang tak bertasydid. Kemudian [jika tidak pandai fatihah wajib] kadar fatihah daripada baki Quran, kemudian daripada zikir atau doa kemudian diam dengan kadar fatihah.

وركوعٌ بانحناء بلّغ راحتيه ركبتيه. واعتدالٌ بعود لبدء، وسجودٌ مرتين بوضع بعض الجبهة مكشوفا إن أمكن على غير محمول يتحرك بحركته، والركبتين وبطنِ الكفين وأصابع القدمين. ويجب أن ينال مسجِدَهُ ثقلُ رأسه، ويرتفع أسافله على أعاليه.

199. dan rukuk dengan bongkok yang menyampaikan dua tapak tangannya kepada dua lututnya. dan i'tidal dengan kembali kepada mula. dan sujud dua kali dengan meletakkan sebahagian dahi hal keadaannya terdedah jika terboleh diatas selain benda yang ditanggung yang bergerak dengan geraknya, dan dengan meletakkan dua lutut dan perut tapak tangan dan jari-jari dua tapak kaki. Wajib bahawa mengenai tempat sujudnya oleh berat kepalanya dan meninggi bahagian bawah tubuhnya daripada bahagian atasnya.

وجلوسٌ بينهما ولا يطوِّله ولا الاعتدالَ. وطمأنينة فيها. ويجب أن لا يقصد بالركن غيره.

200. dan duduk diantara dua sujud. Tidak boleh dia memanjangkannya dan memanjangkan i'tidal. dan tama'ninah padanya. Wajib bahawa dia tidak mengkasadkan rukun sebagai selain rukun.

وتشهدُ أخير "التحيات لله سلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته سلام علينا وعلى عباد الله الصالحين أشهد أن لا إلٰه إلا الله وأن محمدا رسول الله". وصلاة على النبي صلى اللهه عليه وسلم بعده "اللّٰهُمَّ صل على محمد" . وتسليمة أولى "السلام عليكم" وقعود للثلاثة. وترتيبها كما ذكر.

201. dan tasyahhud akhir, " التَّحِيَّاتُ لِلّٰهِ سَلاَمٌ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ سَلاَمٌ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِيْنَ أَشْهَدُ أَنْ لاَّ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ". dan selawat atas nabi sawm selepasnya: " اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ". Dan salam pertama : "السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ". dan duduk bagi tiga ini. Tertibnya adalah sepertimana disebutkan.

وسننها نوعان: هيئات. منها الإضافة إلى الله تعالى، والتعرض للاستقبال وعدد الركعات والأداء والقضاء وإن لم يكن عليه فائتة مماثلة للمؤدات، والنطق بالمنوي، ونظر موضع سجوده مُطْرِقًا رأسه قليلا، ثم رفع يديه بكشفٍ حذوَ منكبيه مع ابتداء تحرم وركوع ورفع منه ومن تشهد أول، ووضع يمين على كوع يساره تحت صدره، وتفريق قدميه قدر شبر في القيام، وافتتاح سرا لمتمكِّن إن لم يتعوّذ أو يجلس مع إمامه وهو "وجّهت وجهي للذي فطر السموات والأرض حنيفا مسلما وما أنا من المشركين إن صلاتي ونسكي ومحياي ومماتي لله رب العالمين، لا شريك له وبذلك أمرت وأنا من المسلمين".

202. Sunat-sunatnya dua bagai : haiah. Daripadanya adalah menyandarkan sembahyang kepada Allah taala dan menyentuh tentang mengadap kiblat dan bilangan rakaat dan tunai dan kadha, sekalipun tidak ada diatasnya sembahyang luput yang serupa dengan sembahyang yang dia tunaikan, dan menuturkan apa yang diniatkan, dan memandang ketempat sujudnya hal keadaan dia menundukkan kepalanya sedikit kemudian dia mengangkatkan dua tangannya yang terdedah setentang dua kepala bahunya beserta dengan mula taharrum dan rukuk dan bangun darinya dan dari tasyahhud awal, dan meletakkan tangan kanan diatas pergelangan tangannya yang kiri dibawah dadanya, dan menjarangkan dua tapak kaki kadar sejengkal pada berdiri, dan iftitah dengan perlahan bagi yang terboleh jika dia tidak berta'awwuz atau duduk bersama imamnya. Iaitu " وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَذِيْ فَطَرَ السَّمَوَاتِ وَالأَرْضِ حَنِيْفًا مُسْلِمًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ إِنَّ صَلاَتِيْ وَنُسُكِيْ وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِيْ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ".

ثم تعوُّذٌ له بكل ركعة سرا، ووقفٌ على رأس كل آية من الفاتحة حتى بسملة، ويكره الوقف على "أَنْعَمْتُ عَلَيْهِمْ"، وتأمينٌ بتخفيف ومدّ، ولمأموم سمع قراءة إمامه معه ولو تركه الإمام. قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((إذا أمّن الإمام فأمّنوا فإنه من وافق تأمينه تأمين الملائكة غفر له ما تقدم من ذنبه)). رواه الشيخان

[البخاري رقم 780، مسلم رقم 410]

203. kemudian membaca a'uzubillah i.e berlindung untuk dirinya pada setiap rakaat dengan perlahan, dan wakaf disisi setiap kepala ayat daripada fatihah hinggakan basmalah, makruh wakaf diatas "أَنْعَمْتُ عَلَيْهِمْ", dan mengucap amin dengan takhfif dan mad, dan mengucap amin bagi makmum yang mendengar bacaan imamnya bersamanya walaupun imam itu meninggalkannya. Kata rasululah sawm ((apabila imam mengucap amin maka hendaklah kamu ucap amin maka sungguhnya siapa yang

sama ucapan aminnya dengan ucapan amin para malaikat diampunkan baginya apa yang telah terdahulu daripada dosanya)).

ثم قراءة شيء من القرآن ولو آية، والأولى ثلاث آيات في الأُوْلَيَيْنِ لغير مأموم سمع قراءة إمامه وفهمه، فتكره له كجهر خلفه، وتحصل بإعادة الفاتحة إن لم يحفظ غيرها وبتكرير سورة واحدة في الركعتين وسورة كاملة أفضل من البعض وإن طال في غير التراويح،

204. kemudian baca sedikit daripada Quran walaupun satu ayat, yang terutama tiga ayat, pada dua rakaat pertama bagi selain makmum yang mendengar bacaan imamnya dan memahaminya, maka makruh ia baginya, sama seperti menyaringkan bacaan dibelakangnya. Terhasil ia dengan mengulang fatihah jika dia tidak hafal selainnya, dan dengan mengulangi surah yang satu pada dua rakaat. Satu surah yang sempurna terafdhal dari sebahagiannya sekalipun panjang pada selain tarawih.

وكون السورتين متواليتين ما لم تكن التي تليها أطول، وعلى ترتيب المصحف، وقراءة "الم تنزيل" و "هل أتى" في صبح جمعة والجمعة والمنافقين أو "سبح" و "هل أتاك" فيها وفي عشائها، والكافرون والإخلاص في مغربها وفي صبح المسافر، والمعوذتين في مغرب السبت.

205. dan keadaan dua surah berturut-turut selama yang belakang tidak lebih panjang, dan diatas susunan mushaf. dan membaca "الم تنزيل" dan "هل أتى" pada subuh jumaat dan jumaat, dan "المنافقون" atau "سبح" dan "هل أتاك" padanya dan pada isyaknya, dan "الكافرون" dan "الإخلاص" pada maghribnya dan pada subuh musafir, dan dua mu'awwazah pada maghrib sabtu

وجهر وإسرار في محلّيهما، وتدبُّر قراءة وذكر، وتكبير في كل خفض ورفع من غير ركوع، ومده إلى أن يصل إلى ركن المنتقل إليه، ووضع راحتيه على ركبتيه وتسوية ظهر وعنق في الركوع،

206. dan nyaring dan perlahan pada tempat keduanya, dan mengamati bacaan dan zikir, dan takbir pada setiap turun dan bangkit dari selain rukuk dan melanjutkannya hingga kepada bahawa dia sampai kepada rukun yang dia berpindah kepadanya, dan meletakkan dua tapak tangannya diatas dua lututnya dan meratakan belakang dan tengkok pada rukuk,

وأن يقول فيه ((سبحان ربي العظيم وبحمده)) ثلاثا وفي رفعه منه ((سمع الله لمن حمده)) وفي اعتداله ((ربنا لك الحمد ملء السموات وملء الأرض وملء ما شئت من شيء بعد))، ورفع اليدين في القنوت حذو منكبيه وجهر إمام به وتأمين مأموم سمع قنوت إمام بصيغة جمع فيه وفي دعاء التشهد، فيكره تخصيص نفسه ووضع ركبتيه مفرقتين بقدر شبر ثم كفيه مكشوفتين حذو منكبيه ناشرا أصابعه مضمومة للقبلة ثم جبهته وأنفه معا وتفريق قدميه بشبر منصوبتين موجها أصابعهما للقبلة وإبرازهما من ذيله في السجود وأن يقول فيه ((سبحان ربي الأعلى وبحمده)) ثلاثا،

207. dan bahawa dia kata pada rukuknya "سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ وَبِحَمْدِهِ" tiga kali dan pada bangkitnya darinya "سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ" dan pada i'tidalnya " رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِلْءُ السَّمَوَاتِ وَمِلْءُ الْأَرْضِ وَمِلْءُ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ", dan mengangkat dua tangan pada qunut setentang dua kepala bahunya, dan nyaring imam dengannya, dan ucap amin makmum yang dengar qunut imam dengan sighah jamak padanya dan pada doa tasyahhud, maka makruh mengkhususkan dirinya, dan meletakkan dua lututnya dalam keaadan jarang dengan kadar sejengkal kemudian dua tapak tangan dalam keadaan terdedah setentang dua kepala bahunya dengan dia melunjurkan jari-jarinya merapatkannya menunjuk kearah kiblat kemudian dahinya dan hidungnya serentak, dan menjarangkan dua tapak kakinya sejengkal hal keadaan ia ditegakkan lagi mengadapkan jari-jari keduanya kearah kiblat dan menzahirkan kedua-duanya dari hujung kainnya pada sujud dan bahawa dia kata padanya "سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ" tiga kali,

ومجافاةُ ذكَر عضُديه عن جَنْبَيْه وبطنه عن فخذيه فيه وفي الركوع، وضمُّ غيره، وافتراشٌ في جلوس بين السجدتين، ووضعُ كفيه قريبا من ركبتيه ناشرا أصابعه، وأن يقول فيه : ((رب اغفرلي)) ثلاثا ((وارحمني واجبرني وارفعني وارزقني واهدني وعافني))،

208. dan merenggang lelaki akan dua lengan atasnya dari dua lambungnya dan perutnya dari pehanya pada sujud dan rukuk, dan menghimpun oleh selainnya, dan iftirasy pada duduk diantara dua sujud, dan meletakkan dua tapak tangannya dekat dengan dua lututnya hal keadaan dia melunjurkan jari-jarinya dan bahawa dia berkata padanya "رَبِّ اغْفِرْلِيْ" tiga kali "وَارْحَمْنِيْ وَاجْبُرْنِيْ وَارْفَعْنِيْ وَارْزُقْنِيْ وَاهْدِنِيْ وَعَافِنِيْ",

وجلسةُ الاستراحة وافتراشٌ فيه وفي التشهد أول، واعتمادٌ على الأرض ببطن كفيه عند نهوضه من سجود وقعود، وتوركٌ في تشهد أخير لا يعقبه سجود سهو، ووضعُ كفيه في تشهديه على طرف ركبتيه ناشرا أصابع يسراه بضم وجاعلا أصابع يمناه كعاقد ثلاثة وخمسين، ورفعُ مسبّحتها عند همزة ((إلا الله)) منحنية قليلا، وإبقاؤُها مرفوعة إلى القيام أو السلام، وأن لا يجاوز بصرُه إشارتَها، ونظرٌ إليه حال رفعها،

209. dan duduk istirehat dan iftirasy padanya dan pada tasyahhud awal, dan berkuat diatas tanah dengan batin dua tapak tangannya disisi bangkitnya dari sujud dan duduk, dan tawarruk pada tasyahhud akhir yang tidak diiringi sujud sahwi, dan meletakkan dua tapak tangannya pada dua tasyahhudnya diatas hujung dua lututnya hal keadaan dia melunjurkan jari-jari kirinya serta merapatkannya dan menjadikan jari-jari kanannya seperti orang yang menyimpulkan lima puluh tiga, dan mengangkat telunjuknya disisi hamzah "إلا الله" hal keadaan ia condong sedikit, dan mengekalkannya terangkat hingga kepada berdiri atau salam, dan bahawa pandangannya tidak melampaui isyaratnya, dan memandang kepadanya ketika mengangkatnya,

وأن يأتي في التشهدين بأكمل التشهد، وهو ((التحيات المباركات الصلوات الطيبات لله السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته السلام علينا وعلى عباد الله الصالحين أشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله))، وبعد تشهد أخير بأكمل الصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم، وهو ((اللّٰهُمَّ صل على محمد وعلى

آل محمد كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم وبارك على محمد وعلى آل محمد كما باركت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم إنك حميد مجيد)).

210. dan bahawa dia mendatangkan pada dua tasyahhudnya dengan tasyahhud paling sempurna, iaitu " التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلّٰهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِيْنَ أَشْهَدُ أَن لاَّ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ", dan mendatangkan selepas tasyahhud akhir akan selawat nabi sawm yang paling sempurna iaitu " اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ".

ثم بالدعاء المأثور ((اللّٰهُمَّ اغفر لي ما قدّمت وما أخّرت وما أسررت وما أعلنت وما أسرفت وما أنت أعلم مني أنت المقدّم وأنت المؤخّر لا إله إلا أنت، اللّٰهُمَّ إني أعوذبك من عذاب القبر ومن عذاب النار ومن فتنة المحيا والممات ومن فتنة المسيح الدجال. اللّٰهُمَّ إني ظلمت نفسي ظلما كثيرا ولا يغفر الذنوب إلا أنت فاغفر لي مغفرة من عندك وارحمني إنك أنت الغفور الرحيم. يا مقلّب القلوب ثبّت قلبي على دينك)).

211. kemudian mendatangkan doa yang dinakalkan dari nabi sawm "ya Allah ampunkan bagi ku apa yang aku dulukan dan apa yang aku kemudiankan dan apa yang aku rahsiakan dan apa yang aku jelaskan dan apa yang aku terlajak dan apa yang Engkau lebih tahu dari aku, Engkau yang terdahulu dan Engkau yang terkemudian, tidak ada Tuhan melainkan Engkau, ya Allah sungguhnya aku berlindung dengan Mu dari azab kubur dan dari azab neraka dan dari fitnah kehidupan dan kematian dan dari fitnah Dajjal yang banyak berjalan. Ya Allah sungguhnya aku menzalimi diri ku zalim yang banyak dan tidak mengampunkan dosa-dosa melainkan Engkau maka ampuni ku sebagai keampunan dari sisi Mu dan rahmati aku sungguhnya Engkau maha pengampun maha pengsih. Wahai yang membalik-balikkan hati tetapkan hati ku diatas ugama Mu".

وتسليمةٌ ثانية وزيادة ((ورحمة الله)) فيهما، والتفاتٌ بوجهه يمينا وشمالا في تسليمته ناويا السلامَ على من التفتت إليه من الملائكة ومؤمني الإنس والجن، وينويه على من خلفه وأمامه بأيّهما شاء، و[على] مأموم الرد على من سلم عليه، وإدراجُه بلا مد، ونيةُ خروجٍ من الصلاة بالتسليمة الأولى.

212. dan beri salam kedua, dan tambahan "ورحمة الله" pada kedua-dua salamnya, dan berpaling dengan mukanya kekanan dan kekiri pada salamnya hal keadaan dia niat beri salam itu keatas orang yang dia berpaling kepadanya daripada para malaikat dan mukmin manusia dan jin, dan dia meniatkannya keatas orang dibelakangnya dan depannya dengan mana-mana yang dia hendak, dan makmum berniat memulangkan salam keatas orang yang memberi salam keatasnya, dan menganjur-anjurkannya tanpa panjang, dan niat keluar dari sembahyang dengan salam pertama.

وأبعاض: وهي تشهد أول وقعود له وصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم بعده وعلى آله بعد التشعد الأخير وقنوت في اعتدال آخر صبح ووتر نصف أخير من رمضان : كـ((اللّٰهُمَّ اهدني فيمن هديت وعافني فيمن

عافيت وتولني فيمن توليت وبارك لي فيما أعطيت وقني شر ما قضيت فإنك تقضي ولا يقضى عليك وإنه لا يذل من واليت ولا يعز من عاديت تباركت ربنا وتعاليت فلك الحمد على ما قضيت، أستغفرك وأتوب إليك)). ويجزئ آية فيها دعاء إن قصده، وكذا يجزئ دعاء محض ولو غير مأثور، وقيام له، وصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم وعلى آله بعده لا قبله.

213. dan ab'ad. Ianya : tasyahhud awal dan duduk untuknya dan selawat atas nabi sawm selepasnya dan atas keluarganya selepas tasyahhud akhir dan qunut pada i'tidal yang akhir sembahyang subuh dan witir pada setengah yang akhir daripada ramadhan, seperti " اللّهُمَّ اهْدِنِيْ فِيْمَنْ هَدَيْتَ وَعَافِنِيْ فِيْمَنْ عَافَيْتَ وَتَوَلَّنِيْ فِيْمَنْ تَوَلَّيْتَ وَبَارِكْ لِيْ فِيْمَا أَعْطَيْتَ وَقِنِيْ شَرَّ مَا قَضَيْتَ فَإِنَّكَ تَقْضِيْ وَلاَ يُقْضَى عَلَيْكَ وَإِنَّهُ لاَ يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ وَلاَ يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ". Memada satu ayat yang ada padanya doa jika dia kasadkan qunut, begitu juga memada doa semata-mata walaupun tidak ma'thur, dan berdiri untuknya, dan selawat keatas nabi sawm dan keatas keluarganya selepas qunut, tidak sebelumnya.

فلو ترك شيئا من هذه الأبعاض ولو عمدا أو شك في تركه سجد سجدتين ندبا قُبَيْلَ السلام، كمن سها بما يُبْطِلُ عمده كتطويل ركن قصير وقليل كلام وأكل وتكرير ركن فعلي أو نَقَل قوليّا إلى غير محله أو شك فيما صلاه واحتمل زيادة.

214. Maka kalau dia meninggalkan suatu daripada sunat-sunat ab'ad ini walaupun sengaja atau syak pada meninggalkannya dia sujud dua kali diatas jalan sunat dulu sedikit daripada salam seperti orang yang lupa apa yang membatalkan sengajanya seperti memanjangkan rukun pendek dan sedikit kalam dan makan dan mengulang rukun fe'li atau dia memindahkan rukun qauli kepada selain tempatnya atau dia syak pada apa yang dia telah sembahyangkannya dan diihtimalkan lebih.

ومن السنن المتقدمة عن الدخول في الصلاة الأذان والإقامة فسنتان لمكتوبة ذكر، وإن بلغه أذان غيره، وإقامة لامرأة. ويجيب سامعهما ولو تاليا ومتوضأ، ويُحَوْقِل ويُصَدِّقُ إن حَيْعَلَ وثَوّبَ. ويقول بعدهما ((اللّٰهُمَّ صل وسلم على محمد، اللّٰهُمَّ رب هذه الدعوة التامة والصلاة القائمة آت محمدا الوسيلة والفضيلة وابعثه مقاما محمودا الذي وعدته)).

215. Daripada sunat-sunat yang mendahului masuk pada sembahyang adalah azan dan iqamat maka keduanya sunat bagi sembahyang maktubah lelaki sekalipun sampai kepadanya azan orang lain, dan sunat iqamat bagi perempuan. Orang yang mendengar keduanya menjawab walaupun dia membaca Quran dan berwudhuk, dan menyebut "لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ" dan menyebut "صَدَقْتَ وَبَرِرْتَ" jika muazzin menyebut "حَيّ عَلَى الصَّلاَة-فَلاَحَ" dan menyebut "الصَّلاَةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ". Dia kata selepas keduanya " اللّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمَ عَلَى مُحَمَّدٍ، اللّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ وَالصَّلاَةِ الْقَائِمَةِ آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيْلَةَ وَالْفَضِيْلَةَ وَابْعَثْهُ مُقَامًا مَحْمُوْدًا الَّذِيْ وَعَدْتَهُ".

لما روى الشيخان [البخاري رقم 719، مسلم رقم 674] ((إذا حضرت الصلاة فليؤذن أحدكم)).

216. Demikian itu kerana apa yang dua syeikh riwayatkan dari Abu Hurairah ((apabila hadhir oleh sembahyang maka hendaklah azan seorang daripada kamu)).

وابن النجار [الجامع الصغير رقم 3467] عن أبي هريرة ((ثلاث لو يعلم الناس ما فيهن ما أُخِذْنَ إلا بسهم حِرصا على ما فيهن من الخير والبركة : التأذين بالصلاة والتهجير بالجماعة والصلاة في أول الصفوف)).

217. dan Ibnu Najjar riwayatkan dari Abu Hurairah ((tiga perkara kalau manusia tahu apa yang ada padanya tidak diambil ia melainkan dengan anak panah kerana haloba keatas apa yang ada padanya daripada kebaikkan dan keberkatan : melaungkan azan untuk sembahyang dan bersegera dengan jamaah dan sembahyang pada saf awal)).

وابن أبي شيبة والبيهقي [كنز العمال رقم 2093] عن سلمان الفارسي موقوفا، قال ((إذا كان الرجل في أرض فأقام الصلاة صلى خلفه ملكان فإذا أذّن وأقام صلى خلفه من الملائكة ما لا يُرَى طرفاه، يركعون بركوعه ويسجدون بسجوده ويؤمِّنون على دعائه)).

218. dan Ibnu Abi Syaibah dan Baihaqi riwayatkan dari Salman al Farisi hal keadaan ia mauquf, katanya ((apabila seorang lelaki berada disatu tempat maka dia mendirikan sembahyang sembahyanglah dibelakangnya dua malaikat, maka apabila dia azan dan qamat sembahyanglah dibelakangnya daripada malaikat oleh apa yang tidak dilihat dua hujungnya, mereka rukuk dengan rukuknya dan sujud dengan sujudnya dan mengaminkan doanya)).

وأحمد [رقم 653، الترمذي رقم رقم 3614، النسائي رقم 678، أبو داود رقم 523] ((إذا سمعتم المؤذن فقولوا مثل ما يقولوا، ثم صلوا علي فإنه من صلى علي صلاة صلى الله عليه بها عشرا، ثم سلوا الله لي الوسيلة فإنها منزلة في الجنة لا تنبغي إلا لعبد من عباد الله، وأرجو أن أكون أنا هو. فمن سأل لي الوسيلة حلت له الشافعة)).

219. dan Ahmad riwayatkan ((apabila kamu dengar muazzin maka katalah seumpama apa yang dia kata, kemudian selawatlah keatas ku, maka sungguhnya siapa yang berselawat keatas ku sekali Allah berselawat keatasnya sepuluh kali, kemudian mintalah untuk ku al wasilah, maka ia satu pangkat didalam syurga yang tidak sayugia ia melainkan untuk seorang hamba daripada hamba-hamba Allah dan aku harap bahawa akulah dia. Maka siapa meminta untuk ku wasilah itu halallah baginya syafaat ku)).

وروي : من تكلم في وقت الأذان خيف عليه زوال الإيمان.

220. Diriwayatkan : siapa bercakap pada waktu azan ditakuti diatasnya hilang iman.

والارتداء والتعمم والاستياك عند القيام إلى الصلاة، لما روى الشيخان [البخاري رقم 359، مسلم رقم 516] ((لا يصلي أحدكم في الثوب الواحد ليس على عاتقيه منه شيء)).

221. dan daripada sunat-sunat yang mendahului sembahyang adalah memakai selendang diatas bahu dan berserban dan bersiwak disisi bangun untuk sembahyang, kerana apa yang dua syeikh riwayat ((tidak sembahyang seorang kamu didalam sehelai kain, tidak ada diatas kepala bahunya apa-apa kain)).*

وابن عساكر [عن ابن عمر ، الجامع الصغير رقم 5101] ((صلاة تطوع أو فريضة بعمامة تعدل خمسا وعشرين صلاة بلا عمامة، وجمُعة بعمامة تعدل سبعين جمعة بلا عمامة)).

222. dan Ibnu ‘Asakir riwayat ((satu sembahyang sunat atau fardhu dengan serban menyamai dua puluh lima sembahyang tanpa serban, dan satu jumaat dengan serban menyamai tujuh puluh jumaat tanpa serban)).

والشيخان [البخاري رقم 887، مسلم رقم 252] (لو لا أن أشق على أمتي لأمرتهم بالسواك عند كل صلاة)).

223. dan dua syeikh riwayatkan ((kalaulah aku tidak menyusahkan umat ku nescaya aku suruh mereka bersiwak disisi setiap sembahyang)).

وابن زنجويه [الجامع الصغير رقم 5100] وصححه الحاكم [عن عائشة] ((صلاة بالسواك أفضلل من سبعين صلاة بغير سواك)).

224. dan Ibnu Zanjawaih riwayatkan dan mengesahkannya Hakim dari Aisyah ((sembahyang dengan siwak lebih afdha dari tujuhpuluh sembahyang tanpa siwak)).

قال النووي في المجموع : يسن أن يجعل في عاتقه ثوبا. فإن لم يجده جعل حبلا عليه حتى لا يخلو من شيء ويكره ترك ذلك ككشف الرأس. وقال شيخنا ابن حجر : إن التعمم والاستياك يستحبان ولو بعد الدخول في الصلاة إن أمكن فعلهما بفعل قليل.

225. Kata Nawawi didalam Majmuk : sunat dia meletakkan pada kepala bahunya sehelai kain. Maka jika dia tidak mendapatinya dia meletakkan tali supaya tidak kosong ia dari sesuatu. Makruh meninggalkan demikian itu, sama seperti mendedahkan kepala. Kata Ibnu Hajar : bahawa berserban dan bersiwak itu sunat walaupun selepas masuk pada sembahyang jika terboleh melakukan keduanya dengan perbuatan yang sedikit.

واتخاذ سِتْرَة، وهي شاخص طوله ثلثا ذراع وبينهما ثلاثة أذرع، فبسط المصلى، فخط أمامه طولا. فندب دفع مار مكلف، وحرم مرور حينئذ. وقال البغوي في شرح السنة: إذا بين الإمام موضع صلاته بعصًا أو غيرها لا حاجةَ للمأمومين إلى غرز العَنْزَة وغيرها.

226. dan daripada sunat-sunat yang mendahului masuk pada sembahyang adalah membuat sitrah iaitu suatu yang tegak yang panjangnya dua pertiga hasta dan diantara keduanya tiga hasta, kemudian bentang musalla kemudian garisan didepannya yang memanjang. Maka disunatkan menolak orang yang lalu yang mukallaf dan haram lalu ketika itu. Kata Bughawi didalam Syarah Sunnah : apabila imam menjelaskan tempat sembahyang dengan tongkat atau selainnya tidak perlu para makmum kepada memacakkan tongkat kecil dan selainnya.

لما روى أبو داود (رقم 689، مسند أحمد رقم 7345 و 7411 و7560] ((إذا صلى أحدكم فليجعل تلقاء وجهه شيئا، فلينصب عصاء، فإن لم يكن معه عصا فليخط بين يديه ثم لا يضره ما مر أمامه)).

227. Demikian itu kerana apa yang Abu Daud riwayat ((apabila seorang dari kamu sembahyang maka jadikan setentang mukanya sesuatu, maka dia menegakka tongkat,

maka jika tidak ada bersamanya tongkat dia menggariskan diantara dua tangannya, kemudian tidak memudharatkannya apa yang lalu didepannya)).

والشيخان [البخاري رقم 509، مسلم رقم 505] ((إذا صلى أحدكم إلى شيء يَسْتُرُهُ من الناس فأراد أحد أن يجتاز بين يديه فليدفعه، فإن أبى فليقاتله وهو شيطان)).

228. dan apa yang dua syeikh riwayat ((apabila seorang dari kamu sembahyang kepada suatu yang dia jadikannya sitrah daripada orang ramai maka seorang hendak melintas hadapannya maka hendaklah dia menolaknya, maka jika dia enggan maka bunuhlah dia kerana dia itu hanyalah syaitan)).

وهما [البخاري رقم 887، مسلم رقم 506] ((لو يعلم المارّ بين يديّ المصلى)) إلى الستر ة ((ماذا عليه من الاثم لكان أن يقف أربعين خيرا له من أن يمر بين يديه)).

229. dan apa yang kedua mereka riwayatkan ((kalau orang yang lalu didepan orang yang sembahyang)) kepada sitrah ((tahukan apa yang kena diatasnya daripada dosa nescaya adalah berdirinya empat puluh lebih baik baginya dari lalunya dihadapannya)).

والطبراني [في الأوسط عن أنس ، الجامع الصغير رقم 4664] ((إن سترة الإمام سترة لمن خلفه)).

230. dan apa yang Thabarani riwayatkan ((sungguhnya sitrah imam itu sitrah bagi orang yang dibelakangnya)).

وتسبيح وتحميد وتكبير وتهليل واستغفار عشرا إذا أراد القيام إلى الصلاة، لما روى ابن السني [رقم 105] عن أم رافع أنها قالت : يا رسول الله! دُلَّنِيْ على عمل يأجرني الله عز وجل عليه. قال ((يا أم رافع! إذا قُمْتِ إلى الصلاة فسبِّحِي الله عشرا وهلِّلِيْهِ عشرا واحْمِدِيْه عشرا وكَبِّرِيْهِ عشرا واستغفريه عشرا فإنكِ إذا سبّحْتِ قال الله تعالى : هذا لي، وإذا هلّلْتِ قال الله تعالى : هذا لي، وإذا حمِدْتِ قال الله تعالى : هذا لي ، وإذا كبّرْتِ قال الله تعالى : هذا لي وإذا استغفرتِ قال الله تعالى : قد فعلتُ ذلك)).

231. dan sunat yang mendului masuk pada sembahyang juga adalah tasbih dan tahmid dan takbir dan tahlil dan istighfar sepuluh kali apabila dia hendak mendirikan sembahyang, kerana apa yang diriwayatkan oleh Ibnu Sunni dari Ummu Rafi' bahawa dia berkata : wahai rasulullah sawm! Tunjukki aku amalan yang Allah azza wa jalla ganjari aku diatasnya. Katanya ((wahai Ummu Rafi'! apabila kamu berdiri untuk sembahyang maka hendaklah kamu bertasbih sepuluh kali dan bertahlil sepuluh kali dan bertahmid sepuluh kali dan beristighfar sepuluh kali maka apabila kamu bertasbih Allah taala berkata : ini bagi Aku, dan apabila kamu bertahlil kata Allah taala : ini bagi Aku, dan apabila kamu bertahmid kata Allah taala : ini bagi Aku, dan apabila kamu bertakbir Allah taala berkata : ini bagi Aku, dan apabila kamu istighfar Allah taala berkata : sungguh telah Aku buat demikian itu)).

ومكروهاتها : تركُ كشف يديه عند تحرمه وسجوده، وإلصاقُ قدميه، وتقديمُ إحداهما، واعتمادٌ عليها في القيام، وجهرٌ بمحل إسرار وعكسه، وخفضُ رأس في ركوع، ومخالفةُ ترتيب ذكرناه في وضع أعضاء السجود، وبسطُ الذراعين على الأرض، وتركُ وضع الأنف فيه، وتركُ رجل مجافاةً فيه وفي الركوع، وتركُ تعوذٍ وسورةٍ

وتكبيرِ انتقال وأقلّ تسبيح ركوع وسجود وذكرِ اعتدال وجلوس بين السجدتين وتعوذٍ بعد تشهد أخير، وإسراعٌ وتخصيصٌ إمام نفسه بالدعاء، وتخلُّفُ مأموم لجلسة استراحة تركها الإمام، وكفُّ شعر وثوب، ومسحُ وجهه من نحو غبار، وترويحٌ على نفسه، وبصقٌ أَماما ويمينا، وإشارةٌ مفهمة وتثاؤبٌ واختصارٌ واعتمادٌ على اليد اليسرى في الجلوس وتقليبُ اليدين عند التسليمتين.

232. Makruh-makruhnya : tidak mendedahkan dua tapak tangan disisi taharrumnya dan sujudnya, dan mendempekkan dua tapak kaki dan mendepankan satu daripada keduanya, dan berkuat diatas satu daripada keduanya pada berdiri, dan nyaring pada tempat senyap dan ‘akasnya, dan menundukkan kepala pada rukuk, dan menyalahi tertib yang kami sebutkan pada meletakkan anggota-anggota sujud, dan menghamparkan dua lengan diatas bumi, dan tidak meletakkan hidung padanya, dan tidak merenggang lelaki padanya dan pada rukuk, dan meninggalkan ta’awwuz dan surah dan takbir intiqal dan sekurang-kurang tasbih rukuk dan sujud dan zikir i’tidal dan duduk diantara dua sujud dan ta’awwuz selepas tasyahhud akhir, dan mencepatkan gerakkan, dan mengkhusus imam akan dirinya dengan doa, dan ketinggalan makmum untuk duduk istirehat yang imam tinggalkan, dan menahan rambut dan kain, dan menyapu mukanya dari umpama debu, dan merehatkan dirinya, dan meludah kedepan dan kekanan, dan isyarat yang memberi faham, dan menguap, dan cekak pinggang, dan berkuat diatas tangan kiri pada duduk, dan membalikkan dua tangan disisi memberi dua salam.

فائدة : يحرم االلتفات في الصلاة على ما قاله المتولي والحليمي، ورفع البصر عن موضع سجوده على ما قاله الأذراعي.

233. Faedah. Haram menoleh didalam sembahyang diatas apa yang dikatakan Mutawalli dan Hulaimi, dan mengangkat pandangan dari tempat sujudnya diatas apa yang dikatakan Azrai’e.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((من قام في الصلاة فالتفت رد الله عليه صلاته)). رواه الطبراني [في الكبير عن أبي درداء ، الجامع الصغير رقم 89804].

234. Kata rasulullah sawm ((siapa berdiri pad asembahyang lalu dia menoleh Allah menolak keatsnya sembahyangnya)). Meriwayatkannya Thabarani.

وقال صلى الله عليه وسلم ((ما بالُ أقوامٍ يرفعون أبصارهم إلى السماء في صلاتهم ؟)). فاشتد قوله في ذلك حتى قال ((لَيَنْتَهُنّ عن ذلك أو لتُخْطَفَنّ أبصارُهم)). رواه البخاري [رقم 750].

235. Katanya sawm ((apa kena kaum-kaum itu mereka mengangkat pandangan mereka kelangit didalam sembahyang mereka!)). Maka keraslah suaranya pada demikian itu hingga dia berkata ((hendaklah mereka berhenti dari demikian itu atau akan disambar penglihatan mereka)). Meriwayatkannya Bukhari.

وروي أن سبب الابتلاء يعقوب بابنه يوسف عليهما السلام أنه التفت في صلاته إليه وهو نائم محبة له.

236. Diriwayatkan bahawa sebab diuji Ya’qub dengan anaknya Yusuf alaihima salam bahawa Ya’kub menoleh kepadanya didalam sembahyangnya sedang dia tidur kerana kasihkannya.

ويكره تحريما صلاة عند الاستواء إلا يوم الجمعة، وبعد أداء صبح وعصر حتى ترتفع وتغرب الشمس، إلا لسبب غير متأخِّر كركعتي تحية ووضوء وكفائتة لم يقصد تأخيرها إليها، وتنزيها صلاةٌ بمدافعة حدث وبحضرة طعام يَتَوَقّ إليه، وبطريق في بنيان ومقبرة، وسواء أصلى إلى القبر أم عليه أم بجانبه.

237. Makruh sebagai makruh haram sembahyang disisi rembang matahari melainkan pada hari jumaat, dan selepas menunaikan subuh dan asar hingga meninggi dan tenggelam matahari, melainkan kerana sebab yang tidak terkemudian seperti dua rakaat tahiyyat dan wudhuk dan seperti sembahyang luput yang tidak dimaksudkan mentakhirkannya kepadanya, dan sebagai makruh tanzih sembahyang dengan menolak-nolak hadath dan pada kehadhiran makanan yang dia inginkan sangat kepadanya, dan dijalan pada kawasan binaan dan pada kuburan, sama sahaja dia sembahyang kepada mengadap kubur itu atau diatasnya atau disebelahnya.

ومبطلاته نطقٌ بحرفين ولاء، ولو في تنحنح أو حرف مفهمة من كلام بشر، لا يسيرِ كلام سبق لسانه إليه أو نسي أوجهل تحريمه فيها وقرب عهده بالإسلام أو نشأ بعيدا عن العلماء، ولا يتنحنح لتعذر ركن قوليّ وإن كثر، ولا ضَحْكٍ وبكاءٍ وسعالٍ وعُطَاسٍ إن غلبت وقلّت، وفعلٌ فاحشٌ كوثبة أو كثيرٌ يقينا من غير جنسها كثلاث خُطْوات وتحريكِ كف ثلاثا بحَكّ لغير شدة جرب ولاء بحيث يعد كل متصلا على ما قبله ولو سهوا، لا خفيفٌ وإن كثر متواليا كتحريك أصابعه وأجفانه، ومفطرٌ وتعمدُ تكرير ركن فعلي وإطالةُ فعليّ قصير عمدا وإخلالُ شرط من شروطها وتركُ ركن من أركانها.

238. Perkara-perkara yang membatalkannya : [1] bertutur dengan dua huruf berturut-turut walaupun pada berdehem atau satu huruf yang memahamkan daripada cakap manusia, tidak dengan sedikit cakap yang terlajak lidahnya kepadanya atau dia lupa atau jahilkan pengharamannya didalam sembahyang dan dekat masanya dengan Islam atau dia membesar jauh dari ulamak, tidak boleh dia berdehem kerana teruzur rukun qauli sekalipun banyak, tidak membatalkan ketawa dan menangis dan batuk dan bersin jika menggagahi dan sedikit, [2] dan perbuatan yang keji seperti lompat atau banyak dengan yakin dari selain jenis sembahyang seperti tiga langkah dan menggerakkan tapak tangan tiga kali dengan menggaru yang bukan kerana kurap yang teruk hal kedaan ia berturut-turut sekira-kira dikirakan setiap satunya bersambung dengan yang sebelunmnya walaupun diatas jalan lupa, tidak yang ringan sekalipun banyak lagi berturut-turut seperti menggerakkan jari-jarinya dan kelopak matanya, [3] dan perkara yang membatalkan puasa, [4] dan sengaja mengulangi rukun fe'li, [5] dan memanjangkan rukun fe'li yang pendek dengan sengaja, [6] dan mencederakan satu syarat daripada syarat-syaratnya, [7] dan meninggalkan satu rukun daripada rukun-rukunnya.

وحكي عن الشيخ معين الدين [محمد بن عبد الإيجِيّ الصَفَوِيّ] أنه قال : كان الشيخ أحمد الغَزْنَوِيّ ساكنا في غارٍ قريب من الشام فزرته، فإذا ما عليه إلا الجلدُ والعظمُ وهو جالس على سجّادة وبين يديه أسدان، فقال لي : من أين تصل؟ قلت: من بغدادَ. قال : مرحبا، وأكثِر خدمةَ الفقراء حتى يعظُمَ أمرك، وإني سكنت في هذا الغار منذ ثلاثين سنة واعتزلت الخلق، ولكن ما استرحْت من البكاء منذ ثلاثين سنة لأجل خوف شيء. قلت: ما

هو؟ قال : الصلاة، إذا صلّيت نظرت فيها مفكّرا وبكيت. وقلت : لو اختلت ذرّة من الشروط ضاعت جميع أعمالي وضرب بطاعتي على وجهي. فإن كنت يا فقير تقدر أن تخرج من عهدة الصلاة فعلت أمرا، وإلا ذهب العُمْرُ بالغفلة وضاع.

239. Dihikayatkan dari syeikh Mui'enuddin bahawa dia berkata : adalah syeikh Ahmad Ghaznawi tinggal didalam sebuah gua berdekatan Syam maka aku melawatnya, maka tiba-tiba tidak adalah dia melainkan kulit dan tulang, dan dia duduk diatas sejadah dan dihadapannya ada dua ekor singa, maka katanya kepada aku : dari mana engkau sampai? Aku kata : dari Baghdad. Katanya : selamat datang, dan banyakkan khidmat kepada para fakir hingga jadi hebatlah keadaan kamu. Sungguhnya aku mendiami gua ini sejak tiga puluh tahun dan aku mengasingkan diri dari manusia, akan tetapi aku tidak berehat dari menangis sejak tiga puluh tahun itu kerana takutkan sesuatu. Aku kata : apa dia? Katanya : sembahyang, apabila aku sembahyang aku renung padanya sambil berfikir dan aku menangis. Aku berkata : kalau cedera satu zarah daripada syarat-syaratnya sia-sialah semua amalan ku dan dihempaskan ketaatan ku kemuka ku. Maka jika engkau wahai si fakir mampu keluar dari perjanjian sembahyang maka kamu telah buat suatu perkara, jika tidak hilanglah umur kamu dengan lalai dan sia-sialah ia.*

وأخرج الطبراني وابنا خزيمة وحبان في صحيحيهما [كنز العمال رقم 22431] : إن رسول الله صلى الله وسلم رأى رجلا لا يتم ركوعه وينقُر في سجوده وهو يصلي، فقال صلى الله عليه وسلم ((لو مات هذا على حاله مات على غير ملة محمد)) صلى الله عليه وسلم. ثم قال ((مثل الذي لا يتم ركوعه وينقر في سجوده مثل الجائع يأكل التمرة أو التمرتين، لا يغنيان عنه)).

240. Thabarani, Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban mengeluarkan didalam sahih kedua mereka : sungguhnya rasulullah sawm melihat seorang lelaki tidak menyempurnakan rukuknya dan memagut pada sujudnya sedang dia sembayang, maka katanya sawm ((kalau orang ini mati diatas keadaannya matilah dia diatas selain millah Muhammad)) sawm, kemudian dia berkata ((bandingan orang yang tidak menyempurnakan rukuknya dan memagut pada sujudnya umpama orang lapar yang makan sebutir atau dua butir tamar, ia tidak mengenyangkannya)).

وأحمد [رقم15849] ((لا ينظر الله إلى عبد لا يقيم صلبه بين سجوده وركوعه)).

241. Ahmad mengeluarkan ((Allah tidak memandang hamba yang tidak menegakkan tulang belakangnya diantara sujud dan rukuknya)).

والطبراني [كنز العمال رقم 19052] ((من صلاّها لغير وقتها ولم يسبغ [لها] وضوءها ولم يتم لها خشوعها ولا ركوعها ولا سجودها خرجت وهي سوداء مظلمة. تقول ضيعك الله كما ضيعتني حتى إذا كانت حيث شاء الله لفت كما يلف الثوب الخلَق ثم ضرب بها وجهه)).

242. Thabarani mengeluarkan ((siapa sembahyang satu sembahyang pada selain waktunya dan dia tidak meratakan wudhuknya dan tidak menyempurnakan khusyuknya dan tidak rukuknya dan tidak sujudnya keluarlah sembahyang itu dalam keadaan hitam lagi gelap. Katanya : moga Allah mensia-siakan kamu sepertimana kamu sia-siakan

aku. Hingga satu masa yang Allah kehendaki dilipat ia sepertimana dilipatkan kain buruk kemudian dihempaskan kemukanya)).

ومسلم [رقم 423] ((يا فلان! ألا تحسن صلاتك ؟ ألا ينظر المصلِّي إذا صلى كيف يصلي، فإنما يصلي لنفسه)).

243. Muslim mengeluarkan ((wahai pulan! Hendaklah kamu elokkan sembahyang kamu! Hendaklah seorang sembahyang itu apabila dia sembahyang menilik cara-cara dia sembahyang! Maka dia hanyalah sembahyang untuk dirinya)).

والديلمي [كنز العمال رقم 20079] وحسنه الحافظ ابن حجر ((اذكر الموت في صلاتك، فإن الرجل إذا ذكر الموت في صلاته لحَرِيٌّ أن يحسن صلاته، وصل صلاة رجل لا يظن أنه يصلي صلاة غيرها)).

244. Dailami mengeluarkan dan dibilang hasan oleh Hafiz Ibnu Hajar ((ingatlah mati didalam sembahyang kamu, kerana seorang lelaki itu apabila ingatkan mati didalam sembahyangnya sebenarlah bahawa dia mengelokkan sembahyangnya, dan sembahyanglah sebagai sembahyang seorang lelaki yang menyangka bahawa dia tidak akan sembahyangkan satu sembahyang selain sembahyangnya itu)).

وأبو داود ر[ؤرقم 904، النسائي رقم 1214، مسند أحمد رقم 15877] عن عبد الله ابن الشِخِّيْر قال : رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم يصلى وفي صدره أزِيْزٌ كأزيز المِرْجَلِ [الرَّحَى] من البكاء.

245. Abu Daud mengeluarkan dari Adullah bin Syikhkhir katanya : aku lihat rasulullah sawm sembahyang dan pada dadanya ada bunyi gelegak seperti gelegak periuk batu kisar disebabkan menangis)).

فائدة: قال السيد معين الدين [محمد ابن عبد الرحمن الإيجي] الصفوي في تفسيره جوامع التبيان : والأصح أن الخشوع من فرائض الصلاة. وقال سفيان الثوري : من لم يخشع فسدت صلاته. وقال سيدي القطب العارف بالله محمد البكري رضي الله عنه ونفعنا به : وإنما يورث ذلك إطالة الركوع والسجود. وقال شيخ مشايخنا زكريا الأنصاري رحمه الله تعالى : إن نظرَ موضع السجود أقربُ إلى الخشوع.

246. Faedah : kata sayyid Mui'enuddin Muhammad bin Abdul Rahman safawi didalam tafsirnya "Jawami' Tibyan : yang paling sahih bahawa khusyuk itu daripada fardhu sembahyang. Kata Sufian Thauri : siapa tidak khusyuk rosak sembahyangnya. Kata Sayyidi alqutub al'arif billah Muhammad Bakri redha Allah akan dia dan memanfaatkan kita dengannya : yang mewariskan demikian itu hanyalah memanjangkan rukuk dan sujud. Kata syeikh kami Zakaria Ansari rahimahullah taala : bahawa memandang tempat sujud lebih dekat kepada khyusuk.

وروي عن علي ابن أبي طالب رضي الله عنه أنه في بعض الحروب الجهادية أصيب بسهم ثم جذب السهم من عضوه الشريف وبقي النصل فيه. فقالوا : إذا لم يُجرح العضو لا يمكن استخراج النصل منه ونخاف من إذاء أمير المؤمنين وقطع عضوه. فقال رضي الله عنه : إذا اشتغلت بالصلاة فاستخرجوه فافتتح الصلاة وهم قطعوا أم جرحوا العضو واستخرجوا النصل وهو رضي الله عنه لم يتغير في صلاته. فلما فرغ قال : لِمَ لَمْ تستخرجوه ؟ فقالوا: قد استخرجناه.

247. Diriwayatkan Ali bin Abi Thalib r.a bahawa dia kena anak panah satu daripada perang-perang jihad, kemudian ditarik anak panah itu dari anggotanya yang mulia itu dan tinggal mata panah itu padanya. Maka kata mereka : bila tidak dilukakan anggota itu tidak terboleh mengeluarkan mata panah itu darinya, dan kami takut menyakiti amirul mukminin dan melukakan anggotanya. Maka kata Ali r.a : apabila aku sibuk dengan sembahyang maka kamu keluarkanlah mata panah itu. Lalu dia memulakan sembahyang dan mereka menorah atau melukakan anggotanya dan mengeluarkan mata panah itu, sedang Ali r.a tidak berubah dari sembahyangnya. Maka tatkala dia selesai dia berkata : kenapa kamu tidak keluarkannya? Maka kata mereka : sungguh kami telah keluarkannya.

فانظر إلى إقباله على ربه حتى لم يحس بجرح العضو واستخراج النصل من جوف اللحم. فنحن إذا عضّنا قُمْلَة أو برغوث بل إذا وقع علينا ذباب نتشوش ولا يبقى لنا حضورٌ. فأين نحن من تلك الحالات والمقامات؟

248. Maka lihatlah kepada bagaimana dia mengadap Tuhannya hingga tidak perasan anggotanya dilukakan dan mata panah itu dikeluarkan dari dalam dagingnya. Maka kita apabila digigit kutu bahkan apabila jatuh lalat keatas kita kita jadi celaru dan tidak tinggal bagi kita oleh hadhir hati. Maka dimanakah kita dari hal-hal dan makam-makam ini.

وحكي عن زين العابدين علي بن حسين أنه إذا توضأ اصفرّ لونه، وإذا قام إلى الصلاة أخذته رعدة. فقيل له : ما لك؟ فقال : ويحكم! أتدرون بين يدي من أقوم؟ ولمن أريد أن أناجي؟ وأنه وقع حريق في بيته وهو ساجد فجعلوا يقولون له : يا ابن رسول الله! النار! فما رفع رأسه. فقيل له في ذلك لَمّا رفع رأسه فقال : ألهتني عنها النار الكبرى.

249. Dihikayatkan Zainal Abidin Ali bin Husain bahawa dia apabila berwudhuk jadi kuning mukanya dan apabila bangun kepada sembahyang mulalah dia gementar. Maka dikatakan kepadanya : apa kena engkau ini? Maka katanya : kasihan kamu! Adakah kamu tahu dihadapan siapa aku berdiri dan kepada siapa aku bermunajat?. Dan bahawa terjadi kebakaran dirumahnya sedang dia sujud, maka mulalah orang ramai berkata kepadanya : wahai anak rasulullah! Api! Maka dia tidak mengangkat kepalanya. Kemudian dikatakan kepadanya tentang demikian itu tatkala dia mengangkat kepalanya, maka katanya : melalaikan aku darinya oleh api yang besar.

فانظر أيها الغافل في الصلاة بين يدي من تقوم ومن تناجي؟ واستَحْيِ أن تناجي مولاك بقلب غافل وصدر محشون بوساوس الدنيا وخبائث الشهوات. أَمَا تعلمُ أنه مطّلع على سريرتك وناظر إلى قلبك؟ وإنما يتقبّل من صلاتك بقدر خشوعك وخضوعك وتواضعك وتضرّعك. فاعبده في صلاتك كأنك تراه، فإن لم تكن تراه فإنه يراك.

250. Maka renunglah wahai orang yang lalai dalam sembahyang didepan siapa kamu berdiri dan siapakah yang kamu bermunajat kepadanya? Malulah bahawa kamu bermunajat dengan Tuhan kamu dengan hati yang lalai dan dada yang dipenuhi dengan bisikkan dunia dan syahwat yang keji. Adakah kamu tidak tahu bahawa Dia memerhati rahsia kamu dan memandang hati kamu? Dia hanya menerima dari sembahyang kamu kadar khusyuk kamu dan khudu’ kamu dan tawadhu’ kamu dan

tadharru’ kamu. Maka sembahlah dia seolah-olah kamu melihatNya maka jika kamu tidak melihatnya maka Dia melihat kamu.

فإن لم تحضر قلبك بما ذكرنا ولم تسكن جوارحك لقصور معرفتك بجلال الله تعالى فقدِّر أن رجلا صالحا من وجوه أهل بيتك ينظر إليك كيف صلاتك! فعند ذلك يحضر قلبك وتسكن جوارحك. ثم ارجع إلى نفسك وقل: ألا تستحين مِنْ خالقك ومولاك الذي هو مطّلع عليك وناظر إلى قلبك؟ أهو أقل عندك من عبد من عباده وليس بيده ضرك ولا نفعك. فما أشد طغيانك وجهلك وما أعظم عداوتك لنفسك.

251. Maka jika tidak hadhir hati kamu dengan apa yang telah kami sebutkan dan tidak tenang anggota-anggota kamu kerana kurang makrifah kamu dengan ketinggian Allah taala maka andaikan bahawa seorang soleh daripada orang-orang yang disegani didalam keluarga kamu memandang kamu, bagaimana sembahyang kamu! Maka ketika itu hadhirlah hati kamu dan tenanglah anggota-anggota kamu. Kemudian kembalilah kepada diri kamu dan katakan : adakah kamu tidak malu pada pencipta kamu dan tuan kamu yang mana dia menilik kepada kamu dan memandang hati kamu? Adakah Dia lebih rendah dari hambaNya sedang tidak ada pada tangannya apa yang memudharatkan kamu dan memanfaatkan kamu. Maka alangkah teruk sesat kamu dan jahil kamu dan alangkah besarnya perseteruan kamu terhadap diri kamu.

فعالجْ قلبك بهذا فعسى أن يحضر معك في صلاتك. فإنه انعقد الاجماع العلماء على أنه لا يكتب لك من صلاتك إلا ما عقلت منها. وأما ما أتيت به مع الغفلة ولو حكم بصحته ظارها فهو إلى الاستغفار أحوج لأنه إلى العقوبة أقرب.

252. Maka rawatlah hati kamu dengan ini, maka harap-harap ia hadhir bersama kamu didalam sembahyang kamu. Maka sungguh telah terjadi ijmak ulamak diatas bahawa tidak dituliskan bagi kamu dari sembahyang kamu melainkan apa yang kamu sedar daripadanya. Adapun apa yang kamu datangkan beserta lalai walaupun dihukumkan dengan sahnya pada zahir maka ia lebih berhajat kepada istighfar kerana ia lebih dekat kepada siksaan Allah.

قال الفقيه إسماعيل [بن أبي بكر] المقري رحمه الله [من الطويل] :

تُصَلِّيْ بِلاَ قَلْبٍ صَلاَةً بِمِثْلِهَا * يَكُوْنُ الْفَتَى مُسْتَوْجِبًا لِلْعُقُوْبَةِ

تَظَلُّ وَقَدْ أَتْمَمْتَهَا غَيْرَ عَالِمٍ * تَزِيْدُ احْتِيَاطًا رَكْعَةً بَعْدَ رَكْعَةِ

فَوَيْلَكَ تَدْرِيْ مَنْ تُنَاجِيْهِ مُعْرِضًا * وَبَيْنَ يَدَيْ مَنْ تَنْحَنِيْ غَيْرَ مُخْبِتِ

تُخَاطِبُهُ إِيَّاكَ نَعْبُدُ مُقْبِلاً * عَلَى غَيْرِهِ فِيْهَا لِغَيْرِ ضَرُوْرَةِ

وَلَوْ رَدَّ مَنْ نَاجَاكَ لِلْغَيْرِ طَرْفَهُ * تَمَيَّزْتَ مِنْ غَيْظٍ عَلَيْهِ وَغَيْرَةِ

أَمَا تَسْتَحِي مِنْ مَالِكِ الْمُلْكِ أَنْ يَرَى * صُدُوْدَكَ عَنْهُ يَا قَلِيْلَ الْمُرُوْؤَةِ

إِلَهِي اهْدِنَا فِيْمَنْ هَدَيْتَ وَخُذْ بِنَا * إِلَى الْحَقِّ نَهْجًا فِي سَوَاءِ الطَّرِيْقَةِ

253. Kamu sembahyang tanpa hadhir hati satu sembahyang yang dengan seumpamanya seorang pemuda mewajibkan siksaan. Sentiasalah kamu sempurnakannya dalam keadaan kamu tak tahu. Kamu tambah cermat satu rakaat

lepas satu rakaat. Maka celakalah kamu, kamu tahu orang yang kamu bermunajat kepadanya berpaling dari kamu, dan dihadapan orang yang kamu tunduk tidak merendahkan diri. Kamu tujukan kepadanya "akan Engkau kami sembah" serta mengadap kepada orang lain didalamnya tanpa terdesak. Kalau orang yang bermunaat kepada kamu menolak pandangannya kepada orang lain nescaya kamu berubah kerana marah dan cemburu keatasnya. Tidakkah kamu malu kepada raja segala raja bahawa dia melihat keengganan kamu darinya wahai orang yang sedikit maruah. Tuhan ku bimbinglah kami pada orang yang Engkau bimbing dan ambillah kami kepada jalan kebenaran pada sejalan yang betul.

خَاتِمَةٌ فِي الْأَذْكَارِ الْمَأْثُوْرَةِ بَعْدَ الصّلاَةِ الْمَكْتُوْبَةِ

روى الترمذي [رقم 3499] عن أبي أمامة، قيل لرسول الله صلى الله عليه وسلم : أي الدعاء أسمع ؟ قال ((جوف الليل الآخر ودبر الصلوات المكتوبات)).

254. **KHATIMAH PADA ZIKIR-ZIKIR YANG MA'THUR SELEPAS SEMBAHYANG.** Turmizi meriwayatkan dari Abu Umamah, dikatakan kepada rasulullah sawm : mana satu doa yang lebih didengar? Katanya ((doa diwaktu malam yang akhir dan dibelakang sembahyang-sembahyang maktubah)).

قال النووي [الأذكار رقم 400] أجمع العلماء على استحباب الذكر والدعاء بعد الصلاة.

255. Kata Nawawi : telah ijmak para ulamak diatas sunat zikir dan doa selepas sembahyang.

فمن الذكر المأثور ما خرّجه ابن السُنّيّ وأبو يعلى [الجامع الصغير رقم 8417] عن البرّاء، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((من استغفر الله دبر كل صلاة ثلاث مرات فقال : أستغفر الله الذي لا إلٰه إلا هو الحي القيوم وأتوب إليك، غفرت ذنوبه وإن كان قد فَرّ من الزحف)). ويزيد فيه "العظيم" بعد الصبح والمغرب.

256. Maka daripada zikir yang ma'thur apa yang dikeluarkan oleh Ibnu Sunni dan Abu Ya'la dari al Barra', katanya : kata rasulullah sawm ((siapa beristighfar dibelakang setiap sembahyang tiga kali maka katanya "أَسْتَغْفِرُ اللهِ الّذِيْ لاَ إِلَهَ إِلاّ هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ" diampunkan dosa-dosanya sekalipun dia pernah lari dari pertempuran)). Dia menambah padanya "العَظِيْم" selepas subuh dan maghrib.

ومسلم [رقم 591] كان رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا انصرف من صلاته استغفر ثلاثا وقال ((اللّٰهُمَّ أنت السلام ومنك السلام تباركت يا ذاا الجلال ولإكرام))، ((لا إلٰه إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير. اللّٰهُمَّ لا مانع لما أعطيت ولا معطي لما منعت ولا رادّ لما قضيت ولا ينفع ذا الجد منك الجد)). [البخاري رقم 844، ومسلم رقم 593] ((ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم، لا إلٰه إلا الله ولا نعبد إلا إياه له النعمة وله الفضل وله الثناء الحسن، لا إلٰه إلا الله مخلصين له الدين ولو كره الكافرون))، [مسلم رقم 594].

257. dan apa yang dikeluarkan oleh Muslim : adalah rasulullah sawm bila berpaling dari sembahyangnya dia beristighfar tiga kali. Katanya (("اللّٰهُمَّ أنت السلام ومنك السلام" hingga "ولو كره الكافرون")).

وهو أيضا [مسلم رقم 595]، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((من سبح الله في دبر كل صلاة ثلاثا وثلاثين وحمد الله ثلاثا وثلاثين وكبر الله ثلاثا وثلاثين، وقال تمام المئة : لا إله إلا الله وحده لا شريك لهُ، لهُ الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير، غفرت خطاياه وإن كانت مثل زبد البحر)).

258. dan yang dikeluarkan oleh dia juga : kata rasululah sawm ((siapa bertasbih dibelakang setiap sembahyang tiga puluh tiga dan bertahmid tiga puluh tiga dan bertakbir tiga puluh tiga, dan berkata pada sempurna seratus " لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير", diampunkan kesalahan-kesalahannya sekalipun ia seumpama buih dilaut.

والرافعي [الجامع الصغير رقم 734] قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((إذا صلّيتم صلاة الفرض فقولوا في عقب كل صلاة عشرَ مرات : لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير، يكتب له من الأجر كأنما أعتق رقبة)). ويزيد فيها ((يُحيي ويميت بيده الخير)) بعد الصبح والعصر والمغرب.

259. dan yang dikeluarkan oleh Rafi'e, kata rasulullah sawm ((apabila kamu siap sembahyang satu sembahyang maka katalah mengiringi setiap sembahyang itu sepuluh kali " لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير، يكتب له من الأجر كأنما أعتق رقبة" dituliskan baginya daripada pahala seolah-olah dia memerdekakan seorang hamba. Dia menambah padanya "يُحيي ويميت بيده الخير" selepas subuh dan 'asar dan maghrib.

والحارث بن عُمَيْر عن رسول الله صلى الله عليه وسلم : إن فاتحة الكتاب وآية الكرسي و شهد الله أنه لا إله إلا هو والملائكة وأولو العلم قائما بالقسط لا إله إلا هو العزيز الحكيم إن الدين عند الله الإسلام [سورة آل عمران 18 – 19] و قل اللّٰهُمَّ مالك الملك تؤتي الملك من تشاء وتنزع الملك ممن تشاء وتعز من تشاء وتذل من تشاء بيدك الخير إنك على كل شيء قدير تولج الليل في النهار وتولج النهار في الليل وتخرج الحي من الميت وتخرج الميت من الحي وترزق من تشاء بغير حساب [سورة آل عمران 26- 27] معلّقات، ما بينهن وبين الله حجاب . قلن : يا رب! أتُهْبِطُنا إلى أرضك وإلى من يعصيك؟ قال الله تعالى : بِيْ حلفت، لا يقرؤكن أحد دبر كل صلاة إلا جعلت الجنة مثواه على ما كان فيه، وأسكنته حظيرة القدس، ونظرت إليه بعيني المكنونة في كل يوم سبعين مرة، وقضيت له كل يوم سبعين حاجة، أدناها المغفرة وأعَذْته من كل عدوّ وحاسد، ونصرته)).

260. dan yang dikeluarkan oleh Harith bin Umair dari rasulullah sawm : sungguhnya fatihah kitab dan ayat kursi dan "شَهِدَ اللهُ أَنَّهُ hingga إِنَّ الدِّيْنَ عِنْدَ اللهِ الاِسْلَامُ" dan "قُلِ اللّٰهُمَّ hingga

"بِغَيْرِ حِسَابٍ" adalah ayat-ayat yang bergantungan, tidak ada hijab diantaranya dan diantara Allah. Kata mereka : wahai Tuhan kamu adakah Engkau turunkan kami ke bumi Mu dan kepada orang yang derhakakan Engkau? Kata Allah taala : dengan diri ku aku bersumpah tidak membaca kamu semua oleh seorang dibelakang setiap sembahyang melainkan aku jadikan syurga sebagai tempat kembalinya diatas apa yang ada padanya, dan aku tempatkan dia di hazrat qudsi dan aku pandang kepadanya dengan mata ku yang tersimpan pada setiap hari tujuh puluh kali, dan aku tunaikan baginya setiap hari tujuh puluh hajat, yang paling rendahnya keampunan, dan aku lindungi dia dari setiap musuh dan penghasad, dan aku tolongi dia.

والنسائي وابن حبان [عن أبي أمامة "الجامع الصغير" رقم 7926] قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((من قرأ آية الكرسي دبر كل صلاة مكتوبة لم يمنعه من دخول الجنة إلا أن يموت)).

261. dan yang dikeluarkan oleh Ibnu Hibban dari Abu Umamah kata rasulullah sawm ((siapa membaca ayat Kursi dibelakang setiap sembahyang maktubah tidak menegahnya dari masuk syurga melainkan mati)).

وأبو يعلى [عن جابر "الجامع الصغير" رقم 3426] قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((ثلاث من جاء بهن مع الإيمان دخل من أي أبواب الجنة شاء وزوج من الحور العين حيث شاء : من عفا عن قاتله، ومن أدى دينا خفيا ومن قرأ في دبر كل صلاة مكتوبة عشر مرات قل هو الله أحد)).

262. dan yang diriwayatkan oleh Abu Ya'la dari Jabir kata rasulullah sawm ((tiga perkara siapa mendatangkannya beaerta dengan iman masuk dia dari mana-mana pintu syurga yang dia hendak dan bekahwin dengan bidadari yang dia hendak : siapa yang memaafkan pembunuhnya dan siapa yang menunaikan hutang secara senyap-senyap dan siapa yang membaca dibelakang setiap sembahyang maktubah sepuluh kali "قُلْ هُوَ اللَّهُ".))

وأبو داود [رقم 1523] والترمذي [رقم 2903] عن عقبة بن عامر قال : أمرني رسول الله صلى الله عليه وسلم أن أقرأ المعوذات دبر كل صلاة . وورد التهليل عشر مرات.

263. dan yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Turmizi dari 'Uqbah bin Amir katanya : rasulullah sawm menyuruh aku bahawa aku membaca segala mu'awwizat dibelakang setiap sembahyang. Telah dating oleh tahlil sepuluh kali.

وحكي عن الحَفّار بن يزيد المشهور بالفضل والصلاح أنه احتفر قبرا فإذا رجل قاعد على منبر وعنده طبق رطب قال : فقال لي : أقامت القيامة ؟ فقلت : لا. فقلت له : بالذي أحلك هذه المحلة بِمَ نلت هذا؟ قال : كنت أقول دبر كل صلاة : لا إله إلا الله أُرْضِي بها ربي، لا إله إلا الله أُفْنِي بها عمري، لا إله إلا الله أقطع بها دهري، لا إله إلا الله أُؤَنِسُ بها قبري، لا إله إلا الله أُلْقِي بها ربي، لا إله إلا الله أُعِدُّها لكل شيء يجري.

264. Dihikayatkan dari Haffar bin Yazid yang masyhur dengan kelebihan dan soleh bahawa dia menggali kubur maka tiba-tiba ada seorang lelaki duduk diatas mimbar dan disisinya ada semangkok rutob. Katanya : maka dia berkata kepada aku : adakah telah berdiri kiamat? Maka kata aku : tidak. Maka aku kata kepadanya : demi Tuan yang meletakkan engkau di tempat ini, dengan apa engkau capai ini? Katanya : adalah

aku berkata dibelakang setiap sembahyang : tidak ada Tuhan melainkan Allah aku redhakan dengannya kubur ku, tidak ada Tuhan melainkan Allah aku binasakan dengannya umur ku, tidak ada Tuhan melainkan Allah aku potong dengannya masa ku, tidak ada Tuhan melainkan Allah aku jinakkan dengannya kubur ku, tidak ada Tuhan melainkan Allah aku temui dengannya Tuhan ku, tidak ada tuhan melainkan Allah aku sediakannya bagi tiap suatu yang mengalir.

ومن الدعاء المأثور ما أخرجه أبو داود [رقم 1522] والنسائي [رقم 1303] عن معاذ أن رسول الله صلى الله عليه وسلم أخذ بيدي وقال ((يا معاذ! والله إني لأحبك)). فقال ((أوصيك يا معاذ لا تَدَعُنّ في دبر كل صلاة أن تقول : اللّهُمَّ أعني على ذكرك وشكرك وحسن عبادتك)).

265. Daripada doa yang masyhur itu apa yang dikeluarkan oleh Abu Daud dan Nasai'e dari Mu'az bahawa rasulullah sawm memegang tangan ku dan berkata ((wahai Mu'az sungguhnya aku kasihkan kamu)), maka katanya ((aku pesan kamu wahai Mu'az jangan kamu tinggalkan dibelakang setiap sembahyang bahawa kamu katakan : ya Allah bantulah aku diatas mengingati Mu dan mensyukuri Mu dan mengelokkan ibadat kepada Mu)).

وابن السني [رقم 415] عن أبي أمامة ما دنوت من رسول الله صلى الله عليه وسلم في دبر كل صلاة مكتوبة ولا تطوع إلا سمعت يقول ((اللّهُمَّ اغفر لي ذنوبي وخطايايا كلها، اللّهُمَّ أنعشني واجبرني واهدني لصالح الأعمال والأخلاق، إنه لا يهدي لصالحها ولا يصرف سيئها إلا أنت)).

266. dan yang dikeluarkan oleh Ibnu Sunni dari Abi Umamah : tidak aku dekat dengan rasulullah sawm dibelakang setiap sembahyang maktubah dan tidak tatawwu' melainkan aku dengar dia berkata ((ya Allah ampuni bagi ku dosa-dosa ku dan kesalahan-kesalahan ku semuanya, ya Allah galakkan aku dan tampung kekurangan ku dan tunjukki aku kepada amalan dan akhlak yang soleh, sungguhnya tidak menunjukki kepada amalan soleh dan tidak memalingkan amalan yang buruk melainkan Engkau)).

وهو أيضا [رقم 119] عن أنس : كان النبي صلى الله عليه وسلم يقول إذا انصرف من الصلاة ((اللّهُمَّ اجعل خير عُمْرِي آخره وخيرَ عملي خواتمه واجعل خير أيامي يومَ ألقاك)).

267. dan yang dikeluarkan oleh dia juga dari Anas : adalah nabi sawm berkata apabila dia berpaling dari sembahyangnya ((ya Allah jadikan sebaik-baik umur ku sebagai akhirnya dan sebaik-baik amalan ku sebagai penyudahnya dan jadikan sebaik-bak hari ku sebagai hari aku bertemu Engkau)).

و[ابن السني رقم 109] عن أبي بكرة قال: كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول في دبر الصلاة ((اللّهُمَّ إني أعوذ بك من الكفر والفقر وعذاب القبر)).

268. dan yang dikeluarkan oleh Ibnu sunni dari Abu Bakrah katanya : adalah rasulullah sawm berkata dibelakang setiap sembahyang ((ya Allah sungguhnya aku berlindung dengan Mu dari kufur dan fakir dan azab kubur)).

وأحمد [6\294] عن أم سلمة قالت كان رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا صلى الصبح قال ((اللّٰهُمَّ إني أسألك علما نافعا وعملا متقبلا ورزقا طيبا)).

269. dan yang dikeluarkan oleh Ahmad dari Ummu Salamah katanya : adalah rasulullah sawm apabila selesai sembahyang subuh dia berkata ((ya Allah sungguhnya aku meminta Engkau ilmu bermanfat dan amalan yang diterima dan razeki yang baik)).

وهو [أي ابن السني رقم 115] عن صهيب أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يحرّك شفتيه بعد صلاة الفجر بشيء فقلت يا رسول الله : ما هذا الذي تقول؟ قال ((اللّٰهُمَّ بك أحاول وبك أصاول وبك أقاتل)).

270. dan yang dikeluarkan oleh dia dari Suhaib bahawa rasulullah sawm sentiasa dia menggerakkan dua bibirnya selepas sembahyang fajar dengan suatu maka aku kata : wahai rasulullah apa ini yang Engkau katakan? Katanya ((ya Allah dengan Mu aku menghelah dan dengan Mu aku menerkam dan dengan Mu aku berperang)).

وأبو داود [رقم 5079] عن مسلم بن الحارث التميمي عن رسول الله صلى الله عليه وسلم أنه أَسَرَّ إليه فقال ((إذا انصرفت من صلاة المغرب فقل : اللّٰهُمَّ أجرني من النار سبع مرات، فإنك إذا قلت ذلك ثم مُتَّ من ليلتك كتب لك جَوَازٌ منها. وإذا صليت الصبح فقل كذلك فإنك إذا مُتَّ من يومك كتب لك جَوَازٌ منها)).

271. dan yang dikeluarkan oleh Abu Daud dari Muslim bin Harith at Tamimi dari rasulullah sawm bahawa dia berbisik kepadanya maka katanya ((apabila kamu berpaling dari sembahyang maghrib maka katakan : ya Allah lepaskan aku dari neraka tujuh kali, maka kamu apabila mengatakan demikian itu kemudian kamu kati pada malam kamu itu dituliskan bagi kamu kelepasan* darinya, dan apabila kamu siap sembahyang subuh maka katakan demikian itu maka apabila kamu mati pada siang kamu dituliskan bagi kamu kelepasan darinya)).

فائدة : يسن لغير إمام يريد تعليم المأمومين إسرارٌ بالذكر والدعاء، وجهرٌ بهما لإمام يريده، ولداع غير مصل رفعٌ يديه الطاهرتين حذو منكبيه، ومسحُ وجهه بهما بعد الفراغ، ورفعُ بصره إلى السماءُ، وافتتاحُه بحمد الله والصلاة على النبي صلى الله عليه وسلم، وختُمه بهما وبالتأمين، واستقبالُ القبلة إن كان منفردا أو مأموما، أما الإمام فيستقبل المأمومين بوجهه فيسن الدعاء.

272. Faedah. Sunat bagi selain imam yang hendak mengjar makmum memperlahankan zikir dan doa dan sunat menyaringkan keduanya bagi imam yang hendakkannya, dan sunat bagi orang yang berdoa selain yang sembahyang mengangkat dua tangannya yang suci setentang dua kepala bahunya, dan menyapu mukanya dengan keduanya selepas selesai, dan mengangkat pandangannya kelangit, dan membuka doanya dengan al hamdulillah dan selawat keatas nabi sawm dan menyudahkannya dengan keduanya dan dengan amin, dan mengadap kiblat jika dia sendirian atau makmum, adapun imam maka dia mengadap makmum dengan mukanya kemudian sunat dia berdoa.

ولكلِّ جلوسٌ ذاكرا الله تعالى بعد صلاة الصبح إلى طلوع الشمس. قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((من صلى الفجر في جماعة ثم قعد يذكر الله تعالى حتى تطلع الشمس ثم صلى ركعتين كانت له كأجر حجة وعمرة تامةٍ تامةٍ تامةٍ)). رواه الترمذي [رقم 576] وحسنه.

273. Sunat bagi setiap orang duduk dalam keadaan berzikir kepada Allah taala selepas sembahyang subuh hingga terbit matahari. Kata rasulullah sawm ((siapa yang sembahyang fajar berjamaah kemudian dia duduk mengingati Allah hingga terbit matahari kemudian dia sembahyang dua rakaat adalah ia baginya seperti pahala haji dan umrah yang sempurna yang sempurna yang sempurna)). Meriwayatkannya Turmizi dan dia membilangnya hasan.

وقال صلى الله عليه وسلم ((من قعد في مصلاه حين ينصرف من صلاة الصبح حتى يُسَبِّحَ ركعتي الضحى، لا يقول إلاخيرا، غفر له خطاياه وإن كانت أكثر من زبد البحر)). رواه أبو داود [رقم1287، مسند أحمد رقم 15196].

274. dan kata rasulullah sawm ((siapa duduk pada tempat sembahyangnya ketika selesai dari sembahyang subuh hingga dia sembahyang dua rakaat dhuha, tidak dia bercakap melainkan yang baik, dimaafkan baginya segala kesalahannya sekalipuna lebih banyak dari buih lautan)).

وقال ((لأن أجلس مع قوم يذكرون الله عز وجل من صلاة العصر إلى أن تغرب الشمس أحب إليّ من أن أُعتق ثمانية من ولد إسماعيل عليه السلام. [راجع كنز العمال رقم 3551].

275. dan kata rasulullah sawm ((sungguh aku duduk bersama satu kaum berzikrullah azza wa jalla dari sembahyang asar hingga tenggelam matahari lebih kasih kepada aku dari pada bahawa aku memerdekakan lapan orang anak Ismail alaihi salam.

أعتق الله رقابنا من النار وغفر ذنوبنا وخطايانا وأصلح ما فسد من أعمالنا وتقبّلها بمَنّه مِنّا، آمين.

276. Moga Allah melepaskan tengkok kita dari neraka dan mengampunkan dosa kita dan kesalahan kita dan mengelokkan apa yang rosak daripada amalan-amalan kita dan menerimanya dengan kurniaanNya dari kami. Amin.

بَابُ صَلاَةِ التَّطَوُّعِ

أخرج أحمد [رقم 21803] والترمذي [رقم 2911] عن أبي أمامة قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((ما أذِن الله لعبد في شيء أفضل من ركعتين أو أكثر من ركعتين [يصليهما]، وإن البرّ ليُذَرُّ فوق رأس العبد ما كان في الصلاة، وما تقرّب عبد إلى الله عز وجل بأفضل مما خرج منه)).

277. **BAB SOLAT SUNAT**. Ahmad dan Turmizi mengeluarkan dari Abu Umamah katanya : kata rasulullah sawm ((tidak Allah izinkan bagi seorang hamba yang lebih afdhal dari dua rakaat atau lebih dari dua rakaat yang dia sembahyangkan keduanya, dan sungguhnya kebajikkan itu dituangkan keatas kepala hamba itu selama dia didalam sembahyang, dan tidak mendamping diri seorang hamba kepada Allah azza wa jalla dengan yang lebih afdhal daripada apa yang keluar dari dirinya)).

والطبراني [في الكبير، الجامع الصغير رقم 7850] عنه ((ما أوتي عبد في هذه الدنيا خيرا له من أن يؤذن له في ركعتين يصليهما)).

278. Thabarani mengeluarkan darinya ((tidak diberikan seorang hamba didalam dunia ini akan yang lebih baik baginya daripada bahawa diizinkan bagi dia pada dua rakaat yang dia sembahyangkan keduanya)).

ومسلم [رقم 725] والترمذي [رقم 416، النسائي رقم 1759، مسند أحمد رقم 25754] عن عائشة رضي الله عنها ((ركعتا الفجر خير من الدنيا وما فيها)).

279. Muslim dan Turmizi mengeluarkan dari Aisyah r.a ((dua rakaat fajar itu lebih baik dari dunia dan apa yang didalamnya)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 9954] عن أبي هريرة ((لا يحافِظ على ركعتي الفجر إلا أوب)).

280. Baihaqi mengeluarkan dari Abu Hurairah ((tidak memelihara dua rakaat fajar melainkan orang yang banyak kembali kepada Allah)).

وأبو داود [رقم 1261] والترمذي [رقم 420، ابن ماجه رقم 1199] عنه ((إذا صلّى أحدكم ركعتي الفجر فليضطجع على جنبه الأيمان)).

281. Baihaqi dan Turmizi mengeluarkan dari Abu Hurairah ((apabila seorang kamu telah sembahyang dua rakaat fajar maka hendaklah dia baring mengereng diatas lambungnya yang kanan)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 3345] عن عائشة ((نعم السورتان هما تقرأان في الركعتين قبل الفجر : قل يا أيها الكافرون وقل هو الله أحد)).

282. Baihaqi mengeluarkan dari Aisyah ((dua surah terbaik yang dibaca pada dua rakaat sebelum fajar adalah "قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُوْنَ" dan "قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ".

وابن السني [رقم 101] عن والد أبي المليح أن رسول الله صلى الله عليه وسلم صلى ركعتين خفيفتين ثم سمعه يقول وهو جالس ((اللّٰهُمَّ رب جبريل وإسرافيل وميكائيل ومحمد النبي صلى الله عليه وسلم، أعوذ بك من النار، ثلاث مرات)).

283. Ibnu Sunni mengeluarkan dari Walid Abu Malih bahawa rasulullah sawm sembahyang dua rakaat yang ringan kemudian dia mendengarnya berkata sedang dia duduk ((ya Allah Tuhan Jibril dan Israfil dan Mikail dan Muhammad sawm, aku berlindung dengan Mu dari neraka, tiga kali)).

وأبو داود [رقم 1269] والترمذي [رقم 428، ابن ماجه رقم 1160، مسند أحمد رقم 26222] عن أم حبيبة ((من حافظ على أربع ركعات قبل الظهر وأربعٍ بعدها حرّمه الله على النار)).

284. Abu Daud dan Turmizi mengeluarkan dari Ummu Habibah ((siapa memelihara empat rakaat sebelum zohor dan empat selepasnya Allah haramkan dia diatas neraka)).

والطبراني [في الكبير، الجامعالصغير رقم 8801] عن ابن عمرو ((من صلى قبل العصر أربعا حرمه الله على النار)).

285. Thabarani meriwayatkan dari Ibnu Umar ((siapa sembahyang sebelum asar empat rakaat Allah mengharamkannya keatas neraka)).

وأحمد [رقم 20029] وأبو داود [رقم 1281] عن عبد الله المزني ((صلوا قبل المغرب ركعتين لمن شاء)).

286. Ahmad dan Abu Daud mengeluarkan dari Abdullah al Muzani ((sembahyanglah sebelum maghrib dua rakaat bagi orang yang hendak)).

وعبد الرزاق [الجامع الصغير رقم 8802] عن مكحول مرسلا ((من صلى بعد المغرب ركعتين قبل أن يتكلم كُتِبَتَا في العليين)).

287. Abdul Razak meriwayatkan dari Makhul dalam keadaan mursal ((siapa sembahyang selepas maghrib dua rakaat sebelum dia bercakap dituliskan dua rakaat itu didalam syurga ‘illiyyin)).

479. Ketahuilah bahawa imam-imam kita berselisih pendapat pada bahawa pahala orang sakit itu adakah ia diatas sabar diatas sakitnya atau diatas diri sakitnya? Yang paling sahih pada demikian itu bahawa jika dia sabar diberi pahala dia diatas sakit dan sabarnya. Jika tidak, tidak diberi pahala. Ini apa yang ditunjukkan oleh hadith-hadith.

قال عز الدين ابن عبد السلام : إن المصائب لا ثواب فيها لأنها ليست من كسب العبد، بل الثواب في الصبر عليها، لا غير. نعم فيها التكفير وإن لم يصبر إذ لا يشترط فى المكفِّر أن يكون كسبا.

480. Kata 'Izzuddin bin Abdussalam: bahawa musibah itu tidak ada pahala padanya kerana ia bukan dari usaha hamba, bahkan pahala itu pada sabar diatasnya, tidak selainnya. Na'am, padanya ada pengkifaratan sekalipun dia tidak sabar kerana tidak disyaratkan pada perkara yang mengkifaratkan bahawa ianya usaha.

بَابُ النِّيَاحَةِ وَتَوَابِعِهَا وَاسْتِمَاعِهَا

أخرج الشيخان [البخاري رقم 1296، مسلم رقم 104] عن أبي موسى الأشعري أنه قال : أنا بريء ممن برء منه رسول الله صلى الله عليه وسلم، إن رسول الله صلى الله عليه وسلم برئ من الصالقةِ، أي الرافع صوتها بالندب والنياحة، والحالقةِ أي لرأسها عند المصيبة، والشاقة أي لثوبها.

481. **BAB RATAPAN DAN APA YANG MENGIKUTNYA DAN MENDENGARNYA**. Dua syeikh mengeluarkan dari Abu Musa asy'ari bahawa dia berkata : aku berlepas diri dari orang yang rasulullah sawm berlepas diri darinya, sungguhnya rasulullah berlepas diri dari shaliqah iaitu perempuan yang mengangkatkan suaranya pada meratap dan berbiji sebak, dan dari perempuan yang mencukur suaranya disisi musibah dan orang yang mengoyakkan kainnya.

وهما [البخاري رقم 1294، مسلم رقم 103] عن عبد الله ابن مسعود ((ليس منا من لطَم الخدود وشق الجيوب ودعا بدعوى الجاهلية)).

482. Kedua mereka mengeluarkan dari Abdullah bin mas'ud ((bukanlah dari kalangan kami orang yang menampar pipi dan mengoyak tengkok baju dan menyeru dengan seruan jahiliyah)).

والحاكم وابن حبان [الجامع الصغير رقم 3437] ((ثلاثة من الكفر بالله : ((شق الجيب)) أي طوق القميص ((والنياحة والطعن في النسب)).

483. Hakim dan Ibnu Hibban mengeluarkan ((tiga perkara adalah sebahagian daripada kufur dengan Allah : mengoyakan tengkok baju dan meratap dan mencaci titihan)).

وابن ماجه [رقم 1581] ((النياحة من أمر الجاهلية. وإن النائحة إذا ماتت ولم تتب قطع الله لها ثيابا من قطِران ودِرْعا من لهب النار)).

484. Ibnu Majah mengeluarkan ((ratapan itu sebahagian daripada jahiliyah. Sungguhnya perempuan yang meratap itu apabila mati sedang dia tidak taubat Allah memotong baginya kain-kain dari minyak tar dan baju rantai dari lidah api)).

والطبراني [في الأوسط ، كنز العمال رقم 42448] ((إن هذه النوائح يجعلن يوم القيامة صفين في جهنم، صف عن يمينهم وصف عن يسارهم، فيَنْبَحْنَ على أهل النار كما تَنْبَحُ الكلاب)).

485. Thabarani mengeluarkan ((sungguhnya perempuan-perempuan yang meratap ini dijadikan dua saf pada hari kiamat kelak, satu saf dikanan mereka dan satu saf dikiri mereka. Maka mereka itu menyalak keatas penduduk neraka sepertimana anjing menyalak)).

وأبو داود [رقم 3128] عن أبي سعيد الخدري قال : لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم النائحة والمستمعة.

486. Abu Daud mengeluarkan dari Abu Sai'ed al khudri katanya : rasulullah sawm melaknat perempuan yang meratap dan orang yang sengaja mendengar.

وابنا ماجه [رقم 1585] وحبان [الجامع الصغير رقم 7252] عن أبي أمامة : أن رسول الله صلى الله عليه وسلم لعن الخامشةَ وجهَها والشاقّة جيبها والداعية بالوَيْل والثُبُوْر.

487. Ibnu Majah dan Ibnu Hibban mengeluarkan dari Abu Umamah bahwa rasulullah melaknat perempuan yang menampar mukanya dan yang mengoyakkan tengkok bajunya dan yang menyeru dengan kerosakkan dan kebinasaan.

وأبو داود [رقم 3131] عن امرأة من المبايِعات قالت : كان فيما أخذ علينا رسول الله صلى الله عليه وسلم في المعروف الذي أخذ علينا أن لا نخمشَ وجها ولا ندعوَ ويلا ولا نشقّ جيبا ولا ننتفَ شعرا.

488. Abu Daud mengeluarkan dari seorang perempuan daripada perempuan-perempuan yang melakukan bai'ah, katanya : adalah pada apa yang rasulullah sawm ambil diatas kami pada perkara makruf yang dia ambil perjanjian diatas kami adalah bahawa kami tidak menampar muka dan tidak menyeru kebinasaan dan tidak kami koyakkan tengkok baju dan tidak kami mencabut rambut.

والشيخان [البخاري رقم 1288 مسلم رقم 927] ((الميت يعذب في القبر بما نيح عليه)).

489. Dua syeikh mengeluarkan ((mayat diazab dengan sebab ratapan keatasnya)).

والترمذي [رقم 1288، ابن ماجه رقم 1594] ((ما من ميت يموت فيقوم بَاكِيْهِم فيقول واجبلاه! وا سيّداه! أو نحو ذلك إلا وكل الله به ملكين يَلْهَزَانِهِ: أهكذا كُنْتَ؟))

490. Turmizi mengeluarkan ((tidak ada daripada satu mayat yang mati maka bangunlah orang yang menangisi mereka maka dia berkata : aduhai tempat bergantung* ku! Aduhai tuan ku! Atau umpama demikian itu melainkan Allah mewakilkan dua malaikat padanya yang memperlinya : adakah engkau seperti itu?)).

والبخاري [رقم 4268] عن النعمان بن بشير، قال : أغمي عَلَى عبد الله بن رواحة، فجعلت أخته تبكي : واجبلاه وا كذا! وا كذا، تعدِّد عليه. فقال لها حين أفاق : ما قلت شيئا إلا قيل لي أأنت كذلك؟ فلما مات لم تبكي عليه.

491. Bukhari mengeluarkan dari Nu'man bin Bashir, katanya : pengsan Abdullah bin Rawahah maka mulalah saudara perempuannya menangis : aduhai tempat bergantung ku! Aduhai sekian, aduhai sekian! Dia membilang-bilang kebaikkannya. Maka kata Abdullah kepadanya apabila dia sedar : tidak kamu katakan sesuatu melainkan dikatakan kepada aku : adakah engkau seperti demikian itu? Maka tatkala Abdullah mati saudara perempuannya itu tidak menangisinya.

وفي رواية رواها الطبراني [مجمع الزوائد رقم 4026]، فقال : يا رسول الله! أغمي عَلَيّ فصاحت النساء: وا عِزّاهْ ووَا جَبَلَاهْ. فقام ملك معه مِرْزَبَةٌ فجعلها بين رجليّ فقال : أنت كما تقول؟ قلت : لا. ولو قلت : نعم، ضربني بها.

492. Pada satu riwayat yang diriwayatkan Thabarani : maka kata Abdullah : wahai rs! Aku telah pengsan maka berteriaklah orang-orang perempuan : aduhai orang mulia! aduhai tempat bergantung! Maka datang seorang malaikat bersama satu pemukul maka dia meletakkannya diantara dua kaki ku maka katanya : kamu sepertimana dia

katakan? Aku katakan : tidak. Kalau aku katakan : ia, nescaya dia memukul aku dengannya.

وروي [عن شقيق البَلْخِيّ كما في فيض القدير شرح الجامع الصغير رقم 3243] : من أصابته مصيبة فخرق عليها ثوبا أو لطم خدا أو شق جيبا أو نتف شعرا فكأنما أخذ رمحا يريد أن يحارب به ربه.

493. Diriwayatkan : siapa ditimpa satu musibah lalu kerananya dia mengoyakkan kain atau menampar pipi atau mengoyakkan tengkok baju atau mencabut rambut maka seolah-olah dia mengambil lembing hendak memerangi Tuhan dia dengannya.

قال صالحُ المُرّيُّ : نِمْتُ ليلة جمعة بمقبرة فرأيتُ الأموات خرجوا من قبورهم وتحلّقوا، ونزلتْ عليهم أطباق مغطّاة، وفيهم شاب يعذب، فتقدمتُ فسألتُه فقال : لي والدة جمعت النوادب، فأنا معذّب بذلك، فلا جزاها الله عنّي خيرا، وبكى ثم أمرني أن أذهب إليها وأعلمني بمحلّها، وأن أناشدها بترك هذا العذاب العظيم الذي تسببت له فيه. فلما أصبحتُ ذهبت إليها ورأيت عندها تلك النوادب ووجهُها قد اسودّ من كثرة اللطَم والبكاء. فذكرت لها ذلك المنام. فتابت وأخرجت النوادب وأعطتني دراهم لأتصدق بها عنه. فأتيت المقبرة ليلة الجمعة على عادتي وتصدقت عنه بتلك الدراهم فنمت فرأيته وهو يقول لي : جزاك الله عني خيرا، أذهب الله عني العذاب ووصلت إليّ الصدقة. فاخبر أمي بذلك فاستيقظت فذهبت إليها فوجدتها ماتت فحضرت الصلاة عليها فدفنت بجنب ولدها.

494. Kata Soleh al murriy: pada satu malam jumaat aku tidur dikuburan, maka aku nampak orang-orang mati keluar dari kubur mereka dan membentuk bulatan dan turun keatas mereka pinggan-pinggan besar yang bertutup. Dikalangan mereka itu ada seorang pemuda yang diazab lalu aku maju kedepan bertanyakan dia, maka katanya : aku punya seorang ibu yang menghimpunkan orang-orang yang meratap, maka aku diazab dengan sebab demikian itu, maka Allah tidak membalas dia dengan kebaikkan kerana aku. Dia menangis kemudian menyuruh supaya aku pergi kepada ibunya itu, dan memberitahu aku tempatnya, dan agar aku menasihati dia supaya meninggalkan azab yang besar ini yang dia menyebabkannya berada padanya. Maka bila aku berada dipagi hari aku pergi kepada ibunya dan aku lihat ada disisinya orang-orang yang meratap. Mukanya telah hitam kerana banyak ditampar dan menangis. Maka aku sebutkan kepada dia mimpi itu lalu dia bertaubat dan menyuruh orang-orang yang meratap itu keluar. Kemudian dia berikan aku dirham-dirham untuk aku sedekahkan dari anaknya. Maka aku datang kekubur itu pada malam jumaat depan seperti adat ku dan aku bersedekah bagi pihak pemuda itu. Kemudian aku tidur maka aku nampak dia, dan dia berkata kepada ku : moga Allah membalas kebaikkan kepada kamu dari aku, Allah telah menghilangkan azab dari aku dan sampai sedekah itu kepada ku. Khabarkan ibu ku dengan demikian itu. Kemudian aku terseddar lalu pergi kepada ibunya maka aku dapatinya telah mati. Maka aku hadhiri sembahyang keatasnya, dan dikebumikan dia disebelah anak lelakinya itu.

تنبيه. قد أجمعت الأئمة على تحريم الندب، وهو تعديد محاسن الميت كـ واجبلاه، والنوح وهو رفع الصوت بالندب. ومثلُه إفراط رفعه وإن لم يقترن بندب ولا نوح. و[يحرم] ضربُ نحو الخد والصدر وشقُّ الجيب ونشرُ الشعر وحلقُه ونتفه وتسويدُ الوجه وإلقاءُ الرّماد على الرأس والدعاءُ بالويل والثبورُ أي الهلاك وكلُّ شيء فيه

تغيير للزيّ كلبسِ ما لا يعتاد لبسه أصلا أو على تلك الصفة، وكتركِ شيء من لباسه والخروجِ بدونه على خلاف عادته.

495. Tanbih. Para ulamak telah ijmak diatas mengharamkan ratapan, ianya membilang-bilang kebaikkan mayat seperti “wahai gunung”* dan mengharamkan berbiji saba iaitu meninggikan suara dengan meratap. Seumpamanya adalah terlampau meninggikan suara sekalipun tidak beserta dengan ratapan dan bebiji saba. Haram memukul umpama pipi dan dada dan mengoyakkan tengkok baju dan menguraikan rambut dan mencukurnya dan mencabutnya dan menghitamkan muka dan mencampakkan debu keatas kepala dan berseru-seru dengan kebinasaan dan setiap suatu yang padanya mengubah pemakaian seperti pakai apa yang dia tidak biasa memakainya sama sekali atau diatas sifat itu dan seperti meninggalkan suatu daripada pakaiannya dan keluar tanpa pakaian diatas menyalahi adatnya.

أما البكاء السالم من كل ذلك فهو جائز قبل الموت وبعده، لكن الأولى تركه بعده. وما مر من أن ميت يعذب ببكاء أهله اختلف الأئمة في ماذا يحمل عليه. والصحيح عندنا أنه محمول على ما إذا أوصى بذلك، بخلاف ما إذا سكت فلم يأمر به ولم ينهَ. وقيل : إنه إذا سكت ولم ينههم عن نحو النوح يعذب بذلك أيضا، لأن سكوته رضا منه به، فعذب به كما لو أمر. فمن أراد الخروج من وَرْطَةِ هذا القول ينبغي إذا نزل به مرض أن ينهاهم عن بدع الجنائز وغيرها من المحرّمات الشنيعة والقبائح الفظيعة.

496. Adapun tangisan yang selamat dari semua itu maka ianya harus sebelum mati dan selepasnya, akan tetapi yang terutama meninggalkannya selepas mati. Apa yang telah lalu daripada bahawa mayat diazab dengan tangisan keluarganya bersalahan imam-imam pada apa yang ditanggungkan ia diatasnya. Yang sahih disisi kita bahawa ia ditanggungkan diatas keadaan apabila dia wasiatkan demikian itu, bersalahan apabila dia diam, tidak menyuruh dengannya dan tidak menegahnya. Dikatakan bahawa apabila dia diam dan tidak memenegah mereka dari umpama meratap, diazab dia dengan demikian itu juga, kerana diamnya adalah redhanya dengan ratapan itu maka dia diazab dengan sebabnya sepertimana kalau dia menyuruh. Maka siapa hendak keluar dari dilema pendapat ini sayugia apabila turun penyakit padanya bahawa dia menegah mereka dari bid’ah-bid’ah jenazah dan selainnya daripada perkara-perkara haram yang dicela dan perkara-perkara keji yang buruk.

فَصْلٌ فِيْمَا يَقُوْلُهُ الْمَرِيْضُ لِلنّجَاةِ مِنَ الْعَذَابِ

أخرج الترمذي [رقم3430] والنسائي وابنا ماجه [رقم 3794] وحبان والحاكم [كنز العمال رقم 3895] عن أبي سعيد الخدري وأبي هريرة قالا: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((من قال "لا إله إلا الله والله أكبر" صدّقه ربه فقال "لا إله إلا أنا وأنا أكبر"، وإذا قال "لا إله إلا الله وحده لا شريك له" قال الله "لا إله إلا أنا وحدي لاشريك لي"، وإذا قال "لا إله إلا الله له الملك وله الحمد" قال الله "لا إله إلا أنا لي الملك ولي الحمد"، وإذا قال "لا إله إلا الله ولا حول ولا قوة إلا بالله" قال الله "لا إله إلا أنا ولا حول ولا قوة إلا بي". من قالها في مرضه ثم مات لم تطعمه النار)).

497. **FASAL PADA APA YANG ORANG SAKIT KATAKAN UNTUK BERJAYA DARI AZAB.** Turmizi dan Nasai'e dan Ibnu Majah dan Ibnu Hibban dan Hakim mengeluarkan dari Abu Sai'ed al Khudri dan Abu Hurairah kata mereka : kata rasulullah sawm ((siapa yang mengatakan "tidak ada Tuhan melainkan Allah" Tuhannya membenarkan dia maka kataNya : "tidak ada Tuhan melainkan Aku dan Aku yang maha besar", apabila dia kata "tidak ada Tuhan melainkan Allah hal keadaan Dia sendirian tidak ada yang bersyarikat denganNya" kata Allah "tidak ada Tuhan melainkan Aku sendirian tidak ada yang bersyarikat dengan Ku", apabila dia katakan "tidak ada Tuhan melainkan Allah bagiNya kerajaan dan baginya segala kepujian", kata Allah taala "tidak ada tuhan melainkan aku bagi Ku kerajaan dan bagi Ku segala kepujian", apabila dia kata "tidak ada Tuhan melainkan Allah dan tidak ada daya dan upaya melainkan dengan Allah" kata Allah taala "tidak ada Tuhan melainkan Aku dan tidak ada daya dan tidak upaya melainkan dengan Ku". Siapa mengatakannya pada sakitnya kemudian dia mati tidak dia dimakan api neraka)).

وابن عساكر [الجامع الصغير رقم 6373] عن علي كرم الله جهه عن النبي صلى الله عليه وسلم ((كلماتٌ من قالهن عند وفاته دخل الجنة "لا إله إلا الله الحليم الكريم" ثلاثا، و"الحمد لله رب العالمين" ثلاثا، "تبارك الذي بيده الملك يحيي ويميت وهو على كل شيء قدير")).

498. Ibnu 'Asakir mengeluarkan dari Ali karramallahu wajhah dari nabi sawm ((kalimah-kalimah yang mana orang yang mengatakannya disisi kematiannya dia masuk syurga "لا إله إلا الله الحليم الكريم" tiga kali dan "الحمد لله رب العالمين" tiga kali dan "تبارك الذي بيده الملك يحيي ويميت وهو على كل شيء قدير".

والحاكم [كنز العمال رقم 1947] عن سعد بن أبي وقاص عنه صلى الله عليه وسلم : أيما مسلم قال في مرضه "لا إله إلا أنت سبحانك إني كنت من الظالمين" أربعين مرة فمات في مرضه ذلك أعطي له أجر شهيد وإن برئ برئ وقد غفر له جميع ذنوبه)).

499. Hakim mengeluarkan dari Sai'ed bin Abi Waqqas dari nabi sawm ((mana-mana orang islam berkata pada sakitnya "لا إله إلا أنت سبحانك إني كنت من الظالمين" empat puluh kali maka dia mati pada sakitnya itu diberikan kepadanya ganjaran orang syahid dan jika dia sembuh sembuhlah dia walhal telah diampunkan baginya semua dosa-dosanya)).

والطبراني [مجمع الزوائد رقم 11538] ((من قرأ سورة قل هو الله أحد في مرضه الذي يموت فيه مئة مرة لم يفتن في قبره وأمن من ضغطة القبر وحملته الملائكة يوم القيامة بأجنحتها حتى تجيزه الصراط إلى الجنة)).

500. Thabarani mengeluarkan ((siapa membaca surah "قل هو الله أحد" pada sakitnya yang dia mati padanya seratus kali tidak difitnahkan dia didalam kuburnya dan amanlah dia dari himpitan kubur, dan malaikat menanggungnya pada hari kiamat kelak dengan kepaknya hingga melalukan dia pada shirat kepada syurga)).

و[ابن منيع وابن أبي الدنيا في كتاب المرض والكفارات وابن سني في عمل اليوم والليلة والرافعي كنز العمال رقم 42807] عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((ألا أخبرك بأمر حق من تكلم به في أول

مضجعه من مرضه نجّاه الله من النار؟)). قلت بلى! قال (("لا إله إلا الله يحيي ويميت وهو حي لا يموت، وسبحان الله رب العباد والبلاد، والحمد لله حمدا كثيرا طيبا مباركا فيه على كل حال، الله أكبر، كبرياء ربنا وجلاله وقدرته بكل مكان. اللّٰهُمَّ إن كنت أمرضتني لقبض روحي في مرضي هذا فاجعل روحي في أرواح من سبقت لهم منك الحسنى، وأعذني [من النار] كما أعذت أولئك الذين سبقت لهم منك الحسنى". إن مت في مرضك ذلك فإلى رضوان الله والجنة، وإن كنت قد اقترفت ذنبا تاب الله عليك)).

501. Ibnu Mani' dan Ibnu Abi Dunya dan Ibnu Sunni dan Rafi'e mengeluarkan dari Abu Hurairah r.a katanya : kata rasulullah sawm ((mau tak! aku khabarkan kamu dengan perkara sebenar, siapa membacanya pada awal baring pada sakitnya Allah lepaskan dia dari neraka)). Aku kata : bahkan. Katanya ((“tidak ada Tuhan melainkan Allah, Dia menghidupkan dan mematikan, dia hidup tidak mati, maha suci Allah Tuhan sekelian hamba dan negeri, segala puji bagi Allah sebanyak-banyak pujian yang baik yang diberkati padanya diatas setiap keadaan, Allah yang maha besar, kesombongan Tuhan kami dan ketinggianNya pada setiap tempat. Ya allah jika Engkau sakitkan aku untuk mengambil roh ku pada sakit ku maka jadikan roh ku pada roh-roh orang yang terdahulu baginya kebaikkan dari Engkau, dan lindungi aku dari neraka sepertimana Engkau lindungi mereka yang terdahulu bagi mereka kebaikkan dari Engkau”. Jika engkau mati pada sakit mu itu maka kepada keredhaan Allah taala dan syurgaNya dan jika sekalipun engkau telah mengerjakan dosa Allah menerima taubat mu)).

و[الإمام أحمد رقم 21529] عن معاذ ((من كان آخر كلامه لا إله إلا الله دخل الجنة)).

502. Imam Ahmad mengeluarkan dari Mu'az ((siapa yang akhir kalamnya “لا إله إلا الله” dia masuk syurga)).

و[البيهقي وابن عساكر في تاريخه، وقال غريب، وكنز العمال رقم 45332] عن ابن عباس ((افتتحوا على صبيانكم أول كلمة بـ"لا إله إلاالله" ولقّنوهم عند الموت "لا إله إلا الله"، فإن من كان أول كلامه لا إله إلا الله وآخر كلامه لا إله إلا الله ثم عاش ألف سنة ما سئل عن ذنب واحد)).

503. Baihaqi dan Ibnu 'Asakir mengeluarkan dari Ibnu Abbas ((mulakan kalimah pertama diatas kanak-kanak kamu dengan “لا إله إلا الله” dan talkinkan mereka “لا إله إلا الله” disisi kematian. Maka siapa yang awal kalamnya “لا إله إلا الله” dan akhir kalamnya “ لا إله إلا الله” kemudian dia hidup seribu tahun tidak ditanya dia tentang satu dosapun)).

و[أبو داود رقم 3121] عن مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ عن النبي صلى الله عليه وسلم ((اقرؤوا على موتاكم يس)).

504. Abu Daud mengeluarkan dari Ma'qal bin Yasar dari nabi sawm ((bacakan keatas orang mati dari kalangan kamu akan Yasin)).

وروي [عن أبي الدرداء عن النبي صلى الله عليه وسلم] ((ما من ميت يقرأ عنده يس إلا هون الله عليه)). [أخرجه ابن مردويه والديلمي، الدر المنثور مقدمة سورة يس].

505. Diriwayatkan dari Abu Darda' dari nabi sawm ((tidak ada daripada satu mayat yang dibacakan Yasin disisinya melainkan Allah memudahkan dia)).

ويستحب إذا استحضر الميت أن يقرأ عنده أيضا سورة الرعد [أخرجه ابن أبي شيبة والمروزي في الجنائز عن جابر ابن زيد "الدر المنثور" مقدمة سورة الرعد] فإن ذلك يخفف عن الميت سكرةَ الموت، وإنه أهون لقبضه وأيسر لشأنه. وذكر جماعة أن السواك يُسهل خروج الروح لاستياكه صلى الله عليه وسلم عند موته. [البخاري رقم 4450، مسلم رقم 2192].

506. Sunat apabila mayat dihadhiri kematian bahawa dibaca disisinya juga surah ar Ra'd, maka demikian itu meringankan mayat dari sakratul maut dan ia memudahkan pengambilan nyawa dan menyenangkan urusannya. Sekumpuan ulamak menyebutkan bahawa siwak memudahkan keluar nyawa kerana nabi sawm bersiwak disisi wafatnya.

وروى أنس عن النبي صلى الله عليه وسلم ((من أتاه ملك الموت وهو على وضوء أعطي الشهادة)). [كنز العمال رقم 26066].

507. Diriwayatkan oleh Anas dari nabi sawm ((siapa yang didatangi malaikat maut sedang dia diatas wudhuk diberikan dia syahadah)).

فَصْلٌ فِي الصَّبْرِ عَلَى الْمُصَائِب

أخرج الشيخان [البخاري رقم 1284 مسلم رقم 923، عن أسامة بن زيد] أن بنتا له صلى الله عليه وسلم أرسلت إليه تدعوه وتخبره أن ابنها في الموت فقال صلى الله عليه وسلم للرسول ((ارجع إليها فأخبرها أن لِلّهِ ما أخذ وله ما أعطى وكل شيء عنده بأجل مسمى، فمرها فلتصبر ولتحتسب)).

508. **FASAL PADA SABAR DIATAS MUSIBAH**. Dua syeikh mengeluarkan dari Usamah bin Zaid bahawa seorang anak perempuan rasulullah sawm mengutus kepada dia, memanggil dan mengkhabarkan dia bahawa anak lelakinya didalam kematian maka kata rasulullah sawm kepada utusan itu ((baliklah kamu maka khabarkan dia bahawa milik Allah lah apa yang Dia ambil dan milik Dialah apa yang Dia beri dan tiap suatu disisiNya mempunyai tempohan yang tertentu maka suruhlah dia bersabar dan mencari pahala)).

والبخاري [رقم 6424 عن أبي هريرة] (([يقول الله تعالى] : ما لعبدي المؤمن [عندي جزاءٌ] إذا قبضت صَفِيّه من أهل الدنيا ثم احْتَسَبَهُ إلا الجنة)).

509. Bukhari mengeluarkan dari Abu Hurairah ((Kata Allah taala: tidak ada bagi hamba ku yang mukmin disisi Ku satu balasan apabila aku genggam kekasihnya daripada ahli dunia kemudian dia menjadikannya jalan untuk mendapat pahala melainkan syurga)).

وفي حديث ((من أصيب بمصيبة فليذكر مصيبته بي فإنها أعظم المصائب)). [الطبراني في المعجم الكبير عن سابط الجُمَحِيّ، واجع كنز العمال رقم 6644]. وكأن قاضي حسينا من أئمتنا أخذ من هذا قولَه الذي

أقروه عليه "يجب على كل مؤمن أن يكون حزنه على فراق النبي صلى الله عليه وسلممن الدنيا أكثر منه على فراق أبويه، كما يجب عليه أن يكون النبي صلى الله عليه وسلم أحب إليه من نفسه وأهله وماله".

510. Pada satu hadith ((siapa yang ditimpa satu musibah maka hendaklah dia ingat musibahnya dengan ku[5], kerana ianya yang terbesar daripada musibah-musibah)). Seolah-olahnya qadhi Husain dari kalangan imam-imam kita mengambil dari hadith ini akan katanya yang para ulamak akui dia diatasnya "wajib diatas setiap mukmin bahawa adalah dukacitanya diatas berpisah nabi sawm dari dunia ini lebih dari dukanya diatas bercerai dengan dua ibu bapanya, sepertimana wajib diatasnya bahawa nabi sawm lebih kasih kepadanya dari dirinya dan keluarganya dan hartanya".

وفي آخر ((إنما الصبر عند الصدمة الأولى)). [البخاري رقم 1283، مسلم رقم 926] أى إنما يحمد الصبر عند مفاجأة المصيبة. وأما فيما بعده فيقع السُلُوّ طبعا. ومن ثم قال بعضهم : ينبغي للعاقل أن يفعل بنفسه أول أيام المصيبة ما يفعله الأحمق بعد خمسة أيام.

511. Pada satu hadith lain ((sabar itu hanyalah disisi rempuhan pertama)). Artinya sabar itu hanya dipuji disisi kejutan musibah. Adapun pada apa yang selepasnya maka berlaku rasa selesa secara semulajadi. Kerana itu kata sebahagian mereka: sayugia bagi orang berakal melakukan pada dirinya pada awal hari-hari musibah itu apa yang dilakukan oleh orang bodoh selepas lima hari.

وفي آخر ((إن الضرب على الفخذ عند المصيبة يحبط الأجر)). [فيض القدير رقم 8459].

512. Pada hadith lain ((bahawa memukul peha disisi musibah menggugurkan ganjaran)).

وورد في حديث ((من قدّم ثلاثة من الولد لم يبلغوا الحِنْثَ كانوا له حصنا من النار)). فقال أبو الدرداء رضي الله عنه: قَدّمْتُ اثنين. قال : ((واثنين)). قال آخر : إني قدّمْتُ واحدا. قال : ((وواحدا، ولكن ذلك في أول صَدْمَةٍ)). [الترمذي رقم 1061].

513. Datang pada satu hadith ((siapa mendulukan tiga orang anak yang tidak sampai baligh adalah mereka itu kubu baginya dari neraka)). Maka kata Abu Darda' r.a : aku dulukan dua orang. Katanya ((dan dua orang)). Kata seorang lain : sungguhnya aku mendulukan seorang. Katanya ((dan seorang, akan tetapi demikian itu pada awal tempohan)).

وفي حديث مسلم [رقم 2635] ((إن الأطفال دَعَامِيْصَ الجنة)) أي حُجّاب أبوابها، ((يتلقى أحدهم أباه)) أو قال ((أبويه))، ((فيأخذ بثوبه)) أو قال ((بيده))، ((فلا ينتهى حتى يدخله الجنة)).

514. Pada hadith Muslim ((sungguhnya kanak-kanak itu penjaga-penjaga syurga)) iaitu penjaga pintu-pintunya ((menyambut seorang dari mereka akan bapanya)) atau dia kata ((dua ibu bapanya)), ((maka dia memegang kainnya)) atau dia kata ((tangannya)), ((maka tidak dia berhenti hingga dia memasukkannya kedalam syurga)).

[5] Iaitu kewafatan nabi itu satu musibah bagi kita.

وفي خبر مسلم [رقم 2133، البخاري رقم 1502] أنه مات ابن لأبي طلحة من أم سُليم فقالت : لا يحدِّثه إلا أنا. فلما جاء قرّبت إليه عَشَاءَه فأكل وشرب ثم تصنعت له أحسن ما كانت تتصنع قبل ذلك، فوقع بها فلما رأته أنه قد شبع وأصاب منها قالت يا أبا طلحة! أرأيت لو أن قوما أعاروا عاريتهم أهلَ البيت فطلبوا عاريتهم، ألهم أن يمنعوهم؟ قاال : لا. قالت أم سليم : فأحتَسِبْ ابنك! فغضب، وأتى إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم فأخبره، فقال ((بارك الله لكما في ليلتكما)).

515. Didalam khabar Muslim bahawa telah mati seorang anak lelaki bagi Abu Talhah dari Umu Sulaim, maka katanya : tidak boleh menceritakan kepada dia melainkan aku. Maka tatkala Abu Talhah datang Ummu Sulaim menghidangkan makan malamnya maka dia makan dan minum, kemudian Ummu Sulaim menggodanya lebih baik dari godaannya sebelum malam itu, maka Abu Talhah menyetubuhinya. Kemudian tatkala Ummu Sulaim melihat dia telah puas menyetubuhinya dia kata kepadanya : wahai Abu Talhah! Apa pendapat kamu kalau satu kaum meminjamkan barang mereka kepada ahli satu keluarga maka mereka meminta barang pinjaman mereka itu, adakah boleh mereka enggan menyerahkan kepada mereka? Kata Abu Talhah : tidak. Kata Ummu Sulaim : maka hendaklah kamu kira anak lelaki kamu! Maka Abu Talhah marah, dan datang kepada rasulullah sawm lalu mengkhabarkannya. Maka katanya ((Allah berkati kamu berdua pada malam kamu ini)).

وروي [الأذكار رقم 794] أن ابن عمر ضحك عند دفن ابنه. فقيل : أتضحك؟ قال : أردت أن أرغم الشيطان.

516. Diriwayatkan bahawa Ibnu Umar ketawa disisi pengkebumian anak lelakinya. Maka dikatakan : adakah kamu ketawa? Katanya : aku hendak menghinakan Syaitan.

وقال أبو علي الرازي : صحبت الفضيل ثلاثين سنة ما رأيته ضاحكا متبسما ولا مستبشرا إلا يوم مات ابنه عليٌّ. فقلت له في ذلك فقال : إن الله أحب أمرا فأحببته. [فيض القدير بشرح الصغير 2/129].

517. Kata Abu Ali ar Razi : aku bersahabat dengan Fudhail selama tiga puluh tahun, tidak pernah aku melihat dia dalam keadaan ketawa dan tidak tersenyum dan tidak gembira melainkan pada hari anak lelakinya Ali mati. Maka aku kata kepada dia berkenaan demikian itu. Maka katanya : sungguhnya Allah mengasihi seorang maka aku mengasihinya.

وحكى اليافعي [الحكاية رقم 39] عن أبي السراج، قال : خرجت حاجًّا إلى بيت الله الحرام، فبينما أنا أطوف وإذا بامرأة قد أضاء وجهها، فقلت : والله ما رأيت اليوم قط نَضَارَة وحسنا مثل هذه المرأة! وما ذاك إلا لقلة الهم والحزن. فسمعَتْ ذلك القول منّي فقالت : كيف قلت يا هذا الرجل؟ والله إني لوثيقة بالأحزان ومكلومة الفؤاد بالهموم والأشجان، ما يَشْرُكُنِيْ فيها أحدٌ. فقلت لها : وكيف ذلك؟ قالت : ذبح زوجي شاة ضحّى بها، ولي ولدان صغيران يلعبان وعلى ثديي طفل فقمت لأصنع طعاما إذ قال ابني الكبير للصغير : ألا أريك كيف صنع أبي بالشاة؟ قال: بلى! فأضجعه وذبحه وخرج هاربا نحو الجبل فأكله ذئب. فانطلق أبوه في طلبه فأدركه العطش فمات، فوضعت الطفل وخرجت إلى الباب أنظر ما فعل أبوه فدَبّ الطفل إلى البُرْمَة وهي على النار فألقى يدَه فيها وصبّها على نفسه وهي تغلي، فانتثر لحمه عن عظمه. فبلغ ذلك ابنة لي كانت عند زوجها

فرمت بنفسها إلى الأرض فوافقت أجلَها، فأفردني الدهرُ من بينهم. فقلت لها : فكيف صبرك على هذه المُصائب العظيمة؟ فقالت : ما من أحد ميّز بين الصبر والجزع إلا وجد بينهما مِنْهاجا متفاوتا. فأما الصبر بحسن العلانية فمحمود العاقبة، وأما الجزع فصاحبها غير معوّض.

518. Yafi'e menghikayatkan dari Abu Sarraj katanya : aku keluar mengerjakan haji ke Baitullah al haram. Maka sedang aku tawaf tiba-tiba ada seorang perempuan yang bercahaya mukanya, maka aku kata : demi Allah tidak pernah aku lihat hari ini air muka yang bersih dan elok seumpama perempuan ini! Tidaklah demikian itu kerana sikit duka dan sedih. Maka dia mendengar kata-kata itu dari ku. Maka katanya : apa kamu kata wahai lelaki? Katanya : demi Allah sungguhnya aku ini perempuan yang kuat dukacita dan yang luka hati dengan dukacita dan runsing, tidak bersyarikat dengan ku padanya oleh seorang pun. Maka aku kata kepadanya : bagaimana demikian itu? Katanya : suami aku menyembelih kambing dia berkorban dengannya, dan aku punya dua anak lelaki yang kecil bermain-main dan seorang bayi ku sedang menetek, maka aku bangun untuk menyediakan makanan, ketika itu kata anak lelaki ku yang besar kepada yang kecil : maukah aku tunjukkan kamu bagaimana ayah buat pada kambing itu? Kata yang kecil : ia. Maka dia merebahkannya dan menyembelihnya dan keluar dari rumah melarikan diri kearah bukit lalu dimakan serigala. Maka pergilah bapanya mencarinya lalu dia berasa dahaga lalu mati. Maka aku letakkan bayi ku itu dan keluar kepintu melihat-lihat apa yang dibuat oleh suami ku, maka bayi ku merangkak kepada periuk yang diatas api lalu meletakkan tangannya pada periuk itu dan mencurahkannya keatas dirinya sedang ianya menggelegak, maka luruh dagingnya dari tulangnya. Maka sampailah khabar demikian itu kepada anak perempuan ku yang bersama suaminya lalu dia menghempaskan dirinya kebumi lalu kebetulan sampai ajalnya. Maka masa memisahkan aku dari mereka itu. Maka aku kata kepadanya : bagaimana kamu sabar diatas musibah yang besar itu? Maka katanya : tidak ada seorang yang membezakan diantara sabar dan keluh kesah melainkan dia mendapat diantara keduanya satu jalan yang lebih kurang. Adapun sabar dengan keelokan perkara zahir maka dipuji akhir pekerjaannya, dan adapun keluh kesah maka tuannya tidak dapat digantikan.

وحكي عن بعض المشايخ أنه رأى سفيان الثوري في المنام فقال له : كيف رأيت الموت؟ فقال : أما الموت فلا تسأل عن عظمته وشدته. فقال : أي الأعمال وجدته أنفع؟ فقال : كل عمل صالح أنفع، ولكنني نجوت من الحساب باسترجاعي وصبري عند مصيبة بولد لي مات. فقال سبحانه وتعالى : أنسيت وقد قبضت ثمرة فؤادك فاسترجعت وحمدتني؟ اذهب، فقد غفرت لك سيئاتك وضاعفت حسناتك ورفعت درجاتك. غفر الله سيئاتنا وضاعف حسناتنا ورفع درجاتنا.

519. Dihikayatkan dari sebahagian syeikh-syeikh bahawa dia melihat Sufian Thauri didalam tidurnya maka dia kata kepadanya : bagaimana engkau lihat kematian? Maka katanya : adapun kematian maka jangan engkau tanya tentang kehebatan dan teruknya. Maka katanya : mana satu amalan kamu dapati ianya bermanfaat? Maka katanya : setiap amalan soleh itu bermanfaat, akan tetapi aku lepas dari hisab dengan istirja' ku dan sabar ku disisi musibah dengan sebab kematian anak ku. Maka kata Allah subhanahu wa taala: adakah kamu lupa, aku genggam buah hati kamu maka kamu istirja' dan memuji aku? Pergilah kamu, maka sungguhnya telah aku ampun kagi kamu akan kejahatan-kejahatan kamu dan aku gandakan kebaikkan-kebaikkan kamu dan aku angkat darjat kamu. Moga Allah mengampunkan kejahatan-kejahatan kita dan menggandakan kebaikkan-kebaikkan kita dan mengangkatkan darjat kita.

خاتمة. قال أصحابنا وغيرهم : يتأكد لمن ابتلي بمصيبة بميت أو في نفسه أو أهله أو ماله وإن خفت أن يكثر (إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُوْنَ) [سورة البقرة: 156] اللّٰهُمَّ اؤجرني في مصيبتي واخلف عليّ خيرا منها" لما وعد الله تعالى من قال ذلك بأن عليهم صلوات من ربهم ورحمة وأنهم هم االمهتدون، أي للترجيع أو للجنة والثواب.

520. Khatimah. Kata sahabat-sahabat kita dan selain mereka : kuat tuntutan bagi orang yang dibala dengan musibah dengan orang mati atau pada dirinya atau keluarganya atau hartanya sekalipun sikit bahawa dia membanyakkan "sungguhnya kita milik Allah dan sungguhnya kita kembali kepadaNya, ya Allah ganjari aku pada musibah ku dan gantikan bagi ku akan yang lebih baik daripadanya", kerana apa yang Allah janjikan kepada orang yang mengatakan demikian itu dengan bahawa diatas mereka selawat dari Tuhan mereka dan rahmatNya dan bahawa mereka itu mendapat petunjuk, iaitu kepada tarji'* atau syurga dan pahala.

ولخبر مسلم [رقم 918] ((إن من قال ذلك آجره الله وأخلف له خيرا)).

521. Dan kerana khabar Muslim ((sungguhnya orang yang mengatakan demikian itu Allah memberikannya ganjaran dan menggantikan yang lebih baik baginya)).

وأحمد [رقم 15908] ((ما من مسلم ولا مسلمة أصيب بمصيبة فتذكرها، وإن طال عهدها، فيسترجع، إلا جدد الله عند ذلك فأعطاه مثل أجرِها يوم أصيب)).

522. dan kerana khabar Ahmad ((tidak ada daripada seorang muslim dan muslimah yang ditimpa musibah lalu dia ingatkannya (istirja' itu) sekalipun lama masanya maka dia istirja' melainkan Allah membaharui disisi demikian itu maka Dia memberikan kepadanya seumpama ganjarannya pada hari dia ditimpa musibah itu.

وقال ابن جبير لقد أعطيت هذه الأمة عند المصيبة ما لم يعطه غيرهم "إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُوْنَ" [سورة البقرة : 156] ولو أوتوه لقاله يعقوب عليه السلام ولم يقل "يَأَسَفَى عَلَى يُوْسُفَ". [سورة يوسف : 83] [الدر المنثور 2 سورة البقرة : 156 عن وكيع وعبد بن حميد وابن جرير والبيهقي في شعب الإيمان].

523. Kata Ibnu Jubair : sungguhnya umat ini diberikan disisi musibah apa yang tidak diberikan kepada selain mereka : "إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُوْنَ", kalau ia diberikan kepada mereka nescaya Ya'qub a.s mengatakannya dan tidak dia mengatakan " يَأَسَفَى عَلَى يُوْسُفَ".

جعلنا الله من الصابرين في الضَرّاء والشاكرين في السَرّاء.

524. Moga Allah menjadikan kita dari kalangan orang-orang yang sabar pada kesusahan dan dari kalangan orang-orang yang syukur pada kesenangan.

فَصْلٌ فِي التّعْزِيّةِ

أخرج الترمذي [رقم 1073، ابن ماجه رقم 1602] عن ابن مسعود قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((من عزّى مصابا فله مثل أجره)).

525. **FASAL PADA TA'ZIAH**. Turmizi mengeluarkan dari Ibnu Mas'ud katanya : kata rasulullah sawm ((siapa menta'ziah orang yang ditimba musibah maka baginya seumpama pahalanya)).

وهو [رقم 1076] عن أبي برزة ((من عزّى ثَكْلَى كُسِيَ بُرْدًا في الجنة)).

526. Dia mengeluarkan dari Abu Hurairah ((siapa menta'ziah orang yang kepupusan anak dipakaikan dia selimut panjang yang bercorak didalam syurga)).

وابن ماجه [رقم 1601] والبيهقي [4/459] عن عمرو بن حزم : ((ما من مؤمن يعزي أخاه بمصيبة إلا كساه الله عز وجل من حُلَلِ الكرامة يوم القيامة)).

527. Ibnu Majah dan Baihaqi mengeluarkan dari Amr bin Hazm ((tidak ada daripada seorang islam yang menta'ziahkan saudaranya dengan sebab musibah melainkan Allah azza wa jalla memakaikannya dengan pakaian-pakaian kemuliaan pada hari kiamat.

تنبيه: إن التعزية وهي التصبير وذكر ما يسلّي صاحب الميت ويخفف حزنه ويهوّن مصيبته مستحبة قبل مضي ثلاثة أيام من بعد الدفن. وتكره بعد مضيها. ويسن أن يعم بالتعزية جميع أهل الميت وأقاربه الكبار والصغار والرجال والنساء.

528. Tanbih. Sungguhnya ta'ziah iaitu mensabarkan dan menyebutkan apa yang menghiburkan keluarga mayat dan mengurangkan dukanya dan meringankan musibahnya adalah sunat sebelum lalu tiga hari selepas kebumi. Makruh selepas lalunya. Sunat meratakan ta'ziah itu keatas semua keluarga mayat dan kerabatnya yang besar dan yang kecil dan yang lelaki dan yang perempuan.

ويكره لهم الجلوس لها وصنع طعام يجمعون الناس عليه لما روى أحمد [رقم 2866] عن جابر بن عبد الله البجلي قال : كنا نعد الاجتماع إلى أهل الميت وصنعهم الطعام بعد دفنه من النياحة.

529. Makruh bagi mereka duduk untuk ta'ziah dan menyediakan makanan yang mereka himpunkan orang ramai untuk makan kerana apa yang diriwayatkan oleh Ahmad dari Jabir bin Abdullah al bajali katanya : adalah kami membilangkan berhimpun kepada keluarga mayat dan membuat makanan oleh keluarga mayat selepas pengkebumian sebagai ratapan yang haram.

ويستحب لجيران أهل الميت ولو أجانب ومعارفهم وإن لم يكونوا جيرانا وأقاربه الأباعد وإن كانو بغير بلد الميت أن يصنعوا لأهله طعاما يكفيهم يوما وليلة، وأن يلِحُّوا عليهم في الأكل. ويحرم صنعه للنائحة لأنه إعانة على معصية.

530. Sunat bagi jiran keluarga mayat walaupun ajnabi dan kenalan mereka sekalipun mereka bukan jiran dan bagi kerabatnya yang jauh sekalipun mereka tidak ditempat

mayat itu bahawa mereka menyediakan untuk keluarga mayat akan makanan yang memadai mereka sehari semalam, dan bahawa mereka menggesa keluarga mayat makan. Haram menyediakan makanan untuk perempuan yang meratap kerana ia bantuan diatas maksiat.

فَصْلٌ فِي زِيَارَةِ الْقُبُوْرِ

أخرج العقيلي [في "الضعفاء"] عن أبي هريرة قال أبو رزين يا رسول الله! إن طريقي على الموتى فهل لي كلام أتكلم به إذا مررت عليهم؟ قال ((قل السلام عليكم يا أهل القبور من المسلمين والمؤمنين أنتم لنا سلف ونحن لكم تبع وإنا إن شاء الله بكم لاحقون)). قال أبو رزين : هل يسمعون؟ قال ((يسمعون ولا يستطيعون أن يجيبوا)) أي جوابا يسمعه الحي. قال ((يا أبا رزين! ألا ترضى أن ترد عليك بعددهم الملائكة؟)).

531. **FASAL PADA ZIARAH KUBUR**. ‘Uqaili mengeluarkan dari Abu Hurairah kata Abu Razin : wahai rrasulullah sawm! Sungguhnya jalan ku melalui orang-orang mati, maka adakah ada bagi aku kata-kata yang boleh aku bercakap dengannya apabila aku lalu disisi mereka? Katanya ((katakan : assalamu ‘alaikum wahai ahli kubur dari kalangan muslimin dan mu’minin, kamu semua mendahului kami dan kami mengikut mu, dan sungguhnya kami insyaallah akan menghubungi kamu)). Kata Abu Razin: adakah mereka dengar? Katanya ((mereka dengar tapi tidak mampu menjawab)) iaitu sebagai jawab yang didengar orang hidup. Katanya ((wahai Abu Razin! Tidakkah kamu redha bahawa menjawab kamu dengan sebilangan mereka oleh para malaikat?)).

وابن أبي الدنيا والبيهقي [فيض القدير رقم 4554] عن محمد بن واسع قال : بلغني أن الموتى يعلمون بزُوّارهم يوم الجمعة ويوما قبله ويوما بعده.

532. Ibnu Abi Dunya dan Baihaqi mengeluarkan dari Muhammad bin Wasi’ katanya : sampai kepada aku bahawa orang-orang mati tu tahukan pelawat-pelawat mereka pada hari jumaat dan sehari sebelumnya dan sehari selepasnya.

والبيهقي [الدر المنثور، 20 سورط طه : 23 – 25] عن محمد ابن النعمان مرسلا ((من زار قبر أبويه أو أحدهما في كل جمعة غفر له وكتب بارّا)).

533. Baihaqi mengeluarkan dari Muhammad bin Nu’man dalam keadaan ia mursal ((siapa menziarahi kubur dua ibu bapanya atau seorang dari mereka pada setiap jumaat dimaafkan dia dan dituliskan dia sebagai orang yang banyak kebajikkan)).

وروي عن النبي أنه قال ((آنس ما يكون الميت في قبره إذا زاره من كان يحبه في الدنيا)).

534. diriwayatkan dari nabi bahawa dia berkata ((paling tenang hati mayat didalam kuburnya adalah apabila menziarahinya orang yang dia kasihi didunia)).

وأخرج مسلم [رقم 249] عن أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم خرج إلى المقبرة فقال ((السلام عليكم دار قوم مؤمنين وإنا إن شاء الله بكم لاحقون)). وزاد ابن السني [رقم 596] عن عائشة رضي الله عنها ((اللّٰهُمَّ لا تحرمنا أجرهم ولا تفتنا بعدهم)).

535. Muslim mengeluarkan dari Abu Hurairah bahawa rs sawm keluar ke kuburan maka katanya ((assalamu'alaikum wahai penduduk negeri kaum beriman sungguhnya kami insyaallah akan menghubungi kamu)). Ibnu Sunni menambah dari Aisyah r.a ((ya Allah jangan Engkau tegah kami dari ganjaran mereka dan tidak Engkau fitnah kami selepas mereka)).

وابن أبي شيبة ["مراقي الفلاح" باب أحكام الجنائز] عن الحسن قال : من دخل المقابر فقال ((اللّٰهُمَّ رب الأجساد البالية والعظام النخِرة التي خرجت من الدنيا وهي بك مؤمنة، أدخل عليها روحا من عندك وسلاما مني، استغفَر له كل مؤمن مات مذ خلق الله آدم)).

536. Abu Syaibah mengeluarkan dari al Hasan, katanya ((siapa masuk kawasan kuburan maka dia kata ((ya Allah tuhan jasad-jasad yang buruk dan tulang-tulang yang reput yangkeluar dari dunia sedang dia beriman dengan Mu masukkan keatasnya roh dari sisi Engkau dan kesejahteraan dari aku, meminta ampun baginya setiap orang beriman yang mati sejak Allah menjadikan Adam)).

وأخرجه ابن أبي الدنيا [مراقي الفلاح باب أحكام الجنائز] بلفظ ((كتب الله له بعدد من مات من لدن آدم إلى أن تقوم الساعة حسنات)).

537. Ibnu Abi Dunya mengeluarkannya dengan lafaz ((Allah menulis baginya kebaikkan-kebaikkan sebilangan orang yang mati sejak adam hingga berdiri as saat)).

والبيهقي عن بشر بن منصور قال : كان رجل يَخْتَلِف إلى الجَبّانَة فيشهد الصلاة على الجنائز. فإذا أمسى وقف على باب المقابر فقال : آنس الله وحشتَكم ورحم الله غُرْبَتَكُمْ، وتجاوزَ الله عن سيئاتَكم وقبل الله حسناتِكم، لا يزيد على هؤلاء الكلمات. قال ذلك الرجل : فأمسيت ذات ليلة فانصرفت إلى أهلي ولم آت المقابر. فبينما أنا نائم إذا أنا بخلق كثير جاؤوني. قلت : من أنتم وما حاجتكم؟ قالوا : نحن أهل المقابر، وقد عوّدْتَنَا منك هديةً عند انصرافك إلى أهلك. قلت : وما هي؟ قالوا : الدعوات التي كنت تدعو بها. قلت : فأنا أَعُوْدُ لذلك. قال : فما تركتها بعد.

538. Baihaqi meriwayatkan dari Bisr bin Manshur katanya : ada seorang lelaki yang berulang alik kekebunnya[6] maka dia sentiasa menghadhiri sembahyang keatas mayat. Maka apabila petang dia berdiri pada pintu kawasan kubur itu maka katanya : moga Allah menjinakkan keliaran hati kamu dan moga Allah mengasihi dagang kamu dan memaafkan keburukkan kamu dan menerima kebaikkan kamu, tidak dia menambah diatas kalimah-kalimah itu. Kata lelaki itu : maka satu malam lalu aku kelewatan lalu aku beredar pergi kepada keluarga ku dan tidak datang kekuburan itu, maka sedang aku tidur tiba-tiba aku berada pada makhluk yang ramai yang datang kepada aku. Aku kata: siapa kamu semua dan apa hajat kamu? Kata mereka : kami ahli kubur itu, sungguhnya kamu biasanya memberikan kami hadiah dari kamu ketika kamu berpaling pergi kepada keluarga kamu. Aku kata : apa dia? Kata mereka : doa-doa yang engkau berdoa dengannya. Aku katakan : maka aku kembali membaca doa-doa itu. Katanya : maka aku tidak meninggalkannya selepas itu.

---

6 جبانة – padang belantara, tanah lapang.

وقال محمد بن أحمد المَرْوَزِيّ : سمعت أحمد ابن حنبل يقول : إذا دخلتم المقابر فاقرؤوا بفاتحة الكتاب والإخلاص والمعوذتين، واجعلوا ثواب ذلك لأهل المقابر فإنه يصل إليهم.

539. Kata Muhammad bin Ahmad al marwaziy : aku dengar Ahmad bin Hanbal berkata : apabila kamu masuk kawasan kubur maka bacalah fatihah kitab dan al Ikhlas dan dua mu'awwazah dan jadikanlah pahala demikian itu untuk ahli kuburan itu maka ianya sampai kepada mereka.

فالاختيار أن يقول القارئ بعد فراغه : اللّٰهُمَّ أوصل ثواب ما قرأته إلى فلان. [الأذكار رقم 867].

540. Maka yang dipilih bahawa pembaca itu membaca selepas selesainya "ya Allah sampaikan pahala apa yang aku baca ini kepada si fulan".

وحكى بعض أهل العلم أن رجلا رأى في النوم أهل القبور في بعض المقابر قد خرجوا من قبورهم إلى ظاهر المقبرة، وإذا بهم يلتقطون شيئا، ما يدرى ما هو. قال : فتعجّب من ذلك، ورأيت رجلا منهم جالس لا يلتقط معهم شيئا، فدنوت وسألت ما الذي يلتقط هؤلاء؟ فقال : يلتقطون ما يهدي إليهم المسلمون من قراءة القرآن والصدقة والدعاء. فقال : فقلت له : فلِمَا لا تلتقط أنت معهم؟ فقال : أنا غنِيّ عن ذلك. فقلت : بأي شيء أنت غنِيّ؟ قال بختمة يقرؤها ويهديها إليّ كل يوم ولدي، يبيع الزلابية في السوق الفلاني. فلما استيقظت ذهبت إلى السوق حيث ذكر فإذا شاب يبيع الزلابية ويحرك شفتيه. فقلت : بأي شيء تحرّك شفتيك؟ قال : القرآن، وأهديه إلى والدي في قبره. قال : فلبثت مدة من الزمان ثم رأيت الموتى قد خرجوا من القبور كما تقدم، وإذا بالرجل الذي كان لا يلتقط صار يلتقط. فاستيقظت وتعجبت من ذلك، ثم ذهبت إلى السوق لأتعرّف خبر ولده فوجدته قد مات.

541. Sebahagian ahli ilmu meriwayatkan bahawa seorang lelaki melihat didalam tidurnya akan ahli kubur pada satu kuburan keluar dari kubur mereka kepermukaan kuburan itu, tiba-tiba dia dapati mereka memungut sesuatu yang dia tidak tahukan apa ianya. Katanya maka aku hairankan demikian itu, dan aku lihat seorang lelaki dari kalangan mereka duduk tidak memungut apa-apa bersama mereka, maka aku dekati dia dan aku tanyakan apa yang mereka itu pungut? Maka katanya : mereka memungut apa yang dihadiahkan kepada mereka oleh orang islam daripada bacaan Quran dan sedekah dan doa. Maka kata lelaki itu : maka aku kata kepadanya : kerana apa kamu tidak memungut bersama mereka? Katanya : aku kaya dari demikian itu. Kata ku : dengan apa suatu kamu kaya? Katanya dengan khatam Quran yang dibaca dan dihadiahkan kepada ku oleh anak ku, dia menjual zalabiah dipasar sekian. Maka tatkala aku sedar aku pergi ke pasar yang disebutkan lelaki itu. Tiba-tiba aku dapati seorang pemuda menjual zalabiah dan menggerak-gerakkan bibirnya. Maka aku kata : dengan apa suatu kamu gerakkan bibir kamu? Katanya : Quran, dan aku hadiahkan kepada bapa ku didalam kuburnya. Katanya : Kemudian aku lalui satu tempoh masa kemudian aku nampak orang-orang mati keluar dari kubur seperti yang telah lalu, tiba-tiba aku dapati lelaki yang dulu tidak memungut sekarang menungut. Maka aku terkejut dan hairankan demikian itu. Kemudian aku pergi ke pasar itu untuk mengetahui khabar anaknya maka aku dapati dia telah mati.

وحكي أن بعض النساء توفيت فرأتها في المنام امرأة تعرفها، فإذا عندها تحت السرير آنية من نور مغطاة. فسألتها ما هذه الأوعية؟ فقالت : فيها هدية أهداها إليّ أبو أولادي البارحة. فلما استيقظت المرأة ذكرت ذلك لزوج الميتة. فقال : قرأت البارحة شيئا من القرآن وأهديته إليها.

542. Mati seorang perempuan maka seorang perempuan lain yang mengenalinya melihat dia didalam tidur. Maka tiba-tiba dia dapati disisinya dibawah katilnya ada bejana dari cahaya yang bertutup. Maka dia bertanyakannya bekas apa ini? Katanya : didalamnya ada hadiah yang dihadiahkan kepada aku oleh bapa anak-anak ku kelmarin. Maka tatkala perempuan itu sedar dia sebutkan demikian itu kepada suami perempuan yang mati itu. Maka katanya : kelmarin aku baca sedikit daripada Quran dan aku hadiahkannya kepada dia.

خاتمة. أخرج أبو داود [رقم 320] والنسائي [رقم 2043، ابن ماجه رقم 3236] عن ابن عباس قال، : لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم زائرات القبور والمتخذين عليها المساجد والسرج.

543. Khatimah. Abu Daud dan Nasai'e mengeluarkan dari Ibnu Abbas katanya : rs sawm melaknat perempuan-perempuan yang menziarahi kubur dan orang yang membuat masjid diatas kubur dan memasang lampu diatasnya.

ومسلم [رقم 971] ((لأن يجلس أحدكم على جمرة فتُحْرِقَ ثِيَابَه فتَخْلُصَ إلى جلده خير له من أن يجلس على قبر)).

544. Muslim mengeluarkan ((sungguhnya duduk seorang dari kamudiatas bara api lalu ia membakar kainnya lalu ia sampai kekulitnya lebih baik bagi dia daripada bahawa dia duduk diatas kubur)).

وابن مَنْدَه عن القاسم بن مُخَيْمَرَةَ قال : لأن أطأ على أسنان رُمْحٍ حتى تُبِيْدَ من قدمي أحبُّ إليّ من أن أطأ على قبر، وإن رجُلا وطئ على قبر وإن قلبه ليقظان إذ سمع صوتا من القبر: إليك عني ولا تؤذيني .

545. Ibnu Mandah meriwayatkan dari Qasim bin Mukhaimarah, katanya : sungguhya aku memijak gigi tombak hingga ia tembusi tapak kaki ku lebih kasih kepada aku daripada bahawa aku memijak kubur. Sungguhnya seorang lelaki memijak diatas kubur dan sungguhnya hatinya terjaga ketika mendengar suara dari kubur itu : jauhlah kamu dari aku dan jangan kamu menyakiti aku.*

تنبيهان. أحدهما: قال أصحابنا تحرم الصلاةُ إلى قبور الأنبياء والأولياء والشهداء والعلماء تبركا بذي القبر وإعظاما له، وإيقادُ السراج على القبور تبركا وتعظيما به، وإن قل.

546. Dua penyedaran. Satu daripadanya : kata sahabat kita : haram sembahyang mengadap kubur nabi dan wali dan syuhada' dan ulamak kerana mengambil berkat dengan tuan kubur itu dan kerana membesarkannya, dan menyalakan lampu diatas kubur-kubur itu kerana mengambil berkat dan membesarkannya, sekalipun sedikit.

وثانيهما: قال جماعة من أصحابنا وتبعهم النووي في شرح المسلم [للحديث رقم 972] بحرمة الجلوس والوطء على القبر. وجزم آخرون كالنووي وغيره بالكراهة بلا حاجة.

547. Keduanya : kata sekumpulan daripada sahabat-sahabat kita dan mengikutnya Nawawi didalam Syarah Muslim dengan haram duduk dan jijak diatas kubur. Jazam ramai yang lain seperti Nawawi dan selainnya dengan karahah tanpa hajat.

وفّقنا الله لطاعته وأنالنا من سوابغ رضاه وهباته وحمانا من موجباتِ سخطه وأليمِ عقوباتِه. آمين.

548. Moga Allah mentaufikkan kita kepada mentaatiNya dan mencapaikan kita keredhaan dan pemberian-pemberianNya yang meratai dan memelihara kita dari perkara-perkara yang mewajibkan murkaNya dan pedih siksaan-siksaanNya. Amin.

كِتَابُ الزَّكَاةِ

قال الله تعالى ↓ {وَوَيْلٌ لِلْمُشْرِكِينَ الّذِينَ لا يُؤْتُونَ الزّكَاةَ} [فصلت : 6 و7]. سماهم المشركين.

549. **KITAB ZAKAT**. Kata Allah taala ((kecelakaan bagi orang-orang musyrik, orang-orang yang tidak memberikan zakat)). Allah taala menamakan mereka sebagai musyrik.

وقال تعالى {وَلا تَحْسَبَنّ الّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَا آتَاهُمُ الله مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ سَيُطَوّقُونَ مَا بَخِلُوا بِهِ يَوْمَ القِيَامَةِ } [آل عمران : 180].

550. dan kata Allah taala ((dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka, sebaliknya ia buruk bagi mereka. Mereka akan dikalongkan dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak)).

وقال تعالى {وَالّذِينَ يَكْنِزُونَ الذّهَبَ والفِضّةَ ولا يَنْفِقُوها فِي سَبِيلِ الله فَبَشّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ يَوْمَ يَحْمي عَلَيْهَا في نَارِ جَهَنّمَ فَتُكْوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهمْ وَظُهُورُهُمْ هاذا ما كَنَزْتُمْ لأنْفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ} [التوبة : 34-35].

551. dan kata Allah taala ((dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya. Iaitu pada hari dibakar emas perak itu didalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka sambil dikatakan kepada mereka: Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah azab dari apa yang kamu simpan itu)).

وأخرج الشيخان [البخاري رقم 1402، مسلم رقم 987] عن أبي هريرة قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((ما من صاحب ذهب ولا فضة لا يؤدّي منها حقها إلا إذا كان يومُ القيامة صفّحت له صفائح من نار فأُحْمِيَ عليها في نار جهنم فيُكوى بها جنبه وجبينه وظهره)) أي يوسّع جسمه لها كلها وإن كثرت ((كلما بَرَدت أعيدت له، في يوم كان مقداره خمسين ألف سنة حتى يُقْضَى بين العباد، فيرى سبيله، إما إلى الجنة وإما إلى لنار)). قيل : يا رسول الله! فالإبل؟ قال : ولا صاحب إبل لا يؤدي منها حقها، ومن حقها حلبها يوم وِرْدِها إلا إذا كان يومُ القيامة بُطِح لها بِقَاعٍ قَرْقَرٍ أَوْفَرَ ما كانت، لا يفقِد منها فصيلا واحدا، تَطَؤُهُ بأخفافها، وتعضّه

بأفواهها، كلما مر عليه أولاها رُدّ عليه أخراها، في يوم كان مقداره خمسين ألف سنة حتى يُقْضَى بين العباد، فيرى سبيله إما إلى الجنة وإما إلى النار)). قيل: يا رسول الله! فالبقر والغنم؟ قال ((ولا صاحبِ بقرٍ ولا غنمٍ لا يؤدي منهما حقهما إلا إذا كان يومُ القيامة بُطِح لها بِقاع قرْقَرٍ، لا يفقِد منها شيئا ليس فيها عَقْصَاء ولا جَلْحَاء ولا عَضْبَاء تَنْطَحُهُ بقرونها، وتَطَؤُهُ بأظلافها، كلما مر عليه أولاها رد عليه أخراها، في يوم كان مقداره خمسين ألف سنة حتى يُقْضَى بين العباد فيرى سبيله إما إلى الجنة وإما إلى النار)).

552. Dua syeikh mengeluarkan dari Abu Hurairah katanya : kata Abu Hurairah : kata rasulullah sawm ((tidak ada daripada pemilik emas perak yang tidak menunaikah hak keduanya melainkan bila tiba hari kiamat kelak dibuatkan untuk dia keping kepingan dari api lalu dipanaskan dia diatasnya didalam neraka jahanam, maka diselar dengannya akan lambungnya dan tepi dahinya dan belakangnya)) iaitu dibesarkan tubuhnya untuk semua keping-kepingan itu sekalipun banyak ((setiap kali ia sejuk dipanaskan semula untuk dia, pada hari yang kadarnya lima puluh ribu tahun hingga diselesaikan hukuman semua manusia maka dia melihat jalannya samaada ke syurga dan samaada ke neraka)). Dikatakan : wahai rasulullah! Bagaimana unta? Katanya ((dan tidak ada pemilik unta yang tidak menunaikan hak untanya, yang mana daripada haknya adalah memerahnya pada hari ia datang kepadanya, melainkan apabila tiba hari kiamat kelak ditiarapkan dia untuk untanya pada satu tempat lapang, secukup bilangan unta-untanya dulu tidak kurang darinya seekor anak pun, mereka memijaknya dengan tapak kaki mereka dan menggigitnya dengan mulut mereka, setiap kali lalu diatasnya yang pertama daripada unta-untanya dihantarkan keatasnya akan yang lain, pada hari yang kadarnya lima puluh ribu tahun, hingga diputuskan hukuman diantara hamba-hamba, maka dia melihat jalannya samaada kesyurga dan samaada keneraka)). Dikatakan : wahai rasulullah! Bagaimana lembu dan kambing? Katanya ((dan tidak ada pemilik lembu dan kambing yang tidak menunaikan hak keduanya melainkan apabila tiba hari kiamat kelak ditiarapkan dia pada tempat lapang untuk lembu dan kambingnya, tidak luput daripadanya seekor pun, tidak ada padanya yang tanduk rapat ketelinga dan yang dogol dan tidak yang pecah tanduknya, mereka menanduknya dengan tanduk-tanduk mereka dan memijaknya dengan tapak kaki mereka setiap kali lalu diatas yang pertama daripada mereka dihantarkan keatasnya yang lain, pada hari yang kadarnya lima puluh ribu tahun hingga diselesaikan hukuman diantara hamba-hamba, maka dia melihat jalannya samada ke syurga dan samada ke neraka)).

553.

والبخاري [رقم 1403، مسلم 987] عن أبي هريرة رضي الله عنها : من آتاه الله مالا فلم يؤد زكاته مثل له ماله يوم القيامة شجاعا أقرع له زبيبتان ويطوقه يوم القيامة ثم يأخذ بلِهْزِمَتَيْه أى شِدْقَيْه ((ثم يقول : أنا مالك أنا كنزك)).

554. Bukhari mengnluarkan dari Abu Hurairah r.a ((siapa yang Allah berikan harta lalu dia tidak menunaikan zakatnya dirupakan hartanya pada hari kiamat kelak sebagai ular botak yang mempunyai dua siong, membelit dia pada hari kiamat kemudian menggigit dua rahangnya kemudian dia berkata : aku harta mu aku simpanan mu)).

والشيخان [البخاري رقم 1408، مسلم رقم 992] عن الأحنف ابن قيس، قال: جلست إلى ملإ من قريش فجاء رجل خشِن الشعر والثياب والهيئة حتى قام عليهم فسلّم، ثم قال : بشِّر الكانزين برَضَفٍ يُحْمَى عليها في نار جهنم، ثم يوضع على حلَمة الثدي أحدهم حتى يخرج من نَغْضِ كتفه، ويوضع على نغض كتفه حتى يخرج من حلَمة ثديه فيتزلزل. ثم ولّى فجلس إلى سارية وتبعتُه وجلست إليه وأنا لا أدري من هو. فقلت له : لا أرى القوم إلا قد كرهوا الذي قلتَ. قال : إنهم لا يعقلون شيئا.

555. Dua syeikh mengeluarkan dari al Ahnaf bin Qais, katanya : aku pergi duduk kepada satu kumpulan orang Quraisy maka datang seorang lelaki yang kasar rambut, kain dan kelakuannya, hingga dia berdiri disisi mereka lalu memberi salam. Kemudian katanya : berikan khabar gembira kepada orang-oraag yang menyimpan harta dengan bara yang dipanaskan didalam neraka jahannam. Kemudian diletakkan ia diatas puting tetek seorang dari mereka hingga ia keluar dari belah bawah kepala bahunya dan diletakkan ia diatas bawah kepala bahunya hingga keluar ia dari puting teteknya, maka bergoncang tubuhnya. Kemudian dia berpaling pergi lalu duduk disatu tiang dan aku mengikutnya dan duduk disisinya sedang aku tidak tahu siapa dia ini. Maka kata ku kepadanya : aku tidak nampak kaum itu melainkan benci apa yang engkau cakapkan. Katanya : sungguhnya mereka tidak faham apa-apa.

ووالبيهي [في شعب الإيمان رقم 3522] عن عائشة رضي الله عنها : ما خالطت الصدقة – أو قالت : الزكاة – مالا إلا أفسدته أي ما تُركَتْ في مال ولم تخرج منه إلا أهلكته.

556. Baihaqi mengeluarkan dari Aisyah r.a : tidak bergaul sedekah – atau dia kata : zakat – dengan satu harta melainkan ia merosakkannya. Iaitu tidak ditinggalkan ia pada satu harta dan tidak dikelaurkan darinya melainkan ia membinasakannya.

والطبراني [مجمع الزوائد رقم 1/542] عن أنس ((مانع الزكاة يوم القيامة في النار)).

557. Thabarani mengeluarkan dari Anas ((orang yang enggan dari zakat pada harikiamat kelak didalam neraka)).

وصح عن ابن مسعود : أُمِرْنَا بإقام الصلاة وإيتاء الزكاة. ومن لم يُزَكِّ فلا صلاة له. [المعجم كبير رقم 10095]. وفي رواية عن عبد الله : من أقام الصلاة ولم يؤت الزكاة فليس بمسلم ينفعه عمله.

558. Sah dari Ibnu Mas'ud : kami diperintahkan mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat. Siapa yang tidak berzakat maka tidak ada sembahyang baginya. Pada satu riwayat dari Abdullah : siapa mendirikan sembahyang dan tidak mengeluarkan zakat maka dia bukanlah orang islam yang memanfaatkan dia oleh amalannya.

وروي [كنز العمال رقم 11868] عن ابن عباس ((من كان له مال يبلغه حج بيت الله ولم يحجّ أو تجب الزكاة فيه ولم يزكِّ سأل الرجعة عند الموت)). فقال له رجل : اتق الله يا ابن عباس! فإنما يسأل الرجعة الكفار. فقال ابن عباس : سأتلو عليك بذلك قرآنا، قال الله تعالى {وَأَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَى أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ} أي أؤدي الزكاة وَأَكُنْ مِنَ الصَّالِحِينَ [المنافقون : 10]. أي أحج

559. Diriwayatkan dari Ibnu Abbas ((siapa yang mempunyai harta yang boleh dia pergi menuju ke baitullah dan dia tidak mengerjakan haji, atau wajib zakat padanya dan dia tidak berzakat dia meminta kembali kedunia disisi matinya)). Maka kata seorang lelaki kepadanya : takutilah Allah wahai Ibnu Abbas! Yang meminta kembali itu hanyalah kafir. Maka kata Ibn Abbas : aku akan baca kepada kamu berkenaan demikian itu satu ayat Quran, kata Allah taala ((dan belanjakanlah sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal mautnya, maka dia saat itu akan merayu dengan katanya: Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau tangguhkan aku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya Aku dapat bersedekah)) iaitu aku tunaikan zakat ((dan jadilah aku kalangan dari orang-orang yang soleh)).

وحكى شيخنا ابن حجر رحمه الله تعالى [الزواجر 1/377] أن جماعة من التابعين خرجوا لزيارة أبي سِنان، فلما دخلوا عليه وجلسوا عنده قال: قومو بنا نزور جارا لنا مات أخوه ونعزّيه، قال محمد بن يوسف الفِرْيَابِي : فقمنا معه ودخلنا على ذلك الرجل فوجدناه كثيرا البكاء والجزع على أخيه. فجعلنا نعزّيه ونسلّيْه وهو لا يقبل تسليّة ولا عَزَاء. فقلنا له : أما تعلم أن الموت سبيل لا بد منه؟ قال : بلى ولكن أبكي على ما أصبح وأمسى ما فيه أخي من العذاب. فقلنا له : قد أطلعك الله على الغيب؟ قال : لا، ولكنْ لما دفنته وسويت عليه التراب وانصرف الناس عنه وجلست على قبره وإذا صوت من قبره يقول : آهٍ أفرَدوني وحيدا، أقاسي العذابَ، قد كنت أصوم قد كنت أصلي. قال : فأبكاني كلامه.

560. Syeikh kami Ibnu Hajar rahimahullah taala menghikayatkan bahawa sekumpulan tabi'en keluar menziarahi Abu Sinan, maka tatkala mereka masuk keatasnya dan duduk disisinya katanya : bangunlah kamu semua bersama kami kita ziarah jiran kami yang mati saudaranya dan kita menta'ziah dia. Kata Muhamad bin Yusuf alfiryabi : maka kami bangun bersamanya dan masuk keatas lelaki itu. Kami dapati dia banyak menangis dan keluh kesah diatas saudaranya itu. Maka kami mula menta'ziahkan dia dan menghiburkan dia sedang dia tidak menerima hiburan dan ta'ziah. Maka kami kata kepadanya : tidakkah kamu tahu bahawa kematian itu jalan yang tidak dapat tidak darinya? Katanya : bahkan, akan tetapi aku menangis kerana azab yang saudara ku berada padanya pagi dan petang. Maka kami kata kepadanya: Allah beri kamu nampak perkara ghaib? Katanya : tidak akan tetapi tatkala aku kebumikan dia dan ratakan tanah diatasnya dan orang ramai telah beredar pergi dan aku duduk diatas kuburnya tiba-tiba ada suara dari kuburnya berkata : aduh!! tinggalkan aku sendirian, aku menderitai azab ini, sungguhnya aku berpuasa, aku sembahyang. Katanya : maka kata-katanya membuat aku menangis.

فنبشت التراب عنه لأنظر ما حاله؟ وإذا القبر يلمع فيه نار وفي عنقه طوق من النار، فحملتني شفقة الأخوّة ومددت يديّ لأرفع الطوقَ من رقبته فاحترقت أصابعي ويدي. ثم أخرج إلينا يده فإذا هى سوداء محترقة. قال : فرددت عليه التراب وانصرفت. فكيف لا أبكي على حاله وأحزن عليه؟ فقلنا: فما كان أخوك يعمل في الدنيا؟ قال : كان لا يؤدي الزكاة من ماله. قال : فقلنا : هذا تصديق قوله {لا تَحْسَبَنّ الّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَا آتَاهُمُ الله مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ سَيطوّقونَ ما بَخِلُوا بِهِ يَوْمَ القِيَامَةِ } [سورة آل عمران : 180].

561. Maka aku membongkar tanah darinya untuk aku lihat apa keadaannya? Tiba-tiba aku dapati kuburnya menyala-nyala api didalamnya dan pada tengkoknya ada

kalongan dari api, maka rasa persaudaraan ku mendesak ku aku lalu aku hulurkan tangan ku untuk aku angkatkan kalongan itu dari tengkoknya lalu terbakar jari dua tangan ku. Kemudian dia kelaurkan tangannya kepada kami maka kami dapati ianya hitam terbakar. Katanya : maka aku kembalikan tanah itu keatasnya dan aku beredar. Maka bagaimana aku tidak menangis dan berdukacita diatas keadaannya? Maka kami katakan : apa saudara kamu kerjakan didunia? Katanya : adalah dia tidak menunaikan zakat dari hartanya. Kata Muhammad bin Yusuf : ini pembenaran kata Allah taala ((Sekali-kali janganlah orang-orang yang bakhil dengan harta yang Allah berikan kepada mereka dari karuniaNya menyangka, bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. harta yang mereka bakhilkan itu akan dikalungkan kelak di lehernya di hari kiamat)).

خَاتِمَةٌ فِي ذَمِّ الْبَخْلِ

أخرج ابن عديّ [كنز العمال رقم 7412] ((لا يجتمع الإيمان والبخل في قلب رجل مؤمن أبدا)).

562. **KHATIMAH PADA CELAAN BAKHIL**. Ibnu ‘Adi mengeluarkan ((tidak berhimpun imam dan bakhil pada hati seorang beriman selama-lama)).

وأبو يعلى [في مسنده رقم 2488] ((ما مَحَقَ الاسلامَ مَحْقَ الشُّحّ شَيْءٌ)).

563. Abu Ya’la mengeluarkan ((tidak menghapuskan Islam oleh sesuatu sepertimana kedekut menghapuskannya)).

والخطيب [إتحاف السادة المتقينننن197/ 8] ((يقولون أو يقول قائلكم : الشحيح أغدر من الظالم وأيُّ ظلم أظلم عند الله من الشح يحلف الله تعالى بعزّته وعظمته وجلاله أن لا يدخل الجنة شحيحٌ ولا بخلٌ)).

564. al Khatib mengeluarkan ((mereka berkata atau seorang dari kamu berkata : orang kedekut itu lebih teruk dari orang zalim dan mana satu kealiman yang lebih zalim disisi Allah taala dari kedekut, Allah bersumpah dengan kemuliaanNya dan kebesaranNya dan ketinggianNya bahawa tidak memasuki syurga orang kedekut dan tidak orang orang kikir)).

والديلمي [إتحاف السادة : 8/209] والبيهقي [في شعب الإيمان رقم 10845] ((صلاح أول هذه الأمة بالزهد واليقين ويُهلك آخرها بالبخل والأمل)).

565. Dailami dan Baihaqi mengeluarkan ((baiknya orang yang awal daripada umat ini adalah dengan zuhud dan yakin dan binasa akhirnya dengan kedekut dan angan-angan)).

فَصْلٌ فِي زَكَاةِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ

اعلم أنه تجب في الذهب إذا بلغ عشرين مثقالا، وفي الفضة إذا بلغ مئتي درهم. ففيهما يجب ربع عشرهما إذا تم حول بعد أن ملكهما.

566. **FASAL PADA ZAKAT EMAS DAN PERAK**. Ketahuilah bahawa zakat wajib pada emas apabila ia sampai dua pluh mithqal, dan pada perak apabila ia sampai dua ratus dirham. Maka pada keduanya wajib satu perempat daripada satu persepuluhnya apabila sempurna haul selepas dia memiliki keduanya.

وأنه لا يجوز تأخيرها بعد تمامه، لما روي أحمد [1/409 و 430] وابنا خزيمة [رقم 2250] وحبان [رقم 3252] وأبو يعلى [رقم 5241] عن ابن مسعود أنّ لَاوِيَ الزكاة -أي مؤخرها- من جملة الملعونين على لسان محمد صلى الله عليه وسلم. ومن ثم جزم بعضهم بعده كبيرة. فإن أخرها وهو قادر على أدائها ضمِنها. ولو امتنع من أدائها جاحدا وجوبها كفر وقتل بكفره كما يقتل المرتد، وإن منعها بخلا بها أخذت منه قهرا وعذر. فإن امتنع بمَنَعَة قاتله الإمام.

567. dan bahawa tidak harus mentkahirkannya selepas sempurnanya, kerana apa yang Ahmad dan Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban dan Abu Ya'la riwayatkan dari Ibnu Mas'ud bahawa orang yang mentakhirkan zakat adalah sebahagian daripada orang-orang yang dilaknati diatas lidah Muhammad sawm. Kerana itu sebahagian mereka jazam dengan membilangnya sebagai dosa besar. Maka jika dia mentakhirkannya sedang dia kuasa diatas menunaikannya dia mendhamannya. Kalau dia enggan menunaikannya dalam keadaan ingkarkan wajibnya kufurlah dia dan dibunuh dia dengan sebab kufurnya sepertimana dibunuh orang murtad. Jika dia enggan darinya kerana bakhil dengannya diambil ia darinya secara paksa dan dia dita'zir. Maka jika dia enggan dengan kekuatan imam memeranginya.

وأنه يشترط في صرف الزكاة نية زكاة المال أو صدقة المال المفروضة عند دفعها أو عزلها أو إعطائها للوكيل. فلو تصدق بجميع ماله ولم ينو الزكاة لم تسقط زكاته.

568. dan bahawa disyaratkan pada memalingkan zakat akan niat zakat harta atau sedekah harta yang fardhu disisi menyerahkannya atau mengasingkannya atau memberikannya kepada wakilnya. Maka kalau dia sedekahkan semua hartanya dan tidak meniatkan zakat tidak gugur zakatnya.

وإعطاؤها للمستحقين. فإن أعطاها لكافر أو عبد غير مكاتب أومَكْفِيّ بنفقة زوج أو قريب، أو غَنِيّ ملك كفاية العمر الغالب أو وجد كسبا لائقا حلالا يقع موقعا من حاجته، أولهاشميّ أو مطّلبيّ أو مواليهما، لم يقع عن الزكاة.

569. dan memberikannya kepada orang-orang yang berhak. Maka jika dia memberikannya kepada kafir atau hamba yang bukan mukatab atau orang yang cukup dengan nafkah suami atau kerabat atau kepada orang kaya yang memiliki keperluan umur yang ghalib atau dia mendapati usaha yang layak yang yang halal yang jatuh pada tempat hajatnya, atau kepada keturunan Hasyim atau Muttalib atau hamba-hamba kemerdekaan mereka, tidak jatuh ia dari zakat.

وحكى الحِصْنِيّ أنه كان بعض الناس يخرج زكاته ثلاث مرات ويقول : يحتمل أن الذي أحذها غير مستحق، ومن يقدر على هذه العقوبات؟

570. al Hishni menghikayatkan : bahawa ada setengah orang mengeluarkan zakatnya tiga kali dan berkata : boleh jadi orang yang mengambilnya tidak berhak, dan siapa yang mampu menghadapi siksaan-siksaan ini?

فبادر ياابن آدم إلى تخليص ذمتك بأداء زكاة مالك قبل أن يأتي بغتة عذاب ربك.

571. Maka segeralah wahai anak adam kepada melepaskan zimmah kamu dengan menunaikan zakat harta kamu sebelum datang dengan mengejut azab Tuhan kamu.

فَصْلٌ فِي صَدَقَةِ التَّطَوُّعِ

أخرج الطبراني [الجامع الصغير رقم 3304] عن أنس قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((تصدقوا فإن الصدقة فكاككم من النار)).

572. **FASAL PADA SEDEKAH SUNAT**. Thabarani mengeluarkan dari Anas katanya : kata rasulullah sawm ((bersedekahlah kerana sedekah itu kelepasan kamu dari neraka)).

والشيخان [البخاري رقم 143، مسلم رقم 1016] عن عديّ بن حاتم ((اتقوا النار ولو بشِقّ تمرة، فإن لم تجدوا فبكلمة طيبة)).

573. Dua syeikh mengeluarkan dari 'Adi bin Hatim ((takutlah kamu akan neraka walaupun dengan sebelah tamar, maka jika kamu tidak mendapati maka dengan kata-kata yang baik)).

والقُضاعيّ [الجامع الصغير رقم 5143] عن أبي هريرة ((الصدقة تمنع مِيْتَةِ السوء[7])).

574. al Qadhai'e meriwayatkan dari Abu Hurairah ((sedekah itu menegah dari kematian yang buruk))*.

والطبراني [في الكبير، الجامع الصغير رقم 2049] عن عقبة بن عامر ((إن الصدقة لتُطفئ عن أهلها حرّ القبور، وإنما يستظل المؤمن يوم القيامة في ظل صدقته)).

575. Thabarani mengeluarkan dari 'Uqbah bin 'Amir ((sedekah itu memadamkan kepanasan kubur dari tuannya, dan seorang beriman itu hanya berteduh pada hari kiamat kelak dibawah teduhan sedekahnya)).

والبيهقي [في شعب الإيمان، الجامع الصغير رقم 8460] عن أبي هريرة ((من أطعم أخاه المسلم شهوته حرمه الله على النار)).

576. Baihaqi mengeluarkan dari Abu Hurairah ((siapa memberi makan saudaranya yang islam akan makanan keinginannya Allah haramkan dia diatas neraka)).

---

[7] هي أن يموت الإنسان على وجه النكال والفضيحة ككونه سكرانا أو بغير توبة أو قبل قضاء دينه أو غير ذلك

والنسائي والحاكم [الجامع الصغير رقم 2915] عن ابن عمر ((من أطعم أخاه من الخبز حتى يشبعه وسقاه من الماء حتى يرويه بعّده الله من النار سبعَ خنادقَ، كلّ خندق سبع مئة عام)). وفي رواية ((ما بين كل خندقين مسيرة خمس مئة عام)).

577. Nasai'e dan Hakim mengeluarkan dari Ibnu Umar ((siapa memberi saudaranya makan roti hingga dia mengenyangkannya dan memberinya minum air hingga dia menghilangkan dahaganya Allah jauhkan dia dari api neraka tujuh parit, setiap satu parit tujuh ratus tahun. Pada satu riwayat ((jarak diantara dua parit itu perjalanan lima ratus tahun)).

والنسائي [بل الترمذي رقم 2484] عن ابن عباس ((ما من مسلم كسا مسلما ثوبا إلا كان في حفظ الله تعالى ما دام عليه منه خرقة)).

578. Nasai'e mengeluarkan dari Ibnu Abbas ((tidak ada seorang islam memberi pakaian seorang islam lain dengan kain melainkan adalah dia pada peliharaan Allah taala selama kekal sekerat dari kain itu diatasnya)).

والعُقَيْلِيّ [الجامع الصغير رقم 6418] عن ابن عمر ((كم من حوراءَ عيناءَ ما كان مهرها إلا قبضة من حنطة أو مثلها من تمر)).

579. al 'Uqailiy mengeluarkan dari Ibnu Abbas ((berapa ramai bidadari yang besar mata hitamnya* tidak adalah maskahwinnya melainkan segenggam gandum atau seumpamanya daripada tamar)).

وأبو داود [رقم 1682] والترمذي [رقم 2449] عن أبي سعيد الخدري ((أيما مؤمن أطعم مؤمنا على جوع أطعمه الله يوم القيامة من ثمار الجنة، وأيما مؤمن سقى مؤمنا على ظمإ سقاه الله يوم القيامة من الرحيق المختوم، وأيما مؤمن كسا مؤمنا على عُرْيٍ كساه الله يوم القيامة من حلل الجنة)).

580. Abu Daud dan Turmizi mengeluarkan dari Abu Sai'ed al khudri ((mana-mana orang beriman memberi makan seorang beriman lain yang sedang lapar Allah memberinya makan pada hari kiamat kelak daripada buah-buahan syurga, dan mana-mana orang beriman memberi minum seorang beriman lain yang sedang dahaga Allah memberinya minum pada hari kiamat kelak dari rahiq almakhtum[8], dan mana-mana orang beriman memberi pakaian seorang beriman yang lain yang tidak berpakaian Allah memberinya pakaian daripada perhiasan-perhiasan syurga)).

وأبو داود [رقم 2866] وابن حبان [الجامع الصحيح رقم 7211] عن أبي سعيد ((لأن يتصدق الرجل في حياته وصحته بدرهم خير من أن يتصدق بمئة عند موته)).

581. Abu Daud dan Ibnu Hibban mengeluarkan dari Abu Sai'ed ((sungguhnya bersedekah seorang lelaki pada masa hidupnya dan sihatnya dengan satu dirham lebih baik daripada bahawa dia bersedekah dengan seratus dirham disisi matinya)).

[8] minuman syurga.

والشيخان [بخاري رقم 1411، مسلم 1011] عن حارثة [بن وهب] ((تصدقوا! فسيأتي عليكم زمان يمشي الرجل بصدقته فيقول الذي يأتيه بها : لو جئت بالأمس لقبلتها فأما الآن فلا حاجة لي فيها، فلا يجد من يقبلها)).

582. Dua syeikh mengeluarkan dari Harith bin Wahab ((bersedekahlah kamu! Maka akan datang keatas kamu satu zaman dimana seorang lelaki berjalan dengan sedekahnya maka berkata orang yang dia datangi dengan sedekahnya itu : kalau kamu datang semalam nescaya aku terimanya, adapun sekarang maka tidak ada hajat bagi aku padanya, maka dia tidak mendapati orang yang mahu menerimanya)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 7950] عن أبي هريرة ((ما فتح رجل باب عطية بصدقة أو صلة إلا زاده الله بها كثرة، وما فتح عبد باب مسألة يريد بها كثرة إلا زاده الله بها قلة)).

583. Baihaqi mengeluarkan dari Abu Hurairah ((tidak membuka seorang lelaki akan pintu pemberian dengan sedekah atau silaturrahim melainkan Allah menambahkan banyak kepada dia dengan sebabnya, dan tidak membuka seorang hamba akan pintu permintaan yang dia hendakkan banyak dengannya melainkan Allah menambahkan sedikit kepada ia dengan sebabnya)).

والطبراني [الجامع الصغير رقم 7515] عن أبي أمامة ((لو لا أن المساكين يكذبون ما أفلح من ردّهم)).

584. Thabarani mengeluarkan dari Abu Umamah ((kalaulah orang-orang miskin itu tidak berdusta tidak mendapat kejayaan orang yang menolak mereka)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 8731] عن ابن عمر ((من سُئِل بوجه الله فأعطى كتب له سبعون حسنة)).

585. Siapa yang diminta dengan wajah Allah maka dia memberi dituliskan baginya tujuh puluh kebajikkan)).

وأحمد [رقم 15792] والترمذي [رقم 658] عن سلمان بن عامر ((الصدقة على المساكين صدقة وهي على ذي الرحم ثنتان صدقة وصلة)).

586. Ahmad dan Turmizi mengeluarkan dari Salman bin ‘Amir ((sedekah keatas fakir miskin itu sedekah dan ianya keatas zawil arham dua perkara sedekah dan silaturrahim)).

وابن حبان [كنز العمال رقم 16026] ((صدقة السر تطفئ غضب الرب وصلة الرحم تزيد في العمر وفعل المعروف يقي مصارعَ السوء)).

587. Ibnu Hibban mengeluarkan ((sedekah dengan sembunyi itu memadamkan kemarahan Tuhan dan silaturrahim itu menambah umur dan perlakuan baik itu memelihara dari terjadi perkara tak baik)).

وابن عديّ [الجامع الصغير رقم 1162] عن أبي هريرة ((أعطوا السائل وإن جاء على فرس)).

588. Ibnu ‘Adi mengeluarkan dari Abu Hurairah ((berilah orang yang meminta sekalipun dia datang diatas kuda)).

وهو [الجامع الصغير رقم 348] عن جابر ((إذا أتاكم السائل فضعوا في يده ولو ظِلْفًا محرّقا)).

589. Dia mengeluarkan dari Jabir ((apabila seorang peminta datang kepada kamu maka letakkanlah pada tangannya walaupun tapak kaki kambing yang dibakar)).

وابن عساكر [الجامع الصغير رقم 7943] عن ابن عمرو ((ما على أحدكم إذا أراد أن يتصدق لله صدقة تطوع أن يجعلها عن والديه إذا كان مسلمين، فيكون أجرها لهما، وله مثل أجورهما بغير أن ينقص من أجورهما شيئاً)).

590. Ibnu 'Asakir mengeluarkan dari Jabir ((tidak salah diatas seorang kamu apabila dia hendak bersedekah kerana Allah akan satu sedekah sunat bahawa dia menjadikannya untuk dua ibu bapanya apabila keduanya islam, maka adalah ganjaran sedekah itu bagi kedua mereka, dan baginya seumpama ganjaran mereka tanpa kurang sesuatu pun dari ganjaran mereka)).

والبزار [وسمويه عن أنس، الجامع الصغير رقم 4643] ((سبع يجري أجرهن للعبد وهو في قبره: من علّم علما أو أَجْرَى نهْرا أو حفر بئرا أو غرس نخلا أو بنى مسجدا أو ورّث مُصحفا أو ترك ولدا يستغفر له بعد موته)).

591. al Bazzar mengeluarkan dari Anas ((tujuh perkara mengalir ganjarannya bagi seorang hamba sedang dia didalam kuburnya : orang yang mengejarkan ilmu atau mengalirkan sungai atau menggali telaga atau menanam pokok saka atau membina masjid atau mewariskan mushaf atau meninggalkan anak yang meminta ampun untuknya selepas matinya)).

ومسلم [رقم 2984] عن أبي هريرة أن النبي صلى الله عليه وسلم قال ((بينا رجلٌ بفلاة من الأرض فسمع صوتا في سحابة يقول : اسق حديقة فلان! فتَنَحّى ذلك السحاب، فأفرغ ماءه في حرّة. فإذا شَرْجَة من تلك الشِّرَاج قد استوعبت ذلك الماء، فتتبّع الماء، فإذا رجل قائم في حديقته يحوّل الماء بِمِسْحَات فقال له : يا عبد الله! ما اسمك؟ قال فلان للاسم الذي سمع في السحابة. فقال له: يا عبد الله لِمَا تسألني عن اسمي؟ قال : إني سمعت صوتا في السحاب الذي هذا ماؤه. يقول : اسق حديقة فلان، لاسمك، فما تصنع فيها؟ قال: أما إذا قلت هذا فإني أنظر إلى ما يخرج منها فأتصدق بثلثه وآكل أنا وعيالي ثلثا وأرد فيها ثلثا)).

592. Muslim mengeluarkan dari Abu Hurairah bahawa nabi sawm berkata ((sedang seorang lelaki berada pada padang belantara maka dia mendengar satu suara pada awan berkata : jiruslah kebun si pulan! Maka awan itu bergerak pergi lalu menuangkan airnya pada satu kawasan bumi yang berbatu hitam. Maka air yang mengalir dari tanah berbatu hitam itu <u>telah meratai air itu</u>*, maka lelaki itu menyusuri air yang mengalir itu, maka tiba-tiba ada seorang lelaki berdiri dikebunnya yang mengubah aliran air dengan cangkul, maka kata lelaki itu kepadanya : wahai hamba Allah! Apa nama kamu? katanya : fulan, iaitu nama yang dia dengar diawan itu. Kata tuan kebun itu kepadanya : wahai hamba Allah kenapa kamu tanya nama ku? Katanya : sungguhnya aku telah dengar suara pada awan yang mana air ini airnya, katanya : siramilah kebun fulan, nama kamu. Maka apa yang kamu buat pada kebun mu? Katanya : adapun apabila kamu katakan ini maka aku melihat-lihat kepada apa yang keluar darinya lalu aku bersedekah dengan satu pertiganya, aku dan keluarga ku makan satu pertiga dan aku kembalikan padanya satu pertiga)).

وابن صَصْرىَ [كنز العمال رقم 16031] عن ابن عباس أن النبي صلى الله عليه وسلم قال ((أتى سائل امرأة وفي فمها لقمة فأخرجت اللقمة فناولتها السائل فلم تلبث أن رزقت غلاما. فلما ترعرع جاء ذئب فاحتمله فخرجت تعدو في أثر الذئب وهي تقول : ابني! ابني! فأمر الله تعالى ملكا: ألحِقْ الذئبَ، فخُذْ الصبيّ من فيه. وقال : قل لأمه : الله يُقْرِئُك السلام، وقل لها : هذه لقمة بلقمة)).

593. Ibnu Shashra mengeluarkan dari Ibnu Abbas bahawa nabi sawm katanya ((seorang peminta sedekah datang kepada seorang perempuan sedang pada mulutnya ada satu suapan makanan maka dia mengeluarkan suapan itu lalu menghulurkannya kepada peminta sedekah itu. Maka tidak lama dia dirazekikan anak. Maka tatkala anak itu mula merangkak datang seekor serigala lalu menggonggongnya pergi, lalu perempuan itu keluar berlari mengekori serigala itu seraya berkata : anakku! anakku! Maka Allah menyuruh seorang malaikat : pergi dapatkan serigala itu maka ambillah budak itu dari mulutnya. KataNya : katakan kepada ibunya : Allah membacakan salam keatas kamu, dan katakan kepadanya : ini adalah satu suapan dengan satu suapan.

وابن النجار [كنز العمال رقم 16116، عن ابن عساكر] عن أبي هريرة رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال ((كان فيمن كان قبلكم رجل يأتي وكْر طائر كلما أفرخ يأخذ فرخيه. فشكا ذلك الطائر إلى الله تعالى ما يفعل به. فأوحى الله تعالى إليه : إن عاد فسأهلكه. فلما أفرخ خرج ذلك الرجل كما كان يخرج، فلما كان في طريق القرية لقيه سائل فأعطاه رغيفا كان معه يتغذّاه، ثم مضى حتى أتى الوكْر فوضع سُلّمه ثم صعد فأخذ الفرخين، وأبواهما ينظران إليه. فقالا: ربنا! إنك لا تخلف الميعاد، وقد وعدتنا أنك تهلك هذا إذا عاد وقد عاد فأخذ فرخينا ولم تهلكه. فأوحى الله إليهما : ألم تعلما أني لا أهلك أحدا تصدّق في يومه بمِيْتَةِ سوءٍ؟)).

594. Ibnu Najjar mengeluarkan dari Abu Hurairah r.a bahawa nabi sawm berkata ((pada kaum sebelum kamu ada seorang lelaki yang mendatangi satu sarang burung, setiap kali burung itu menetaskan anak dia mengambil dia ekor anaknya. Maka burung itu mengadu kepada Allah taala apa yang lelaki itu lakukan. Maka Allah taala mengilhamkan kepadanya : jika dia kembali aku akan binasakan dia. Maka tatkala burung itu menetaskan anak keluarlah lelaki itu sepertimana biasa, maka tatkala dia dijalannya dia bertemu dengan peminta sedekah lalu memberikannya sekeping roti yang ada bersamanya untuk dia makan tengahari, kemudian dia terus pergi hingga sampai kepada sarang burung itu lalu meletakkan tangganya kemudian dia memanjat lalu mengambil dua ekor anak burung itu, sedang kedua ibu bapanya melihat kepada lelaki itu. Maka keduanya berkata : wahai Tuhan kami! sungguhnya Engkau tidak memungkiri janji, telah Engkau janjikan bahawa Engkau akan membinasakan lelaki ini jika dia kembali, dan sungguhnya dia telah kembali lalu mengambil dua ekor anak kami dan Engkau tidak membinasakannya. Maka Allah mengilhamkan kepada keduanya : adakah kamu berdua tidak tahu bahawa aku tidak membinasakan seorang yang bersedekah pada harinya dengan kematian yang jahat?)).

وحكى اليافعي [الحكاية رقم 16] عن جعفر بن سليمان قال : مررت أنا ومالك بن دينار بالبصرق، فبينما ندور فيها مررنا بقصر يُعمل. وإذا شابّ جالس ما رأيت أحسن وجها منه، وإذا هو يأمر ببناء القصر وهو يقول : افعلوا واصنعوا. فقال لي مالك : أما ترى إلى هذا الشباب وحسن وجهه وحرصه على هذا البناء، ما أحوجني إلى أن

أسأل ربي يخلّصه، فلعله يجعله من شباب أهل الجنة. يا جعفر! ادخل بنا إليه. قال جعفر : فدخلنا وسلّمنا فرد السلام ولم يعرف مالكا. فلما عرفه قام إليه فقال: ما حاجتك؟ قال : كم نويت أن تنفق على هذا القصر؟ قال : مئة ألف درهم. قال : ألا تعطيني هذا المال فأضعه في حقه وأضمن لك على الله عز وجل قصرا خيرا من هذا القصر بولدانه وخدمه وقِبابه وخِيمه من ياقوتة حمراء مرصّعا بالجواهر، ترابه الزعفران ومِلاطه المسك، أفسح من قصرك هذا، لم يخرب، لم يمسه يدان ولم يبنه بان؟ قال له الجليل : كُنْ فكان. فقال : فخَلِّنِيْ اللَّيْلَةَ وبكِّرْ علي غدا. فقال : نعم.

595. al Yafi'e menghikayatkan dari Ja'far bin Sulaiman katanya : aku dan Malik bin Dinar berjalan-jalan di Basrah, sedang kami berlegar-legar kami lalu pada satu mahligai yang sedang dibina, seorang pemuda sedang duduk, tidak pernah aku tengok wajah yang lebih kacak dari wajahnya, rupa-rupanya dia mengarahkan pembinaan mahligai itu, dia berkata : buat begini buat begini. Maka kata Malik kepada aku : kamu tengoklah pemuda ini dan kacak mukanya dan ghairahnya diatas pembinaan ini. Ingin sekali aku memohon kepada Tuhan ku agar melepaskan dia, maka harap-harap Dia menjadikannya dari kalangan pemuda-pemuda ahli syurga. Wahai Ja'far! Jom kita masuk menemuinya. Kata Ja'far : maka kami masuk dan memberi salam, lalu dia menjawab salam, sedang dia tidak mengenali Malik. Maka tatkala dia mengenalinya dia bangun mendapatkannya lalu berkata : apa hajat tuan? Kata Malik : berapa engkau niat untuk belanjakan membina mahligai ini? Katanya : seratus ribu dirham. Kata Malik : eloklah engkau berikan aku harta itu maka aku letakkannya pada haknya, dan aku jamin bagi kamu diatas Allah azza wa jalla sebuah mahligai yang lebih baik dari mahligai ini dengan budak-budak pelayannya dan khadam-khadamnya dan kubah-kubahnya dan khemah-khemahnya yang dibuat dari delima merah dan ditatahkan dengan permata-permata, tanahnya za'faran dan turapan dindingnya kasturi, lebih luas dari mahligai kamu ini, tidak roboh, tidak pernah disentuh oleh tangan dan pernah dibina oleh mana-mana juru bina, yang berkata kepadanya oleh Tuhan al Jalil : ujudlah, maka iapun ujud. Maka kata pemuda itu : berikan aku satu malam ini dan esok datanglah pagi-pagi kepada aku. Maka kata Malik : baiklah.

قال جعفر : فبات مالك وهو يفكر في الشاب. فلما كان وقت السحَر دعا فأكثر من الدعاء فلما أصبحنا غدونا، فإذا بالشباب جالس فلما عايَن مالكا هَشّ إليه ثم قال : ما تقول فيما قلت بالأمس؟ قال : تفعل؟ قال : نعم. فأَحْضَرَ الْبُدَرَ ودعا بدواة وقرطاس، ثم كتب : بسم الله الرحمن الرحيم. هذا ما ضمن مالك بن دينار لفلان بن فلان، إني ضمنت لك على الله قصرا بصفته كما وصفت والزيادة على الله، واشتريت لك بهذا المال قصرا في الجنة أفسح من قصرك في ظل ظليل بقرب العزيز الجليل. ثم طوى الكتاب ودفعه إلى الشاب، وحملنا المال. فما أمسى مالك حتى ما بقي عنده فوق مقدار قوت ليلة.

596. Kata Ja'far : maka Malik melalui malam itu berfikir tentang pemuda itu. Bila sampai waktu sahur dia berdoa kemudian membanyakkan doanya. Maka pagi itu kami segera pergi lalu mendapati pemuda itu sedang duduk, maka tatkala dia memandang Malik dia bergegas kepadanya, kemudian berkata : apa pendapat kamu tentang apa yang kamu katakan semalam? Kata Malik : kamu nak buat? Katanya : ia. Lalu dia

mendatangkan beberapa puluh ribu dirham[9] dan meminta dibawakan dakwat dan kertas kepadanya. Kemudian Malik menulis : bislillahirrahmanirrahim, ini apa yang dijamin oleh Malik bin Dinar bagi pulan bin pulan, sungguhnya aku menjamin bagi kamu diatas Allah sebuah mahligai sebagai ganti mahligai kamu ini dengan sifatnya yang telah aku sifatkan dan tambahan diatas Allah, dan aku beli untuk kamu dengan harta ini sebuah mahligai didalam syurga yang lebih luas dari mahligai kamu, pada teduhan suatu yang meneduhkan, dekat dengan al ‘Aziz al jalil. Kemudian dia melipat suratan itu dan menyerahkannya kepada pemuda itu, dan kami membawa pergi harta itu. Maka tak sampai waktu petang tidak tinggal pada Malik oleh lebih dari kadar makanan untuk satu malam.

وما أتى على الشاب أربعون يوما حتى وجد مالك كتابا موضوعا في المحراب عندما انفتل من صلاة الغداة، فأخذه ونشره. فإذا في ظهره مكتوب بلا مداد "هذه براءة من الله العزيز الحكيم لمالك بن دينار. ووفينا الشاب القصر الذي ضمنتَ له وزيادة سبعين ضعفا". قال: فبقي مالك متعجبا وأخذ الكتاب فقمنا فذهبنا إلى منزل الشاب، فإذا الباب مسدود والبكاء في الدار فقلنا : ما فعل الشاب؟ قالوا : مات بالأمس فأحضرْنا الغاسلَ فقلنا له : أنت غسّلته؟ قال : نعم. قال مالك : فحدثنا كيف صنعت؟ قال : قال لي قبل الموت إذا أنا مت وكفّنتني فاجعل هذا الكتاب بين كفني وبدني. فجعلت الكتاب بين كفنه وبدنه ودفنته معه. فأخرج مالك الكتاب. فقال الغاسل : هذا الكتاب بعينه، والذي قبضه لقد جعلته بين كفنه وبدنه بيديّ. قال : فكثر البكاء. فقام شاب آخر فقال : يا مالك! خذ مني مئتي ألف دينار واضمن لي مثل هذا. قال هيهات! كان ما كان وفات ما فات. والله يحكم ما يريد. قال : فكان مالك كلما ذكر الشاب بكى ودعا له.

597. Malik tidak pergi kepada pemuda itu empat puluh hari hingga satu hari Malik menemui satu suratan yang diletakkan di mihrab masjid ketika dia berpaling dari sembahyang subuh lalu dia mengambilnya dan membentangkannya, maka tiba-tiba pada belakangna tertulis tanpa menggunakan dakwat : ini kelepasan dari Allah yang maha mulia yang maha bijaksana bagi Malik bin Dinar, dan telah kami sediakan untuk pemuda itu sebuah mahligai yang engkau jamin bagi dia dan tambahan tujuh puluh kali ganda. Kata Ja’far : Malik berasa kagum dan mengambil suratan itu. Maka kami bangkit lalu pergi kerumah pemuda itu. Tiba-tiba kami dapati pintunya terkatup dan tangisan kedengaran didalam rumah itu. Kami kata : apa pemuda ini buat? Kata mereka : dia mati semalam. Maka kami mendapatkan tukang mandi mayat datang, lalu kami kata kepadanya : kamu memandaikannya? katanya : ia. Kata Malik : cerita kepada kami bagaimana kamu buat? Katanya : dia kata kepada aku sebelum mati : bila aku mati dan kamu kapankan aku hendaklah kamu letakkan suratan ini diantara kapan ku dan tubuh ku, maka aku letakkan suratan itu diantara kapannya dan tubuhnya dan aku kebumikan ia bersama dia. Kemudian Malik mengeluarkan suratan itu maka kata tukang mandi itu : suratan ini diri suratan itu, sedangkan yang pemuda itu pegang telah aku letakkannya diantara kapan dan tubuhnya dengan dua tangan ku sendiri. Kata Ja’far : maka banyaklah tangisan orang yang hadhir. Maka bangun seorang pemuda lain lalu berkata : wahai Malik! Ambil dari aku dua ribu dirham dan jaminlah bagi ku seumpama pemuda ini. Kata Malik : jauhlah kamu! telah terjadi apa yang telah terjadi dan tak terjadi apa yang tidak terjadi, dan Allah menghukum apa yang Dia hendak.

---

9. بَدْرَةٌ : sepuluh ribu dirham.

Kata Ja'far : adalah Malik setiap kali ingatkan pemuda itu dia menangis dan berdoa untuknya.

وحكى أيضا [الحكاية رقم 325] عن أبي جعفر بن الخطاب قال : وقف على بابي سائل، فقلت لزوجتي : هل معكِ شيء؟ قالت : أربع بيضات. فقلت : ادفعيهن للسائل، ففعلت. فلما انصرف السائل أهدى إلي بعض إخواني مِخْلاَة فيها بيض. فقلت لزوجتي : كم فيها من بيضة. فقالت : ثلاثون بيضة. فقلت لها : ويحكِ! أعطيتِ السائلَ أربع بيضات وجاءك ثلاثون، أيٌّ حساب هذا! فقالت : هي أربعون، إلا أن عشرا مكسورات. وقيل في هذه الحكاية كانت ثلاث من البيض الذي أعطتْ السائل صحيحات وواحدة مكسورة، فجاء بكل واحدة منهن عشر على صفتها.

598. Dia menghikayatkan juga dari Abu Ja'far bin al Khattab, katanya : berdiri pada pintu rumah ku seorang peminta sedekah, maka aku kata kepada isteri ku : ada ke pada kamu sesuatu? Katanya : empat biji telur. Aku kata : berikan semuanya kepada orang yang meminta ini, lalu dia melakukannya. Maka tatkala peminta sedekah itu beredar seorang dari rakan-rakan ku memberikan aku satu bakul telur. Maka aku kata kepada isteri ku : berapa biji telur didalamnya. Katanya : tiga puluh biji. Maka aku kata kepadanya : kasihan kamu! kamu berikan peminta sedekah itu empat biji telur dan datang kepada kamu tiga puluh biji, kira-kira apa ini? Maka katanya : ianya empat puluh tapi sepuluh biji pecah. Dikatakan pada cerita ini : tiga biji yang isterinya berikan kepada peminta itu elok dan satu pecah, maka datang dengan setiap satu daripada tiga biji itu sepuluh biji diatas sifatnya.

وحكى أيضا [الحكاية رقم 324] عن الشبلي قال : خرجت ذات يوم أريدُ البادية، فرأيت شابّا صغير السن نحيل الجسم أشعث أغبر عليه ثياب رَثّة وهو جالس في الجبّانة يمرِّغ خدّيه بين القبور، وجعل يرمُق السماء تارة بعد تارة، ويحرك شفتيه وتسيل الدموع من عينيه وهو مستغرق في الدعاء والذكر والاستغفار، ولا يشغله شاغل عن التسبيح والتقديس والتحميد والتمجيد والتعظيم. فلما رأيت الشاب على تلك الحالة مالت نفسي إليه وطابت على لقائه فتركت الطريق التي أروح عليها وقصدت نحوه. فلما رآني أقبلت إليه انتهض من مكانه وقام يمشي هاربا مني.

599. Dia menceritakan juga dari Syibli, katanya : satu hari aku keluar menuju kedaratan, maka aku nampak seorang pemuda yang masih muda sangat bertubuh kurus kusut masai berdebu memakai pakaian lusuh, dia duduk pada batas yang rata menggolek-golekkan dua pipinya diantara kubur-kubur, mulalah dia memandang langit berkali-kali dan menggerakkan dua bibirnya dan mengalir air mata dari dua matanya, dia berhabis-habisan berdoa dan berzikir dan beristighfar, tidak menyibukkan dia suatu apa pun dari tasbih dan taqdis dan tahmid dan tamjid dan ta'zim. Bila aku lihat pemuda itu diatas keadaan itu cenderong diriku kepadanya dan ingin menemuinya lalu aku tinggalkan jalan yang aku lalui dan menuju kearahnya. Bila dia nampak aku menghala kepadanya dia bangun dari tempatnya dan berjalan melarikan diri dari aku.

فنهضتُ نفسي في اتباعه لعلي ألحقه. فلم أقدر على إدراكه. فقلت له : رفقا يا ولي الله! فقال: الله. فقلت : بحقه إلا ما صبرتَ. فأشار بأصبعه: لا أفعل، وقال : الله. فقلت : إن كان حقا ما تقول فأرِني صدقَك مع الله

تعالى. فنادى بصوت عالٍ : يا ألله! فوقع في الأرض مغشيا عليه. فدنوت منه وحرّكته. فإذا هو ميت من ساعته، فوهمت من ذلك وتعجبت من حاله وصدقه مع الله تعالى، وقلت : يختص برحمته من يشاء [سورة آل عمران : 74]، وقلت: لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العلي العظيم.

600. Maka aku menggerakkan diri ku pada mengekorinya, harap-harap aku dapat menghubunginya, kemudian aku dapati tidak dapat menghubunginya. Maka aku kata kepadanya : berlembut wahai wali Allah! Maka katanya : Allah! Maka aku kata : dengan hakNya melainkan engkau sabar*. Maka dia isyarat dengan jarinya : aku tidak buat, dan katanya : Allah! Maka kata ku : jika apa yang kamu kata benar maka lihatkan kepada aku benar engkau bersama Allah taala. Maka dia berseru dengan suara yang tinggi : ya Allah! Lalu dia jatuh kebumi pengsan. Maka aku dekati dia dan gerak-gerakkan dia, maka tiba-tiba dia mati pada saat itu. Maka aku sangsikan kematiannya* dan aku hairankan keadaannya dan benarnya dengan Allah taala. Aku katakan : “Allah mengkhususkan rahmatNya pada orang yang Dia hendak”. Dan aku katakan : tidak ada daya dan upaya melainkan dengan Allah yang maha tinggi maha besar.

ثم تركته في موضعه وسرت إلى حيّ من أحياء العرب لآخذ في جهازه وإصلاح شأنه. فلما رجعت إليه حجب عني فطلبته في المكان، فلم أجد له أثرا ولا سمعت له خبرا. فبقيت متحيرا وقلت : حجب عني هذا الشاب ومن سبقني إليه؟ فسمعت قائلا يقول لي: يا شبلي! قد كُفِيْتَ أمر الفتى، وما تولاه إلا الملائكة. فعليك أنت بعبادة ربك وأكثر الصدقة من مالك، فما بلغ الفتى ما بلغ إلا بصدقة يوما في الدهر. فقلت : سألتك بالله إلا أخبرتني بصدقته يوما في الدهر، ما هي؟

601. Kemudian aku tinggalkan dia pada tempatnya dan berjalan kesekumpulan orang arab untuk aku buat persiapan pengkebumiannya dan mengelokkan keadaannya. Tatkala aku kembali kepadanya dihijab dia dari ku, maka aku cari dia pada tempat itu lalu tidak aku mendapati kesannya dan tidak aku dengar khabarnya. Maka aku terus hairan dan berkata : dihijab pemuda ini dari aku, siapa yang mendahului aku? Maka aku dengar seorang berkata kepada ku : wahai Syibli sungguh telah dipadakan engkau dari urusan pemuda itu, tidak menguruskan dia melainkan malaikat. Maka lazimlah kamu beribadat kepada Tuhan mu dan banyakkan sedekah dari harta kamu, kerana tidak sampai pemuda itu kepada apa yang dia telah sampai melainkan dengan sedekah pada satu hari didalam hidupnya. Maka aku kata : aku bertanya engkau dengan nama Allah, sila lah khabarkan aku tentang sedekahnya pada satu hari daripada hidupnya itu, apa dia?

فقال : يا شبلي! إن هذا الفتى كان في أول عمره مذنبا عاصيا فاسقا زانيا، فعرض الله عليه رؤيا أفزعته وأقلقته، وهي أنه رأى في المنام إحليله قد رجع ثعبانا ودار بفيه ثم إنه أطلق من فيه لهَب النار فأحرقته حتى عاد كالفحمة السوداء، فقام فزِعا مرعوبا وخرج فارا بنفسه مشتغلا بعبادة ربه. وله اليوم منذ رجع إلى طاعته ربه اثنتا عشرة سنة وهو على حالة التضرع والخشوع. فلمّا كان أمسِ وقف له سائل سأله قوت يومه، فخلع ثيابه وسلّمها إليه ففرح السائل بذلك وبسط كفّيه ودعا له بالمغفرة، فأجاب الله دعاءه فيه ببركة الصدقة التي فرّحه بها كما جاء في الحديث ((اغتنموا دعوة السائل عند فرحة قلبه بالصدقة)).

602. Maka katanya : wahai Syibli! Sungguhnya pemuda ini pada awal umurnya banyak melakukan dosa, melakukan maksiat, fasik lagi penzina, maka Allah menayangkan kepadanya satu mimpi yang mengkejutkan dia dan menggusarkan hatinya. Dia nampak didalam tidurnya lubang zakarnya telah bertukar kepada ular dan ia berlegar-legar didalam mulutnya, kemudian ular itu melepaskan api didalamnya lalu membakarnya hingga menjadi seperti arang yang hitam. Maka dia bangun dalam keadaan terkejut lagi gerun dan keluar melarikan diri, sibuk dengan beribadat kepada Tuhannya. Hari ini sejak dia kembali kepada mentaati Tuhannya telah berlalu dua belas tahun dalam keadaan dia diatas keadaan rendah diri dan khusyuk. Semalam berdiri seorang peminta sedekah disisinya meminta darinya makanan untuk hari itu lalu dia menanggalkan kainnya dan menyerahkannya kepada peminta sedekah itu, lalu peminta sedekah itu gembira dengan demikian itu dan dia menghamparkan dua tapak tangannya dan berdoa untuknya dengan keampunan, maka Allah memperkenankan doanya pada demikian itu dengan berkat sedekah yang pemuda itu menggembirakan dia dengannya, sepertimana datang didalam hadith “rebutlah doa orang yang meminta disisi gembira hatinya dengan sedekah”.

خَاتِمَةٌ فِيْ مَدْحِ السَّخَاءِ وَالْجُوْدِ

أخرج البخاري والبيهقي [كنز العمال رقم 15926] السخاء شجرة من أشجار الجنة، أغصانها متداليات في الدنيا، فمن أخذ بغصن منها قاده ذلك الغصن إلى الجنة، والبخل شجرة من أشجار النار أغصانها متدلِّيات إلى الدنيا فمن أخذ بغصن من أغصانا قاده ذلك الغصن إلى النار.

603. **KHATIMAH PADA MEMUJI SIFAT MURAH HATI DAN BOROS**[10]. Bukhari dan Baihaqi mengeluarkan : murah hati itu satu pokok daripada pokok-pokok syurga, ranting-rantingnya menjulur didunia, maka siapa memegang satu ranting daripadanya ranting itu memandunya ke syurga, dan kedekut itu satu pokok daripada pokok-pokok neraka, ranting-rantingnya menjulur kedunia, siapa memegang satu ranting daripadanya ranting itu memandunya keneraka.

وابن عدي [الجامع الصغير رقم 3644] ((الجنة دار الأسخياء)).

604. Ibnu ‘Adiy mengeluarkan ((syurga itu negeri orang-orang yang pemurah)).

والطبراني [في الأوسط، الجامع الصغير رقم 2324] ((إن في الجنة بيتا يقال له بيت الأسخياء)).

605. Thabarani mengeluarkan ((sungguhnya didalam syurga itu ada satu bilik yang dipanggil bilik orang-orang pemurah.

والترمذي [رقم 1961] والبيهقي [الجامع الصغير رقم 4804] ((السخِي قريب من الله وقريب من الناس قريب من الجنة بعيد من النار، والبخيل بعيد من الله بعيد من الناس بعيد من الجنة قريب من النار، والجاهل السخي أحب إلى الله من عالم بخيل)).

606. Turmizi dan Baihaqi mengeluarkan ((orang yang murah hati itu dekat dengan Allah dan dekat dengan manusia dekat dengan syurga dan jauh dari neraka,

10 . boros lebih mendalam daripada murah hati, iaitu memberikan tanpa berkira-kira.

sementara orang kedekut itu jauh dari Allah jauh dari manusia jauh dari syurga dekat dengan neraka. Orang jahil yang pemurah lebih dikasihi Allah dari orang alim yang bakhil)).

وقال سلمان الفارسي [البخلاء للخطيب البغدادي رقم 62] : إذا مات السخِيّ قالت الأرض والحفظة : يا رب! تجاوز عن عبدك بسخائه في الدنيا، وإذا مات البخيل قالت : اللّٰهُمَّ! احجب هذا العبد عن الجنة كما حجب عباده عما في يده من الدنيا. وقد صح : أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان أجودَ من الريح المرسلة. [البخاري رقم 6، مسلم رقم 2308].

607. Kata Salman al Farisi : apabila mati seorang yang pemurah berkatalah bumi dan malaikat-malaikat hafazah : wahai tuhan ku! Maafkanlah hamba Mu ini dengan sebab sifat murah hatinya, dan apabila mati seorang kedekut katanya : ya Allah! Hijablah hamba ini dari syurga sepertimana dia menghijab hamba-hamba Mu dari apa yang ada pada tangannya daripada dunia. Sungguhnya sah : bahawa rasulullah sawm adalah dia lebih bermurah hati dari angin yang bertiup tak terhalang.

وصح أيضا أنه صلى الله عليه وسلم لما مرِض كان عنده سبعةُ دنانير، فأمر عائشة أن تعطيها لعَلِيّ ليتصدق بها، فاشتغلت بإغمائه صلى الله عليه وسلم، فكان كلما أفاق أمر بذلك حتى أعطتها لعلي، فأمست ليلة موته صلى الله عليه وسلم وليس عندها شيء فاحتاجت لمصباح فأرسلت إلى امرأة من نسائه تطلب منها سَمْنا.

608. Sah juga bahawa rasulullah sawm tatkala sakit ada disisinya tujuh dirham, maka dia menyuruh Aisyah memberikannya kepada Ali untuk dia sedekahkannya, maka Aisyah sibuk dengan sebab pitamnya rasulullah sawm. Adalah dia setiap kali sedar menyuruh dengan demikian itu hingga Aisyah memberikannya kepada Ali. Maka jadilah Aisyah pada malam wafat rasulullah sawm tidak ada disisinya sesuatu. Kemudian dia perlukan sesuatu untuk menyalakan lampu lalu dia mengutus orang kepada seorang isteri rasullah meminta minyak darinya.

وقال عمر رضي الله عنه [الترمذي رقم 3675، أبو داود رقم 1678، الدارمي رقم 660] أمرنا رسول الله صلى الله عليه وسلم أن نتصدق، فوافق ذلك مالا عندي، فقلت : اليوم أَسْبَقُ أبا بكر رضي الله عنه، إنْ سبقته يوما، فجئت بنصف مالي. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((ما أبقيت لأهلك؟)) فقلت : مثلَه. فأتى أبو بكر رضي الله عنه بكل ماله، فقال رسول الله لصلى الله عليه وسلم ((ما أبقيت لأهلك؟)). قال : أبقيت لهم اللهَ ورسولَه. فقلت : لا أسابقك بشيء أبدا.

609. Kata Umar r.a : rasulullah sawm menyuruh kami bersedekah, maka demikian itu kebetulan dengan adanya harta disisi ku, maka aku kata : pada hari ini aku mengalahkan Abu Bakar r.a, tidak pernah aku mengalahkannya dalam sehari pun. Maka aku datang dengan setengah harta ku. Maka kata rasulullah sawm ((apa yang kamu tinggalkan untuk keluarga kamu?)). Maka aku kata : seumpamanya. Kemudian datang Abu Bakar r.a dengan semua hartanya. Maka kata rasulullah sawm ((apa yang kamu tinggalkan untuk keluarga kamu?)). Katanya : aku tingalkan bagi mereka Allah dan rasulNya. Maka aku kata : tidak dapat aku mengalahkan engkau dengan apa-apa pun selama-lama.

وروى الطبراني [كنز العمال رقم 36762] أن عمر رضي الله عنه أرسل مع غلامه بأربع مئة دينار لأبي عبيدة بن الجرّاح، وأمره بالتأنّي ليرى ما يصنع فيها. فذهب بها إليه وأعطاه له وتأنّى يسيرا، ففرقها كلها. فرجع الغلام لعمر فأخبره فوجده قد أعدّ مثلَها لمعاذ بن جبل فأرسلها معه إليه وأمره بالتأنِّي كذلك، ففعل ففرّقها. فاطلعتْ زوجتُه وقالت : نحن والله مساكين فأعطنا. فلم يبقَ في الخِرْقة إلا دينارين، فأعطاهما لها. فرجع الغلام لعمر وأخبره فسرّ بذلك، وقال : إنهم إخوةٌ، بعضهم من بعض.

610. Thabarani meriwayatkan bahawa Umar r.a menghantar bersama budak suruhannya empat ratus dinar kepada Abu Ubaidah bin al Jarrah dan menyuruhnya lambat-lambat untuk melihat apa yang Ubaidah buat pada dinar itu. Maka budak itu pergilah membawanya kepada Ubaidah dan memberikannya kepada dia dan dia buat lambat sedikit. Maka Ubaidah membagi-bagikan kesemuanya. Maka budak itu balilk kepada Umar lalu menceritakan kepadanya. Kemudian dia mendapati Umar telah menyediakan dinar yang sama banyak untuk Mu’az bin Jabal, lalu Umar menghantar dinar itu bersama dengan budak itu kepada Mu’az dan menyuruh dia buat lambat seperti tadi, maka dia melakukannya. Maka Mu’az membagi-bagikannya. Kemudian isterinya nampak dan berkata : demi Allah kita ini orang miskin, maka berikan kepada kita. Tidak tinggal pada karung itu melainkan dua dinar, lalu dia memberikannya kepada isterinya. Maka budak itu balik kepada Umar dan mengkhabarkannya. Umar gembira dengan demikian itu dan berkata : sungguhnya mereka itu saudara, sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain.

وجاء بسند حسن [مجمع الزوائد رقم 14808] أن زوجة طلحة بن عبيد الله رأت منه ثِقلا، فقالت له : ما لك؟ لعله رَابَك منا شيء. فنَعْتُبُكَ. قال : لا، ولنعم حليلةُ المرء المسلم أنتِ، ولكن اجتمع عندي مال ولا أدري كيف أصنع؟ قالت : وما يَغُمُّك منه؟ ادع قومك فاقسمه بينهم. فقال : يا غلام! عليّ بقومي. فكان جملة ما قسم أربع مئة ألف.

611. Datang dengan sanad yang baik : bahawa isteri Talhah bin Ubaidullah melihat ada perkara yang berat padanya, maka dia kata kepadanya : apa kena kamu? Barangkali ada sesuatu pada ku yang meragukan kamu, kalau begitu aku mencela kamu. Kata Talhah : tidak, sungguhnya sebaik-baik pasangan seorang lelaki islam adalah kamu, akan tetapi terkumpul harta disisi aku dan aku tidak tahu apa aku nak buat? Kata isterinya : apa yang menyugulkan kamu? Panggil kaum kamu maka bagi-bagikannya diantara mereka. Maka katanya : wahai budak pelayan! Panggil kaum ku kepada ku. Maka adalah jumlah yang dia bagi-bagikan itu empat ratus ribu.

وفي الرياض النضرة [سير النبلاء 1/24 رقم الترجمة 2] أعطى طلحة أعرابيا سأله ثلاث مئة ألف، وباع أرضا من عثمان بسبع مئة ألف. فحملها إليه فلما جاء به قال : إن رجلا يبيت عنده هذه في بيته لا يدري ما يطرقه من أمر الله. فبات ورسلُه تختلف في سِكَك المدينة، حتى أسحر وما عنده منها درهم.

612. Didalam Riyadh an Nadhrah : Talhah memberikan tiga ratus ribu kepada seorang darat yang meminta sedekah darinya, dan dia menjual tanah kepada Uthman dengan tujuh ratus ribu, maka Uthman membawa duit itu kepadanya. Maka tatkala dia sampai dengan duit itu katanya : sungguhnya seorang lelaki bermalam disisinya duit ini dirumahnya, tidak dia tahu apa yang datang kepadanya daripada urusan Allah. Maka malam itu Talhah dan para pembantunya berlegar-legar pada lorong-lorong Madinah

hingga masuk waktu sahur sedang tidak ada disisinya satu dirham daripada duit tujuh ratus ribu itu.

وبعث عبد الله بن الزبير إلى عائشة رضي الله عنها بمال في غِرَارَتين، عدته ثمانون ومئة ألف درهم، وهي صائمة. فجعلت تقسم بين الناس. فأمست وما عندها من ذلك درهم. فقالت لجاريتها : هَلُمِّيْ! فطوري. فجاءت بخبز وزيت. فقالت لها الجارية : فما استطعتِ فيما قسمت في هذا اليوم أن تشتري لنا لحما بدرهم؟ قالت : لا تُعَنِّفِيْنِيْ لو كنتِ ذَكَّرْتِيْنِي لفعلت.

613. Abdullah bin Zubair menghantar kepada aisyah r.a harta didalam dua guni, bilangannya seratus ribu lapan puluh dirham, sedang dia berpuasa. Maka mulalah dia membagi-bagikan diantara orang ramai. Maka dia berada diwaktu petang dalam keadaan tidak ada disisinya satu dirham dari jumlah itu. Maka dia berkata kepada jariahnya : datangkan makanan buka puasa ku. Maka jariah itu mendatangkan roti dan minyak. Maka kata jariah itu kepadanya : tidak dapatkah engkau beli daging satu dirham untuk kita dari duit yang engkau bagi-bagikan itu? Kata Aisyah : janganlah engkau kasar dengan ku, kalau engkau ingatkan aku tentu aku buat.

ووصل عبد الرحمن بن عوف أزواج النبي صلى الله عليه وسلم بمال بلغ أربعين ألفا، وأوصى بحديقة لأمهات المؤمنين بيعت بأربع مئة ألف، ولمن بقي من أهل بدر لكل رجل أربع مئة دينار، وكانوا مئة، فأخذوها، وهي أيضا بخمسين ألف دينار، وألف فرس في سبيل الله، وباع أرضا له من عثمان بأربعين ألف دينار، فقسم ذلك المال في رحمه بني زهرة وفقراء المسلمين وأمهات المؤمنين، وتصدق على عهد رسول الله صلى الله عليه وسلم بشطر ماله أربعة آلاف درهم، ثم بأربعين ألف درهم ثم خمس مئة فرس في سبيل الله، ثم وردت له قافلة من تجارة بالشام، فحملها إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم، فدعا له النبي صلى الله عليه وسلم بالجنة. فنزل جبريل فقال ((إن الله يقرئك السلام، ويقول لك : أقرئ عبد الرحمن السلام وبشره بالجنة)) رضي الله عنهم وعنا معهم.

614. Abdul Rahman bin ‘Auf menghantar kepada isteri-isteri nabi sawm harta yang jumlahnya empat puluh ribu dan mewasiatkan satu kebun bagi segala ummul mukminin yang dijual dengan empat ratus ribu, dan bagi ahli Badar yuang masih ada bagi setiap orang empat ratus dinar sedang mereka itu seratus orang lalu mereka mengambilnya, dan sebidang kebun juga berharga seribu dinar dan seribu ekor kuda pada sabililah, dan dia menjual tanahnya kepada Uthman dengan empat puluh ribu dinar lalu membagi-bagikan harta itu pada segala zawil arhamnya, bani Zahrah, dan para fakir dari kalangan orang islam dan segala ummul mukminin*, dan dia bersedekah diatas suruhan* rasulullah sawm dengan setengah hartanya empat ribu dirham, kemudian empat puluh ribu dirham, kemudian lima ratus ekor kuda pada sabilillah, kemudian datang kepadanya kafilahnya dari perniagaan Syam lalu dia membawanya kepada rasulullah sawm lalu nabi sawm berdoa untuknya dengan syurga. Maka turun Jibril maka berkata ((Allah mengucap salam kepada kamu, dan berkata kepada kamu : ucapkan salam keatas Abdul Rahman dan khabar gembirakan dia dengan syurga)). Moga Allah meredhai mereka dan kita bersama mereka.

وحكي لما قدم إمامنا الشافعي رضي اله عنها من صنعاء إلى مكة كان معه عشرة آلاف دينار. فقيل له تشتري بها ضَيْعَةً. فضرب خيمة خارج مكة وصب الدنانير، فكل من دخل عليه أعطاه قبضة. فلما جاء وقت الظهر قام ونفض الثوب ولم يبق شيء. وقيل إن أمه قالت له : لو دخلتَ ومعه درهم ما سلّمتُ عليك .

615. Dihikayatkan tatkala imam kita Syafi'e r.a tiba ke Makkah dari Shan'a ada bersamanya sepuluh ribu dinar. Maka dikatakan kepadanya engkau belilah sekeping tanah dengannya. Maka dia mendirikan khemah diluar Makkah dan mencurahkan dinar-dinar itu, maka setiap orang yang datang berjumpa dia dia berikan segenggam. Maka bila datang waktu zohor dia bangun dan mengibaskan kain dinar itu dan tidak tinggal sesuatu. Dikatakan : emaknya berkata kepadanya : kalau engkau masuk sedang ada bersama mu satu dirham tidak aku beri salam keatas mu.

يا ابن آدم! أنفِقْ يُنْفَقْ عليك، ووسِّعْ يُوَسّعْ عليك، ولا تُقَتِّرْ فيُقَتّرْ عليك واشتر بالفاني الباقي قبل أن تبلغ النفس التراقي.

616. Wahai anak adam! Belanjalah maka dibelanja kamu dan luaskanlah maka diluasi kamu dan jangan kamu kedekut maka dikedekutkan diatas kamu, belilah dengan yang binasa akan yang kekal sebelum sampai nyawa kepada batang halkum.

فَصْلٌ فِي الضِّيَافَةِ

أخرج الديلمي [الجامع الصغير رقم 589] عن أنس قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((إذا دخل الضيف على القوم دخل برزقه، وإذا خرج خرج بمغفرة ذنوبهم)).

617. **FASAL PADA JAMUAN**. Dailami mengeluarkan dari Anas katanya : kata rasulullah sawm ((apabila seorang tetamu masuk keatas satu kaum dia masuk bersama razekinya dan apabila dia keluar dia keluar dengan keampunan dosa-dosa mereka)).

وأبو الشيخ [في الثواب الجامع الصغير رقم 233] عن أبي قِرْصَافَة ((إذا أراد الله تعالى لقوم خيرا أهدى إليهم هدية، الضيفَ ينزل برزقه ويرتحل برزقه وقد غفر الله لأهل المنزل)).

618. Abu syeikh mengeluarkan dari Abu Qirshafah ((apabila Allah taala hendakkan kebajikkan pada satu kaum dia menghadiahkan kepada mereka satu hadiah, tetamu yang singgah dengan razekinya dan berangkat pergi dengan razekinya, walhal Allah telah mengampunkan penduduk tempat persinggahan itu)).

وابن أبي الدنيا [كنز العمال رقم 25838] عن حبان بن أبي جبَلة ((إن أسرع صدقة إلى السماء أن يصنع الرجل طعاما طيّبا ثم يدعو إليه ناسا من إخوانه)).

619. Ibnu Abi dunya mengeluarkan dari Hibban bin Abu Jabalah ((sungguhnya sedekah yang paling cepat naik kelangit adalah bahawa seorang lelaki menyediakan makanan yang elok kemudian menjemput kepadanya bebrapa orang daripada saudara-saudaranya.

والحكيم التِرْمِذِيّ [الجامع الصغير رقم 2129] عن عائشة رضي الله عنها ((إن الملائكة لا تزال تصلي على أحدكم ما دمت مائدته موضوعة)).

620. Hakim at tirmizi meriwayatkan dari Aisyah r.a ((sungguhnya malaikat tak henti-henti berselawat keatas seorang dari kamu selama mana hidangannya terhidang)).

والحاكم [بل البيهقي الجامع الصغير رقم 8465] عن أبي هريرة ((من أطعم أخاه المسلم شهوته حرّمه الله على النار)).

621. Hakim mengeluarkan dari Abu Hurairah ((siapa memberi saudara islamnya makan makanan yang diingininya Allah mengharamkan dia diatas neraka)).

وهو [أي الحاكم في تاريخه الجامع الصغير رقم 8672] عن جابر ((من ذبح لضيفه ذبيحة كانت فداء له من النار)).

622. Dia meriwayatkan dari Jabir ((siapa menyembelih bagi tetamunya seekor sembelihan adalah ia menjadi tebusan dirinya dari neraka)).

والشيخان [البخاري رقم 3798 مسلم رقم 3054] عن أبي هريرة : جاء رجل إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقال : إني مجهود. فأرسل إلى بعض نسائه، فقالت : والذي بعثك بالحق ما عندي إلا ماء، ثم أرسل إلى أخرى، فقالت مثل ذلك، حتى قلن كلهن مثل ذلك : لا والذي بعثك بالحق ما عندي إلا ماء. فقال ((من يضيف هذا الليلة؟ رحمه الله)). فقال رجل من الأنصار : أنا يا رسول الله! فانطلق به إلى رحله. فقال لامرأته : أكرمي ضيف رسول الله صلى الله عليه وسلم. وفي رواية قال لامرأته: هل عندك شيء؟ قالت : لا! إلا قوت صبياني. قال فعَلِّلِيْهِمْ بشيء، فإذا أرادوا العَشاء فنَوِّمِيْهِمْ، وإذا دخل ضيفنا فأَطْفِئِي السِّراج وأَرِيْه أنّا نأكل. فقعدوا، وأكل الضيفُ وباتا طاوِيَيْنِ. فلما أصبح غدا على رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال ((لقد عجب الله بصنيعتكم بضيفكما الليلة)). فأنزل الله {وَيُؤْثِرُونَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ}. [سورة الحشر : 9].

623. Dua syeikh meriwayatkan dari Abu Hurairah : datang seorang lelaki kepada nabi sawm lalu berkata : sungguhnya aku letih. Maka nabi sawm mengutus kepada sebahagian isterinya, maka katanya : demi yang membangkitkan engkau dengan kebenaran tidak ada disisi aku melainkan air, kemudian dia mengutus kepada isterinya yang lain maka dia bekata seumpama demikian itu, hingga semua isterinya mengatakan seumpama demikian itu : tidak! Demi yang membangkitkan engkau dengan sebenar tidak ada disisi aku melainkan air. Maka kata nabi sawm ((siapa yang hendak membuat jamuan malam ini? Nescaya Allah mengasihi dia)). Maka kata seorang lelaki daripada Anshar : aku wahai rasulullah! Maka dia berjalan dengan tetamu itu kerumahnya. Maka katanya kepada isterinya : muliakanlah tetamu rasulullah sawm! Pada satu riwayat : dia kata kepada isterinya : adakah ada sesuatu disisi engkau? Katanya : tidak! melainkan makanan anak-anak kecil ku. Katanya : engkau helahkan mereka dengan sesuatu maka apabila mereka hendak makan malam maka engkau tidurkan mereka, dan apabila tetamu kita masuk maka engkau padamkan pelita dan tunjuk kepada dia bahawa kita makan sama. Maka mereka bertiga duduk dan tetamu itu makan. Kedua suami isteri itu bermalam dalam keadaan berlipat perut mereka kelaparan. Maka tatkala masuk pagi dia pergi kepada rasulullah sawm, maka katanya ((sungguhnya Allah kagumkan perbuatan kamu terhadap tetamu kamu pada

malam tadi)). Maka Allah menurunkan ((mereka memilih orang lain diatas diri mereka walaupun mereka didalam kesulitan)).

وحكى اليافعي [الحكاية رقم 53] عن الشيخ أبي الربيع [سليمان] المَالِقِيّ أنه قال : سمعت بامرأت من الصالحات في بعض القرى اشتهر أمرها. وكان من دأبنا أن لا نزور امرأة، فدعت الحاجة إلى زيارتها للاطلاع على الكرامة التي اشتهرت عنها. وكانت تُدعى بالفضة. فنزلنا القرية التي هي فيها. فذكر لنا أن عندها شاة تحلِب لبنا وعسلا. فاشترينا قدَحا جديدا لم يوضع فيه شيء، ومضينا إليها، وسلمنا عليها، ثم قلنا لها : نريد أن نرى هذه البركة التي ذكرت لنا عن هذه الشاة التي عندكم، فأخذنا الشاة وحلبنا ها في القدح، فشربنا لبنا وعسلا. فلما رأينا ذلك سألناها عن قصة الشاة. فقالت : نعم، كانت لنا شُوَيْهَة ونحن قوم فقراء ولم يكن لنا شيء، فحضر العيد فقال لي زوجي وكان رجلا صالحا : نذبح هذه الشاة في هذا اليوم! قلت له : لا تفعل فإنه قد رخِّص لنا في الترك، والله يعلم حاجتنا إليها.

624. Yafi'e menghikayatkan dari syeikh Abu Rabi' al Maliqi bahawa dia berkata : aku mendengar ada seorang perempuan solehah disatu kampung, masyhur halnya. Biasanya kami tidak menzirahi perempuan tapi menyeru hajat kepada menziarahinya untuk melihat sendiri keramat yang masyhur padanya. Perempuan itu digelarkan dengan "perak". Maka kami tiba dikampung dia tinggal, maka disebutkan kepada kami bahawa ada padanya seekor ambing yang mengeluarkan susu dan madu. Maka kami membeli mangkok kayu yang baru yang belum diletakkan sesuatu didalamnya, lalu kami pergi kepadanya dan memberi salam, kemudian kami kata kepadanya : kami hendak melihat keberkatan yang disebutkan kepada kami pada kambing yang ada pada kamu ini. Maka kami ambil kambing itu dan memerah susunya didalam mangkok itu lalu meminumnya dengan rasa susu dan madu. Maka tatkala kami lihat demikian itu kami tanya dia kisah kambingnya itu. Maka katanya : baiklah. Kami mempunyai seekor kambing kecil tubuhnya dan kami ini kaum yang fakir tidak mempunyai apa-apa harta. Maka hadhir hari raya maka kata suami ku seorang lelaki yang soleh kepada aku : kita sembelih kambing ini hari ini? Aku katakan kepadanya : jangan kamu buat! Sungguhnya kita diizinkan pada tidak menyembelih, dan Allah tahu hajat kita kepadanya.

فاتفق أن استضاف بنا في ذلك اليوم ضيف ولم يكن عندنا قِرًى. فقلت له : يا رجل! هذا ضيفٌ وقد أمرنا بإكرامه، فخذ تلك الشاة فاذبحها. قال : فخِفْنَا أن يبكي عليها صغارُنا. فقلت له : أخرجها من البيت إلى وراء الجدار فاذبحها. لما أراق دمها قفزت شاة على الجدار فنزلت إلى البيت. فخشيت أن تكون قد انفلتت منه، فخرجت لأنظرها، فإذا هو يسلخ الشاة. فقلت له : يا رجل! عجبا وذكرت له القصة. فقال : لعل الله أبدلنا خيرا منها. فكانت تلك تحلِب اللبن وهذه تحلِب اللبن والعسل ببركته إكرامنا الضيف.

625. Maka kebetulan hari itu bertamu disisi kami seorang tetamu sedang tidak ada disisi kami apa-apa untuk menjamu tetamu. Maka aku kata kepada suami ku : wahai lelaki! Orang ini adalah tetamu, dan kita diperintahkan memuliakannya, maka ambil kambing itu dan sembelihlah ia. Katanya : maka kita takut anak-anak kita yang kecil itu menangis kerananya. Maka aku kata kepadanya : bawa ia keluar dari rumah ini kesebelah pagar itu lalu sembelihlah ia. Tatkala darah kambing itu mengalir melompat seekor kambing diatas pagar itu lalu masuk kedalam rumah itu. Maka aku takut

kambing itu terlucut darinya maka aku keluar untuk melihatnya. Tiba-tiba aku dapati dia sedang melapah kambing itu. Maka aku kata kepadanya wahai lelaki, hairannya! Dan aku sebutkan cerita kambing yang melompat itu kepadanya. Maka katanya : barangkali Allah menggantikan bagi kita akan yang lebih baik dari kambing ini. Maka adalah kambing yang itu mengeluarkan susu dan yang ini mengeluarkan susu dan madu dengan berkat kami memuliakan tetamu kami itu.

فَصْلٌ فِي الزُّهْدِ

قال الله تعالى {مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ، وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَما لهُ في الآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ} [سورة الشورى : 20].

626. **FASAL PADA ZUHUD**. Kata Allah taala ((siapa yang hendakkan perladangan akhirat Kami tambahkan bagi dia perladangannya, dan siapa yang hendakkan perladangan dunia Kami berikan dia sebahagian daripadanya , dan tidak ada bagi dia apa-apa habuan di akhirat)).

وأخرج البخاري [رقم : 6416] عن ابن عمر رضي الله عنهما قال : أخذ رسول الله صلى الله عليه وسلم بمنكبي فقال ((كن في الدنيا كأنك غريب أو عابر سبيل)). وكان ابن عمر يقول : إذا أمسيت فلا تنتظر الصباح، وإذا أصبحت فلا تنتظر المساء، وخذ من صحتك لمرضك ومن حياتك لموتك.

627. Bukhari mengeluarkan dari Ibnu Umar r.anhuma katanya : rasululah sawm memegang bahu ku lalu berkata ((jadilah kamu didunia ini seolah-olah kamu orang dagang atau orang yang melintasi jalan)). Adalah Ibnu Umar berkata : apabila kamu dipetang hari maka jangan kamu tunggu pagi dan apa bila kamu diwaktu pagi aka jangan kamu tunggu petang, dan ambillah dari sihat kamu untuk sakit kamu dan dari hidupkamu untuk mati kamu.

وابن ماجه [رقم 4102] عن سهل بن سعد الساعدي قال : جاء رجل إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقال : دُلّني على عمل إذا عملته أحبني الله وأحبني الناس؟ قال ((إِزْهَدْ في الدنيا يحبك الله، وازهد فيما في أيدي الناس يحبك الناس)).

628. Ibnu Majah mengeluarkan dari Sahl bin Sa'ad sa'adiy katanya : datang seorang lelaki kepada nabi sawm lalu berkata : tunjukkan aku satu amalan yang pabila aku amalkan Allah mengasihi aku dan manusia mengasihi aku? Katanya ((zuhudlah kamu pada dunia nescaya Allah mesgasihi kamu dan zuhudlah kamu pada apa yang ada pada tangan-tangan manusia nescaya manusia mengasihi kamu)).

والديلمي [الجامع الصغيرر رقم : 112] عن أنس ((أتركوا الدنيا لأهلها فإن من أخذ منها فوق ما يكفيه أخذ من حَتْفِه وهو لا يشعر)).

629. Dailami mengeluarkan dari Anas ((tinggalkan dunia untuk ahlinya maka sungguhnya orang yang mengambil darinya lebih dari apa yang memadainya dia mengambil kematiannya sedang dia tidak sedar)).

والترمذي [رقم 2340 وابن ماجه رقم 4100 عن أبي ذر] ((الزهادة في الدنيا ليس بتحريم الحلال ولا إضاعة المال، ولكن الزهادة في الدنيا أن لا تكون بما في يدك أوثق بما في يد الله، وأن تكون في ثواب المصيبة إذا أنت أُصِبْتَ أرغب منك فيها لو أنها أُبْقِيَتْ لك)).

630. Turmizi mengeluarkan dari Abu Zar ((zuhud pada dunia itu bukannya mengharamkan yang halal dan bukannya membuang harta, akan tetapi zuhud pada dunia itu bahawa tidak adalah kamu lebih kejap hati dengan apa yang ada pada tangan kamu dari apa yang ada pada tangan Allah, dan bahawa kamu lebih suka pada pahala musibah apabila kamu ditimpa musibah daripada kamu berada padanya kalau ianya kekal bagi kamu)).

والقضاعي [عن ابن عمرو الجامع الصغير، رقم 4596] الزهد في الدنيا يريح القلب والبدن، والرغبة فيها تكثر الهم والحزن، والبِطَالَة تُقَسِّي القلب.

631. Al Qadhai'e mengeluarkan dari Ibnu Umar : zuhud pada dunia itu merehatkan hati dan tubuh, dan gemar padanya membanyakkan susah hati dan duka cita, dan tidak punya kerja itu mengeraskan hati.

والطبراني [الجامع الصغير، رقم : 3343] ((تفرغوا من هموم الدنيا ما استطعتم فإنه من كانت الدنيا أكثر همه أفشى الله ضيعته وجعل الله فقره بين عينيه، من كانت الآخرة أكثر همه جمع الله تعالى أمره، وجعل غناه في قلبه. وما أقبل عبد بقلبه إلى الله إلا جعل الله قلوب المؤمنين تغدوا إليه بالود والرحمة. وكان الله بكل خير إليه أسرع)).

632. Thabarani mengeluarkan ((lapangkan diri kamu dari memperdulikan dunia semampu kamu kerana siapa yang dunia lebih banyak pedulinya Allah luaskan kehilangannya hartanya dan Allah jadikan kefakirannya dihadapan dua matanya, dan siapa yang akhirat lebih banyak pedulinya Allah taala mengumpulkan urusannya dan menjadikan kayanya didalam hatinya. Tidak berhadap seorang hamba dengan hatinya kepada Allah melainkan Allah menjadikan hati-hati orang beriman segera menuju kepadanya dengan kasih sayang dan rahmat, dan adalah Allah cepat kepadanya dengan semua kebaikkan)).

والشيخان [البخاري رقم 5416 مسلم رقم 5970] : قالت عائشة رضي الله عنها : ما شبع آل محمد صلى الله عليه وسلم من خبز شعير يومين متتابعين حتى قبض.

633. Dua syeikh mengeluarkan : kata Aisyah r.a : tidak kenyang keluarga Muhammad sawm dengan roti gandum dalam dua hari berturut-turut hingga dia digenggam.

والترمذي [رقم 2377 ابن ماجه رقم 4109] : قال عبد الله بن مسعود نام رسول الله صلى الله عليه وسلم على حصير فقام وقد أثر في بدنه، فقلنا : يا رسول الله! لو اتخذنا لك وطاء؟ فقال ((ما لي وللدنيا، ما أنا في الدنيا إلا كراكب استظل تحت شجرة ثم راح وتركها)).

634. Turmizi mengeluarkan : kata Abdullah bin Mas'ud : rasulullah sawm tidur diatas tikar, lalu dia bangun sedang berkesan tikar itu pada tubuhnya. Maka kami kata : wahai rasulullah! Maukah kalau kami buat tilam untuk kamu? Maka katanya ((apa faedah bagi ku dan bagi dunia ini, tidaklah aku ini melainkan seperti seorang penunggang yang berteduh dibawah pokok kemudian dia pergi meninggalkannya)).

وروي عن عائشة رضي الله عنها قالت ((لم يمتلئ جوف النبي صلى الله عليه وسلم شبَعا قط. ولم يبُثّ شكوَى إلى أحد، وكانت الفاقةُ أحب إليه من الغنى، وإن كان لَيَظَلُّ جائعا يتلوّى طول ليلته من الجوع، فلا يمنعه صيامَ يومه. ولو شاء سأل ربه جميعَ كنوز الأرض وثمارَها ورغدَ عيشِها، فأعطي. ولقد كنت أبكي له رحمة مما أرى، وأمسحُ بيدي على بطنه مما به من الجوع. وأقول : نفسي لك الفداء! لو تبلّغت من الدنيا بما يقوتك؟ فيقول: ((يا عائشة! ما لي وللدنيا، إخواني من أولي العزم من الرسول صبروا على ما هو أشد من هذا، فمضوا على حالهم، فقدموا على ربهم فأكرَم مآبَهم وأجزلَ ثوابَهم، فأجدني أستحيي إن ترفّهت في معيشتي أن يقصِّر بي غدا دونهم، وما من شيء أحب إلي من اللحوق بإخواني وأخلاّئي)). قالت : فما أقام بعد إلا شهرا حتى توفي. [قال العراقي في تخريج أحاديث الإحياء: أخرجه أبو موسى المديني مطوّلا في كتاب استحلاء الموت].

635. Diriwayatkan dari Aisyah r.a katanya ((tidak penuh perut nabi sawm kekenyangan sekalipun, dan tidak pernah menghebahkan aduan kepada seorang pun, dan adalah kepapaan lebih dia kasihi dari kekayaan, jika dia terus berpanjangan lapar dia membongkok sepanjang malamnya kerana lapar itu. Maka ia tidak menghalangnya dari puasa siangnya. Kalau dia hendak dia boleh meminta Tuhannya semua gudang harta didalam bumi dan buah-buahnya dan kemewahan kehidupannya, maka dia pasti diberikan. Sungguhnya aku menangisinya kerana kasihan kerana apa yang aku nampak, dan aku sapu perutnya dengan tangan ku kerana kelaparan padanya. Aku katanya : diri ku tebusan mu! kalaulah engkau dapatkan daripada dunia ini apa yang mengenyangkan engkau? Katanya : ((wahai Aisyah! Apalah faedah ku dengan dunia, saudara-saudara ku dari kalangan rasul-rasul ulul azmi bersabar diatas keadaan yang lebih teruk dari ini, maka mereka melalui keadaan mereka. Maka mereka tiba kepada Tuhan mereka lalu Dia memuliakan tempat kembali mereka, dan membesarkan pahala mereka, maka aku dapati diri ku berasa malu jika aku selesa pada kehidupan ku bahawa Dia mengabaikan aku esok tidak mereka. Tidak ada suatu yang lebih aku kasihi daripada menghubungi saudara-saudara ku dan kekasih-kekasaih ku)). Kata Aisyah : maka dia tidak tinggal selepas itu melainkan sebulan hingga dia sawm wafat.

وروي أن سليمان عليه السلام كان مع ما أعطى من الملك لا يرفع بصره إلى السماء تخشعا وتواضعا لله، وكان يطعم الناس لذائذ الأطعمة ويأكل خبز الشعير. وقد قيل له : ما لك تجوع وأنت على خزائنا الأرض؟ قال : أخاف أن أشبع فأنسى الجائع.

636. Diriwayatkan bahawa Sulaiman serta kerajaan yang diberikan kepadanya tidak pernah mengangkatkan pandangan matanya kelangit kerana khusyuk dan rendah diri

kepada Allah, dan dia sentiasa memberi orang ramai makan makanan yang lazat-lazat dan dia memakan roti gandum. Dikatakan kepadanya : kenapa engkau ini engkau lapar sedang engkau memiliki khazanah bumi? Katanya : aku takut aku kenyang lalu aku lupakan orang yang lapar.

وقال عروة بن زبير: لقد تصدقتْ عائشة رضي الله عنها بخمسين ألفا وإنّ درعَها لمرقع.

637. Kata Urwah bin Zubair : sungguhnya Aisyah pernah bersedekah dengan lima puluh ribu sedangkan bajunya bertampung-tampung.

وحكى اليافعي [الحكاية رقم 112] أن بعض ملوك الأمم السالِفة بنى مدينة وتأنّق فيها وتغالى في حسنها وزِينتها، ثم صنع طعاما ودعا الناس وأجلس أُناسا على أبوابها يسألون كل من خرج : هل رأيتم عيبا؟ فيقولون : لا. حتى جاء ناس في آخر الناس عليهم أكسيةٌ فسألوهم : هل رأيتم عيبا؟ فقالوا : عيبين اثنين. فحبسوهم. ودخلوا على الملك فأخبروه بما قالوا. فقال : ما كنتُ أرضَى بعيب واحد. فائتوني بهم فأدخلوهم عليه، فسألهم عن العيبين ما هما؟ فقالوا: تخربو ويموت صاحبها . قال: أفتعلمون دارا لا تخربو ولا يموت صاحبها؟ قالوا له: نعم. فذكروا له الجنة ونعيمها، وشوّقوه إليها، وذكروا النار وعذابها وخوّفوه منها، ودعوه إلى عبادة الله عز وجل. فأجابهم إلى ذلك، وخرج من ملكه هاربا إلى الله تعالى.

638. al Yafi'e menghikayatkan bahawa seorang raja pada umat yang dulu telah membina sebuah bandar, dia membuat reka bentuknya sangat menakjubkan dan bersungguh-sungguh pada mencantikkan dan menghiasnya, kemudian dia menyediakan makanan dan menjemput orang ramai dan meletakkan orang- orangnya pada pintu-pintunya bertanyakan setiap orang yang keluar : adakah kamu nampak apa-apa aib? Maka mereka kata tidak. Hingga datang sekumpulan orang yang akhir yang memakai kain selindang[11], maka orang-orang raja itu bertanya mereka : adakah kamu nampak apa-apa aib? Maka kata mereka dua 'aib. Maka orang raja itu menahan mereka dan masuk mengadap raja itu lalu mengkhabarkannya dengan apa yang mereka kata. Maka katanya : aku tidak redha dengan satu 'aib, maka datangkan mereka kepada aku lalu orang-orangnya itu membawa mereka masuk mengadapnya, lalu dia bertanyakan mereka tentang dua 'aib itu apa dia? Maka kata mereka : ianya runtuh dan tuannya mati. Kata raja itu : adakah kamu tahu sebuah rumah yang tidak runtuh dan tuannya tidak mati? Kata meraka : ia. Lalu mereka menyebutkan kepadanya syurga da ni'matnya dan mereka membuatkan dia rindu kepadanya, dan mereka sebutkan neraka dan azabnya dan menakutkan dia darinya, dan mereka mengajaknya kepada beribadat kepada Allah azza wa jalla. Raja itu mengikut cakap mereka kepada demikian itu dan keluarlah dia dari kerajaannya, lari kepada Allah taala.

تنبيه: إن الزهد الحقيقي برودة الدنيا على قلب العبد لأجل الله وعظيم ثوابه، ومقدماته ترك طلب المفقودة من الدنيا وتفريق المجموع منها وترك إرادتها واختيارها. فإذا أتى بها العبد أورثت تلك الزهد الحقيقي. ثم الباعث على الترك والتفريق ذكر آفات الدنيا وعيوبها.

639. Tanbih. Sungguhnya zuhud yang sebenar adalah sejuk dunia diatas hati seorang hamba demi Allah dan besar pahalanya. Mukaddimahnya adalah tinggal

[11] Menunjukkan mereka orang cerdik dan wara'.

mencari apa yang luput daripada dunia dan mengagih-agihkan apa yang terhimpun daripadanya dan tidak menghendakinya dan memilihnya. Maka apabila seorang hamba mendatangkan demikian itu, ia mewariskan sifat zuhud yang sebenar. Kemudian, yang membangkitkan diatas meninggalkan dunia dan mengagihkannya adalah ingat kepada penyakit-penyakit dunia dan cacat celanya.

قال بعضهم : تركت الدنيا لقلة غنائها وكثرة عنائها وسرعة فنائها وخسة شركائها.

640. Kata sebahagian mereka : aku tinggalkan dunia ini kerana sikit kekayaannya dan banyak lelahnya dan cepat binasanya dan lekeh ahli-ahli syarikatnya.

وقال الغزالي : القول البالغ فيه ما قاله شيخنا أبو بكر الطوسي : إن الدنيا عدوة الله عز وجل وأنت محِبُّهُ، فمن أحب أحدا أبغض عدوه. جعلنا الله من المبغضين للدنيا والمحبين للآخرة.

641. Kata al Ghazali : kata-kata yang mendalam padanya adalah apa yang dikatakan syeikh kita Abu Bakar at Tusi : sungguhnya dunia itu seteru Allah dan kamu mengasihiNya. Maka siapa yang mengasihi seorang dia membenci seterunya. Moga Allah menjadikan kita dari kalangan orang-orang yang membenci dunia dan mengasihi akhirat.

وروى الليث عن جابر قال : صحب رجل عيسى عليه السلام وقال : يا نبي الله! أكون معك وأصحبك. فانطلقا إلى شط نهر فجلسا يتغدّيان، ومعهما ثلاثة أرغفة فأكلا رغيفين وبقي رغيف. فقام عيسى عليه السلام إلى النهر فشرب ثم رجع فلم يجد الرغيف. فقال للرجل: من أخذ الرغيف؟ قال : لا أدري.

642. al Laith meriwayatkan dari Jabir katanya : seorang lelaki bersahabat dengan Isa a.s dan berkata : wahai nabi Allah! Aku nak bersama kamu dan menyertai kamu. Maka kedua mereka bejalan kesatu tebing sungai lalu duduk makan tengahari. Bersama mereka tiga keping roti lalu mereka memakan dua keping dan tinggal lagi sekeping. Kemudian Isa a.s bangun pergi kesungai itu lalu minum, kemudian dia kembali lalu tidak mendapati roti itu. Maka katanya kepada lelaki itu : siapa mengambil roti itu. Katanya : aku tak tahu.

فانطلق ومعه صاحبه فرأى ظبية ومعها خِشْفان لها. قال : فدعا أحدهما، فأتاه فذبحه وشَوَى منه، وأكل هو والرجل. ثم قال للخشف : قم بإذن الله. فقام فذهب. فقال للرجل أسألك بالذي أراك هذه الآية : من أخذ الرغيف؟ قال : ما أدري. قال : ثم انتهيا إلى نهر، فأخذ عيسى بيد الرجل فمشيا على الماء. فلما جاوزا قال : أسألك بالذي أراك هذه الآية من أخذ الرغيف؟ قال : لا أدري. قال : فانتهيا إلى مفازة فجلسا، فأخذ عيسى فجمع ترابا أو رملا وقال له : كن ذهبا بإذن الله. فكان ذهبا. فقسمه ثلاثة أثلاث. فقال : لي ثلث وثلث لك وثلث لمن أخذ الرغيف. فقال : أنا أخذته. قال : فكله لك، وفارقه عيسى.

643. Kemudian dia berjalan bersama sahabatnya itu lalu dia nampak seekor kijang dengan dua ekor anaknya. Kata Jabir : maka dia memanggil seekor daripada dua anak kijang itu, lalu ia datang kepadanya, lalu dia menyembelihnya dan memanggang sepotong daripadanya, dan dia makan bersama dengan lelaki itu. Kemudian dia kata kepada anak kijang itu : bangunlah kamu dengan izin Allah. Maka iapun bangun lalu pergi. Maka katanya kepada lelaki itu : aku tanya kamu dengan orang yang menampakkan kamu tanda kebesaran ini : siapa mengambil roti itu? Katanya : aku tak

tahu. Kata Jabir : kemudian mereka sampai ke satu sungai lalu Isa a.s memegang tangan lelaki itu lalu mereka berjalan diatas air. Maka tatkala mereka melintasinya kata Isa a.s : aku tanya kamu dengan orang yang menampakkan kamu tanda kebesaran ini : siapa mengambil roti itu? Katanya : aku tidak tahu. Kata Jabir : maka mereka sampai kepada padang pasir lalu mereka duduk. Maka mulalah Isa a.s menghimpunkan tanah atau pasir dan berkata : jadilah kamu emas dengan izin Allah. Maka jadilah ia emas. Kemudian dia mengagihkannya kepada tiga bahagian, lalu berkata : bagi aku satu pertiga dan bagi kamu satu pertiga dan satu pertiga lagi untuk orang yang mengambil roti itu. Maka kata lelaki itu : aku yang mengambilnya. Kata Isa a.s maka semuanya untuk kamu. Dan Isa berpisah darinya.

فانتهى إليه رجلان وهو في المفازة ومعه المال. فأرادا أن يأخذاه منه ويقتلاه. فقال : هو بيننا أثلاثا. قال : فابعثوا أحدكم إلى القرية ليستري طعاما! فقال الذي بعث : لأي شيء نقاسم هذا المال؟ لأجلعن لهما في الطعام سُمًّا فأقتلهما به وآخذ المال جميعه. فجعل فيه السم. وقال صاحبه في غيبته لأي شيء نقاسمه المال؟ إذا جاء قتلناه واقتسمنا المال نصفين. فجاء فقتلاه. ثم أكلا الطعام فماتا. وبقي المال في المفازة وأولئك الثلاثة قَتْلَى حوله. فمر عيسى عليه السلام بهم وهم على تلك الحالة فقال لأصحابه : هذه الدنيا فاحذروها.

[روض الرياحين. الحكاية رقم 322].

644. Kemudian datang kepada lelaki itu dua orang lelaki sedang dia masih dipadang itu bersama hartanya. Maka kedua mereka hendak mengambil harta itu darinya dan membunuhnya. Maka katanya : harta ini diantara kita dibahagikan tiga. Katanya : hantarlah seorang dari kamu kekampung untuk membeli makanan. Maka kata orang yang dihantar itu : untuk apa kami nak berbahagi harta ini? Akau akan letakkan racun pada makanan untuk mereka berdua maka aku membunuh mereka dengannya dan aku ambil harta ini semuanya. Maka dia meletakkan racun padanya. Kata dua rakannya ketika dia tidak ada, untuk apa kita berbahagi harta itu? Bila dia sampai kita bunuh dia dan kita bahagi dua harta ini. Maka sampailah lelaki itu lalu mereka membunuhnya. Kemudian mereka memakan makanan itu lalu mati, dan tinggallah harta itu dipadang sedang mereka bertiga mati terbunuh dikelilingnya. Kemudian Isa a.s lalu pada mereka sedang mereka diatas keadaan itu. Maka dia berkata kepada sahabat-sahabatnya : inilah dunia maka awaslah kamu darinya.

خَاتِمَةٌ فِي فَضْلِ الْفَقْرِ وَالْفُقَرَاءِ

أخرج ابن ماجه [رقم 4124] عن ابن عمر ((يا معشر الفقراء! ألا أبشركم أَنّ فقراء المؤمنين يدخلون الجنة قبل الأغنياء بنصف يوم، خمس مئة عام)).

645. **KHATIMAH PADA KELEBIHAN FAKIR DAN ORANG YANG FAKIR**. Ibnu Majah mengeluarkan dari Ibnu Umar ((wahai sekelian orang-orang fakir! Aku khabarkan kepada kamu bahawa orang-orang fakir yang beriman masuk syurga sebelum orang-orang kaya dengan setengah hari, lima ratus tahun)).

وأبو نعيم [الجامع الصغير رقم 7539] عن أبي سعيد ((لِيُبَشِّر فقراء المؤمنين بالفوز يوم القيامة قبل الأغنياء بمقدار خمس مئة عام : هؤلاء في الجنة يتنعمون وهؤلاء يحاسبون)).

646. Abu Nu'aim mengeluarkan dari Abu Sai'ed ((hendaklah orang-orang fakir yang beriman gembira dengan kejayaan pada hari kiamat sebelum orang-orang kaya dengan kadar lima ratus tahun, mereka itu didalam syurga berni'mat-ni'mat sedang mereka itu sedang dihisab)).

ومسلم [رقم 3737] عن ابن عباس ((اطلعت في الجنة فرايت أكثر أهلها الفقراء واطلعت في النار فرأيت أكثر أهلها النساء)).

647. Muslim mengeluarkan dari Ibnu Abbas ((aku melihat didalam syurga maka aku nampak kebanyakkan penduduknya adalah fakir miskin dan aku melihat kedalam neraka maka aku nampak kebanyakkan penduduknya perempuan)).

وابن عساكر [كنز العمال رقم 8722] ((إن أطولكم في الدنيا حزنا أطولُكم فرَحا في الآخرة وإن أكثركم شَبَعًا في الدنيا أكثركم جوعا في الآخرة)).

648. Ibnu Asakir mengeluarkan ((sungguhnya orang yang paling lama berduka dari kalangn kamu didunia adalah yang paling gembira lama daripada kamu diakhirat, dan sungguhnya orang yang paling banyak kenyang dari kalangan kamu didunia adalah yang paling banyak lapar dari kalangan kamu diakhirat)).

وهو وأبو نعيم [الجامع الصغير رقم 2461] عن أبي هريرة ((إن من الذنوب ذنوبا لا يكفرها الصلاة ولا الصيام ولا الحج ولا العمرة يكفرها الهموم في طلب المعيشة)).

649. Dia dan Abu Nu'aim mengeluarkan dari Abu Hurairah ((sungguhnya ada sebahagian daripada dosa-dosa itu satu dosa yang tidak dikifaratkan oleh sembahyang dan tidak puasa dan tidak haji dan tidak umrah, mengkifaratkannya oleh susah hati pada mencari kehidupan)).

وابن عساكر [الجامع الصغير رقم 1787] ((إن الله تعالى لما خلق الدنيا نظر إليها ثم أعرض عنها ثم قال وعِزَّتِي وجلالي لا أنزلتك إلا في شرار خلقي)).

650. Ibnu 'Asakir mengeluarkan ((sungguhnya Allah taala tatkala menjadikan dunia dia memandang kepadanya keudian berpaling darinya, kemudian berkata : demi kemuliaan Ku dan ketinggian Ku tidak aku turunkan kamu melainkan pada makhluk-makhluk Ku yang teruk)).

والترمذي [رقم 2320] ((لو كانت الدنيا تعدل عند الله جناح بعوضة ما سقى كافرا منها شربة ماء)).

651. Turmizi mengeluarkan ((kalaulah dunia itu setimbang satu sayap nyamuk disisi Allah tentu Dia tidak memberikan kepada kafir daripada dunia itu akan seteguk air)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 2723] ((نزل جبريل في أحسن ما كان يأتيني صورة فقال : إن الله تعالى يقرئك السلام يا محمدُ ويقول لك : إني قد أوحيت إلى الدنيا أن تمرّري وتكدّري وتضيّقي وتشدّدِي إلى أوليائي كي يحبوا لقائي، فإني خلقتها سجنا لأوليائي وجنة لأعدائي)).

652. Baihaqi mengeluarkan ((turun Jibril pada aku dalam seelok-elok rupa yang dia datang kepada ku, maka katanya : sungguhnya Allah taala mengucapkan salam keatas kamu wahai Muhammad dan Dia berkata kepada kamu : sungguhnya aku telah mewahyukan kepada dunia agar ia menadi pahit dan keruh dan sempit dan keras keatas para wali Ku supaya mereka itu berasa kasih untuk bertemu dengan Ku. Kerana aku menjadikannya sebagai penjara kepada para wali Ku dan syurga bagi musuh-musuh Ku)).

ومسلم [رقم 2038] عن أبي هريرة قال : خرج علينا رسول الله صلى الله عليه وسلم ذات يوم أو ليلة، فإذا هو بأبي بكر وعمر رضي الله عنها، فقال : ((ما أخرجكما من بيوتكما هذه الساعةَ؟ قالا : الجوع يا رسول الله! قال : ((وأنا والذي نفسي بيده لأخرجني الذي أخرجكما، قوموا.)) فقاموا معه فأتى رجلا من الأنصار فإذا هو ليس في بيته. فلما رأته المرأة قالت : مرحبا وأهلا. فقال لها رسول الله صلى الله عليه وسلم : ((أين فلان؟)). قالت : ذهب يستعذب لنا الماء. إذ جاء الأنصاري فنظر إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم وصاحبيه، ثم قال : الحمد لله ما أجد اليوم أكرم أضيافا مني، فانطلق فجاءهم بعِذْق فيه بُسْرٌ وتَمْرٌ ورُطَبٌ، فقال : كلوا، وأخذ المُدْيَةَ. فقال له رسول الله صلى الله عليه وسلم ((إياك والحَلوب))، فذبح لهم، فأكلوا من الشاة ومن ذلك العذق، وشربوا. فلما أن شبعوا ورَوَوْا قال رسول الله صلى الله عليه وسلم لأبي بكر وعمر ((والذي نفسي بيده لتُسألن عن هذه النعيم يوم القيامة، أخرجكم من بيوتكم الجوعُ ثم لم ترجعوا حتى أصابكم هذا النعيم)).

653. Muslim mengeluarkan dari Abu Hurairah katanya : rasulullah sawm keluar kepada kami pada satu siang atau malam, maka tiba-tiba dia mendapati Abu Bakar dan Umar r.anhuma, maka katanya ((apa yang mengeluarkan kamu berdua dari rumah kamu saat ini?)). Kata kedua mereka : lapar wahai rasulullah! Katanya ((demi yang diri ku pada tangannya mengeluarkan aku oleh apa yang mengeluarkan kamu berdua, maka bangunlah kamu)). Maka mereka bangun bersamanya, lalu pergi kepada seorang lelaki anshar. Tiba-tiba dia tidak ada dirumahnya. Bila isterinya melihat rasulullah sawm dia berkata : selamat datang. Kata rasulullah wawm kepada perempuan itu ((dimana pulan?)) katanya dia pergi mendapatkan air bersih untuk kami. Tiba-tiba lelaki anshar itu datang, lalu memandang kepada rasulullah sawm dan dua sahabatnya. Kemudian berkata : alhamdulillah, tidak aku dapati hari ini orang yang menjamu lebih mulia dari aku. Maka dia berjalan lalu mendatangkan kepada mereka satu gugusan yang padanya ada tamar mengkal dan tamar kering dan tamar rutob. Maka katanya : makanlah, dan dia mengambil pisau lalu berkata rasullah sawm kepadanya ((jauhi diri kamu dari haiwan yang diperah susunya)). Maka dia menyembelih kambing untuk mereka, lalu mereka makan dari kambing itu dan dari gugusan itu dan mereka minum. Maka bila mereka kenyang dan hilang dahaga kata rasulullah sawm kepada Abu Bakar dan Umar ((demi Tuhan yang diri aku pada tangannya kamu akan ditanya tentang nikmat ini pada hari kiamat kelak, lapar mengeluarkan kamu dari rumah kamu kemudian kamu tidak balik hingga kamu mendapat nikmat ini)).

والبخاري [رقم 1275] عن إبراهيم بن عبد الرحمن بن عوف عن أبيه : أتي بطعام وكان صائما، فقال : قتل أو توفي مصعب بن عمير وهو خير مني، فلم يوجد له ما يكفن فيه إلا بُرْدَة، إن غُطِّيَ بها رأسه بدت رجلاه وإن غُطِّيَ رجلاه بدا رأسه. ثم بسط لنا من الدنيا ما بسط لنا. أو قال : أعطينا من الدنيا ما أعطينا وقد خشينا أن تكون حسناتنا قد عُجِّلَتْ لنا، ثم جعل يبكي حتى ترك الطعام.

654. Bukhari mengeluarkan dari Ibrahim bin Abdul Rahan bin Auf dari bapanya : didatangkan makanan kepada Abdul Rahman sedang dia berpuasa, kemudian katanya dibunuh atau mati Mus'ab bi Umair yang mana dia lebih baik dari aku, maka tidak didapati baginya apa yang boleh dikapankan dia dengannya melainkan sehelai selimut, jika ditutup kepalanya dengannya nampak kakinya dan jika ditutup kakinya nampak kepalanya. Kemudian dibentangkan bagi kami daripada dunia apa yang dibentangkan kepada kami, atau katanya : diberikan kami daripada dunia apa yang diberikan kepada kami. Sungguhnya kami takut bahawa kebaikan-kebaikkan kami telah disegerakan bagi kami. Kemudian dia mula menangis hingga dia meninggalkan makanan itu.

وهو [رقم 8324] عن أبي هريرة قال : لقد رأيتني وإني لأَخِرٌّ فيما بين منبر رسول الله صلى الله عليه وسلم إلى حجرة عائشة رضي الله عنها مغشيًّا عليّ. فيجيء الجائي فيضع رجله على عنقي، ويرى أني مجنون وما بي جنون وما بي إلا الجوع.

655. Bukhari mengeluarkan dari Abu Hurairah katanya : sungguhnya aku melihat diriku tersungkur diantara mimbar rasulullah sawm hingga bilik aisyah r.a dalam keadaan aku pitam. Maka datang seorang lalu meletakkan kakinya diatas tengkokku, dan dia melihat bahawa aku ini gila sedang aku tidak gila hanya aku kelaparan.

وروي [الترمذي رقم 2360] أنه صلى الله عليه وسلم كان يبيت هو وأهله الليالي المتتابعة طاويا لا يجدون عَشاء.

656. Diriwayatkan bahawa nabi sawm dan keluarganya bermalam beberapa malam berturut-turut dalam keadaan melengkung belakang, tidak mendapati makan malam.

وروي [مسند أحمد] أن جبريل عليه السلام نزل فقال للنبي صلى الله عليه وسلم : إن الله يقرئك السلام ويقول لك : أتحبّ أن أجعل هذا الجبل ذهبا ويكون معك حيثما كنت؟ فأطرق ساعة ثم قال ((يا جبريل! الدنيا دار من لا دار له ومال من لا مال له ولها يجمع من لا عقل له)). فقال له جبريل : ثبتك الله يا محمد بالقول الثابت.

657. Diriwayatkan bahawa Jibril turun maka katanya kepada nabi sawm : sungguhnya Allah mengucap salam keatas kamu dan berkata kepada kamu : adakah kamu suka Aku jadikan bukit ini emas dan ia bersama kamu dimana-mana kamu berada? Maka rasulullah sawm tunduk seketika kemudian berkata ((wahai Jibril! Dunia ini negeri orang yang tidak ada negeri baginya dan harta orang yang tidak ada harta baginya dan dikumpulkan orang yang tidak berakal untuknya)). Maka kata Jibril : moga Allah menetapkan kamu wahai Muhammad dengan kata-kata yang tetap.

وروي [قال الحافظ العراقي في تخريج أحاديث الإحياء أنه أخرجه أبو الشيخ في كتاب الثواب وكذلك أبو نعيم في الحلية] عن الحسن البصري أنه قال : قال النبي صلى الله عليه وسلم ((يُؤْتَى بالعبد الفقيرِ يوم القيامة فيعتذر اللهُ عز وجل إليه كما يعتذر الرجل إلى الرجل في الدنيا، فيقول : وعزتي وجلالي ما زَوَيْتُ عنك الدنيا لهوانك عليّ، ولكن لِمَا أعددت لك من الكرامة والفضيلة، أُخْرُجْ يا عبدي إلى هذه الصفوف وانظر إلى من أطعمك أو كساك وأراد بذلك وجهي، فخذ بيده فهو لك، والناسُ يومئذ قد ألجمهم العرَق، فيتخلل الصفوف وينظر من فعل به ذلك في الدنيا، فيأخذ بيده ويُدخله الجنةَ)).

658. Diriwayatkan dari Hasan Basri bahawa dia berkata : kata nabi sawm ((didatangkan seorang hamba yang fakir pada hari kiamat maka Allah azza wa jalla menyatakan alasan kepadanya sepertimana seorang lelaki menyatakan alasan kepada lelaki lain didunia maka katanya : demi kemuliaan Ku dan ketinggian Ku tidak aku tahan dunia dari kamu kerana hina engkau pada Aku, akan tetapi kerana apa yang aku sediakan untuk kamu daripada kemuliaan dan limpah kurniaan. Keluarlah wahai hamba Ku kepada saf-saf ini dan lihatlah kepada orang yang memberi engkau makan dan memberi engkau pakaian sedang dia hendakkan wajah Ku dengan demikian itu, maka peganglah tangannya maka dia milik kamu. Manusia pada hari itu telah dikekang oleh peluh. Maka dia menyelit-nyelit pada saf-saf itu dan mencari orang yang melakukan demikian itu padanya didunia lalu memegang tangannya dan memasukkannya kedalam syurga)).

وحكى القشيري عن بعضهم أنه قال : رأيت كأن القيامة قد قامت، ويقال: أدخِلوا مالكَ بن دينار ومحمدَ بن واسع الجنةَ. فنظرت أيّهما يتقدم. فتقدم محمد بن واسع، فسألت عن سبب تقدمه. فقيل لي : إنه كان له قميص واحد ولمالك قيميصان.

659. al Qusyairi menghikayatkan dari sebahagian mereka bahawa dia berkata : aku mimpi seolah-olah kiamat telah terdiri, dan dikatakan : masukkan Malik bin Dinar dan Muhammad bin Wasi' kedalam syurga. Maka aku tilik mana satu daripada kedua mereka yang didepan. Maka Muhamad bin Wasi' berada didepan, lalu aku tanya tentang sebab terkedepannya. Maka dikatakan kepad aku : sungguhnya dia dulu mempunyai sehelai gamis dan Malik punya dua helai gamis.

وحكى اليافعي [الحكاية رقم 147] عن الشيخ أبي محمد الجُرَيْرِيّ، قال : دخل علينا الرباطَ بعد صلاة العصر شابٌّ مُصْفَرُّ اللون أشعث الشعر حاصر الرأس حافي القدمين، فجدد الوضوء وصلى ثم جلس ووضع رأسه في جيبه إلى المغرب. فلما صلى معنا المغرب جلس كذلك. وإذا رسول الخليفة يستدعينا في دعوة، فقمت إلى الشابّ وقلت له : هل لنا أن توافقنا إلى دار الخليفة؟ فرفع رأسه وقال: ليس لي قلب إلى دار الخليفة، ولكن أشتهي عصيدة حارة. فاطّرحت قوله حيث لم يوافق الجماعة والتمس شهوةً. وقلت في نفسي : هذا قريب العهد بالطريقة لم يتأدب. ومضيت إلى دار الخليفة وأكلنا وشبعنا وتفرقنا آخر الليل. فلما دخلت الرباط رأيت الشاب على تلك الحالة. فجلست على سجّادتي ساعة، فلَهَجَتْ عيناي بالنوم.

660. al Yafi'e menghikayatkan dari syeikh Abu Muhammad al Jurairi katanya : masuk keatas kami pada ribat kami seorang pemuda yang berkulit kuning kusut masai rambutnya dan botak kepalanya dan berkaki ayam, maka dia membaharui wudhuk dan

sembahyang, kemudian duduk dan meletakkan kepalanya pada tengkok bajunya hingga kemaghrib. Maka tatkala dia selesai sembahyang bersama kami maghrib dia duduk seperti keadaannya itu. Tiba-tiba utusan khalifah memanggil kami, maka aku bangun kepada pemuda itu dan berkata kepadanya : adakah engkau hendak bersama kami pergi kerumah khalifah? Maka dia mengangkatkan kepalanya dan berkata : aku tidak ada hati untuk pergi kerumah khalifah, akan tetapi aku inginkan kanji tepung yang panas. Maka aku campakkan kata-katanya sekira-kira dia tidak menuruti jamaah dan mencari keinginannya. Aku katakan pada diri ku : pemuda ini baru dengan tarikat, tidak beradab. Aku terus pergi kerumah khalifah dan makan hingga kenyang dan kami berpisah pada akhir malam. Maka tatkala aku masuk ke ribat itu aku lihat pemuda itu diatas keadaannya itu. Maka aku duduk diatas sejadah ku buat seketika, maka terpejam dua mata ku dengan tidur.

وإذا جماعة وقائل يقول : هذا رسول الله صلى الله عليه وسلم والأنبياء كلهم عليهم السلام. فدنوت إليه وسلمت عليه. فولى وجهه عني معرضا، فكررت عليه وهو يعرض عني ولا يجيب. فخفت من ذلك فقلت : يا رسول الله! ما الذي أذنبت حتى تعرض عني بوجهك؟ فقال : فقير من أمتي أشتهى عليك شهوة فتهاونتَ به! فاستيقظت مرعوبا، وقمت نحو الفقير فلم أجده، وسمعت صوت الباب فخرجت في طلبه فغذا هو به قد خرج، فناديته : يا فتى! اصبر حتى أحضر شهوتك التي طلبت. فألتفت إلي وقال : إذا اشتهى فقير عليك شهوة فلا توصلُها إليه حتى يتشفع إليك بمئة ألف نبي وأربعة وعشرين ألف نبي، فلا حاجة إليها، ومضى.

661. Tiba-tiba aku nampak sekumpulan orang dan seorang berkata : ini adalah rasulullah sawm dan sekelian para nabi alaihimussalam! Maka aku dekati nabi sawm dan mengucap salam keatasnya. Maka dia memalingkan mukanya dari aku. Maka aku berulang kali mengucapkan salam keatasnya dan dia berpaling dari ku tidak menjawab. Maka aku berasa takut kerana demikian itu lalu aku kata : wahai rasulullah! Apa dosa yang telah aku kerjakan hinggakan engkau berpaling dari aku dengan muka mu? Maka katanya : seorang fakir dari umat ku inginkan dari kamu keinginannya maka engkau meringan-ringankannya! Kemudian aku terjaga dalam keadaan gementar, dan aku bangun kearah fakir itu aka aku tidak mendapatinya. Aku dengar bunyi pintu lalu aku keluar mencarinya, maka tiba-tiba aku dapati dia telah keluar. Maka aku menyerunya : wahai pemuda! Sabarlah hingga kami hadhirkan keinginan engkau yang engkau minta. Maka dia berpaling kepada aku dan berkata : apabila seorang fakir inginkan dari kamu satu keinginannya maka engkau tidak menyampaikan keinginan itu keapdanya hingga dia meminta syafaat kepada kamu dengan seratus dua puluh empat ribu nabi, maka tidak ada hajat kepadanya, dan dia berlalu.

حشرنا الله في زمرة المساكين وأدخلنا معهم الجنان آمين.

662. Moga Allah mengimpunkan kita pada kelompok orang-orang miskin dan memasukkan kita bersama mereka kedalam syurga. Amin.

فَصْلٌ فِي الْمَنِّ بِالصَّدَقَةِ

قال الله تعالى {يَا أَيُّها الّذِينَ آمَنُوا لا تُبْطِلُوا صَدَقَاتِكُمْ بالمَنّ وَالأذَى كالّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئاءَ النّاسِ وَلا يُؤْمِنُ بالله وَاليَوْمِ الآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمثَلِ صَفْوَانَ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَترَكَهُ صَلِداً لا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِمّا كَسَبوا والله لا يَهْدِي القَوْمَ الكَافِرِينَ} [البقرة : 264].

663. **FASAL PADA MENGUNGKIT SEDEKAH**. Kata Allah taala ((Wahai orang-orang yang beriman! jangan rosakkan sedekah kamu dengan mengungkit dan menyakiti, seperti orang yang membelanjakan hartanya kerana menunjuk-nunjuk kepada manusia, dan dia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ia meninggalkannya bersih licin. (Demikianlah juga halnya orang-orang Yang kafir dan riak itu) mereka tidak mendapat sesuatu pun dari apa yang mereka usahakan. Dan Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir)).

بين الله تعالى أن من تصدق بشيء من أنواع الصدقات اشترط لنيله ذلك الثواب العظيم الذي أعده الله للمتصدقين أن تسلم صدقته من المن بها على المعطي والأذى. فالمن هو أن يعدد نعمته على الآخذ أو يذكرها لمن لا يحب الآخذ اطلاعه. وقيل : أن يرى لنفسه مزيّة على المتصدق عليه بإحسانه. ولذلك لا ينبغي أن يطلب منه دعاء ولا يطمع فيه لأنه ربما كان في مقابلة إحسانة، فيسقط أجره.

664. Allah taala menerangkan bahawa orang yang bersedekah dengan suatu daripada bentuk-bentuk sedekah itu disyaratkan untuk dia mencapai pahala besar yang Allah sediakan bagi orang yang bersedekah bahawa selamat sedekahnya dari mengungkitnya diatas orang yang diberi dan menyakitinya. Maka ungkit itu adalah bahawa dia membilang-bilang ni'matnya keatas orang yang mengambil sedekah atau dia menyebutkan sedekah itu kepada orang yang orang yang mengambil itu tidak suka dia melihatnya. Dikatakan : ia adalah bahawa dia melihat ada kelebihan bagi dirinya diatas orag yang dia sedekahkan dengan sebab ihsannya. Kerana demikian itu sayugia bahawa dia tidak meminta doa darinya dan tidak dia tamakkan doanya, kerana doa itu terkadang berada pada membetuli ihsannya maka gugurlah pahalanya.

أخبرنا شيخنا قطْب الوجود وشمس دائرة الشهود محمد البكري عن جدته عائشة أم المؤمنين رضي الله عنها أنها كانت إذا تصدقت على أحد أرسلت على إثره رسولا يتبعه إلى مسكنه ليتعرف هل يدعو لها فتدعو له بمثل دعائه لئلا يكون دعاؤه في مقابلة الصدقة فينقص أجرها. فلذا قال أصحابنا : يستحب للمتصدق أن يدعو للمتصدقّ عليه بمثل ما دعا له.

665. Mengkhabar kepada kami Syeikh kami qutbul ujud Muhammad al bakri dari neneknya Aisyah umul mukminin r.a bahawa dia apabila bersedekah keatas sesaorang dia mengutuskan orang lain mengekorinya hingga ketempat tinggalnya untuk dia tahu adakah orang itu berdoa untuknya maka dia berdoa untuk orang itu dengan seumpama doanya supaya doa orang itu tidak membetuli sedekahnya lalu kurang pahalanya. Maka kerana ini kata sahabat-sahabat kita : sunat orang yang bersedekah mendoakan orang yang dia sedekahkan dengan seumpama apa yang ia doa untuknya.

وقال عبد الرحمن بن زيد بن أسلم : كان أبي يقول : إذا أعطيتَ رجلا شيئا ورأيت أن سلامك يُثقل عليه أي لكونه يتكلف لك قياما ونحوه لأجل إحسانك إليه فكُفّ سلامَك عنه.

666. Kata Abdul Rahman bin Zaid bin Aslam : bapa ku berkata : abila kamu berikan seorang akan sesuatu dan engkau lihat bahawa salam kamu menyusahkan dia, iaitu kerana keadaannya bersusah payah bangun untuk menghormati kamu dan umpamanya kerana perbuatan baik kamu kepadanya maka tahanlah salam kamu kepadanya.

والأذى هو أن يَنْهَرَه أو يُعيِّرَه أو يَشْتَمَه. فهذا كالمن مسقطٌ للثواب كما أخبر الله تعالى.

667. Menyakiti itu adalah bahawa dia mengherdiknya atau mencacinya atau memakinya. Maka ini sama seperti ungkitan adalah perkara mengugurkan pahala sedekah, sepertimana Allah taala khabarkan.

وأخرج مسلم [رقم 106] ((ثلاثة لا يكلمهم الله يوم القيامة ولا ينظر إليهم ولا يزكيهم ولهم عذاب أليم : المبل إزاره والمانّ الذي لا يعطي شيئا إلا منة والمنفق سلعته بالحلِف الكاذب)).

668. Muslim mengeluarkan ((tiga orang tidak Allah bercakap dengan mereka pada hari kiamat kelak dan tidak memandang kepada mereka dan tidak membersihkan mereka dan bagi mereka azab yang pedih : orang yang melabuhkan kain pakainya dan orang yang tidak memberikan sesuatu melainkan dia mengungkit dan orang yang melakukan barang jualannya dengan sumpah dusta)).

والحاكم [بل الطبراني عن أبي أمامة الجامع الصغير رقم 3535] ((ثلاثة لا يقبل الله منهم يوم القيامة صرفا ولا عدلا : عاقّ ومنّان ومكذِّب بالقدر)).

669. Hakim mengeluarkan ((tiga orang tidak Allah terima dari mereka ibadat wajib dan tidak ibadat sunat : orang yang derhaka ibu bapa dan orang yang menyungkit sedekah dan orang yang mendustakan qadar)).

والنسائي [بل الترمذي رقم 1963، مسند أحمد رقم 32] ((لا يدخل الجنة خِبٌّ ولا بخيل ولا منّان)).

670. Nasai'e mengeluarkan ((tidak masuk syurga orang yang bacul dan tidak orang yang bakhil dan tidak orang yang mengungkit sedekah)).

مهمات : أخرج الطبراني [مجمع الزوائد رقم 4652] ((يا أمة محمد! والذي بعثني بالحق لا يقبل الله صدقة من رجل وله قرابة محتاجون صلته ويصرفها إلى غيرهم. والذي نفسي بيده لا ينظر الله إليه يوم القيامة)).

671. Beberapa perkara penting. Thabarani mengeluarkan ((wahai umat Muhammad! Demi orang yang membangkitkan aku dengan kebenaran, Allah tidak menerima satu sedekah dari seorang lelaki yang punya kerabat dekat yang berhajat kepada silaturrahimnya dan di memalingkannya kepada selain mereka. Demi orang yang diri ku pada tangannya Allah tidak memandang kepadanya pada hari kiamat kelak)).

وهو أيضا [المعجم الكبير، مسند جرير بن عبد الله البجلي 2/322] ((ما من ذي رحم يأتي ذا رحمه فيسأله فضلا أعطاه الله إياه، فيبخل عليه إلا أخرج الله له من جهنم حية يقال لها : شُجَاعٌ، يتلمّظ فيطوّق به)). والتلمظ : تطعُّم ما يبقى في الفم من أثار الطعام.

672. Dia mengeluarkan juga ((tidak ada daripada seorang zawil arham yang datang kepada zawil arhamnya lalu dia memintanya kurniaan yang Allah berikan kepada dia

lalu dia bakhil terhadap zawil arhamnya itu melainkan Allah mengeluarkan untuknya dari neraka jahannam akan seekor ular yang dipanggil Syuja', yang memakan apa yang tersisa pada mulutnya, lalu ia melilitnya)).

والشيخان [البخاري رقم 2358/ مسلم رقم 108] ((ثلاثة لا يكلمهم الله يوم القيامة ولا ينظر إليهم ولا يزكيهم ولهم عذاب أليم : رجل على فضل ماء بالفلاة يمنعه من ابن السبيل، ورجل بايع رجلا سلعة بعد العصر فحلف له بالله لأخذها بكذا وكذا فصدقه وهو على غير ذلك، ورجل بايع إماما لا يبايعه إلا للدنيا فإن أعطاه منها وَفَى وإن لم يعطه منها لم يَفِ)). وفي رواية [البخاري رقم 2369] ((يقول الله : اليوم أمنعك فضلي كما منعت فضل ما لم تعمل يدك)).

673. Dua syeikh mengeluarkan ((tiga orang Allah tidak bercakap dengan mereka pada hari kiamat dan tidak memandang kepada mereka dan tidak membersihkan mereka dan bagi mereka azab yang pedih : lelaki yang punya lebih air dipadang pasir dia menegahnya dari orang yang melintasi jalan dan lelaki yang menual barang kepada orang selepas asar lalu dia bersumpah kepada orang itu dengan nama Allah supaya dia mengambilnya dengan sekian-sekian lalu dia membenarkannya dan dia diatas selain apa yang dia sumpahkan, dan lelaki yang bersumpah setia dengan imam tidak dia bersetia dengannya melainkan kerana dunia, maka jika imam itu memberikannya dunia itu dia memenuhi sumpah setianya dan jika imam itu tidak memberikan kepada dia dunia itu tidak dia memenuhinya)). Pada satu riwayat ((Allah berkata : hari ini aku tegah kamu dari kurniaan ku sepertimana engkau tegah kelebihan yang tidak dibuat oleh tangan mu)).

وابن ماجه [رقم 2474] قالت عائشة رضي الله عنها : يا رسول الله! ما الشيء الذي لا يحل منعه؟ قال ((الماء والملح والنار)).

674. Ibnu Majah mengeluarkan : kata Aisyah r.a : wahai rasulullah! Apa benda yang tidak halal menegahnya dari orangl ain? Katanya ((air dan garam dan api)).

وأخرج أبو داود [لم أجده في سنن] والحاكم [الجامع الصغير رقم 9098] ((من يتكفّل لي أن لا يسأل الناس شيئا أتكفّل له الجنة)).

675. Abu Daud dan Hakim mengeluarkan ((siapa menjamin bagi aku bahawa dia tidak meminta apa-apa dari orang lain aku jamin syurga bagi dia)).

وهما [أبو داود رقم 1645، الترمذي رقم 2326] أحمد [رقم 3859] ((من أصابته فاقة فأنزلها بالناس لم تسدّ فاقته، ومن أنزلها بالله أَوْشَكَ اللهُ له بالغنى، إما بموت عاجل أو غنى عاجل)).

676. Kedua mereka dan Ahmad mengeluarkan ((siapa yang ditimpa kepapaan[12] maka dia membentangkan aduan kepada manusia tidak mereka dapat menyekat kepapaannya dan siapa yang membentangkannya kepada Allah Dia mencepatkan kekayaan kepadanya, samaada dengan kematian[13] yang segera atau kaya yang segera)).

[12] kesulitan dan hajat.
[13] Kematian kerabatnya lalu dia mewarisinya.

وأحمد [رقم 20998] عن أبي ذر ((لا تسأل الناس شيئا ولا سوطك وإن سقط منك حتى تنزل إليه فتأخذه)).

677. Ahmad mengeluarkan dari Abu Zarr ((jangan kamu minta dari manusia akan sesuatu dan jangan tongkat kamu, sekalipun ia jatuh dari kamu tetapi engkau turun kepadanya lalu engkau mengambilnya)).

والبيهقي [كنز العمال رقم 7157، 16789] ((لِيَسْتَغْنِ أحدُكم عن الناس بقضيب سواك)).

678. Baihaqi mengeluarkan ((hendaklah seorang dari kamu terkaya dari orang ramai dengan sebatan siwak)).

والترمذي [رقم 653] ((إن المسألة لا تحل لغَنِيّ ولا لذي مِرّةٍ)) أي قوة ((سَوِيّ)) أي تامّ الخلق سالمٍ من موانع الاكتساب ((إلا لذي فقر مُدْقِع)) أي شديد ((أو غُرْمٍ مُفْظِعٍ. ومن سأل الناس ليُثْرِيَ به مالَه كان خَموشا في وجهه يوم القيامة ورَضَفا)) أي حجارة محمّاة ((يأكله من جهنم فمن شاء فليُكْثِرْ ومن شاء فليُقْلِلْ)).

679. Turmizi meriwayatkan ((sungguhnya meminta-minta tidak halal bagi orang kaya dan bagi orang yang kuat yang sempurna tubuh dari perkara yang menghalang usaha, melainkan kefakiran yang tegar atau hutang yang teruk. Siapa yang meminta orang ramai untuk membanyakkan hartanya adalah harta itu menjadi pencakar mukanya pada hari kiamat kelak dan menjadi batu yang dipanaskan daripada jahannam yang dia memakannya, maka siapa hendak dia membanyakkan, dan siapa yang hendak dia mensedikitkan)).

وأبو داود [رقم 1629] ((من سأل وعنده ما يغنيه فإنما يستكثر من النار. قالوا : وما الغنى الذي لا تنبغي معه المسألة؟ قال ((قدر ما يغدِّيه ويعشِّيه)). يعني : إن من وجد غداء يومه وعشاءه يحرم عليه أن يسأل صدقة التطوع. وأما صدقة الفرض فلا يحرم سؤالها إلا على من عنده كفاية بقية العمر الغالب على الراجح عندنا فيهما.

680. Abu Daud mengeluarkan ((siapa meminta-minta sedang disisinya ada apa yang mengkayakannya maka dia hanya membanyakkan api neraka. Kata mereka apakah kaya yang tidak sayugia meminta bersamanya? Katanya ((kadar apa yang membolehkan dia makan tengahari dan makan malam)). Dia maksudkan : bahawa orang yang mendapati makan tengahari dan makan malamnya haram meminta sedekah sunat. Adapun sedekah fardhu maka tidak haram memintanya melainkan keatas orang yang ada disisinya kecukupan baki umur ghalibnya diatas pendapat yang rajih disisi kami pada kedua masaalah ini.

قال بعضهم إنما يحرم سؤال الصدقةَ على من وجد غداء وعشاء على دائم الأوقات أي للمدة الطويلة، والزكاةَ على من وجد كفاية سنة.

681. Kata sebahagian mereka : haram meminta sedekah diatas orang yang mendapat makan siang dan malam pada masa yang lama, dan zakat diatas orang yang mendapat kecukupan setahun.

وقال أبو حنيفة : يجوز دفع الزكاة إلى من يملك دون النصاب وإن كان صحيحا مكتسبا، لكن لا يحل السؤال لمن كان له قوت يومه.

682. Kata Abu Hanifah : harus memberikan zakat kepada orang yang memiliki kurang satu nishab sekalipun dia sihat, akan tetapi tidak halal memintanya bagi orang yang mempunyai makanan mengenyangkan pada harinya.

وأخرج البخاري [رقم 1473] عن عمر رضي الله عنه ((إذا جاء ك من هذا المال شيء وأنت غير مشرف ولا سائل فخذه، وما لا فلا تتبعه نفسَك)).

683. Bukhari mengeluarkan dari Umar r.a ((apabila datang kepada kamu suatu dari harta ini sedang kamu tidak mengintai-ngintai peluang dan tidak meminta maka ambilah ia, dan apa yang tidak maka jangan kamu perikutkan diri kamu padanya)).

والشيخان [بل وجدته في مسند أحمد رقم 23959] عن عاشة رضي الله عنها ((يا عائشة! من أعطاك بغير مسألة فاقبليه فإنما هو رزق عرضه الله إليك)).

684. Dua syeikh mengeluarkan dari Aisyah r.a ((wahai Aisyah! Siapa yang memberi kepada kamu tanpa kamu minta maka terimalah ia, maka ia hanyalah razeki yang Allah bentangkan kepada kamu.

والترمذي [رقم 2035] ((من صنع إليه معروف فقال لفاعله : جزاك الله خيرا، فقد أبلغ في الثناء)).

685. Turmizi mengeluarkan ((siapa yang dibuat baik kepadanya maka dia erkata keapda pembuatnya : moga Allah membalas engkau dengan yang lebih baik, maka sungguhnya dia telah mendalami pada menyebut kebaikkannya)).

وابن ماجه [بل رواه أبو نعيم في الحِلية] ((إن الله يُبْغِضُ السائل المُلْحِف)) أي المُلِحّ.

686. Ibnu Majah mengeluarkan ((sungguhnya Allah murka orang yang meminta sedekah yang mendesak)).

والطبراني [الجامع الصغير رقم 8205] ((ملعون من سأل بوجه الله، وملعون من سئل بوجه الله ثم منع سائلَه ما لم يسأل هُجْرا)) أي فُحشا وأمرا قبيحا لا يليق. ويحتمل أنه يراد : ما لم يسأل سؤالا قبيحا بكلام قبيح.

687. Thabarani mengeluarkan ((dilaknat orang yang meminta dengan wajah Allah dan dilaknat orang yang diminta dengan wajah Allah kemudian dia menegah pemintanya, selama dia tidak meminta hujr)) iaitu perkara dosa dan keji yang tidak layak. Ditanggungkan bahawa dikehendaki : selama dia tidak meminta permintaan yang keji dengan katakata yang keji.

وأحمد [رقم 8897] ((ألا أخبركم بِشَرِّ البرية؟)) قالوا : بلى يا رسول الله ! قال ((الذي يُسأل بالله ولا يعطي)).

688. Ahmad mengeluarkan ((mau kah kamu Aku khabarkan kamu tentang makhluk yang paling teruk)). Kata mereka : bahkan wahai rasulullah! Katanya ((orang yang diminta dengan nama Allah dan dia tidak memberikan)).

والطبراني [مجمع الزوائد رقم 4567] ((ألا أحدثكم عن الحضِر!)) قالوا : بلى يا رسول الله! قال ((بينما هو ذات يوم يمشي في سوق بني إسرائيل أبصره رجل مكاتب، فقال : تصدّقْ عليّ بارك الله فيك. فقال الخضر : آمنت بالله، ما شاء الله من أمر يكون، ما عندي شيء أعطيتكه. فقال المسكين : أسألك بوجه الله لما تصدقت عليّ، فإني نظرت السماحة في وجهك ورجوت البركة عندك. فقال الخضر : آمنت بالله ما عندي شيء أعطيتكه إلا أن تأخذني فتبيعَني. فقال المسكين: وهل يستقيم هذا؟ قال : نعم، أقول : لقد سألتني بأمر عظيم، أما إني لا أخيِّبك بوجه ربي. بِعْنِيْ. قال : فقدمه إلى السوق فباعه بأربع مئة درهم.

689. Thabarani mengeluarkan ((mau kah aku ceritakan kamu tentang Khidir!)). Kata mereka : bahkan wahai rasulullah! Katanya (pada satu hari sedang dia berjalan dipasar bani Israel seorang hamba mukatab melihatnya, maka katanya : sedekahkan keatas aku, moga Allah memberkati kamu. Maka kata Khidir : aku beriman dengan Allah, perkara yang Allah mahukan pasti ujud, tidak ada disisi aku sesuatu untuk aku berikan kamu. Maka kata si miskin itu : aku minta kamu dengan wajah Allah akan sedekah kamu keatas aku, kerana aku nampak sifat pemurah pada wajah kamu dan aku harapkan keberkatan yang ada disisi kamu. Maka kata Khidir : aku beriman dengan Allah, tidak ada sesuatu disisi aku untuk aku berikannya kepada kamu melainkan bahawa engkau ambil diri ku ini lalu engkau jualkan aku. Maka kata si miskin itu : adakah betul ini? Katanya : ia, aku katakan : sungguh engkau telah meminta aku dengan perkara yang besar, aku tidak akan mengecewakan engkau dengan wajah Tuhan ku, juallah aku. Kata nabi sawm : maka si miskin itu membawanya kepasar lalu menjualnya dengan empat ratus dirham.

فمكث عند المشتري زمنا لا يستعمله في شيء. فقال : إنما اشتريتني لالتماس خير عندي، فأوصِني بعمل. فقال : أكره أن أشق عليك إنك شيخ كبير ضعيف. قال : ليس تشقُّ عليّ. قال : قم فانقل هذه الحجارة. وكان لا ينقلها دون ستة نفر في يوم. فخرج الرجل لبعض حاجاته ثم انصرف وقد نقل الحجارة في ساعة. فقال : أحسنت وأجملت وأطقت ما لم أرَك تطيقه. ثم عرض للرجل سفر فقال : إني أحسبك أمينا فاخلُفني في أهلي خلافة حسنة. قال : أوصني بعمل. قال إني أكره أن أشقّ عليك. قال ليس يشقّ عليّ. قال : فاضرب من اللبن لبيتي حتى أقدَم عليك. قال : فمر الرجل لسفره. قال : فرجع الرجل وقد شيّد بناءه.

690. Maka dia menetap disisi pembelinya dalam satu masa tidak si pembeli itu menyuruhnya bekerja pada sesuatu pun. Maka kata Khidir: engkau hanya membeli aku untuk mendapatkan kebaikkan yang ada disisi ku, maka pesanlah aku dengan satu kerja. Maka katanya : aku tidak suka menyusahkan kamu, sungguhnya engkau sangat tua lagi lemah. Kata Khidir : engkau tidak menyusahkan aku. Katanya : bangunlah maka pindahkan batu ini. Adalah batu itu tidak boleh memindahkannya oleh kurang dari enam orang didalam satu hari. Maka lelaki itu keluar untuk sebahagian hajatnya. Kemudian dia balik walhal Khidir telah memindahkan batu itu didalam satu jam. Maka katanya : bagus kamu, dan kamu mampu apa yang aku lihat kamu tidak mampu lakukannya. Kemudian datang hajat kepada lelaki itu untuk bermusafir, maka katanya : aku rasakan kamu ini orang yang amanah, maka gantikan aku pada keluarga ku dengan baik. Katanya : pesanlah aku dengan kerja. Katanya aku tidak suka menyusahkan kamu. Kata Khidir : engkau tidak menyusahkan aku. Katanya : buatlah rumah aku daripada batu bata ini sampai aku balik kepada kamu. Kata nabi sawm :

maka lelaki itu pergi bermusafir. Katanya : Kemudian lelaki itu kambali dan Khidr telah mengikatkan binaannya.

قال : أسألك بوجه الله ما سببك وما أمرك؟ قال : سألتني بوجه الله، ووجهُ الله أوقعني في هذه العبودية. فقال الخضر : سأحدّثك من أنا، أنا الخضر الذي سمعت به. سألني مسكين صدقة فلم يكن عندي شيء أعطيه. فسألني بوجه الله فأمكَنْتُه من رقبتي، فباعني. وأخبرك أنه : من سئل بوجه الله فردّ سائله وهو يقدر وقف يوم القيامة جلده ولا لحمَ له، يَتَقَعْقَعُ. فقال الرجل: آمنت بالله شَقَقْتُ عليك يا نبي الله، لو أعلم. قال : لا بأس، أحسنت واتقيت. فقال الرجل : بأبي وأمي يا نبي الله، احكم في أهلي ومالي بما شئت أو اختر فأخلّي سبيلك. قال : أحب أن تخلِّي سبيلي فأعبد ربي. فخلّى سبيله. فقال الخضر : الحمد لله الذي أوثقني في العبودية ثم نجاني منها.

691. Kata lelaki itu: aku minta kamu dengan wajah Allah, apa sebab kamu dan apa pekerjaan kamu? Katanya : engkau minta aku dengan wajah Allah, dan wajah Allah telah menjatuhkan aku kedalam kehambaan ini. Maka kata Khidir : aku akan ceritakan kamu siapa aku, akulah Khidir yang pernah engkau dengar. Seorang miskin meminta sedekah dari ku maka tidak ada disisi aku sesuatu untuk aku berikan dia, maka dia meminta aku dengan wajah Allah, lalu aku serahkan kepada dia tengkok aku lalu dia menjual ku. Aku khabarkan kamu bahawa siapa yang diminta dengan wajah Allah lalu dia menolak pemintanya sedang dia kuasa berdiri pada hari kiamat oleh kulitnya dan tidak ada daging baginya, tergoyang-goyang dia. Maka kata lelaki itu : aku beriman dengan Allah, aku telah menyusahkan engkau engkau wahai nabi Allah, kalaulah aku tahu. Kata Khidr : tidak mengapa dan enakgu orang baik dan bertakwa. Maka kata lelaki itu : dengan bapa ku dan ibu ku wahai nabi Allah hukumlah pada keluarga aku dan harta aku dengan apa yang engkau hendak atau pilihlah maka aku lapangkan jalan kamu. kata Khidir : aku suka bahawa engkau lapangkan jalan aku maka aku beribadat kepada Tuhan ku. Maka dia melepaskannya. Maka kata Khidir : alhamdulillah yang meletakkan aku pada kehambaan kemudian melepaskan aku darinya.

اللّهُمَّ اجعلنا من المحسنين إلى الإخوان والفائزين بالجنان آمين.

692. Ya allah jadikan kami dari kalangan orang yang berbuat baik kepada saudara-saudaranya dan orang yang mencapai syurga-syurga. Amin.

بَابُ الصَّوْمِ

قال الله تبارك وتعالى {يَا أَيُّها الّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُم الصِّيامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلكم تَتّقُون أياماً معدوداتٍ} [البقرة : 183- 184].

693. **BAB PUASA**. Kata Allah tabaraka wa taala ((Wahai orang-orang Yang beriman! kamu Diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa. Pada beberapa hari yang tertentu)).

وأخرج ابن ماجه [رقم 1328] والبيهقي [الجامع الصغير رقم 1690] عن عبد الرحمن بن عوف قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((شهر رمضان شهر كتب الله عليكم صيامه وسَنَنْتُ لكم قيامه. فمن صامه وقامه إيمانا واحتسابا خرج من ذنوبه كيوم ولدته أمه)).

694. Ibnu Majah dan Baihaqi mengeluarkan dari Abdul Rahman bin Auf katanya : kata rasulullah sawm ((bulan ramadhan bulan yang Allah fardhukan keatas kamu puasa padanya dan aku buat sunnah bagi kamu bangun malam padanya. Maka siapa puasa padanya dan bangun malam padanya kerana beriman dan mencari pahala dia keluar dari dosanya seperti hari dia dilahirkan ibunya)).

وأحمد [قم 8775] عن أبي هريرة ((من صام رمضان إيمانا واحتسابا غفر له ما تقدم من ذنبه وما تاخر)).

695. Ahmad mengeluarkan dari Abu Hurairah ((siapakan ramadhan kerana beriman dan mencari pahala diampunkan bagi dia apa yang telah terdahulu daripada dosanya dan apa yang terkemudian.

وهو [رقم 8407] عنه ((من أدرك رمضان وعليه من رمضان شيء لم يقضه لَمَا يُتَقَبَّلْ منه، ومن صام تطوُّعا وعليه من رمضان شيء لم يقضه فإنه لا يقبل منه حتى يصومه)).

696. Dia mengeluarkan dari Abu Hurairah ((siapa mendapat ramadhan sedang diatasnya ada sesuatu daripada ramadhan yang dia belum mengkadhanya tidak diterima ia darinya, dan siapa yang puasa sunat sedang diatasnya ada suatu daripada ramadhan yang dia belum mengkadhanya maka ia tidak diterima darinya hingga dia puasakannya)).

وبو يعلى [الدر المنثور، 2 سورة البقرة : 238] عن ابن عباس ((عُرَا الاسلام وقواعدُ الدين ثلاثة عليهن أُسُسُ الإسلام، من ترك واحدة منهن فهو بها كافر حلال الدم : شهادة أن لا إله إلا الله والصلاة المكتوبة وصوم رمضان)). وفي رواية ((من ترك منهن واحدة فهو بالله كافر، ولا يقبل منه صرف ولا عدل وقد حل دمه ماله)).

697. Abu Ya'la mengeluarkan dari Ibnu Abbas ((sempadan Islam dan tiang-tiangnya tiga diatas kesemuanya asas-asas Islam. Siapa meninggalkan satu daripadanya maka dia kufur dengannya lagi halal darahnya : saksian bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan sembahyang maktubah dan puasa ramadhan)). Pada satu riwayat ((siapa meninggalkan satu daripdanya maka dia kufur dengan Allah, tidak diterima darinya yang wajib dan tidak yang sunat, dan sungguh telah halallah darahnya)).

وأبو داود [رقم 2396] والنسائي والترمذي [رقم 723] والبيهقي وابنا ماجه [رقم 1672] وخزيمة [الجامع الصغير قم 8492] عن أبي هريرة : من أفطر يوما من رمضان من غير رخصةٍ رخصها الله له ولا مرضٍ لم يقضه صومُ الدهرِ كلّه، وإن صامه)).

698. Abu Daud dan Nasai'e dan Turmizi dan Baihaqi dan Ibnu Majah dan Ibnu Khuzaimah mengluarkan dari Abu Hurairah : ((siapa membatalkan puasa sehari daripada ramadhan tanpa rukhsakh yang Allah berikan rukhsakh kepadanya dan tanpa sakit tidak mengkadhanya puasa setahun penuh, sekalipun dia puasakannya)).

قال علي وابن مسعود رضي الله عنهما : من أفطر يوما من رمضان لا يقضيه صوم الدهر.

699. Kata Ali dan Ibnu Mas'ud r.anhuma : siapa membatalkan puasa sehari daripada ramadhan tidak mengkadhanya puasa setahun.

قال النخعي : إن من أفطر يوما من رمضان يجب عليه ثلاثة آلاف يوم. والذي عليه أكثر العلماء أنه يجزئ عن اليوم يوم ولو أقصر منه.

700. Kata Nakhai'e : sungguhnya orang yang membatalkan puasa sehari daripada ramadhan wajib diatasnya tiga ribu hari. Pendapat yang diatasnya kebanyakkan ulamak bahawa memada dari sehari oleh sehari walaupun lebih pendek darinya.

خَاتِمَةٌ فِي سَرْدِ أَحَادِيْثَ تَتَعَلَّقُ بِالصَّوْمِ

أخرج الترمذي [رقم 764] عن أبي هريرة قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((إن ربكم يقول : كل حسنة بعشرة أمثالها إلى سبع مئة ضعف، والصوم لي وأنا أجزي به. والصوم جنة من النار. ولخلوف فم الصائم أطيب عند الله من ريح المسك. وإن جهل على أحدكم جاهلٌ وهو صائم فليقل : إني صائم. وللصوم فرحتان فرحة حين يفطر وفرحة حين يلقى ربه)).

701. **KHTIMAH PADA HADITH-HADITH YANG BERKAITAN DENGAN PUASA.**Turmizi mengeluarkan dari Abu Hurairah katanya : kata rasulullah sawm ((sungguhnya Tuhan kamu berkata : setiap kebaikkan itu dibalas dengan sepuluh yang seumpamanya hingga kepada tujuh ratus, dan puasa itu bagi Ku dan Aku membalasnya. Puasa itu perisai dari neraka. Sungguhnya bau mulut seorang yang puasa lebih baik disisi Allah dari bau kasturi. Jika seorang jahil tentang seorang dari kamu sedang dia puasa maka hendaklah dia katakan : sungguhnya aku puasa. Bagi orang yang berpuasa itu dua kegembiraan, satu kegembiraan ketika berbuka dan satu kegembiraan ketika dia bertemu Tuhannya)).

وابن حبان والحاكم [الجامع الصغير رقم 23664] عن أبي هريرة : ((إذا كان أول ليلة من شهر رمضان صُفِّدَتِ الشياطين ومَرَدَةُ الجن وغُلِّقَتْ أبواب النار فلم يفتح منها باب، وفتحت أبواب الجنة فلم يغلق منها باب، وينادي منادٍ كل ليلة : يا باغيَ الخيرِ أَقْبِلْ! ويا باغِيَ الشرِّ أَقْصِرْ! ولله عُتَقَاء من النار. وذلك كل ليلة)).

702. Ibnu Hibban dan Hakim mengeluarkan dari Abu Hurairah ((apabila tiba malam pertama daripada bulan ramadhan dibelenggu syaitan-syaitan dan jin-jin yang derhaka dan diselak pintu-pintu neraka maka tidak dibuka satu pintu daripadanya dan dibuka pintu-pintu syurga maka tidak diselak satu pintu daripadanya, dan menyeru seorang penyeru setiap malam : wahai pencari kebajikan berhadaplah! wahai pencari kejahatan tahanlah diri! dan bagi Allah hamba-hamba kemerdekaan dari neraka, yang demikian itu pada setiap malamnya)).

وابنا خزيمة وحبان [كنز العمال رقم 43832] أنه صلى الله عليه وسلم صعِد على المنبر فقال ((آمين آمين آمين)) قيل : يا رسول الله! إنك صعدت المنبر فقلت : آمين آمين آمين! فقال ((إن جبريل عليه السلام أتاني فقال : من أدرك شهر رمضان فلم يُغفر له فمات فدخل النار فأبعده الله، قل آمين، فقلت : آمين، ومن أدرك

أبويه أو أحدهما فلم يبَرّهما فمات فدخل النار فأبعده الله، قل آمين، فقلت : آمين، ومن ذُكِرْتَ عنده فلم يصلِّ عليك فمات فدخل النار فأبعده الله، قل آمين، فقلت : آمين)).

703. Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban mengeluarkan bahawa nabi sawm naik mimbar lalu berkata ((amin amin amin)). Dikatakan : wahai rasulullah! Sungguhnya engkau naik keatas mimbar maka engkau katakan : amin amin amin! Maka katanya ((sungguhnya Jibril a.s datang kepada ku lalu berkata : orang yang mendapat bulan ramadhan maka dia tidak diampunkan lalu dia mati lalu dia masuk neraka, maka Allah menjauhkan dia, maka katakan amin! Maka aku kata : amin, dan orang yang mendapat dua ibu bapanya atau seorang dari kedua mereka maka dia tidak berbuat baik kepada keduanya lalu dia mati maka dia masuk neraka maka Allah menjauhi dia, katakan amin, maka aku kata : amin, orang yang disebutkan kamu disisinya maka dia tidak berselawat keatas engkau maka dia mati lalu masuk neraka maka Allah menjauhinya, katakan amin, maka aku katakan : amin)).

ومحمد بن منصور والسمعاني [الجامع الصغير رقم 2596] عن أنس ((إنما سمي رمضانَ لأنه يرمَض الذنوبَ)).

704. Muhammad bi Manshur dan Sam'aniy mengeluarkan dari Anas ((ramadhan hanyalah dinamakan ramadhan kerana ia membakar dosa)).

والطبراني والبيهقي [الجامع الصغير رقم 4312] عن عمر رضي الله عنه ((ذاكر الله في رمضان مغفور له، وسائل الله فيه لا يخِيْب)).

705. Thabarani dan Baihaqi mengeluarkan dari Umar r.a ((orang yang berzikirullah pada bulan ramadhan diampuni dan orang yang meminta Allah padanya tidak kecewa)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 9293] عن عبد الله ابن أبي أوفى ((نوم الصائم عبادة وصَمْتُه تسبيح وعمله مضاعَف ودعاؤه مستجاب وذنبه مغفور)).

706. Baihaqi mengeluarkan dari Abdullah bin Abi Aufa ((tidur orang yang puasa itu ibadat dan diamnya tasbih dan amalannya digandakan dan doanya diperkenankan dan dosanya diampunkan)).

والحاكم [الجامع الصغير رقم 7324] عن ابن عمر ((لكل عبد صائم دعوة مستجابة عند إفطاره، أُعْطِيْهَا في الدنيا أو أُدُّخِرَتْ له في الآخرة)).

707. Hakim mengeluarkan dari Ibnu Umar ((setiap hamba yang puasa mempunyai doa yang diperkenankan disisi berbukanya, diberikan ia kepadanya didunia atau disimpankan ia untuknya diakhirat)).

وفي المسند [رقم 16536] عن واثلة بن الأسقع عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال ((أنزلت صحف إبراهيم في أول ليلة من شهر رمضان، وأنزلت التوراة لسِتٍّ مَضَيْنَ من رمضان، وأنزل الإنجيل لثلاثَ عشرةَ مضين من رمضان، وأنزل الفرقان لأربعٍ وعشرين خَلَتْ من رمضان)).

708. Didalam al Masnad dari Wathilah bin Asqa' dari nabi sawm bahawa dia berkata ((diturunkan suhuf Ibrahim pada awal malam daripada bulan ramadhan, dan diturunkan Taurat setelah berlalu enam hari ramadhan dan diturunkan Injil tiga belas hari berlalu ramadhan, dan diturunkan furqan dua puluh empat hari berlalu ramadhan)).

وروي عن سعيد بن مسيب [أخرجه العقيلي وضعفه، وابن خزيمة في صحيحه إن صح، والبيهقي والخطيب والأصبهاني في الترغيب، كنز العمال رقم 23714] **عن سلمان مرفوعا، قال : خطبنا رسول الله ثصلى الله عليه وسلم في آخر يوم من شعبان فقال ((يا أيها الناس! قد أظلّكم شهر عظيم شهر مبارك، فيه ليلة خير من ألف شهر، جعل الله صيامه فريضة وقيام ليلِه تطوُّعا، من تقرّب فيه بخصلة من الخير كان كمن أدى فريضة فيما سواه، ومن أدى فيه فريضة كان كمن أدى سبعين فريضة فيما سواه، وهو شهر الصبر والصبر ثوابه الجنة، وشهر المواساة وشهر يزاد فيه الرزق، من فطّر فيه صائما كان له مغفرة لذنوبه وعتق رقبة من النار، وكان له مثل أجره من غير أن ينقص من أجره شيء)).**

709. Diriwayatkan dari Sai'ed bin Musayyab dari Salman dalam keadaan ianya marfu', katanya : rasulullah sawm berkhutbah kepada kami pada akhir hari Sya'ban maka katanya ((wahai sekelian manusia! Sungguhnya telah dekat kepada kamu bulan yang besar yang berkat, padanya ada satu malam yang lebih baik dari seribu bulan, Allah menjadikan puasa padanya fardhu dan bangun malamnya sunat, siapa mendampingkan diri padanya dengan satu perkara baik adalah dia seperti orang yang menunaikan fardhu pada bulan selainnya, siapa menunaikan padanya satu fardhu adalah dia seperti orang yang menunaikan tujuh puluh fardhu pada selainnya, ia adalah bulan sabar yang mana sabar itu ganjarannya syurga, dan bulan keluasan dan bulan yang ditambahkan razeki padanya, siapa yang menjamu orang puasa berbuka puasa adalah ia baginya keampunan dosanya dan kemerdekaan tengkok dari neraka, dan bagi dia seumpama pahalanya tanpa dikurangkan dari pahalanya sesuatu)).

قالوا : يا رسول الله! ليس كلنا نجد ما نفطر الصائم. قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((يعطى الله هذا الثواب من فطّر صائما على تمرة أو شربة ماء أو مَذْقَة لبن. وهو شهر أوله رحمة وأوسطه مغفرة وآخره عتق من النار. ومن خفف عن مملوك غفر الله له وأعتقه من النار. واستكثروا فيه من أربع خصال، خصلتين تُرْضُوْنَ بهما ربكم وخصلتين لا غنى لكم عنهما. أما الخصلتان اللتان ترضُون بهما ربكم فشهادة أن لا إلٰه إلا الله وتستغفرونه، وأما اللتان لا غنى لكم عنهما فتسألون الله الجنة وتَعُوْذُوْن به من النار. ومن سقى صائما سقاه الله من حوضي شربة لا يظمأ بعدها أبدا.

710. Kata mereka : wahai rasulullah! Bukan semua kami mendapat apa yang boleh kami jamu orang puasa berbuka. Kata rasulullah sawm ((Allah memberikan pahala ini kepada orang yang menjamu orang puasa berbuka dengan sebiji tamar atau seteguk air atau satu kecapan susu. Ianya bulan yang awalnya rahmat dan tengahnya keampunan dan akhirnya kemerdekaan dari neraka. Siapa yang meringankan hamba dari kerja Allah ampunkan dia dan merdekakan dia dari neraka. Banyakkanlah padanya empat perkara : dua perkara kamu meredhakan Tuhan kamu dengannya dan dua perkara tidak terkaya kamu darinya. Adapun dua perkara yang kamu meredhakan

Tuhan kamu dengannya maka saksian bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan kamu minta ampun dariNya, dan adapun dua perkara yang tidak kamu terkaya darinya maka kamu meminta syurga dari Allah dan kamu berlindung denganNya dari neraka. Siapa yang memberi minum orang yang puasa Allah memberinya minum seteguk air dari kolam ku tidak dia dahaga selepasnya selama-lama.

وفي رواية [كنز العمال رقم 23658] ((من فطّر صائما في شهر رمضان من كسب حلال صلّتْ عليه الملائكة ليالي رمضان كلها وصافحه جبريل عليه السلام ليلة القدْر، ومن صافحه جبريل عليه السلام يرِقُّ قلبه وتكثر دموعه)).

711. Pada satu riwayat ((siapa menjamu orang puasa berbuka pada bulan ramadhan dari usaha halal para malaikat berselawat keatasnya pada malam-malam ramadhan semuanya dan Jibril a.s berjabat tangan dengannya pada malam qadar, dan siapa yang Jibril berjabat tangan dengannya lembut hatinya dan banyak air matanya)).

وروى سلمة بن شَبِيْب [كنز العمال رقم 23721] عن ابن عباس مرفوعا ((لله في كل ليلة من ليالي شهر رمضان عند الإفطار ألف ألف عتيق من النار، فإذا كان ليلة الجمعة أعتق الله في كل ساعة منها ألف ألف عتيق من النار، كلهم قد استوجب النار. فإذا كان آخر ليلة من الشهر أعتق في ذلك اليوم بعدد ما أعتق من أول الشهر إلى آخره)). أعتقنا الله من النار.

712. Salamah bin Syabib meriwayatkan dari Ibnu Abbas dalam keadaan ianya marfu' ((bagi Allah pada setiap malam daripada malam-malam bulan ramadhan disisi buka puasa sejuta hamba kemerdekaan dari neraka, maka apabila tiba malam jumaat Allah memerdekakan pada setiap jam daripadanya sejuta hamba kemerdekaan dari neraka, semua mereka telah wajib masuk neraka. Maka bila tiba akhir malam bulan itu Dia memerdekakan pada hari itu sebilangan apa yang dia merdekakan pada awal bulan hingga akhirnya)).

وقال النخعي [الدر المنثور، 2 سورة البقرة : 186] : صوم يوم من رمضان أفضل من ألف يوم، وتسبيحة فيه أفضل من ألف تسبيحة، وركعة فيه خير من ألف ركعة، والنفقة فيه مضاعفة كالنفقة في سبيل الله.

713. Kata Nakhai'e : puasa sehari pada bulan ramadhan terafdhal dari seribu hari, satu tasbih padanya terafdhal dari seribu tasbih, satu rakaat padanya lebih baik dari seribu rakaat dan nafkah padanya digandakan seperti nafkah pada sabilillah.

وروي عن ابن مسعود أنه قال : إذا كان يومُ القيامة وأراد الله بعبد خيرا أعطاه الله كتابه جهرا. وقال له : اقرأ سرا حتى لا يفضحه بين خلقه، فيقرأ كتابه سرا فلم يسمعه أحد. فتقول الملائكة : إلهنا هذه عناية لم تسبِق لأحد من العصاة، وقد وعدت من عصاك أن تعذِّبه وتحرقه بالنار! فيقول سبحانه وتعالى : يا ملائكتي إني أحرقتُه في الدنيا بنار الجوع والعطش في الحر الشديد في شهر رمضان، فلا أُحْرِقُه اليوم بالنيران. وقد عفوت عنه وغفرت له ما سلَف من الذنوب والعصيان وأنا الكريم المنان.

714. Diriwayatkan dari Ibnu Mas'ud bahawa dia berkata : apabila tiba hari kiamat dan Allah hendakkan kebaikkan pada hambanya Allah memberikan dia suratan amalannya dengan terang-terangan dan berkata kepadanya : bacalah dengan perlahan, supaya

Dia tidak memalukannya diantara makhluknNya. Maka dia membaca suratannya dengan perlahan, maka tidak ada seorang pun mendengarnya. Maka kata malaikat : wahai Tuhan kami! Ini layanan baik tidak terdahulu bagi seorang pun dari kalangan ahli-ahli maksiat. Sungguh Engkau telah janjikan orang yang menderhakai Mu bahawa Engkau akan azab dia dan Engkau bakar dia dengan api! Maka kata Allah subhanahu wa taala : wahai malaikat ku sungguhnya aku telah membakar dia didunia dengan api lapar dan dahaga didalam pada kepanasan yang kuat didalam bulan ramadhan, maka aku tidak membakarnya hari ini dengan api. Sungguhnya aku telah maafkan dia dan ampunkan baginya apa yang telah lalu daripada dosa dan maksiatnya, dan Aku sungguhnya maha pemurah lagi maha pengurnia.

وحكي عن بعض أهل العلم أنه قال : كان عندنا رجل اسمه محمد. وكان لا يصلي إلا قِطَعًا. فإذا دخل شهر رمضان زيّن نفسه بالثياب الفاخرة والطيب، ويصوم ويصلي ويقضي ما فاته. فقلت له في ذلك فقال : هذا شهر التوبة والرحمة والبركة، عسى الله أن يتَجَاوَزَ عني بفضله. فمات فرأيته في المنام، فقلت له : ما فعل الله بك؟ قال غفر لي لأجل حرمة شهر رمضان. غفر الله لنا ولجميع المسلمين.

715. Dihikayatkan dari sebahagian ahli ilmu bahawa dia berkata : ada disisi kami seorang lelaki namanya Muhammad. Adalah dia tidak sembahyang melainkan sekali sekala. Maka bila masuk bulan ramadhan dia menghias dirinya dengan pakaian yang baik dan wangian, dia puasa dan sembahyang dan mengkadha apa yang luput darinya. Maka aku kata kepadanya pada demikian itu maka katanya : ini bulan taubat dan rahmat dan berkat, hara-harap Allah memaafkan aku dengan kurniaanNya. Kemudian dia mati, maka aku lihat dia didalam mimpi, lalu aku kata kepadanya : apa yang Allah buat dengan kamu? katanya : dia mengampunkan aku kerana menghormati bulan ramadhan. Moga Allah mengampunkan kita dan semua orang Islam.

فَصْلٌ فِي أَحْكَامِ الصَّوْمِ

فرضه: نيةٌ ليلا لكل يوم من رمضان. وأقلها : نويت صومَ رمضانَ، والأكمل : نويت صومَ غدٍ عن أداء فرض رمضان هذه السنة لله تعالى، والتلفُّظ بها. وتركُ مفطر نهارا.

716. **FASAL PADA HUKUM-HUKUM PUASA**. Fardhunya : [1] niat pada malam untuk setiap hari daripada ramadhan. Sekurang-kurangnya : sahaja aku puasa ramadhan. Yang sempurnanya : sahaja aku puasa esok kerana menunaikan fardhu ramadhan tahun ini kerana Allah taala, dan melafazkannya. [2] Dan meninggalkan perkara yang membatalkan puasa pada siang hari.

وسننه : السحور، وبالتمر أحب. ويحصل ولو بجرعة ماء. ووقته من نصف الليل. وتأخيره أولى ما لم يقع في شك.

717. Sunat-sunatnya adalah sahur. Dengan tamar terutama. Terhasil ia walaupun dengan seteguk air. Waktunya mula dari setengah malam. Mentakhirkannya terutama selama tidak jatuh pada syak.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((السحور أكلةٌ بركةٌ فلا تدَعوه ولو أن يجرع أحدكم جرعة ماء. فإن الله وملائكته يصلون على المتسحِّرين)) رواه أحمد [رقم 11003].

718. Kata rasulullah sawm ((sahur itu makan yang berkat. Maka jangan kamu tinggalkannya walaupun bahawa kamu meneguk seteguk air. Kerana sungguhnya Allah dan para malaikatnya berselawat keatas orang yang makan sahur)).

وقال صلى الله عيه وسلم ((خير خصال الصائم السواك)) رواه البيهقي [الجامع الصغير رقم 4064].

719. Kata nabi sawm ((perkara terbaik bagi orang puasa adalah siwak)). Meriwayatkannya Baihaqi.

وقال ((إذا صمتم فاستاكوا بالغداة ولا تستاكوا بالعشِيّ فإنه ليس من صائم تَيْبَسُ شفتاه بالعشِي إلا كان نورا بين عينيه يوم القيامة)). رواه الطبراني [الجامع الصغير رقم 736].

720. Katanya ((apabila kamu puasa maka bersiwaklah pada pagi dan jangan kamu bersiwak pada petang, kerana tidak ada daripada orang yang puasa yang kering dua bibirnya pada petang melainkan ia menjadi cahaya diantara dua matanya pada hari kiamat kelak)).

وتعجيل الفطر إذا تحقق الغروب. وتقديمه على الصلاة. وكونه بثلاثث رطبات فتمرات فحسَوات ماء، ودعاء بعده وهو ((اللّهُمَّ لك صمت وعلى رزقك أفطرت وبك آمنت وعليك توكلت ورحمتك رجوت وإليك تبت ذهب الظمأ وابتلّت العروق وثبت الأجر إن شاء الله تعالى)).

721. Sunatnya juga menyegerakan buka apabila pasti ghurub, dan mendulukannya diatas sembahyang, dan keadaannya dengan tiga biji rutob kemudian tiga biji tamar kemudian tiga teguk air, dan doa selepasnya iaitu “ya Allah kerana Mu aku puasa dan diatas razeki Mu aku berbuka dan diatas Mu aku bertawakkal dan rahmat Mu aku harapkan dan kepada Mu aku bertaubat, telah hilanglah dahaga dan basahlah urat saraf dan sabitlah pahala insya Allah taala”.

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((لا تزال أمتي على سنّتي ما لم ينتظروا بفطرهم طلوع النجم)). رواه الطبراني [كنز العمال رقم 23881].

722. Kata rasulullah sawm ((sentiasalah umat ku diatas sunnah ku selama mereka tidak menunggu terbit bintang untuk buka puasa)).

ويسن في رمضان إكثار تلاوة القرآن وصدقة وتوْسعة على العيال وإحسان إلى الأقارب والجيران وتهجُّد واعتكاف لا سيما عشر آخره، ودعاء ((اللّهُمَّ عَفُوٌّ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي)) في العشر الأواخر.

723. Sunat pada ramadhan membanyakkan baca Quran dan sedekah dan meluasi razeki keluarga dan berbuat baik kepada saudara mara dan jiran, dan tahajjud dan iktikaf lebih-lebih lagi pada sepuluh yang akhir, dan doa “ya Allah sungguhnya Engkau maha pemaaf Engkau suka memaafkan maka maafkan kaku” pada sepuluh yang akhir.

ويندب للصائم أن يكفّ نفسَه عن الشهوات المباحة من التلذذ بمسموع أومبصَر أوملموس أو مشموم كشَمِّ ريحان ونظر إليه ولمسه، وأن يغتسل لنحو جنابة قبل الفجر، وأن يحترز عن ذوق طعام أو غيره ومضغ نحو الخبز لطفل، ولسانَه عن الفحشاء.

724. Sunat bagi orang yang puasa bahawa dia menahan dirinya dari syahwat yang harus daripada berlazat-lazat dengan apa yang didengar atau yang dilihat atau yang disentuh atau yang dihidu seperti hidu bauan dan memandang kepadanya dan menyentuhnya, dan sunat bahawa dia mandi kerana umpama janabah sebelum fajar dan bahawa dia mengelakkan dari mengecap makanan atu selainnya dan mengunyah umpama roti untuk anak kecil, dan menahan lidahnya dari perkara keji.

ومفسداته : وصول عين جوفَه واستقاءة واستمناء ووطء في فرج مع تعمد واختيار وعلم بتحريمه وبكونه مفطرا. ويجب مع القضاء الإمساك في رمضان على متعمِّد فطر وتاركِ نية ليلا، ومن تسحّر ظانا بقاءه أو أفطر ظانا الغروب فبان خلافه، ومن بان له يومُ ثلاثي شعبان أنه من رمضان، ومن سبقه ماء المبالغة في مضمضة أو استنشاق، لا على مسافر ومريض زال عذرهما بعد الفطر، ولا على امرأة طهرت من حيض أو نفاس نهارا. نعم، يسن لهم الإمساك بقيّةَ النهار. فإن خالفوا ندب إخفاء أكلهم عمن يجهل عذرهم.

725. Perkara-perkara yang merosakkannya : sampai ‘ain kedalam rongganya dan sengaja muntah dan mengeluarkan mani dan setubuh pada faraj serta sengaja dan memilih dan tahukan haramnya dan keadaannya membatalkan puasa. Wajib serta kadha itu menahan diri pada ramadhan diatas orang yang sengaja buka dan yang meninggalkan niat pada malam dan diatas orang yang sahur dalam keadaan menyangkakan kekal malam atau berbuka dalam keadaan menyangkakan ghurub maka ternyata menyalahinya, dan diatas orang yang ternyata baginya pada tiga puluh sya’ban bahawa ia daripada ramadhan, dan keatas orang yang terlajak air mubalaghah pada kumur-kumur atau istinsyak, tidak wajib ia diatas musafir da orang sakit yang hilang uzur keduanya selepas buka, dan tidak diatas perempuan yang suci dari haid atau nifas pada siang. Na’am, sunat bagi mereka menahan diri pada baki siang. Maka jika mereka menyalahi, sunat menyembunyikan makan mereka dari orang yang jahilkan uzur mereka.

ومما يبطل ثواب الصوم إجماعا الكذب والغيبة والمشاتمة، لما قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((من لم يدَعْ قول الزور والعمل به فليس لله حاجة في أن يدَع طعامه وشرابه)). رواه البخاري [رقم 1903].

726. Daripada apa yang membatalkan pahala puasa dengan ijmak adalah berdusta dan mengumpat dan memaki, kerana apa yang dikatakan oleh rasulullah sawm ((siapa yang tidak meninggalkan kata-kata dosa dan amalan dosa maka tidak ada hajat bagi Allah pada bahawa dia meninggalkan makanannya dan minumannya)).

وقال صلى الله عليه وسلم ((رب صائم ليس له من صيامه إلا الظمأ)). رواه النسائي [لم أجده وهو في ابن ماجه رقم 1690، الدارمي 2720].

727. Kata nabi sawm ((berapa ramai orang yang puasa tidak ada baginya dari puasanya melainkan dahaga)). Meriwayatkannya Nasai’e.

وورد في حديث [الجامع الصغير رقم 7578] ((ليس الصيام من الطعام والشراب إنما الصيام من اللغو والرفث)). قال الحافظ أبو موسى المديني هو على شرط مسلم.

728. Datang didalam satu hadith ((bukanlah puasa itu menahan dari makan dan minum hanyalah puasa itu menahan dari cakap yang tak berfaedah dan tak baik)). Kata hafiz Abu Musa al madini : ianya diatas syarat Muslim.

قال بعض السلف : أهون الصيام ترك الطعام والشراب. وقال : إذا صمت فليصم سمعك وبصرك ولسانك عن الكذب والمحارم، ودع أذى الجار. [أخرجه ابن أبيي شيبة والبيهقي عن جابر بن عبد الله ، الدر المنثور، 2 سورة البقرة : 187].

729. Kata sebahagian salaf : puasa yang paling ringan adalah meninggalkan makan dan minum. Katanya lagi : bila kamu puasa maka hendaklah puasa pendengaran kamu dan penglihatan kamu dan lidah kamu dari dusta dan perkara haram, dan elakkan dari menyakiti jiran.

واعلم أن التقرب إلى الله تعالى بترك المباحات لا يكمل إلا بعد التقرب بترك المحرمات. فمن ارتكب المحرمات ثم تقرب بترك المباحات كان بمثابة من يترك الفرائض ويتقرب بالنوافل، وإن كان صومه مجزئا عند الجمهور بحيث لا يؤمر بإعادته، لكن قال الأوزاعي : يفطر بالكذب والغيبة لما قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((خمس خِصال يُفْطِرْنَ الصائم وينقض الوضوء : الكذب والغيبة والنميمة والنظرة بشهوة واليمين الكاذبة)). رواه الأَزْدِيّ والديلمي عن أنس [الجامع الصغير رقم 3969].

730. Ketahuilah bahawa dampingan diri kepada Allah taala dengan meninggalkan perkara harus tidak sempurna melainkan selepas dampingan dengan meninggalkan perkara haram. Maka siapa mengerjakan perkara haram kemudian dia mendampingkan diri dengan meninggalkan perkara harus adalah dia menempati orang yang meninggalkan fardhu dan mendampingkan diri dengan perkara sunat, sekalipun puasanya memada disisi jumhur sekira-kira tidak disuruh dia mengulanginya. Akan tetapi kata Auzai'e : batal puasa dengan dusta dan mengumpat kerana apa yang dikatakan rasulullah sawm ((lima perkara membatalkan puasa dan membatalkan wudhuk : dusta dan mengumpat dan mengacum dan memandang dengan syahwat dan sumpah dusta)). Meriwayatkannya Azdiy dan Dailami dari Anas.

وفي مسند الإمام أحمد [رقم : 23141] ((أن امرأتين صامتا في عهد رسول الله صلى الله عليه سلم فأجهدهما الجوع والعطَش في آخر النهار حتى كادتا أن تَتْلَفا فبعثتا إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم تستأذنانه في الإفطر فأرسل إليهما قدَحا، وقال لهما ((قِيْئَا فيه ما أكلتما!)) فقاءت إحداهما، نصفُه دما عبيطا ولحما غريضا، وقاءت الأخرى مثل ذلك حتى ملأتاه. فتعجّب الناس من ذلك فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((هاتان صامتا عما أحل الله لهما وأفطرتا على ما حرم الله عليهما. فعَدَتْ إحداهما على الأخرى، فجعلتا تغتابان الناس. فهذا ما أكلتا من لحومهم)).

731. Pada Masnad Imam Ahmad ((bahawa seorang perempuan berpuasa pada zaman rasulullah sawm maka mereka digagahi oleh lapar dan dahaga pada hujung siang hingga mereka hampir binasa, maka mereka mengutus kepada rasulullah sawm meminta izin darinya pada berbuka, maka rasulullah sawm menghantar kepada mereka satu mangkok kayu yang besar, dan katanya kepada mereka : ((muntahlah

kamu apa yang telah kamu makan!)). Maka seorang dari mereka muntah, setengah muntahnya darah dan daging yang masih baru dan segar, dan seorang lagi muntah seumpama demikian itu, hingga mereka memenuhkan mangkok itu. Maka orang ramai kehairanan kerana demikian itu. Maka kata rasulullah sawm ((dua perempuan itu berpuasa dari apa yang Allah halalkan bagi mereka dan berbuka puasa diatas apa yang Allah haramkan keatas mereka. Pagi-pagi lagi seorang dari mereka berkujung kepada yang seorang lagi lalu mulalah mereka mengumpat orang ramai. Maka ini apa yang mereka makan dari daging mereka)).

وروي عن أبي مسعود الأنصاري أنه قال : ما من عبد صام رمضان في إنصات وسكوت وذكر الله وأحلّ حلاله وحرّم حرامه ولم يرتكب فيه فاحشة إلا انسلخ من رمضان يوم ينسلخ وقد غفرت له ذنوبه كلها، ويبنى له بكل تسبيحة وتهليلة بيت في الجنة من زُمُرّدَةٍ خضراء في جوفها يَاقُوْتَةٌ حمراء في جوف تلك الياقوتة خَيْمَة من درّة مجوّفة فيها زوجة من الحور العين.

732. Diriwayatkan dari Abu Mas'ud al Anshari bahawa dia berkata : tidak ada seorang hamba yang puasa ramadhan dalam diam dan berzikirullah dan dia menghalalkan yang halalNya dan mengharamkan yang haramNya dan tidak mengerjakan perkara keji padanya melainkan dia keluar dari ramadhan pada hari ia keluar walhal telah diampunkan bagi dia dosa-dosanya semuanya, dan dibina baginya dengan setiap tasbih dan tahlil satu rumah didalam syurga daripada zamrud yang hijau didalam rongganya yaqut yang merah didalam rongga yaqut itu ada khemah dari berlian yang beronga yang didalamnya isteri bidadarinya.

إخواني! اهتموا بأمر صومكم واحذروا مما يبطل ويرده عليكم فقد قيل : إذا تعلق مظلوم بحنات صوم ظالمه يقول الله سبحانه وتعالى: الصوم لي وأنا أجزي به فلا تفسدوا مثل هذا العمل بترك المبالاة بحدود الله عز وجل واتركوا في رمضان المخالفة والجفاء فإنه شهر الصفاء والمعاملة بالوفاء فطوبي لأقوام صاموا عن الشهوات وقاموا في الخلَوات يتلون من آيات ذكره صحفا، ضاعف الله لهم بصيامهم أجرا ووعدهم في الجنة قصورا وغرفا.

733. Saudara-saudara ku! Pentingkanlah urusan puasa kamu dan awaslah dari apa yang membatalkannya dan menolaknya keatas kamu. Maka sungguh dikatakan : bila orang yang dizalimi bersangkut dengan kebaikkan puasa orang yang menzaliminya Allah subhanahu wa taala berkata : puasa itu milik ku dan aku yang membalasnya. Maka jangan kamu rosakkan seumpama amalan ini dengan tidak mempedulikan sempadan-sempadan Allah azza wa jalla. Tinggalkanlah pada ramadhan perlakuan menyalahi sempadan dan keras hati kerana ia bulan yang murni dan bulan penyempurnaan janji. Alangkah baiknya kaum yang berpuasa dari syahwat-syahwat dan bangun pada khalwat, mereka membaca suhuf daripada ayat-ayat yang mengingatkan kepadaNya. Moga Allah menggandakan bagi mereka ganjaran puasa mereka dan menjanjikan mereka didalam syurga mahligai-mahligai dan bilik-bilik.

شَهْرُ الصِّيَامِ لَقَدْ عَلَوْتَ مُكَرَّمًا * وَغَدَوْتَ مِنْ بَيْنِ الشُّهُوْرِ مُعَظَّمًا
يَا صَائِمِيْ رَمَضَانَ هَذَا شَهْرُكُمْ * فِيْهِ أَبَاحَكُمُ الْمُهَيْمِنُ مُغْنَمًا

يَا فَوْزَ مَنْ فِيْهِ أَطَاعَ إِلَهَهُ * مُتَقَرِّبًا مُتَجَنِّبًا مَا حَرَّمَا
فَالْوَيْلُ كُلُّ الْوَيْلِ لِلْعَاصِي * الّذِيْ فِي شَهْرِهِ أَكَلَ الْحَرَامَ وَأَجْرَمَا

734. Bulan puasa sungguh engkau tinggi lagi mulia * engkau berjalan diantara bulan-bulan dengan diperbesarkan. Wahai orang yang puasa ramadhan ini bulan kamu * padanya Tuhan al muhaimin membenarkan kamu mendapat keuntungan. Wahai kejayaan orang yang mentaati Tuhannya padanya * mendampingkan diri menjauhi apa yang Dia haramkan. Maka celakalah sebenar-benar celaka bagi ahli maksiat yang * pada bulannya dia memakan yang haram dan melakukan dosa.

نسأل الله الكريم المنّان أن يجعلنا ممن حافظ على حدود صيام رمضان ففاز بالفردوس والجِنَان والقُصُور والحور العين الحِسان.

735. Kami minta Allah yang pemurah yang amat mengurnia agar Dia menjadikan kita dari kalangan orang yang memelihara sempadan-sempadan puasa ramadhan, maka dia mencapai firdaus dan syurga-syurga dan mahligai-mahligai dan anak bidadari yang comel.

فَصْلٌ فِي فَضْلِ الْعَشْرِ الأَخِيرِ وَلَيْلَةِ الْقَدْرِ وَالاعْتِكَافِ وَإِحْيَاءِ لَيْلَتَي الْعِيْدِ وَصَدَقَةِ الْفِطْرِ

أخرج الشيخان [البخاري رقم 2024، مسلم رقم 1174] عن عائشة رضي الله عنها قالت : كان النبي صلى الله عليه وسلم إذا دخل العَشْرُ الأخيرُ شَدّ مِئْزَرَه وأَحْيَا ليلَه وأيقظ أهلَه.

736. **FASAL PADA KELEBIHAN SEPULUH YANG AKHIR DAN MALAM QADAR DAN IKTIKAF DAN MENGHIDUPKAN DUA MALAM RAYA DAN ZAKAT FITRAH**. Dua syeikh mengeluarkan dari Aisyah r.a katanya : adalah nabi sawm apabila masuk sepuluh yang akhir dia mengikat kemas kain pakainya dan menghidupkan malam-malamnya dan mengejutkan keluarganya.

وفي رواية لمسلم [رقم 1175] عنها قالت : كان النبي صلى الله عليه وسلم يجتهد في العَشْرِ الأخير ما لا يجتهد في غيره.

737. Pada satu riwayat bagi Muslim dari Aisyah katanya : adalah nabi sawm sentiasa bersungguh-sungguh pada sepuluh yang akhir apa yang dia tidak bersungguh-sungguh pada selainnya.

وكان النبي صلى الله عليه وسلم يخص العَشْرَ الأواخر في رمضان بأعمال لا يعملها في بقية الشهر.

738. Adalah nabi sawm sentiasa mengkhususkan sepuluh yang akhir pada ramadhan dengan amalan-amalan yang dia tidak amalkan pada baki bulan itu.

وأخرج الديلمي [الجامع الصغير رقم 1812] عن أنس ((إن الله تعالى وهب لأمتي ليلة القدر ولم يعطِها من كان قبلهم)).

739. Dailami mengeluarkan dari Anas ((sungguhnya Allah taala memberikan kepada umat ku malam qadar sedang Dia tidak memberikannya kepada orang yang sebelum mereka)).

والطبراني [كنز العمال رقم 24040] عن عبادة بن صامت ((التمسوها في العشر الأواخر فإنها وتر في إحدى وعشرين أو ثلاث وعشرين أو خمس وعشرين أو سبع وعشرين أو تسع وعشرين أو آخر ليلة. فمن قامها إيمانا واحتسابا غفر له ما تقدم من ذنبه وما تأخر)).

740. Thabarani mengeluarkan dari ‘Ubadah bin Shamit ((carilah ia pada sepuluh yang akhir, maka ianya malam yang ganjil, pada dua puluh satu atau dua puluh tiga atau dua puluh lima atau dua puluh tujuh atau dua puluh sembilan atau malam yang akhir. Maka siapa yang berdiri padanya kerana beriman dan mencari pahala diampunkan bagi dia apa yang telah terdahulu daripada dosanya dan apa yang terkemudian)).

وهو [الجامع الصغير رقم 7727] عن واثلة : ليلة القدر ليلة بَلْجَةٍ لا حارّة ولا بارد ولا سحابَ فيها ولا مطرَ ولا ريحَ ولا يرمى فيها بنجم. من علامة يومها أن تطلع الشمس لا شعاع لها.

741. Dia mengeluarkan dari Wathilah : malam qadar itu malam yang tenang, tidak panas dan tidak sejuk dan tidak ada awan padanya dan tidak ada hujan dan tidak ada angin dan tidak dilontarkan bintang padanya. Daripada tanda siangnya bahawa matahari terbit dalam kadaan tidak ada sinaran baginya.

والنسائي [لم أجده بل في الترمذي رقم 3513، ابن ماجه رقم 2850] عن عائشة رضي الله عنها. قالت : قلت: يا رسول الله! أرأيت إن علمتُ أيّ ليلةٍ ليلةُ القدر، ما أقول فيها؟ قال : ((قولي : اللّٰهُمَّ إنك عفوٌّ كريم تحب العفو فاعف عني)).

742. Nasai’e mengeluarkan dari Aisyah r.a. katanya : aku kata : wahai rasulullah! Apa pendapat engkau jika aku tahu mana satu malam itu malam qadar, apa aku nak kata padanya? Katanya ((katakanlah : ya Allah sungguhnya Engkau maha pemaaf lagi pemurah Engkau suka kemaafan maka maafkan aku)).

وأخرج الديلمي [لم أجده] عن عائشة ((من اعتكف ليلة القدر إيمانا واحتسابا غفر له ما تقدم من ذنبه)).

743. Dailami mengeluarkan dari Aisyah ((siapa beriktikaf pada malam qadar kerana beriman dan mencari pahala diampunkan bagi dia apa yang telah terdahulu daripada dosanya)).

وابن ماجه [رقم 1781] والبيهقي [الجامع الصغير رقم 9223] عن ابن عباس ((المعتكف يَعْكِفُ الذنوبَ ويُجْرَى له من الأجر كأجر عامل الحسنات كلِّها)).

744. Ibnu Majah dan Baihaqi mengeluarkan dari Ibnu Abbas ((orang yang beriktikaf menahan dosa-dosa dan diberikan kepadanya pahala yang seperti pahala orang yang melakukan semua kebaikkan-kebaikkan.

والشيخان [البخاري رقم 2025، مسلم رقم 1171] عن عائشة رضي الله عنها قالت كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يعتكف العشرَ الأواخر من رمضان حتى توفّاه الله، ثم اعتكف أزواجه من بعده.

745. Dua syeikh mengeluarkan dari Aisyah r.a katanya : adalah rasulullah sawm sentiasa ebriktikaf ada sepuluh ramadhan yang akhir hingga Allah mewafatkan dia, kemudian beriktikaf isteri-isterinya selepasnya.

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 8489] عن الحسن بن علي رضي الله عنهما ((من اعتكف عشرا في رمضان كان كحجتين عمرتين)).

746. Baihaqi mengeluarkan dari Hasan bin Ali r.anhuma ((siapa beritikaf pada sepuluh hari bulan ramadhan adalah ia seperti dua haji dan dua umrah)).

والطبراني [الجامع الصغير رقم 3361] عن أبي أمامة ((تمام الرباط أربعون يوما، ومن رابط أربعين يوما لم يبِعْ ولم يشترِ ولم يُحْدِثْ حدثا خرج من ذنوبه كيوم ولدته أمه)).

747. Thabarani mengeluarkan dari Abu Umamah ((sempurna ribat i.e iktikaf[14] itu empat puluh hari. Siapa beriktikaf empat puluh hari tidak dia menjual dan tidak dia membeli dan tidak berhadath dengan satu hadath dia keluar dari dosa-dosanya seperti hari yang dia dilahirkan ibunya)).

وأخرج ابن ماجه [رقم 1782] عن أبي أمامة ((من قام بليلتي العيدين محتسبا لله لم يمت قلبه يوم تموت القلوب)).

748. Ibnu Majah mengeluarkan dari Abu Umamah ((siapa bangun beribadat pada dua malam hari raya dalam keadaan dia mencari pahala dari Allah tidak mati hatinya pada hari yang mati segala hati-hati)).

وابن عساكر [الجامع الصغير رقم 8342] عن معاذ ((من أحيا الليالي الأربع وجبت له الجنة : ليلة التروية وليلة عرفة وليلة النحر وليلة الفطر)).

749. Ibnu ‘Asakir mengeluarkan dari Muaz ((siapa menghidupkan malam-malam yang empat wajib syurga baginya : malam tarwiah dan malam Arafah dan malam raya nahar dan malam raya fitr)).

وأخرج الدارقطني والبيهقي [الجامع الصغير رقم 4557] عن ابن عمر رضي الله عنهما ((زكاة الفطر فرض على كل مسلم حر وعبد وذكر وأنثى من المسلمين، صاعٌ من تمر أو صاع من شعير)).

750. Daruqutni dan Baihaqi mengeluarkan dari Ibnu Umar r.anhuma ((zakat fitri itu fardhu keatas setiap orang islam yang merdeka yang hamba yang lelaki dan perempuan dari kalangan orang islam, segantang tamar atau segantang gandum)).

وهما [الجامع الصغير رقم 4558] عن ابن عباس رضي الله عنهما ((زكاة الفطر طُهْرَةٌ للصائم من اللغو والرفث، وطُعْمَةٌ للمساكين. من أداها قبل الصلاة فهي زكاة مقبولة، ومن أداها بعد الصلاة فهي صدقة من الصدقات)).

751. Kedua mereka mengeluarkan dari Ibnu Abbas r.anhuma ((zakat fitri itu penyucian bagi orang yang puasa dari cakap-cakap kosong dan yang tak baik, dan makanan bagi fakir miskin. Siapa menunaikannya sebelum sembahyang maka ia zakat

---

[14] Asalnya melazimi sempadan musuh yang berisiko. Dituturkan ia keatas memelihara sembahyang lima waktu dan kekal duduk didalam masjid.

yang diterima dan siapa yang menunaikannya selepas sembahyang maka ia satu sedekah daripada sedekah-sedekah)).

وابن صصرى [الجامع الصغير رقم 2287] عن جرير ((إن شهر رمضان معلق بين السماء والأرض لا يُرفع إلا بزكاة الفطر)).

752. Ibnu Shashra mengeluarkan dari Jarir ((sungguhnya bulan ramadhan digantungkan diantara langit dan bumi tidak diangkat melainkan dengan zakat fitri)).

إخواني! مضى شهرُ رمضانَ وشهِد على المُسِيْءِ بالإساءة وعلى المُحْسِنِ بالإحسان، وحصل كلٌّ على ما قُسِمَ له من ربح وخسران. فيا حسرةَ المفرِّط لقد أضاع الزمان، ويا خَيْبَةَ المسوِّف كأنه أخذ من الموت الأمان أو علم أن القضاء يُمْهِلُه إلى صوم رمضان ثانٍ. هذا شهركم قد انتصب لكم مودِّعا وسار مُسْرِعًا. فأين البكاءُ لرحيله، وأين الاستدراك لقليله، وأين الاقتداء بفعل الخير ودليله؟ فلله ما كان أطيبَ زمانَه من صوم وسهَر، وما كان أصفى أوقاتَه من آفات الكدَر، وما كان ألذّ الاشتغال فيه بالآيات والسوَر. فيا ليت شِعْرِيْ من قام بواجباته وسننه، ومن اجتهد في عمارة زمنه، ومن الذي أخلص في سِرِّهِ وعَلَنه، ومن الذي خلُص من آفات الصوم وفتنه. ورزقنا الله تعالى امتثالَ الفضائل واجتنابَ الرذائل، ومنّ علينا بحسن القبولَ والثوابَ الجزيل. آمين.

753. Saudara ku! Telah berlalu bulan ramadhan dan dia telah ia menyaksikan keatas orang yang jahat dengan kejahatannya dan keatas yang baik dengan kebaikkannya. Telah mendapat setiap orang apa yang dibahagi-bahagikan kepadanya daripada untung dan rugi. Wahai rugilah orang yang cuai sungguh dia telah mensia-siakan masa, dan wahai tak sampailah maksud orang yang menanggung-nangguh seolah-olah dia membuat perdamaian dengan kematian atau dia tahu bahawa qadha telah menangguhkan dia kepada puasa ramadhan yang akan datang. Ini bulan kamu sungguh ia telah berdiri bagi kamu seraya mengucap selamat tinggal dan berjalan dengan cepat. Maka dimana tangisan bagi orang yang ditinggalkannya dan dimanakan usaha memperdapatkan bagi orang yang sedikti mendapatnya dan dimanakah ikutan pada perbuatan baik dan petunjuknya. Maka demi Allah alangkah baik masanya kerana puasa dan berjaga malam, dan alangkah murni waktu-waktunya dari penyakit dan kekeruhan, dan alangkah lazat bersibuk padanya dengan ayat-ayat dan surah-surah. Wahai kiranya aku dapat tahu orang yang mendirikan wajib-wajibnya dan sunat-sunatnya, dan orang yang bersungguh pada memeriahkan masanya, dan orang yang tulus ikhlas pada sembunyinya dan terangnya, dan orang yang bebas dari penyakit-penyakit puasa dan fitnahnya. Moga Allah merazekikan kita dengan dapat melaksanakan fadhilat-fadhilat dan menjauhi perkara-perkara yang hina, dan moga Dia mengurniakan kita dengan elok penerimaan dan pahala yang besar. Amin.

فَصْلٌ فِي صَوْمِ التَّطَوُّعِ

أخرج البيهقي [الجامع الصغير رقم 6011] عن جابر قال : قال رسول الله صلى الله علي وسلم عن ربه عز وجل ((قال الله تعالى : الصيام جُنَّةٌ يَسْتَجِنُّ بها العبد من النار، وهو لي وأنا أجزي به)).

754. **FASAL PADA PUASA SUNAT**. Baihaqi mengeluarkan dari Jabir katanya : kata rasulullah sawm dari Tuhannya azza wa jalla ((kata Allah taala : puasa itu perisai, yang seorang hamba berperisai dengannya dari neraka, dan ianya milikku dan aku yang membalasnya)).

والخطيب [الجامع الصغير رقم 8783] عن سهل بن سعد ((من صام يوما تطوّعا لم يطلع عليه أحد لم يرض الله له بثواب دون الجنة)).

755. Khatib mengeluarkan dari Sahl bin Sa'ad ((siapa berpuasa sehari secara sukarela, tidak seorang pun melihatnya, Allah tidak redha baginya sebagai balasan selain syurga)).

والشيخان [البخاري رقم 3840، مسلم رقم 1553] عن أبي سعيد ((من صام يوما في سبيل الله بعّد الله وجهه عن النار سبعين خَريفا)).

756. Dua syeikh mengeluarkan dari Abu Sai'ed ((siapa puasa sehari pada jalan Allah Allah jauhkan mukanya dari neraka tujuh puluh tahun)).

والترمذي [رقم 784] عن أم عمارة ((الصائم إذا أكل عنده المفاطير صلت عليه الملائكة)).

757. Turmizi mengeluarkan dari Ummu Umarah ((orang yang puasa apabila orang-orang yang tak puasa makan disisinya berselawat keatasnya para malaikat)).

وأخرج أحمد [رقم 23022] ومسلم [رقم 1164] عن أبي أيوب ((من صام رمضان وأتبعه ستا من شوال كان كصوم الدهر)).

758. Ahmad dan Muslim mengeluarkan dari Abu Ayyub ((siapa yang puasa ramadhan kemudian mengiringkannya enam hari daripada syawal adalah ia seperti puasa setahun)).

والطبراني [مجمع الزوائد رقم 5102] عن عمر رضي الله عنه ((من صام رمضان وأتبعه ستا من شوال خرج من ذنوبه كيوم ولدته أمه)).

759. Thabarani mengeluarkan dari Umar r.a ((siapa puasa ramadhan dan memperikutkan enam hari daripada syawal dia keluar dari dosanya seperti hari dia dilahirkan ibunya)).

وأخرج مسلم [بل أبو أحمد رقم 22029] عن أبي قتادة ((إن صيام يوم عرفة يكفر ذنوب سنتين سنة ماضية وسنة آتية)).

760. Muslim mengeluarkan dari Abu Qatadah ((sungguhnya puasa hari Arafah mengkifaratkan dosa dua tahun, setahun yang lalu dan setahun yang akan datang)).

وأبو سعيد عن عمر رضي الله عنهما ((من صام يوم عرفة غفر له ما تقدم من ذنبه وما تأخر)).

761. Abu Sai'ed mengeluarkan dari Umar r.anhuma ((siapa puasa pada hari Arafah diampunkan bagi dia apa yang telah lalu daripada dosa-dosanya dan apa yang terkemudian)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 8640] عن الفضل بن عباس ((من حفظ لسانه وسمعه وبصره يوم عرفة غفر له من عرفة إلى عرفة)).

762. Baihaqi mengeluarkan dari Fadhl bin Abbas ((siapa memelihara lidahnya dan pendengarannya dan penglihatannya pada hari Arafah diampunkan bagi dia dari Arafah kepada Arafah)).

وأخرج ابن أبي شيبة [الجامع الصغير رقم 5067] عن أبي هريرة ((صوموا يوم عاشوراء هو يوم كانت الأنبياء يصومونه، فصوموه)).

763. Abu Syaibah mengeluarkan dari Abu Hurairah ((puasalah kamu pada hari Asyura, hari yang para nabi berpuasa padanya maka hendaklah kamu puasakannya)).

ومسلم [رقم 1162] عن أبي قتادة سئل رسول الله صلى الله عليه وسلم عن صيام يوم عاشوراء فقال ((يكفّر السنة الماضية)).

764. Muslim mengeluarkan dari Abu Qatadah : ditanya rasulullah sawm tentang puasa hari Asyura maka katanya ((ia mengkifaratkan tahun yang lalu)).

وهو [رقم 1134] عن ابن عباس ((لئن بَقِيْتُ إلى قابل لأصومنّ التاسع)).

765. Dia mengeluarkan dari Ibnu Abbas ((sungguhnya jika aku kekal hingga ketahun depan nescaya aku puasakan hari kesembilan)).

وأخرج أحمد [رقم 20794] والترمذي [رقم 762] عن أبي ذر ((من صام ثلاثة أيام من كل شهر فقد صام الدهر كله)).

766. Ahmad dan Turmizi mengeluarkan dari Abu Zarr ((siapa puasa tiga hari dari setiap bulan maka sungguhya dia puasa setahun penuh)).

وهما [أحمد رقم 20926، ترمذي رقم 762] وابن حبان عنه ((إذا صمت من الشهر ثلاثا فصم ثلاث عشرة وأربع عشرة وخمس عشرة)).

767. Kedua mereka dan Ibnu Hibban mengeluarkan dari Abu Zarr ((apabila kamu puasa tiga hari daripada sebulan maka puasakan hari tiga belas dan empat belas dan lima belas)).

والطبراني [الجامع الصغير رقم 6887] عن ابن عباس : كان رسول الله صلى الله عليه وسلم لا يدع صوم أيام البيض في سفر ولا حضر.

768. Thabarani mengeluarkan dari Ibnu Abbas : sentiasalah rasulullah sawm tidak meninggalkan puasa hari-hari putih pada safar, dan tidak juga pada hadhir)).

وأخرج أحمد [رقم 8161] وابن ماجه [رقم 1740] عن أبي هريرة : كان النبي صلى الله عليه وسلم يصوم الاثنين والخميس فقال ((إن يوم الاثنين والخميس يغفر الله فيهما لكل مسلم إلا المتهاجرين يقول دعهما حتى يصطلحا)).

769. Ahmad dan Ibnu Majah mengeluarkan dari Abu Hurairah : sentiasalah nabi sawm berpuasa isnin dan khamis, maka katanya ((sungguhnya hari isnin dan khamis Allah ampunkan dosa pada keduanya bagi setiap orang islam melainkan dua orang yang pulau memulau. KataNya : tinggalkan kedua mereka hingga mereka berdamai)).

والترمذي [رقم 747] عنه كان صلى الله عليه وسلم يتحرّى صوم الاثنين والخميس وقال ((تعرض الأعمال فيهما فأحب أن تعرض أعمالي وأنا صائم)).

770. Turmizi mengeluarkan dari Abu Hurairah nabi sawm sentiasa mencari-cari puasa isnin dan khamis dan katanya ((dibentangkan amalan-amalan pada keduanya maka aku suka bahawa dibentangkan amalan-amalan ku sedang aku puasa)).

وأخرج الترمذي [رقم 758] وابن ماجه [رقم 1728] عنه ((ما من أيام أحب إلى الله أن يُتعبّد له فيها من عشر ذي الحجة، يعدل صيام كلِّ يوم منها بصيام سنة، وقيام كل ليلة منها ليلة القدر)).

771. Turmizi dan Ibnu Majah mengeluarkan dari Abu Hurairah ((tidak ada hari-hari yang lebih dikasih kepada Allah bahawa diibadatkan Dia padanya dari sepuluh zul hijjah, puasa setiap hari daripadanya menyamai setahun dan ibadat malam setiap malam daripadanya menyamai malam qadar)).

وأبو داود [رقم 2437] أنه صلى الله عليه وسلم كان يصوم تسع ذي الحجة.

772. Abu Daud mengeluarkan bahawa nabi sawm sentiasa berpuasa pada sembilan zul hijjah.

ومسلم [رقم 1163] عنه ((أفضل الصلاة بعد المكتوبة الصلاة في جوف الليل وأفضل الصيام بعد شهر رمضان شهر الله المحرّم)).

773. Muslim mengeluarkan dari Abu Hurairah ((sembahyang yang terafdhal selepas sembahyang maktubah sembahyang pada tengah malam dan puasa yang terafdhal selepas puasa bulan ramadhan adalah bulan Allah, bulan muharram)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 2326] عن أنس ((إن في الجنة نهْرا يقال له : رجب، أشد بياضا من اللبن وأحلى من العسل من صام يوما من رجب سقاه الله من ذلك النهر)).

774. Baihaqi mengeluarkan dari Anas ((sungguhnya didalam syurga ada satu sungai yang dipanggil rajab, lebih putih dari susu dan lebih manis dari madu, siapa puasa sehari daripada rajab Allah beri dia minum dari sungai itu)).

وهو والترمذي [لم أجده عند الترمذي وهو كما ذكر في الجامع الصغير رقم 1277] عنه ((أفضل الصوم بعد رمضان شعبان لتعظيم رمضان، وأفضل الصدقة صدقة في رمضان)).

775. Dia dan Turmizi mengeluarkan dari Anas ((puasa terafdhal selepas ramadhan adalah sya'ban kerana membesarkan ramadhan, dan sedekah terafdhal sedekah pada ramadhan)).

والنسائي [رقم 2327] والبيهقي عن عائشة رضي الله عنها قالت : دخل عليّ النبي صلى الله عليه وسلم ذات يوم فقال ((هل عندكم شيء؟ فقلنا : لا! فقال ((إني إذا صائم)).

776. Nasai'e dan Baihaqi mengeluarkan dari Aisyah r.a katanya : masuk nabi sawm keatas ku pada satu hari maka katanya ((adakah ada disisi kamu sesuatu? Maka kami kata : tidak! Maka katanya ((sungguhnya aku kalau begitu berpuasa)).

وروي عن أنس بن مالك أنه قال : يخرج الصائمون من قبورهم يوم القيامة يُعْرَفُوْنَ بعَرْف صيامهم من أفواههم. يخرج أطيبُ من ريح المسك. تُنْقَلُ إليهم الموائدُ والأباريق مختومة أفواهها بالمسك. فيقال لهم : كلوا، فقد جُعْتُمْ حين شبِع الناس، واشربوا فقد عطِشتم حين رَوِي الناس، واستريحوا فقد تَعِبْتُمْ حين استَراح الناس. قال : فيأكلون ويشربون ويستريحون والناس مشغولون في الحساب في عَنَاءٍ وظَمَإٍ.

777. Diriwayatkan dari Anas bin Malik bahawa dia berkata : orang-orang yang puasa keluar dari kubur mereka pada hari kiamat dalam keadaan mereka dikenali dengan sebab bau puasa mereka yang keluar dari mulut mereka, keluar oleh yang lebih wangi dari bau kasturi. Dibawakan kepada mereka hidangan-hidangan dan cerek-cerek yang dipateri mulutnya dengan kasturi, maka dikatakan kepada mereka : makanlah, sungguh kamu telah lapar ketika orang ramai kenyang, dan minumlah, sungguh kamu telah dahaga ketika orang ramai tidak dahaga, berehatlah, sungguh kamu letih ketika orang ramai berehat. Katanya : maka mereka makan dan minum dan bersenang-senang sedang orang ramai sibuk pada hisab dalam keadaan letih dan dahaga.

عن أبي سلمان الداراني أنه صام يوما في الحر ثم نام، فرأى قائلا يقول : أتبيع ثواب صومك في هذا اليوم بمئة دينار. قال : لا. قال: وبمئة ألف؟ قال : لا! قال : وبمئتي ألف؟ قال: لا! وعزة ربي وجلاله. قال فبأي شيء تبيع؟ فقال : لا أبيع الثواب بالدنيا وما فيها، ولكن أبيعه بالنظر إلى المولى. فقيل له : صُمْ فسوف تراه إن شاء الله تعالى.

778. Dari Abu Salman ad daraniy bahawa dia berpuasa pada satu hari yang panas kemudian dia tidur, maka dia lihat seorang berkata : kamu nak jual pahala puasa kamu hari ini dengan seratus dinar? Katanya : tidak! Katanya : dengan seratus ribu? Katanya : tidak! Katanya : dengan dua ratus ribu? Katanya : tidak! Demi kemuliaan Tuhan ku dan ketinggianNya. Katanya : maka dengan apa suatu engkau nak menjualkannya? Maka katanya : aku tidak menjual pahalanya dengan dunia dan apa yang ada didalamnya, akan tetapi aku nak menjualnya dengan memandang kepada Tuhan. Maka dikatakan kepadanya : puasalah engkau, maka engkau akan melihatNya insyaallah taala.

وحكى اليافعي [الحكاية رقم 357] عن الشبلي أنه قال : كنت في قافلة بالشام فخرج الأعراب فأخذوها. وجعلوا يَعرضونها على أميرهم. فخرج جِراب فيه سُكّر ولُوْزٌ، وأكلو منه ولم يأكل الأمير. فقلت له: لِمَ لا تأكل. فقال : أنا صائم. فقلت : تقطع الطريق وتأخذ الأموال وتقتل النفس وأنت صائم؟ فقال : يا شيخ! أترك للصلح موضعا.

فلما كان بعد حينٍ رأيته يطوف حول البيت وهو محرِم وقد أَنْحَلَتْهُ العبادة حتى صار كالشَنِّ البالى. فقلت : أنت ذلك الرجل؟ فقال: نعم. ذلك الصيام أوقع الصلح بيننا. رحمه الله ورحمنا معه.

779. al Yafi'e menghikayatkan dari Syibli bahawa dia berkata : pernah aku bersama satu kafilah di Syam, maka keluar orang-orang daratan lalu mereka menawannya dan mempersembahkan kepada ketua mereka. Maka dia mengeluarkan satu kampit yang didalamnya gula dan buah badam dan mereka makan darinya, tetapi ketua itu tidak makan. Maka aku kata kepadanya : kenapa engkau tidak makan. Katanya : aku puasa. Maka aku kata : engkau memotong jalan dan mengambil harta orang dan membunuh orang sedang engkau puasa? Maka katanya : wahai syeikh! aku tinggalkan satu tempat untuk kedamaian. Maka selepas satu tempoh masa aku lihat dia tawaf dikeliling baitullah sedang dia berihram, dan ibadat itu membuatnya kurus hingga dia menjadi seperti belulang buruk. Maka aku kata : engkau lelaki itu? Maka katanya : ia. Puasa itu telah menjatuhkan kedamaian diantara kita. Moga Allah merahmati dia dan merahmati kita bersama dia.

وهو أيضا [الحكاية رقم 222] عن سعيد ابن أبي عَرُوْبَة، قال : حج الحجاج بن يوسف، فنزل بعض المياه بين مكة والمدينة ودعا بالغداء. وقال لحاجبه : انظر لي من يتغدى معي وأسأله عن بعض الأمر. فنظر نحو الجبل، فإذا هو بأعرابي بين شملتين نائم، فضربه برجله وقال : إئت الأمير! فأتاه. فقال له الحجاج : اغسِّل يدك وتغدّ معي. فقال : إنه قد دعاني من هو خير منك، فأجبته. قال : ومن هو؟ قال : الله تبارك وتعالى، دعاني إلى الصوم فصمت. قال : في هذا الحر الشديد. قال : نعم. صمت ليومٍ هو أشد حرا من هذا اليوم. قال : فأَفْطِرْ وصم غدا. قال: إن ضمنت لي البقاء إلى غد أفطرت. قال : ليس ذلك إليّ. قال : فكيف تسألني عاجلا بآجل لا تقدر عليه؟ قال : إنه طعام طيب. قال لم تُطَيِّبْهُ أنت ولا الطبّاخ، إنما طيّبَتْهُ العافية. رضي الله عنه وعنا.

780. al Yafi'e meriwayatkan juga dari Sai'ed bin Abu 'Arubah, katanya : hajjaj bin Yusuf pergi mengerjakan haji, maka dia berhenti singgah pada sebahagian air-air diantara Makkah dan Madinah dan menyeru didatangkan makan tengahari. Katanya kepada pengawalnya : lihatlah untuk ku orang yang nak makan tengahari bersama ku dan aku nak tanya dia tentang beberapa perkara. Maka pengawal itu memandang kearah bukit lalu mendapati seorang darat diantara dua kain selimut sedang tidur, maka dia menendangnya dengan kakinya dan berkata : datanglah kamu kepada ketua aku! Maka dia datang kepadanya. Maka kata Hajjaj kepadanya : basuhlah tangan kamu dan makan bersama aku! Maka katanya : sungguhnya aku telah dijemput oleh orang yang lebih baik dari kamu maka aku perkenankan jemputannya. Katanya : siapa dia itu? Katanya : Allah tabaraka wa taala, Dia menjemput ku kepada puasa maka aku berpuasa. Katanya : dalam panas terik ini. Katanya : ia, aku pernah puasa pada hari yang lebih teruk panasnya dari hari ini. Katanya : berbukalah dan puasalah esok. Katanya : jika kamu jamin bagi aku kekal hingga esok hari aku boleh berbuka. Katanya : aku tidak dapat buat begitu. Katanya : maka macamana engkau boleh minta dari aku suatu yang segera dengan suatu lambat yang kamu tidak menguasainya? Katanya : makanan ini baik! Katanya : engkau tidak boleh membilangnya baik begitu juga tukang masak mu, yang membilangnya baik hanyalah kesihatan. Moga Allah meredhainya dan kita.

خَاتِمَةٌ فِي فَضْلِ عَاشُوْرَاءَ

أخرج النسائي [بل عنجد الترمذي رقم 841] عن علي رضي الله عنه ((إن كنت صائما بعد شهر رمضان فصم المحرّم، فإنه شهر الله. فيه يوم تاب الله على قوم ويتوب على آخرين)).

781. **KHATIMAH PADA KELEBIHAN ‘ASYURA**. Nasai’e mengeluarkan dari Ali r.a ((kalau kamu puasa selepas ramadhan maka puasakan muharram, maka bulan Allah, padanya ada satu hari yang Allah terima taubat satu kaum dan Dia menerima taubat kaum yang lain)).

والشيخان [البخاري رقم 3004، مسلم رقم 1130] عن ابن عباس ((أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قدم المدينة فوجد اليهود صيام يوم عاشوراء. فقال لهم رسول الله صلى الله عليه وسلم : ((ما هذا اليوم الذي تصومونه؟)) فقالوا: هذا يوم عظيم أنجى الله فيه موسى وقومه وأغرق فرعون وقومه، فصامه موسى شكرا، فنحن نصومه. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((فنحن أحق وأولى بموسى منكم)). فصامه رسول الله صلى الله عليه وسلم وأمر أصحابه بصيامه.

782. Dua syeikh mengeluarkan dari Ibnu Abbas ((bahawa rasulullah sawm tiba di Madinah maka dia mendapati orang-orang Yahudi puasa pada hari ‘asyura. Maka kata rasulullah sawm kepada mereka ((hari apa ini yang kamu puasakannya?)). Maka kata mereka : ini hari besar, padanya Allah menjayakan Musa dan kaumnya dan mengkaramkan Fir’aun dan kaumnya, maka Musa puasakannya kerana syukur, maka kami puasakannya. Maka kata rasulullah sawm ((maka kami lebih berhak mengikut Musa dari kamu)). Maka rasulullah sawm puasa padanya dan menyuruh para sahabatnya puasakannya.

ومسلم [رقم 1162] عن أبي قتادة سئل رسول الله صلى الله عله وسلم عن صِيام يوم عاشوراء، فقال ((يكفِّر السنة الماضية)).

783. Muslim mengeluarkan dari Abu Qatadah : ditanya rasulullah sawm tentang puasa hari asyura, maka katanya ((ia mengkifaratkan tahun yang lalu)).

والبيهقي [كذا الأصل ولعله الترمذي، رقم 755] ((صوموا التاسع والعاشر ولا تشبّهوا باليهود)).

784. Baihaqi mengeluarkan ((puasalah kamu hari kesembilan dan kesepuluh dan jangan kamu menyerupai orang Yahudi)).

ورؤي بعض العلماء المتقدمين في المنام فسئل عن حاله فقال : غفر لي بصيام يوم عاشوراء ذنوب ستين سنة.

785. Dilihat sebahagian ulamak yang terdahulu didalam tidur maka ditanya tentang halnya maka katanya : diampunkan bagi ku dosa-dosa enam puluh tahun dengan sebab puasa ‘asyura’.

وحكى اليافعي والناشري في إيضاحه : مِنْ أعجبِ ما ورد في عاشوراء أنه كان يصومه الوحوشُ والهوامُ.

786. al yafi’e dan an Nasyiri menghikayatkan didalam Idhahnya : daripada perkara ajaib yang datang pada ‘asyura bahawa ia dipuasakan oleh binatang liar dan serangga.

وحكي عن فتح بن شَخْرَف أنه قال : كنت أَفُتُّ للنمل الخبزَ كل يوم، فلما كان يوم عاشوراء لم تأكله.

787. Dihikayatkan dari Fath bin Shakhraf bahawa dia kata : adalah aku mencebiskan roti untuk semut setiap hari, maka bila tiba hari ‘asyura ia tidak memakannya.

وأخرج أبو موسى المديني عن عبد الله بن عمر ((من صام عاشوراء فكأنما صام السنة ومن تصدّق فيه كان كصدقة السنة)).

788. Abu Musa al madini mengeluarkan dari Abdullah bin Umar ((siapa puasa pada hari ‘asyura maka seolah-olah dia puasa setahun dan siapa bersedekah padanya adalah ia seperti sedekah setahun)).

والطبراني والبيهقي [كنز العمال رقم 24259] عن أبي سعيد ((من وسّع على عياله يوم عاشوراء وسّع الله عليه في سنته كلها)). قال سفيان بن عيينة : جربنا العمل بهذا الحديث خمسين سنة أو ستين سنة فوجدناه كذلك.

789. Thabarani dan Baihaqi mengeluarkan dari Abu Sai’ed ((siapa meluasi keluarganya pada hari ‘asyura Allah meluasinya pada tahunnya semuanya)). Kata Sufian bin ‘Uyaynah : kami uji amalan dengan hadith ini selama lima puluh atau enam puluh tahun maka kami dapati ianya memang begitu.

وحكى اليافعي [الحكاية رقم 327] أنه كان في الرّيِّ قاضٍ غَنِيٌّ فجاءه فقير يوم عاشوراء فقال له : أَعَزَّ الله القاضي، أنا رجل فقير ذو عيال وقد جئتك مستشفعا بحرمة هذا اليوم لتعطيَني عشرة أمنان خبز وخمسة أمنان لحم ودرهمين. فوعده القاضي بذلك إلى وقت الظهر، فرجع فوعده إلى العصر. فلما جاء وقت العصر لم يعطه شيئا فذهب الفقير منكسِر القلب. فمر بنصراني جالس بباب داره فقال له : بحق هذا اليوم أَعْطِنِيْ شيئا! فقال النصراني وما هذا اليوم؟ فذكر له الفقير من صفاته شيئا. فقال له النصراني : اذكر حاجتك فقد أقسمت بعظيم الحرمة فذكر له الخبز واللحم والدرهمين، فأعطاه عشرة أقفزة حنطة ومئة من لحم وعشرين رهما. وقال : هذا لك ولعيالك ما دمت حيا في كل شهر كرامة لهذا اليوم. فذهب الفقير إلى منزله. فلما جن الليل ونام القاضي سمع هاتفا يقول : ارفع رأسك. فرفع رأسه فأبصر قصرا مبنيا بلبنة من ذهب ولبنة من فضة وقصرا من ياقوتة حمراء يَبِيْنُ ظاهره من باطنه.

790. al Yafi’e menghikayatkan bahawa di negeri Riyy ada seorang qadhi yang kaya, maka datang kepadanya seorang fakir pada hari ‘asyura lalu berkata kepadanya : Allah memuliakan tuan qadhi! Aku seorang fakir yang punya keluarga, aku datang meminta tolong dengan kehormatan hari ini agar engkau berikan aku sepuluh kati roti dan lima kati daging dan dua dirham. Maka qadhi itu menjanjikannya dengan demikian itu pada waktu zohor, maka si fakir itu datang kembali lalu qadhi itu menjanjikannya pada waktu asar. Maka bila datang waktu asar dia tidak memberikannya sesuatu. Maka pergilah si fakir itu dalam keadaan terpecah hati. Kemudian dia lalu pada seorang Nasrani yang duduk pada pintu rumahnya lalu dia berkata kepadanya : dengan hak hari ini berikan

aku sesuatu! Maka kata Nasrani itu : hari apakan hari ini? Maka si fakir sebutkan kepadanya sedikit sifat-sifat hari ‘asyura. Maka kata Nasrni itu kepadanya : sebutkan hajat kamu itu, maka sungguh kamu telah bersumpah dengan kehormatannya yang besar. Maka dia sebutkan kepadanya roti dan daging dan dua dirham itu. Kemudian Nasrani itu memberikan kepadanya sepuluh kampit gandum dan seratus kati daging dan dua puluh dirham. Katanya : ini untuk kamu dan keluarga kamu selama kamu hidup pada setiap bulan sebagai memuliakan hari ini. Maka pergilah si fakir itu kerumahnya. Maka tatkala malam menjelang dan qadhi itu tidur dia mendengar suara berkata : angkatlah kepala kamu, maka dia mengangkat kepalanya lalu nampak sebuah istana yang dibina dengan bata dari emas dan bata dari perak dan sebuah istana lagi dari delima merah yang luarnya melaini dalamnya.

فقال : إلهي! ما هذان القصران؟ فقيل له: هذان كانا لك لو قضيت حاجة الفقير. فلما رددته صارا لفلان النصراني. قال : فانتبه القاضي مرعوبا، ينادي بالويل والثبور. فغدا إلى النصراني فقال له : ماذا فعلت البارحة من الخير؟ فقال : وكيف ذلك؟ فذكر له الرؤيا، ثم قال له : بِعْنِيْ الجميل الذي عملته مع الفقير بمئة ألف درهم. فقال: أيها القاضي! كل مقبول غالٍ، لا أبيع ذلك بملء الأرض كلها، أتبخل عليّ بالقصرين؟ فقال : أنت لست بمسلم! فقطع الزنّار وقال : أشهد أن لا إلٰه إلا الله وأشهد أن محمدا رسول الله، وأن دينَه هو الحق.

791. Maka katanya : Tuhan ku! Apakah dua istana ini? Maka dikatakan kepadanya : dua ini asalnya untuk kamu kalau kamu tunaikan hajat si fakir itu. Maka tatkala kamu menolaknya jadilah keduanya untuk si pulan nasrani itu. Katanya : maka qadhi itu terkejut dalam keadaan gementar, seraya menyeru kebinasaan. Maka pagi-pagi esoknya dia pergi kepada nasrani itu lalu berkata kepadanya: kebajikkan apa yang telah engkau buat semalam? Maka katanya : kenapa demikian itu? Maka qadhi itu menyebutkan kepadanya akan mimpinya. Kemudian dia berkata kepadanya : juallah kecantikkan yang telah engkau kerjakan pada si fakir itu dengan seratus ribu dirham. Maka katanya wahai qadhi! Setiap yang diterima adalah mahal, tidak aku menjual demikian itu dengan sepenuh isi bumi semuanya, adakah engkau bakhilkan dua istana itu dari aku? Maka katanya : engkau bukannya muslim. Maka nasrani itu memotong zunnarnya dan berkata : aku menyaksikan bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan aku menyaksikan bahawa Muhammad rasulullah dan bahawa ugamanya adalah ugama sebenar.

وحكي أنه كان بمصر رجل تاجر في التمر يقال له عَطِيّة بن خَلَف. وكان من أهل الثروة ثم افتقر ولم يبق له سوى ثوب يستر عورته. فلما كان يوم عاشوراء صلى الصبح في جامع عمرو بن العاص. ومن عادة هذا الجامع لا يدخله النساء إلا في يوم عاشوراء لأجل الدعاء. فوقف يدعو مع جملة الناس، وهو بمعزل عن النساء. فجاءته امرأة ومعها أطفال فقالت : يا سيِّدي! سألتك بالله إلا ما فرّجت عني وآثرتني بشيء أستعين به على قوت هذه الأطفال، فقد مات أبوهم وما ترك لهم شيئا، وأنا شريفة ولا أعرف أحدا أقصده، وما خرجت في هذا اليوم إلا عن ضرورة أحوجتْني إلى بذل وجهي، وليس لي عادة بذلك. فقال الرجل في نفسه: أنا ما أملك شيئا وليس لي غيرُ هذا الثوب، وإن خلعته انكشفت عورتي وإن رددتها فأيُّ عذر لي عند رسول الله صلى الله عليه وسلم؟ فقال لها: اذهبي معي حتى أعطيك شيئا.

792. Dihikayatkan di Mesir ada seorang lelaki peniaga tamar yang dipanggil ‘Atiyah bin Khalaf. Asalnya dia orang yang kaya kemudian jadi fakir, tidak tinggal baginya selain sehelai kain yang menutup auratnya. Bila tiba hari ‘asyura dia sembahyang subuh di masjid ‘Amr bin al ‘Ash. Daripada adat masjid ini bahawa tidak memasukinya kaum perempuan melainkan pada hari ‘asyura untuk berdoa. Maka dia duduk lama didalamnya berdoa bersama sekumpulan orang ramai, dan dia terasing dari kaum perempuan. Maka datang kepadanya seorang perempuan bersama anak-anak kecil, lalu dia berkata : wahai tuan ku! Aku meminta engkau dengan nama Allah agar engkau lapangkanlah aku dan berikanlah aku sesuatu untuk aku jadikan bantuan diatas makanan anak-anak kecil ini, bapa mereka telah mati dan dia tidak meninggalkan sesuatu bagi mereka, dan aku perempuan yang mulia, tidak aku kenal seorang pun untuk aku tuju kepadanya, tidak aku keluar hari ini melainkan kerana dharurat yang memerlukan aku menunjukkan muka ku sedang aku tidak biasa berbuat begitu. Maka kata lelaki tu didalam hatinya : aku tidak punya apa-apa, tidak ada bagi ku selain kain ini. Jika aku tanggalkannya terdedahlah aurat ku dan jka aku tolak dia maka apakah uzur bagiku disisi rasulullah sawm? Maka katanya kepada perempuan itu : marilah pergi bersama ku untuk aku berikan kamu sesuatu.

فذهبت معه إلى منزله، فأوقفها على الباب ودخل وخلع ثوبه واتّزَرَ بخَلَق كان عنده، ثم ناولها الثوب من شِقّ الباب. فقالت له : ألبسك الله من حُلَلِ الجنة ولا أحوجك في باقي عمرك إلى أحد. ففرح بدعائها وأغلق الباب ودخل بيته يذكر الله تعالى إلى الليل ثم نام. فرأى في المنام حوراءَ لم ير الراؤون أحسن منها، وبيدها تُفّاحَةٌ قد عطّرت ما بين السماء والأرض. فناولته التفاحة فكسرها فخرج منها حُلّةٌ من حُلَلِ الجنة لا تساويها الدنيا وما فيها. فألبسته الحلة وجلست في حِجْرِه. فقال لها : من أنتِ. فقالت : أنا عاشوراءُ زوجتُك في الجنة. قال : فيما نِلْتُ ذلك؟ فقالت : بدعوة تلك المسكينة الأرملة والأيتام الذين أحسنت إليها بالأمس. فانتبه وعنده من السرور ما لا يعلمه إلا الله تعالى. وقد عبِق من طيبه المكانُ. فتوضأ وصلى ركعتين شكرا لله تعالى ثم رفع طرفه إلى السماء فقال : إلهي! إن كان منامي حقا وهذه زوجتي في الجنة فاقبضني إليك فما اسْتَتَمّ الكلام حتى عجّل الله بروحه إلى دار السلام .

793. Maka perempuan itu pergi bersamanya kerumahnya. Kemudian dia meyuruhnya berhenti dipintu dan dia masuk dan menanggalkan kainnya dan dia memakai kain pakai dengan kain buruk yang ada disisinya. Kemudian dia menghulurkan kainnya kepada perempuan itu dari belahan pintu. Maka kata perempuan itu kepadanya : Allah memakaikan kamu dari pakaian-pakaian perhiasan syurga dan tidak membuatkan engkau berhajat kepada sesaorang seumur engkau. Maka dia gembira dengan doa perempuan itu dan mengunci pintu. Dia masuk kerumahnya dan berzikir kepada Allah hingga kemalam. Kemudian dia tidur, maka dia nampak didalam tidurnya bidadari yan tidak pernah dilihat orang akan yang lebih cantik darinya dan pada tangannya ada sebiji buah epal yang sungguh telah mengharumkan apa yang diantara langit dan bumi, maka dia menghulurkan kepadanya epal itu lalu dia memecahkannya, maka keluar darinya satu pakaian perhiasan daripada pakaian-pakaian perhiasan syurga yang tidak menyamainya dunia dan apa yang didalamnya, maka bidadari itu memakaikannya pakaian perhiasan itu dan duduk diribaannya. Maka kata lelaki itu kepadanya : siapa kamu? Maka katanya : akulah ‘Asyura isteri kamu didalam syurga. Kata lelaki itu : dengan apa aku dapatkan demikian itu? Maka katanya : dengan doa perempuan miskin yang janda dan anak-anak yatim yang engkau buat baik kepada

mereka semalam. Maka dia terbangun dan berasa gembira yang tidak diketahui melainkan Allah taala. Sungguh telah semerbaklah tempat itu dari wangi tubuhnya. Maka dia berwudhuk dan sembahyang dua rakaat kerana syukur kepada Allah taala. Kemudian dia mengangkat pandangannya kelangit lalu berkata : Tuhan ku! Jika mimpi aku itu benar dan ini isteri aku didalam syurga maka genggamlah aku kepada Mu. Maka belum pun dia menyempurnakan kata-katanya Allah menyegerakan nyawanya ke negeri sejahtera.

واعلم أن ما يفعله الناس يوم عاشوراء من الاغتسال ولبس الثياب الجُدَد والاكتحال والتطيب والاختضاب بالحناء وطبخ الأطعمة بالحبوب وصلاة ركعات بدعة مذمومة، فالسنة ترك ذلك كله لأنه لم يفعله رسول الله صلى الله عليه وسلم وأصحابه ولا أحد من الأئمة الأربعة وغيرهم، وما روي فيها من الأحاديث فكذِب موضوع، وأن ما يُفعل في كثير من البلدان من إيقاد القناديل الكثيرة في ليالٍ معروفة من السَنَة بدعة قبيحة منكرة. وفقنا الله لاكتساب الفضائل واجتناب الرذائل.

794. Ketahuilah bahawa apa yang dibuat oleh orang ramai pada hari ‘asyura daripada mandi dan memakai baju baru dan bercelak dan berwangian dan mewarnakan dengan inai dan memsak makanan dari bijirin dan sembahyang beberapa rakaat adalah biid’ah yang dicela, maka sunnah meninggalkan demikian itu semuanya kerana ia tidak pernah dibuat oleh rasulullah sawm dan para sahabatnya dan tidak seorang pun daripada imam-imam yang empat dan selain mereka. Apa yang diriwayatkan padanya daripada hadith-hadith maka dusta lagi rekaan. Dan bahawa apa yang dibuat pada banyak negeri-negeri daripada menyalakan pelita yang banyak pada malam-malam yang tertentu daripada setahun adalah bid’ah yang keji lagi diingkarkan. Moga Allah mentaufikkan kita untuk mendapatkan fadhilat-fadhilat dan menjauhi perkara-perkara keji.

بَابُ الْحَجّ

قال الله تعالى {وَلِلّهِ عَلَى النّاسِ حَجُّ البَيْتِ مَن اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلاً} [سورة آل عمران : 97] بوِجدان الزاد والراحلة فاضلا عن دين ومؤن من يَمُوْنُه ذهبا وإيابا.

795. **BAB HAJI.** Kata Allah taala (Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata, iaitu makam nabi Ibrahim. Sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya) dengan ada bekalan dan kenderaan yang lebih dari hutang dan belanja orang yang dia tanggung belanjanya, pergi dan balik.

وأخرج الشيخان [البخاري رقم 1773، مسلم رقم 1349] عن أبي هريرة قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((أيها الناس! قد فرض الله عليكم الحج فحُجُوا. من حج لله فلم يرفُث ولم يفسق خرج من ذنوبه كيوم ولدته أمه. والعمرة إلى العمرة كفارة لما بينهما. والحج المبرور ليس له جزاء إلا الجنة)).

796. Dua syeikh mengeluarkan dari Abu Hurairah katanya : kata rasulullah sawm ((wahai manusia! Sungguhnya Allah telah memfardhukan haji keatas kamu, maka kerjakanlah haji. Siapa mengerjakan haji kerana Allah maka dia tidak melakukan jimak dan melakukan kefasikkan dia keluar dari dosa-dosanya seperti hari dia dilahirkan ibunya. Umrah hingga keumrah lain kifarat bagi apa yang diantara keduanya. Haji yang diterima tidak ada baginya balasan melainkan syurga)).

وأبو نعيم عن عبد الله بن مسعود ((من جاء حاجًّا يريد به وجه الله فقد غفر الله له ما تقدم من ذنبه وما تأخّر وشفع فيمن دعا له)).

797. Abu Nu'aim mengeluarkan dari Abdullah bin Mas'ud ((siapa yang datang sebagai orang yang mengerjakan haji yang dia hendakkan wajah Allah dengannya maka sungguh Allah telah mengampunkan baginya apa yang terdahulu dan apa yang terkemudian, dan dia mensyafaatkan orang yang berdoa untuknya)).

وأحمد وابن منيع وأبو يعلى [الجامع الصغير رقم 8959] عن جابر بن عبد الله ((من قضى نسكه وسلِم المسلمون من لسانه ويده غفر له ما تقدم من ذنبه وما تأخّر)).

798. Ahmad dan Ibnu Munai' dan Abu Ya'la mengeluarkan dari Jabir bin Abdullah ((siapa menunaikan nusuknya dan selamat orang-orang islam dari lidahnya dan tangannya diampunkan baginya apa yang terdahulu daripada dosa-dosanya dan apa yang terkemudian)).

والطبراني [الجامع الصغير رقم 3685] عن عبد الله بن جراد ((حُجُّوا فإن الحج يغسل الذنوب كما يغسل الماء الدَرَنَ)).

799. Thabarani mengeluarkan dari Abdullah bin Jarrad ((kerjakanlah haji, kerana haji itu membasuh dosa-dosa sepertimana air membasuh daki)).

والترمذي [رقم 812] والبيهقي عن علي رضي الله عنه ((من ملك زادا وراحلة تبلّغ إلى بيت الله ولم يحج فلا عليه أن يموت يهوديا أو نصرانيا)).

800. Turmizi dan Baihaqi mengeluarkan dari Ali r.a ((siapa memiliki bekalan dan kenderaan yang menyampaikan dia ke baitullah dan dia tidak mengerjakan haji maka tidak ada yang menghalangnya[15]* bahawa dia mati dalam keadaan Yahudi atau Nasrani))[16].

وقال عمر رضي الله عنه : لقد هممت أن أبعث رجالا إلى هذه الأمصار فينظر كل من له جِدَةٌ ولم يحج فيضربوا عليهم الجزية، ما هم بمسلمين. [كنز العمال رقم 12400].

801. Kata Umar r.a : sungguhnya aku mencita untuk menghantar beberapa lelaki kepada bandar ini maka mereka menilik setiap orang yang mempunyai kekayaan dan

[15] Tak dapat tidak dia mati . . . Wallahu a'lam.

[16] . Ini pemberatan pada tegahan tidak mengerjakan haji apabila mampu. Bandingannya "siapa meninggalkan sembahyang dengan sengaja maka dia kufur terang-terangan".Tidak seorang itu kufur melainkan dengan menghalalkannya.

tidak mengerjakan haji lalu mengenakan jizyah keatas mereka itu, mereka itu bukanlah orang Islam.

وقال سعيد بن جبير : مات لي جار موسر لم يحج فلم أصل عليه. [أخرجه أبن أبي شيبة، الدر المنثور، 3 سورة آل عمران : 98].

802. Kata Sai'ed bin Jubair : mati seorang jiran ku yang kaya yang tidak mengerjakan haji maka aku tidak sembahyangkan dia.

وحكى اليافعي [الحكاية رقم 66] أنه ركب جماعة من التُجّار في البحر متوجهين إلى الحج فانكسر المركب وضاق وقت الحج. وفيهم إنسان معه بضاعة بخمسين ألفا فتركها وتوجّه إلى الحج. فقالوا له: لو أقمت في هذا المكان لعله يخرج لك بعض بضاعتك. فقال : والله لو حصلت لي الدنيا كلها ما اخترتها على الحج ودعاء من يشهده. ن أولياء الله بعد أن رأيت منهم ما رأيت. قالوا : وما رأيتم منهم؟ قال : كنا مرة متوجهين إلى الحج فأصابتنا عطَش في بعض الأيام وبلغت الشَرْبَة كذا وكذا، ودُرْتُ في الركب من أوله إلى آخره فلم يحصل لي ماء ببيع ولا غيره، وبلغ العطش منا الجهد، فتقدمت قليلا وإذا أنا بفقير معه عُكّازة ورِكْوَة، وقد ركن العكّازة في ساقية بِرْكَةٍ والماء ينبُع من تحت العكّازة ويجري في الساقية إلى البِرْكَة، فجئت إلى البركة، فشربت وملأت قِرْبَتي ثم أعلمت الركب فاستَقَوا كلهم وتركوها وهي تطفح. قال : فهل يسمح بفَوْت مشهد يشهده هؤلاء القومُ رضي الله عنهم؟

803. al Yafi'e menghikayatkan bahawa sekumpulan pedagang belayar dilaut menuju ke Makkah untuk mengerjakan haji maka pecah kapal mereka dan sempitlah waktu haji. Dikalangan mereka itu ada seorang lelaki yang bersamanya barang dagangan bernilai lima puluh ribu, maka dia meninggalkannya dan pergi untuk mengerjakan haji. Maka kata mereka itu kepadanya : kalau kamu tinggal sekejap ditempat ini mungkin timbul bagi kamu sebahagian barang kamu. Maka katanya : demi Allah kalau aku mendapat dunia semuanya tidak aku memilihnya diatas haji dan doa orang yang menghadhirinya daripada para wali Allah selepas aku lihat dari mereka apa yang pernah aku lihat. Kata mereka : apa yang pernah engkau lihat dari mereka itu? Katanya : pernah sekali kami menuju untuk mengerjakan haji maka kami ditimpa rasa dahaga ada sebahagian hari-hari kami dan air minuman telah sampai sekian-sekian. Aku berlegar pada rombongan itu dari pangkal hingga kehujungnya maka aku tidak mendapat air dengan jual dan tidak dengan selainnya, dan dahaga telah sampai had teruk pada kami. Maka aku berjalan kedepan sedikit tiba-tiba aku dapati seorang fakir yang bersamanya sebatang tongkat dan tabung air walhal tongkatnya itu condong pada anak air bagi sebuah lopak, dan air terpancar dari bawah tongkatnya itu dan mengalir ke anak air kolam itu. Maka aku datang kepada lopak itu lalu aku minum dan memenuhkan qirbah ku, kemudian aku beritahu rombongan itu lalu mereka mengambil air dan meninggalkan lopak itu sedang ianya melimpah. Katanya : maka adakah termungkin tak hadhir tempat yang dihadhiri oleh kaum itu, moga Allah meredhai mereka?

وهو أيضا [الحكاية رقم 68] عن علي بن الموفق قال : جلست يوما في الحرم وقد حججت ستين حجة. فقلت في نفسي : إلى متى أتردد في هذه المسالك والقفار؟ ثم غلبتني عينيّ فنمت. فإذا أنا بقائل يقول : يا ابن الموفّق! هل تدعو إلى بيتك إلا من تُحِبُّ؟ فطوبى لمن أحبه المولى وحمله إلى المقام الأعلى.

804. al Yafi’e menghikayatkan juga dari Ali bin Muwaffaq, katanya : satu hari aku duduk ditanah haram walhal aku telah mengerjakan haji enam puluh kali. Maka aku kata didalam hati ku : sampai bila aku berulang alik pada jalan-jalan dan belantara ini? Kemudian mengalahkan aku dua mata ku lalu aku tidur, tiba-tiba ku disisi seorang yang berkata : wahai Ibnu Muwaffaq! Tidak engkau jemput datang kerumah mu melainkan orang yang engkau kasih! Maka bertuahlah orang yang dikasihi Tuhan dan Dia membawanya kepada tempat yang tertinggi.

وهو [الحكاية رقم 67] عن أبي عبد الله الجوهري قال : كنت سَنَةً في عرفات. فلما كان آخر الليل نمت فرأيت ملكين نزلا من السماء، فقال أحدهما لصاحبه : كم وقف هذه السنة؟ قال صاحبه : ست مئة ألف، ولم يقبل منهم إلا ستة أنفس. قال : فهممت أن أَلْطَمُ وجهي وأَنُوْحُ على نفسي. فقال له : ما فعل الله في الجميع؟ قال: نظر الكريم إليهم بعين الكرم، فوهب لكل واحدة مئة ألف، وغفر بستة أنفس لست مئة ألف، وذلك فضل الله يؤتيه من يشاء، والله ذو الفضل العظيم ، [سورة الحديد : 21].

805. al Yafi’e menghikayatkan juga dari Abu Abdullah al jauhari katanya : pada satu tahun aku berada di Arafah. Maka bila tiba akhir malam aku tidur maka aku nampak dua malaikat turun dari langit. Maka kata seorang dari mereka kepada rakannya : berapa orang wukuf tahun ini? Kata rakannya : enam ratus ribu, dan tidak diterima dari mereka melainkan enam orang. Kata malaikat itu: maka aku mencita nak menampar muka ku dan meratapi diri ku. Maka katanya kepada rakannya : apa yang Allah buat pada semua mereka itu? Kata rakannya : Dia yang maha pemurah memandang mereka dengan pandangan kemurahan, maka dia memberikan kepada setiap orang seratus ribu dan mengampunkan dengan sebab enam orang itu akan enam ratus ribu orang itu. Demikian itu adalah limpah kurniaan Allah yang Dia berikan kepada orang yang Dia hendak, dan Allah mempunyai limpah kunrniaan yang besar.

وهو [الحكاية رقم 68] عن ذي النون [المصري] أنه قال : رأيت شابّا عند الكعبة يُكثر الركوعَ والسجودَ فدنوت منه فقلت : إنك تُكثر الصلاةَ. فقال : أنتظر الإذن في الانصراف. قال : فرأيت رقعة سقطت عليه مكتوبا فيها : من الله العزيز الغفور إلى العبد الصادق الشكور: انصرِف مغفورا لك ما تقدم من ذنبك وما تأخر.

806. Dia menghikayatkan dari Zu Nun al misri bahawa dia berkata : aku lihat seorang pemuda disisi ka’bah, banyak rukuk dan sujud, maka aku dekati dia lalu aku kata: sungguhnya engkau banyak sembahyang. Maka katanya : aku tunggu izin untuk berpaling pergi. Katanya : maka aku lihat sekeping kertas gugur keatasnya tertulis padanya : dari Allah yang maha mulia yang maha mengampun kepada hamba yang benar yang amat bersyukur: berpalinglah dalam keadaan diampunkan bagi engkau apa yang telah terdahulu daripada dosa-dosa mu dan apa yang terkemudian.

قبِل الله حجّنا وغفر ما تقدم من كبائر ذنوبنا وما تأخر وتحمّل عنا تبِعاتنا. آمين.

807. Moga Allah menerima haji kita dan mengampunkan dosa-dosa kita yang terdahulu dan yang terkemudian, dan menanggung dari kita dosa-dosa yang mengikut kita. Amin.

تنبيه: إن الحج والعمرة تجبان في العمر مرة على كل مسلم مكلف حر مستطيع بوِجْدان الزاد والراحلة، ولو ببيع عقاره، فاضلا عن مؤنة لائقة لمن يَمُوْنُه ذهابا وإيابا، وعن دين عليه ولو مؤجلا أو أمهل به إلى إيابه على التراخي بشرط عزمه على الفعل. فمن مات أو عضَب ولم يحجّ بعد الاستطاعة تبين فسقه في آخر سِنِّي الامكان. وكذا فيما بعدها في المعضوب، إلى أن يحج عنه. فما شهِد به أو قضى فيها تبين بطلانه. وكذلك تزويج مَوْلِيّتِه. قال الغزالي : من استطاع فأخّر حتى أفلس لزمه كسب مؤنته أو سؤالها من زكاة أو صدقة ليحج. وإلا مات عاصيا.

808. Tanbih : sungguhnya haji dan umrah itu wajib pada seumur hidup sekali diatas setiap orang Islam yang mukallaf yang merdeka yang mampu dengan ada bekalan dan kenderaan, walaupun dengan menjual hartanahnya, hal keadaan ia lebih dari belanja yang layak bagi orang yang dia tanggung belanjanya pergi dan baliknya, dan lebih dari hutang yang sabit diatasnya walaupun yang ditempohkan atau ditangguhkan hingga dia balik diatas berlambatan, dengan syarat azamnya diatas melakukannya. Maka siapa yang mati atau lumpuh sedang dia belum mengerjakan haji selepas mampunya ternyata fasiknya pada akhir tahun-tahun terbolehnya itu. Begitu juga pada apa yang selepasnya pada orang yang lumpuh hingga dikerjakan haji darinya. Maka apa yang dia saksikan atau tunaikan padanya[17] ternyata batalnya. Begitu juga mengahwinkan perempuan waliannya. Kata Ghazali : siapa yang mampu maka dia mentakhirkan hingga dia muflis lazim dia mengusahakan perbelanjaannya atau memintanya dari zakat atau sedekah untuk dia mengerjkan haji. Jika tidak dia mati dalam keadaan maksiat.

وقيل يجب على القادر أن لا يتركه في كل خمس سنين لما قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((يقول الله عز وجل : إن عبدا صحّحتُ له جسمه ووسعّتُ عليه في المعيشة فمضى عليه خمسة أعوام لم يَفِدْ إليّ لمحروم)) رواه البيهقي وابن حبان [الجامع الصغير رقم 1930].

809. Dikatakan wajib diatas orang yang mampu bahawa dia tidak meninggalkannya pada setiap lima tahun kerana apa yang dikatakan oleh rasulullah sawm ((kata Allah azza wa jalla : sunggunya seorang hamba yang aku sihatkan tubuhnya dan luaskan dia pada penghidupannya maka lalu lima tahun tidak dia pergi kepada Ku adalah seorang yang ditegah dari rahmat)). Meriwayatkannya Baihaqi dan Ibnu Hibban.

خَاتِمَةٌ فِي بَيَانِ فَضْلِ الْحَجّ

روي عن رسول الله صلى الله عليه وسلم ((إن الله تعالى يباهي بأهل عرفاتٍ الملائكةَ، يقول : يا ملائكتي! انظروا إلى عبادي شَعْثًا غُبْرًا أَقْبَلُوا يضربون إليّ من كل فجٍّ عميق. فأُشْهِدُكم أني قد أجبت دعاءَهم وشفّعت

[17] xx

رغبتهم ووهبت مُسِيْئَهم لمُحْسِنِهم وأعطيت محسِنيهم جميعَ ما سألوني غيرَ التبِعات التي بينهم. فإذا أفاضَ القومُ إلى جمع ووقفوا وعادوا في الرَّغبة والطلب إلى الله تعالى يقول الله تعالى : يا ملائكتي! عبادي وقفوا فعادوا في الرغبة والطلب، فأشهدكم أني قد أجبت دعاءهم وشفّعت رغبتهم ووهبت مسيئهم لمحسنهم وأعطيت محسنيهم جميع ما سألوني وكَفَلْتُ عنهم بالتبِعات التي بينهم)). [كنز العمال رقم 12098]. وتحمل الله تبِعاتنا وغفر كبائر ذنوبنا.

810. **KHATIMAH PADA MENERANGKAN KELEBIHAN HAJI**. Diriwayatkan dari rasulullah sawm ((sungguhnya Allah taala bermegah-megah dengan ahli Arafah pada para malaikat, Dia kata : wahai para malaikat Ku! Lihatlah kepada hamba-hamba Ku dalam keadaan kusut masai berdebu datang mengadap kepada Ku dari setiap jalan yang jauh. Maka aku menyaksikan kamu bahawa aku perkenankan doa mereka dan memenuhi kegemaran mereka, dan aku berikan orang yang buruk dari kalangan mereka kepada yang baik dari kalangan mereka dan aku berikan orang yang baik dari kalangan mereka semua apa yang mereka minta dari Ku selain ikutan-ikutan yang sabit sesama mereka. Maka apabila kaum itu keluar dari Arafah kepada kaum mereka walhal mereka telah wukuf dan kembali kepada Allah taala pada kegemaran dan pencarian berkata Allah taala : wahai malaikat Ku! Hamba-hamba Ku telah wukuf maka mereka kembali pada kegemaran dan pencarian maka aku persaksikan kamu bahawa Aku perkenankan doa mereka dan memenuhi kegemaran mereka dan aku berikan kepada yang jahat daripada mereka kepada yang baik dari kalangan mereka dan Aku berikan orang yang baik dari kalangan mereka semua apa yang mereka minta dari Aku, dan aku jamin dari mereka segala ikutan-ikutan yang ada sesama mereka)). Moga Allah menanggung ikutan-ikutan kita dan mengampunkan dosa-dosa besar kita.*

وروي [مجمع الزوائد 3/274] : من أم البيت لا تضع ناقتُه خُفًّا ولا ترفعه إلا كُتب له به حسنةٌ ومُحِيَ عنه خطيئةً. وركعتا الطواف كعتق رقبة من بني إسماعيل، والسعيُ كعتق سبعين رقبةً، والوقوف يُغفر به الذنوبُ وإن كانت بعدد الرمل وكقطر المطر وكزبد البحر، وبكل حصاة من الجِمار تكفيرُ كبيرةٍ من الموبقات، والنَحْرُ مدخورٌ عند الله، وبكل شعرة حُلِقَتْ حسنةٌ ومحوُ خطيئةٍ، وبالطواف بعد ذلك يضع ملكٌ يديه بين كتفيه فيقول : اعمل فيما يُسْتَقْبَلُ وقد غُفِرَ لك ما مضى. غفر الله لنا ما قدمنا وما أخرنا.

811. Diriwayatkan : siapa menuju ke baitullah tidaklah untanya meletakkan tapak kaki dan tidak mengangkatnya melainkan dituliskan bagi dia dengan sebabnya satu kebaikkan dan dihapuskan darinya satu kesalahan. Dua rakaat tawaf itu seperti memerdekakan sebatang tengkok dari bani Ismail, dan sai'e seperti memerdekakan tujuh puluh hamba, dan wukuf diampunkan dengan sebabnya dosa-dosa sekalipun ia sebilangan pasir dan seperti titikkan hujan dan seperti buih laut, dan dengan setiap ketul anak batu daripada anak-anak batu dikifaratkan satu dosa besar daripada dosa-dosa yang membinasakan, dan sembelihan korban disimpankan disisi Allah, dan dengan setiap helai rambut yang dicukur satu kebaikan dan terhapus satu kesalahan, dan dengan tawaf selepas demikian itu seorang malaikat meletakkan dua tangannya diantara dua belikatnya maka dia berkata : beramallah pada masa depan walhal telah diampunkan bagi kamu apa yang telah lalu. Moga Allah mengampunkan kita apa yang telah kita dulukan dan apa yang kita kemudiankan.

وروي : إذا لقيت الحاج فسلِّم عليه وصَافِحْه ومُرْهُ أن يستغفر لك قبل أن يدخل بيته فإنه مغفور له.

812. Diriwayatkan : apabila kamu bertemu orang yang mengerjakan haji maka beri salam keatasnya dan jabatlah tangannya dan suruhlah dia meminta ampun untuk kamu sebelum dia masuk rumahnya kerana dia orang yang diampunkan.

وروي [راجع ميزان الاعتدال 3/374] : إن آدم عليه السلام أتى البيت ألف أَتْيَةٍ من الهند على رجليه، لم يرتكب قطّ فيهن. وما من نبي إلا حجّ حتى هود وصالح.

813. Diriwayatkan bahawa Adam mengunjungi baitullah seribu kunjungan dari India diatas dua kakinya, tidak pernah sekali-kali dia menunggang. Tidak ada seorang nabi pun melainkan dia mengerjakan, haji hinggakan Hud dan Soleh.

وحكى القاضي عياض أن قوما أتوا إلى سَعْدُوْنَ الْخَوْلَانِيّ بالمُنَسْتِيْرِ، فأعلموه أن كُتَامَة قتلوا رجلا وأضرموا عليه النار طول الليل فلم تعمل فيه شيئا وبقي أبيض اللون. فقال : لعله حج ثلاث حِجَجٍ. فقالوا : كيف ذلك؟ قال : حُدِّثْتُ أن من حج حجة أدى فرضه ومن حج ثانية داين ربه ومن حج ثلاث حِجَج حرم الله شعره وبشره على النار.

814. Qadhi 'Iyadh meriwyatkan bahawa sekumpulan orang datang kepada Sa'dun al khaulani di Monaster maka mereka memberitahu dia bahawa puak Kutamah telah membunuh seorang lelaki dan memarakkan api diatasnya sepanjang malam maka api itu tidak berkesan apa-apa padanya dan lelaki itu kekal berwarna putih. Maka katanya : barangkali dia telah mengerjakan haji tiga kali. Maka kata mereka : bagaimana demikian itu? Katanya : diceritakan kepada aku bahawa orang yang mengerjakan haji sekali dia menunaikan fardhunya dan orang yang mengerjakan haji kali kedua dia menghutangkan Tuhannya dan orang yang mengerjakan haji tiga kali Allah haramkan rambutnya dan kulitnya diatas neraka.

وحكي عن محمد بن المُنْكَدِر أنه حج ثلاثا وثلاثين حجة فلما كان في آخر حجة حجها قال وهو واقف بعرفات : اللّٰهُمَّ إني قد وقفت في موقفي هذا ثلاثا وثلاثين وقفة، فواحدة عن فرضي والثانية عن أبي والثالثة عن أمي، وأشهدك يا رب أني قد وهبت الثلاثين لمن وقف موقفي هذا ولم يتقبل منه. فلما دفع بعرفات ونزل بالمزدلفة نودي في المنام : يا ابن المنكدر! أتتكرّمُ على من خلق الكَرْمَ؟ أتجود على من خلق الجود؟ إن الله تعالى يقول لك : وعزّتي وجلالي لقد غفرت لمن وقف بعرفات قبل أن أخلق عرفات بألفي عام.

815. Dihikayatkan dari Muhammad bin Munkadir bahawa dia mengerjakan haji tiga puluh tiga kali. Maka bilamana dia pada akhir haji yang dia kerjakan dia berkata sedang dia wukuf di Arafah : ya Allah sungguhnya aku wukuf pada tempat wukuf ku ini tiga puluh tiga kali, maka yang pertama dari fardhu ku dan yang kedua dari bapa ku dan yang ketiga dari ibu ku, dan aku menyaksikan kepada Engkau wahai Tuhan ku bahawa aku sungguhnya menghibahkan tiga puluh lagi kepada orang yang wukuf pada tempat wukuf ku ini sedang tidak diterima wukuf itu darinya. Maka tatkala dia keluar dari Arafah dan singgah di Muzdalifah diseru dia didalam tidurnya : wahai Ibnu Munkadir! Adakah bersikap mulia diatas orang yang menjadikan mulia? Adakah kamu bersikap boros diatas orang yang menjadikan boros? Sungguhnya Allah taala berkata kepada kamu : demi kemuliaan Ku dan ketinggian Ku sungguh telah aku ampunkan orang yang wukuf di Arafah dua ribu tahun sebelum bahawa aku menjadikan Arafah itu.

نسأل الله الكريم الجود أن يغفر لنا كبائر ذنوبنا ويتحمل تبِعاتَنا ويقبل توبتنا.

816. Kita meminta Allah yang maha mulia yang maha boros bahawa dia mengampunkan bagi kita akan dosa-dosa kita dan menanggung ikutan-ikutan kita dan menerima taubat kita.

فَصْلٌ فِي أَحْكَامِ الْحَجّ

أركانه : إحرام بنية نويت الحج وأحرمت به، ووقوف بعرفة، وطواف سبعا، وسعي سبعا مبتدئا بالصفا إلى المروة وعائدا منها إلى الصفا، وإزالة شعرات من رأس. وأفضلها الوقوف. وعند بعض المحققين الطواف. وغير الوقوف أركان للعمرة.

817. **FASAL PADA HUKUM-HUKUM HAJI**. Rukun-rukunnya : [1] ihram dengan niat : sahaja aku mengerjakan haji dan berihram dengannya, dan [2] wukuf di Arafah, dan [3] tawaf tujuh kali, dan [4] sai'e tujuh kali, mula di Safa ke Marwah dan kembali darinya ke Safa dan [5] menghilangkan rambut dari kepala. Yang terafdhalnya wukuf, dan disisi sebahagian ulamak muhakkik adalah tawaf. Selain wukuf itu adalah rukun-rukun umrah.

وواجباته : إحرامٌ من ميقاتٌ، ومبيتٌ بمزدلفة لحظة من نصفِ أخيرٍ من ليلةِ النحْر، ومبيت بمنًى ليالي التشريق، ورميٌ أيّامَها سبعا سبعا إلى الجَمَرَات، وطوافُ وداعٍ لغير مكّي ونحو حائض. ويجب بترك واحد منها فديةٌ.

818. Wajib-wajibnya [1] ihram dari miqat, dan [2] mabit di Muzdalifah seketika mula dari setengah yang akhir daripada malam nahar, dan [3] mabit di Mina pada malam-malam tasyrik, dan [4] melontar pada hari-harinya tujuh tujuh kepada jamrah-jamrah, dan [5] tawaf wida' bagi selain orang Makkah dan umpama perempuan berhaid. Wajib fidyah dengan meninggalkan satu daripadanya.

وشروط الطواف : طهارة وستر عورة وابتداء بالحجر الأسود ومحاذاته بكل بدنه وجعل البيت عن يساره.

819. Syarat-syarat tawaf [1] suci dan [2] tutup aurat [3] mula pada hajar aswad dan membetulinya dengan seluruh tubuhnya dan [4] menjadikan baitullah dikirinya.

ومحرمات الإحرام : وطء وقُبلة ومباشرة بشهوة واصطياد وأكل ما صيد له ولبس رجل مخيطا وستر رأسه وستر امرأة شيئا من وجهها. فإن فعل شيئا ناسيا أو جاهلا بتحريمه: فإن كان إتلافا كحلْق شعر وقتل صيد وجبت الفدية، أو متمتِّعا كلبس وتطيب فلا.

820. Perkara yang haram dengan sebab ihram itu [1] setubuh dan [2] kucup dan [3] bersentuhan kulit dengan syahwat dan [4] memburu dan [5] makan apa yang diburu untuk dirinya dan [6] memakai lelaki akan pakaian yang dijahit dan [7] menutup kepalanya dan menutup perempuan suatu dari mukanya. Maka jika dia melakukan sesuatu dalam keadaan lupa atau jahil dengan pengharamannya. Maka jika ianya pembinasaan seperti cukur rambut dan bunuh buruan wajib fidyah, atau kesedapan seperti pakai pakaian dan berwangian maka tidak.

ونقل النووي في المجموع قولَ بعضهم "يندب أن يتشبّه كل أحد بالمحرِم في عَشْرِي ذي الحجة بعدم إزالة شعر وظُفُر"، وقولَ آخرين "يندب التعريف في يوم عرفة بالاجتماع بعد الظهر في أيّ بلد كان للذكر والدعاء تشبُّها بأهل عرفة". ونقل الإمامُ أحمد فعلَه عن الحسن وجماعة.

821. Nawawi menakalkan didalam Majmuk kata sebahagian mereka “sunat setiap orang menyerupai orang yang berihram pada sepuluh hari bulan zulhijjah dengan tidak menghilangkan rambut dan kuku”, dan kata ramai yang lain “sunat berkenal-kenalan pada hari Arafah dengan berhimpun beramai-ramai selepas zohor dimana-mana negeri bagi lelaki, dan sunat doa kerana menyerupai ahli Arafah”. Imam Ahmad menakalkan perbuatan sebegitu dari Hasan dan sekumpulan ulamak.

فَصْلٌ فِي فَضْلِ مَكَّةَ

قال الله تعالى {إِنّ أَوّلَ بَيْتٍ وُضِعَ للنّاسِ لَلّذِي بِبَكّةَ مُبَارَكاً وَهُدىً للعَالَمِينَ فِيهِ آياتٌ بيناتٌ مَقَامُ إبْراهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِناً}. [سورة آل عمران : 96-97].

822. **FASAL PADA FADHILAT MAKKAH**. Kata Allah taala ((Sungguhnya rumah yang mula-mula dibina untuk manusia beribadat adalah yang rada di Makkah yang berkat sebagai petunjuk hidayah bagi sekelian alam. Di situ ada tanda-tanda kebesarannya yang nyata, di antaranya makam Nabi Ibrahim. dan sesiapa Yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia)).

وروي أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال ((والله إنكِ لخيرُ أرض الله وأحبُّ أرض الله إليّ. ولو لا أني أُخرجتُ منك ما خرجت)). [الترمذي رقم 3925].

823. Diriwayatkan bahawa rasulullah sawm berkata ((demi Allah sungguhnya engkau adalah sebaik-baik tanah dan tanah yang paling aku kasihi. Kalaulah tidak bahawa aku dikelaurkan dari mu tidak aku keluar.

وروي : ما على الأرض بلدة يرفع الله تعالى فيها الحسنة الواحدة بئمة ألف حسنة إلا مكة، ومن صلى فيها صلاة رفعت له مئة ألف صلاة، ومن صام فيها يوما كتب الله له صوم مئة ألف يوم، ومن تصدق بدرهم كتب الله له مئة ألف درهم، ومن ختم القرآن مرة واحدة كتب الله له مئة ألف ختمة، ومن سبح الله تعالى فيها مرة كتب الله له مئة ألف بغيرها، وليوم واحد في حرم الله وأمنه أرجى لك وأفضل من صيام الدهر وقيامه في غيرها من البلدان.

824. Diriwayatkan : tidak ada diatas muka bumi ini satu negeri yang Allah taala angkatkan padanya satu kebaikkan dengan seribu kebaikkan melainkan Makkah. Siapa sembahyang padanya satu sembahyang diangkatkan baginya seribu sembahyang, dan siapa puasa padanya sehari Allah tuliskan baginya puasa seribu hari, dan siapa bersedekah satu dirham Allah tulis baginya seratus ribu dirham, dan siapa khatam Quran sekali Allah tulis baginya seratus ribu kali khatam, dan siapa bertasbih kepada Allah taala sekali Allah tulis baginya seratus ribu pada selainnya.

Sungguhnya sehari pada tanah haram Allah dan keamanannya lebih diharapkan bagi kamu dan lebih afdhal dari puasa setahun dan bangun malamnya pada negeri selainnya.

وروي : من صلى خلف المقام ركعتين غفر له ما تقدم مكن ذنبه وأُعطي من الحسنات بعدد كل من صلى خلفه أضعافا وأمّنه الله تعالى يوم القيامة من الفزَع الأكبر وأمر الله عز وجل جبريل وميكائيل وجميع الملائكة أن يستغفروا له يوم القيامة.

825. Diriwayatkan : siap sembahyang dibelakang makam Ibrahim dua rakaat diampunkan baginya apa yang terdahulu daripada dosanya dan diberikan daripada kebaikan gandaan bilangan semua orang yang sembahyang dibelakangnya dan Allah taala amankan dia pada hari kiamat dari kejutan besar dan Allah azza wa jalla suruh Jibril dan Mikail dan semua malaikat meminta ampun bagi dia pada hari kiamat kelak.

وروي : من طاف حول بيت الله سبعا في يوم صائف شديد الحر حاسرا عن رأسه واستلم الحجر الأسود في كل طوفة من غير أن يؤذي أحدا وقل كلامه إلا من ذكر الله كتب له بكل قدم يرفعها سبعون ألف حسنة ومحي عنه سبعون ألف سيِّئة ورفع له سبعون ألف درجة. وفضل الماشي على الراكب كفضل القمر ليلة البدر على سائر الكواكب.

826. Diriwayatkan : siapa tawaf keliling baitullah tujuh kali pada satu hari dimusim panas yang cuacanya sangat panas dalam keadaan terdedah kepala dan dia istilam hajar aswad pada setiap kali tawaf tanpa dia menyakiti sesaorang dan sedikit cakapnya melainkan zikrullah dituliskan bagi dia dengan setiap tapak kaki yang dia angkat tujuh puluh ribu kebaikkan dan dihapuskan darinya tujuh puluh ribu kejahatan dan diangkatkan bagi dia tujuh puluh ribu darjat. Kelebihan orang yang berjalan diatas yang menunggang seperti kelebihan bulan malam purnama diatas sekelian bintang-bintang.

وروي ((من طاف بالبيت خمسين مرة)) يعني خمسين أسبوعا ((خرج من ذنوبه كيوم ولدته أمه)). [الترمذي رقم 866].

827. Diriwayatkan ((siapa tawaf dibaitullah lima puluh kali)) iaitu lima puluh minggu ((dia keluar dari dosa-dosanya seperti hari dia dilahirkan ibunya)).

وروي : إن الحجر الأسود يشهد لمن استلمه وقبّله من أهل الدنيا وأنه شافع مشفّع وأنه كان أشدّ بياضا من الثلج حتى سوّدته خطايا أهل الشرك. ولولا ذلك ما مسه ذو عاهة إلا شُفِيَ.

828. Diriwayatkan : bahawa hajar aswad itu menyaksikan orang yang istilam kepadanya dan mengucupnya daripada penduduk dunia dan bahawa ia adalah pemberi syufaat yang diterima syufaatnya dan bahawa ia lebih putih dari salju hingga menghitamkannya kesalahan-kesalahan ahli syirik. Kalau lah tidak jadi demikian itu tidak menyentuhnya orang yang berpenyakit melainkan dia disembuhkan.

وروي : لا يدخل أحد الكعبة إلا برحمة الله ولا يخرج منها إلا بمغفرة الله عز وجل.

829. Diriwayatkan : tidak masuk seorang kedalam ka'bah melainkan dengan rahmat Allah dan tidak dia keluar darinya melainkan dengan keampunan Allah azza wa jalla.

وروي : النظر إلى الكعبة عبادة. ومان نظر إلى البيت إيمانا واحتسابا غفر له ما تقدم من ذنبه وما تأخر وحشر يوم القيامة من الآمنين.

830. Diriwayatkan : memandang kepada ka'bah itu ibadat. Siapa memandang kepada rumah itu kerana beriman dan mencari pahala diampunkan bagi dia apa yang terdahulu daripada dosanya dan apa yang terkemudian, dan dihimpunkan dia pada hari kiamat dari kalangan orang-orang beriman.

وروي : من مرض بمكة يوما واحدا حرم الله جسده على النار.

831. Diriwayatkan : siapa sakit di Makkah sehari Allah haramkan tubuhnya diatas neraka.

وروي : ما من أحد يدعو عند الركن الأسود إلا استجيب له. وكذلك عند الركن اليماني.

832. Diriwayatkan : tidak ada seorang yang berdoa disisi rukun aswad melainkan diperkenankan dia. Begitu juga disisi rukun yamani.

وروي : ما على وجه الأرض بلدة يستجاب فيها الدعاء في خمسةَ عشرَ موضعا إلا مكة. أولها جوفُ الكعبة والدعاء فيها مستجاب، والدعاء عند الحجر الأسود مستجاب، والدعاء عند الركن اليماني مستجاب ، والدعاء تحت الميزاب مستجاب، والدعاء في الحِجْر مستجاب، والدعاء في الملتزم مستجاب، والدعاء خلف المقام مستجاب، والدعاء عند بئر زمزم مستجاب، والدعاء على الصفا مستجاب، والدعاء على المروة مستجاب، والدعاء في الموقف مستجاب، والدعاء عند مشعر الحرام مستجاب، والدعاء عند الجَمَرَات الثلاث مستجاب.

833. Diriwayatkan : tidak ada diatas muka bumi satu negeri yang mustajab doa padanya pada lima belas tempat melainkan Makkah. Pertamanya perut ka'bah yang mana doa padanya mustajab, dan doa disisi hajar aswad mustajab, dan doa disisi rukun yamani mustajab dan doa dibawah pancur mustajab dan doa pada hijir mustajab dan doa pada multazam mustajab dan doa dibelakang makam Ibrahim mustajab dan doa disisi telaga zamzam mustajab dan doa diatas Safa mustajab dan doa diatas Marwah mustajab dan doa pada mauqif mustajab dan doa disisi masy'aril haram mustajab, doa disisi jamrah-jamrah yang tiga mustajab.

وروي ((يحشر الله تعالى من مقبرة مكة سبعين ألف شهيد يدخلون الجنة بغير حساب، وجوههم كالقمر ليلة البدر، يشفَع كل واحد منهم في سبعين رجلا. فقيل : من هم يا رسول الله؟ فقال ((الغُرَبَاء ومن مات في حرم الله تعالى أو حرم رسول الله صلى الله عليه وسلم أو مات بين مكة والمدينة حاجا أو معتمرا، بعثه الله يوم القيامة من الآمنين. ألا وإن التضلُّع من ماء زمزم براءة من النفاق)).

834. Diriwayatkan ((Allah mengimpunkan dari kuburan Makkah tujuh puluh ribu syahid yang masuk syura tanpa hisab, muka mereka seperti bulan pada malam purnama, setiap seorang dari mereka mensyufaatkan pada tujuh puluh orang. Maka dikatakan : siapa mereka itu wahai rasulullah? Maka katanya ((perantau-perantau dan orang yang mati pada haram Allah taala atau haram rasulullah sawm atau yang mati diantara Makkah dan Madinah dalam keadaan dia mengerjakan haji, Allah

membangkitkan dia pada hari kiamat kelak dari kalangan orang-orang yang aman tenteram. Sedarlah bahawa minum air zamzam itu kelepasan dari nifaq)).

كتب الله الكريم المنان البراءة لنا من النفاق والنيران وقبض أرواحنا في أحد الحرمين وحشرنا في زمرة شهداء حرمه الآمنين وأدخلنا الجنة بغير حساب، آمين آمين.

835. Moga Allah yang maha mulia yang maha mengurnia menuliskan kelepasan bagi kita dari nifak dan neraka dan menggenggam nyawa kita pada satu daripada dua tanah haram dan menghimpunkan kita pada kelompok syahid-syahid tanah haramnya yang aman tenteram dan memasukkan kita kedalam syurga tanpa hisab. Amin amin.

وحكى اليافعي [الحكاية رقم 70] عن سهل بن عبد الله قال : مخالطة الولي للناس ذُلٌّ وتفرُّده عِزٌّ. قلّما رأيت وليا لله إلا منفردا. وإن عبد الله بن صالح كان رجلا له سابقةٌ وموهِبة جزيلة، وكان يفر من الناس من بلد إلى بلد آخر حتى أتى مكة. فطال مقامه فيها. فقلت له : لقد طال مقامك بها. فقال لي : لم لا أقيم بها ولم أر بلدا ينزل فيه من الرحمة والبركة أكثر من هذا البلد والملائكة تغدو فيه وتروح. إني أرى فيه عجائب كثيرة وأرى الملائكة يطوفون بالبيت على صوَر شتّى، لا يقطعون ذلك. ولو قلتَ كلّ ما رأيت لصغرت عنه عقول قوم ليسوا بمؤمنين.

836. Yafi'e menghikayatkan dari Sahl bin Abdullah katanya : bergaul wali dengan orang ramai itu kehinaan dan sendiriannya kemuliaan. Sedikit kita lihat wali Allah melainkan dia bersendirian. Sungguhnya Abdullah bin Soleh seorang lelaki yang mempunyai keistimewaan dan pemberian yang besar, adalah dia sentiasa lari dari orang ramai dari satu negeri ke satu negeri yang lain hingga dia datang ke Makkah. Maka lama dia menetap padanya. Maka aku katakan kepadanya : lama kamu menetap padanya. Maka katanya kepada ku : kenapa aku tidak menetap padanya sedang aku tidak pernah melihat satu negeri yang turun padanya daripada rahmat dan berkat oleh yang lebih banyak dari negeri ini, para malaikat datang dan pergi padanya. Sungguhnya aku nampak padanya keajaiban-keajaiban yang banyak dan aku nampak malaikat tawaf dibaitullah diatas berbagai rupa, tidak mereka putus dari demikian itu. Kalau aku katakan semua apa yang aku nampak nescaya lemah darinya akal kaum yang tidak percaya.

فقلت له : أسالك بالله إلا ما أخبرتني بشيء من ذلك. فقال : ما من وليّ لله تعالى صحت وِلايته إلا وهو يحضر هذا البلد في كل ليلة جمعة لا يتأخر عنه. فمقامي ههنا لأجل من أراه منهم. ولقد رأيت رجلا يقال له مالك بن القاسم الجِيْلِيّ وقد جاء ويده غَمِرَة. فقلت له : إنك قريب عهد بالأكل. فقال لي : أستغفر الله فإني منذ اسبوع لم آكل، ولكن أطعمت والدتي وأسرعت لألحق صلاة الفجر، وبينه وبين الموضع الذي جاء منه تسع مئة فرسخ.

837. Maka aku katakan : kepadanya aku minta engkau dengan Allah khabarkan aku suatu daripada demikian itu. Maka katanya : tidak ada seorang daripada wali Allah taala yang sah kewaliannya melainkan dia hadhir pada negeri ini pada setiap malam jumaat, tidak lewat dia darinya. Maka tetap aku disini adalah kerana orang yang aku nampak dari kalangan mereka itu. Sungguhnya aku lihat seorang lelaki yang dipanggil Malik bin Qasim al Jili, dia datang sedang tangannya ada kesan-kesan makanan. Maka

aku kata kepadanya : sungguhnya engkau ini baru lepas makan. Maka katanya kepada ku : astaghfirullah! Aku sejak semingu tidak makan, akan tetapi aku beri makan dua ibu bapa ku dan aku bergegas untuk mendapatkan sembahyang subuh, sedangkan diantara dia dan diantara tempat yang dia datang darinya sembilan ratus farsakh.

أقول : وقد شاهدت تصديق ذلك من شيخي قطب الزمان وشمس دائرة العِرفان أبي المكارم زين العابدين محمد البكري متّعنا الله بطول بقائه ونفعنا به وبدعائه وحشرنا تحت لوائه. وهو أن شيخي كان جالسا في ليلة من ليالي رمضان عام ست وستين وتسع مئة متوجِّها إلى بيت الله وناظرا إليه، وكنت أنا وجماعة من فقرائه وراءه. فقام الشيخ رضي الله عنه : على هيئة المتواضع والمتأدب وقمنا معه. وما رأينا عروض عارض للقيام ولا مجيء أحد إليه، ثم جلس بعد ساعة فجلسنا فسألت بعض خواص أصحابنا الذي كان معنا في ذلك الوقت عن قيام الشيخ رضي الله عنه. فقال : إن أولياء الله يحضرون بهذا البيت ويجتمعون بأولياء الله تعالى. وهذا من ذلك. أدام الله لنا النفع به في الدارين.

838. Aku kata : sungguh aku telah saksikan pembenaran demikian itu dari syeikh ku qutb zaman dan Abu al Makarim Zainul Abidin Muhammad al Bakri moga Allah menyelesakan kita dengan lama kekalnya dan memanfaatkan kita dengannya dan dengan doanya dan menghimpunkan kita dibawah benderanya. Ianya bahawa syeikh ku sedang duduk pada satu malam daripada malam-malam ramadhan tahun sembilan ratus sembilan puluh enam mengadap ke baitullah dan memandang kepadanya, adalah aku dan sekumpulan daripada fakir-fakir berada dibelakangnya. Maka syeikh r.a bangun diatas kelakuan merendah diri dan beradab dan kami bangun bersamanya. Tidak kami lihat ada perkara yang menuntut berdiri dan tidak kedatangan sesaorang kepadanya. Kemudian dia duduk selepas satu ketika maka kami duduk maka aku tanya sebahagian sahabat-sahabat kami yang khas yang ada bersama kami pada waktu itu tentang bangun syeikh r.a. itu maka katanya : wali-wali Allah menghadhri baitullah ini dan berhimpun dengan para wali Allah taala. Ini sebahagian daripada kata Abdullah bin Soleh itu. Moga Allah meneruskan manfaat bagi kita dengannya didalam dua negeri.

واعلم أن السيئات تضاعف في مكة كما تضاعف الحسنات فيها على ما روى مجاهد عن ابن عباس. والمراد بالمضاعفة زيادة القبح والعذاب.

839. Ketahuilah bahawa kejahatan digandakan di Makkah sepertimana digandakan kebaikkan padanya diatas apa yang diriwayatkan Mujahid dari Ibnu Abbas. Yang dikehendaki dengan ganda itu lebih keji dan azab.

وروى الثوري عن ابن مسعود : ما من رجل يَهُمُّ بسيّئة إلا تكتب عليه. ولو أن رجلا بعَدَنٍ أَبْيَنَ هَمّ أن يقتل رجلا بهذا البيت لأذاقه الله عز وجل من عذاب أليم.

840. Thauri meriwayatkan dari Ibnu Mas’ud : tidak ada seorang lelaki yang mencita satu kejahatan melainkan dituliskah ia baginya. Andai bahawa seorang lelaki di ‘Aden Abyan mencita untuk membunuh seorang lelaki di baitullah ini nescaya Allah azza wa jalla memberi dia rasa azab yang pedih.

وقال جماعة من المفسرين تبعا لما روى سعيد بن جبير عن ابن عباس : إن من الظلم الذي يذيق الله صاحبه العذاب الأليم شتم الخادم في الحرم.

841. Kata sekumpulan mufassir kerana mengikut apa yang diriwayatkan Sai'ed bin Jubair dari Ibnu Abbas : sungguhnya kezaliman yang Allah rasakan tuannya akan azab yang pedih adalah memaki khadam di tanah haram.

وحكى شيخنا ابن حجر نفعنا الله به أنه وقع لبعض من يعرفه الذي كان على هيئة جميلة وفضل تام وتصوّن بالغ زلّةٌ بتقبيل امرأة عند الحجر فمسخ مسخا كليا، وصار بِأَرَثّ هيئة وأقبحِ منظرٍ وأفظعِ حالةٍ بدنا ودينا وعقلا وكلاما.

842. Syeikh kami Ibnu Hajar, moga Allah memanfaatkan kita dengannya, menghikayatkan bahawa berlaku gelinciran pada sebahagian orang yang dia kenal yang asalnya orang itu diatas kelakuan yang bergaya dan diatas kelebihan yang sempurna dan peliharaan diri yang mendalam, dengan mengucup perempuan disisi hajar aswad maka diubah rupanya secara keseluruhan dan jadilah dia seorang dengan kelakuan yang buruk dan keji pandangan dan keadaan nisbah tubuh dan ugama dan akal dan percakapan.

وحكي أن بعض الطائفين نظر إلى أمرد أو امرأة فسالت عينه على خده، وإن بعضهم وضع يديه على فالتصقتا وعجز الناس عن فكّهما حتّى دلّهم بعض العلماء أنهما يرجعان إلى محل معصيتهما ويبتهلان إلى الله ويصدقان في التوبة، ففعلا ذلك ففرّج الله عنهما. وقصة إِسَاف ونائلة مشهورة. وهي أنهما زنيا في البيت فمسخهما الله حجرين.

843. Dihikayatkan bahawa ada orang yang tawaf memandang kepada seorang remaja yang kacak atau perempuan maka terjulur matanya diatas pipinya, dan bahawa ada seorang yang meletakkan dua tangannya diatas seorang perempuan maka kedua mereka melekat dan tidak dapat orang ramai memisahkan kedua mereka hingga seorang ulama menunjukkan mereka bahawa mereka kembali kepada tempat maksiat mereka dan memohon dalam keadaan merendah diri kepada Allah dan benar-benar bertaubat lalu mereka melakukan demikian itu maka Allah melepaskan mereka. Kisah Isaf dan Nailah masyhur iaitu bahawa keduanya berzina dibaitullah maka Allah mengubah mereka kepada batu.

فنعوذ بالله من الزلات ونسأله أن يعصمنا من الفتن إلى الممات إنه أكرم كريم وأرحم رحيم.

844. Kita berlindung dengan Allah dari kegelinciran dan kita memohonNya agar memelihara kita dari fitnah-fitnah hingga kepada mati sungguhnya Dia maha mulia dari yang mulia dan pengasih dari yang mengasih.

فَصْلٌ فِي زِيَارَةِ قَبْرِ النَّبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَفَضْلِ الْمَدِيْنَةِ النَّبَوِيَّةِ

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((من حج فزار قبري بعد وفاتي كان كمن زارني في حياتي)). [الجامع الصغير رقم 8628].

845. **FASAL PADA KUNJUNGAN KE KUBUR NABI MUHAMMAD SAWM DAN FADHILAT MADINAH NABI**. Kata rasulullah sawm ((siapa mengerjakan haji lalu menziarahi aku selepas wafat ku adalah dia seperti orang yang menziarahi aku pada masa hidup ku)).

وقال صلى الله عليه وسلم ((من زار قبري وجبت له شفاعتي)). [الجامع الصغير رقم 8715].

846. Katanya sawm ((siapa mengunjungi kubur ku wajib baginya syafaat ku)).

وقال ((من حج إلى مكة ثم قصدني في مسجدي كتبت له حجتان مبرورتان)). [كنز العمال رقم 12370].

847. Katanya sawm ((siapa mengerjakan haji ke makkah kemudian menuju kepada ku dimasjid ku dituliskan baginya dua haji yang diterima)).

وقال ((من حج ولم يزرني فقد جفاني)). [كنز العمال رقم 12369].

848. Katanya sawm ((siap mengerjakan haji dan tidak mengunjungi ku maka sungguh dia berkasar perangai terhadap ku)).

وقال ((من زارني بالمدينة محتسبا كنت له شهيدا وشفيعا يوم القيامة)). [الجامع الصغير رقم 8716].

849. Katanya sawm ((siapa mengunjungi ku di Madinah hal keadaan dia mencari pahala adalah aku menjadi saksi dan pemberi syufaat pada hari kiamat kelak)).

وقال ((لا يصبر عَلَى لَأْوَاءِ المَدِيْنَةِ وشدتها أحد من أمتي إلا كنت له شفيعا يوم القيامة أو شهيدا)). [كنز العمال رقم 24853].

850. Katanya sawm ((tidaklah bersabar seorang dari umat ku diatas kesempitan hidup[18] Madinah dan kesusahannya melainkan aku pemberi syufaatnya pada hari kiamat kelak atau saksi)).

وقال ((من استطاع أن يموت بالمدينة فليمت بها فإني أشفع لمن يموت بها)). [الجامع الصغير رقم 8404].

851. Katanya sawm ((siapa yang mampu mati di Madinah maka hendaklah dia mati padanya maka sungguhnya aku mensyufaatkan orang yang mati padanya)).

نسأل الله الكريم أن يرزقنا شفاعة نبيه والموت في حرمه. آمين.

852. Kita minta Allah yang maha mulia agar merazekikan kita dengan syufaat nabinya dan mati pada tanah haramnya. Amin.

وحكى أبو الحسن الصوفي قال : وقف حاتم الأصمّ على قبر النبي صلى الله عليه وسلم، فقال : يا ربِّ! إنا زرنا قبر نبيك فلا تردنا خائبين. فنودي : يا هذا! ما أذنا لك في زيارة قبر النبي صلى الله عليه وسلم إلا وقد

18 اللأواء : شدة ومشق وضيق المعيشة

طهرناك. ارجع ومن معك من الزُوّار مغفورا لكم. فإن الله عز وجل قد رضي عنك وعمن زار قبر نبيه محمد صلى الله عليه وسلم. فَارْضَ اللّهُمّ عنا معهم.

853. Abu Hasan as sufi menghikayatkan, dia berkata : Hatim al ashamm berdiri diatas kubur nabi sawm maka dia berkata : wahai Tuhan ku! Sungguhnya kami kunjungi kubur nabi Mu maka jangan Engkau tolak kami dalam keadaan kami orang yang kecewa. Maka diserukan : wahai orang ini! Tidak kami izinkan kamu pada mengunjungi kubur nabi sawm melainkan kami telah sucikan kamu. Kembalilah kamu dan pengunjung-pengunjung yang bersama kamu dalam keadaan kamu diampunkan. Maka sungguhnya Allah azza wa jalla telah meredhai kamu dan orang yang menziarahi kubur nabiNya sawm. Maka ya Allah redhailah kami dan mereka.

بَابُ فَضْلِ الْقُرْآنِ

أخرج البيهقي [الجامع الصغير قم : 5865] عن أبي هريرة قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((فضل القرآن على سائر الكلام كفضل الرحمن على سائر خلقه)).

854. **BAB FADHILAT QURAN**. Baihaqi mengeluarkan dari Abu Hurairah katanya kata rasulullah sawm ((kelebihan Quran diatas sekelian kata-kata seperti kelebihan ar Rahman diatas sekelian makhlukNya)).

والحاكم [كنز العمال رقم : 2322] عن ابن مسعود ((من قرأ حرفا من كتاب الله فله به حسنة، والحسنة بعشر أمثالها. لا أقول الم حرفا، ولكن ألف حرف ولام حرف وميم حرف)).

855. Hakim mengeluarkan dari Ibnu Mas'ud ((siapa membaca satu huruf dari kitab Allah maka baginya satu kebaikkan dengan sebabnya, dan satu kebaikkan itu digandakan dengan sepuluh yang seumpamanya. Tidak aku katakan alif lam mim itu satu huruf, akan tetapi alif satu huruf dan lam satu huruf dan mim satu huruf)).

وأحمد [رقم 15218] عن معاذ بن أنس ((من قرأ القرآن وعمل بما فيه أُلْبِسَ والداه تاجا يوم القيامة، ضوءه أحسن من ضوء الشمس في بيوت الدنيا لو كانت فيكم، فما ظنكم بالذي عمل بها؟)).

856. Ahmad mengeluarkan dari Mu'az bin Anas ((siapa membaca Quran dan beramal dengan apa yang didalamnya dipakaikan dua ibu bapanya mahkota pada hari kiamat kelak, sinarnya lebih elok dari sinar matahari didalam rumah-rumah dunia kalau ia berada pada kamu. maka apa sangka kamu dengan orang yang beramal dengannya?)).

وأحمد [رقم 16510] عن تميم ((من قرأ بمئة آية في ليلة كتب له قنوت ليلة)).

857. Ahmad mengeluarkan dari Tamim ((siapa membaca seratus ayat pada satu malam dituliskan bagi dia ibadat satu malam)).

والحاكم [كنز العمال رقم : 8924] عن أبي هريرة ((من قرأ في ليلة مئة آية لم يكتب من الغافلين)).

858. Hakim mengeluarkan dari Abu Hurairah ((siapa membaca pada satu malam seratus ayat tidak dituliskan dia dari kalangan orang yang lalai)).

والديلمي [كنز العمال رقم : 570] عن عمر بن شعيب ((إذا ختم العبد القرآن صلى عليه عند ختمه ستون ألف ملك)).

859. Dailami mengeluarkan dari Umar bin Syu'aib ((apabila seorang hamba khatam Quran berselawat keatasnya disisi khatamnya enam puluh ribu malaikat)).

وأبو داود [رقم 4829] والنسائي [رقم 5038] عن أنس ((مثل المؤمنين الذي يقرأ القرآن كمثل الْأُتْرُجّة ريحها طيب وطعمها طيب، ومثل المؤمن الذي لا يقرأ القرآن كمثل التمر طعمها طيب ولا ريح لها، ومثل الفاجر الذي يقرأ القرآن كمثل الرَّيْحَانَة ريحها طيب وطعمها مر، ومثل الفاجر الذي لا يقرأ القرآن كمثل الحَنْظَلَة طعمها مُرٌّ ولا ريح لها، ومثل الجليس الصالح كمثل صاحب المسك إن لم يصبك منه شيء أصابك من ريحه، ومثل الجليس السوء كمثل صاحب الكير إن لم يصبك من شَرَرِهِ شيء أصابك من دخانه)).

860. Abu Daud dan Nasai'e mengeluarkan dari Anas ((perumpamaan orang beriman yang membaca Quran seumpama buah limau[19] baunya baik dan rasanya baik, perumpamaan orang beriman yang tidak membaca Quran seumpama tamar rasanya baik dan tidak punya bau, perumpamaan orang yang maksiat yang membaca Quran seumpama selasih baunya wangi dan rasanya pahit, perumpamaan orang maksiat yang tidak membaca Quran seumpama timun pahit rasanya pahit dan tidak punya bau, perumpamaan orang yang duduk semajlis dengan orang soleh seumpama pemilik kasturi jika tidak mengenai kamu sedikit darinya mengenai kamu baunya, perumpamaan orang yang duduk semajlis dengan orang yang buruk perangai seperti orang yang mengendalikan dapur tukang besi jika tidak mengenai kamu sesuatu dari percikkan bunga apinya mengenai kamu asapnya)).

وأحمد [رقم 8289] عن أبي هريرة ((من استمع إلى آية من كتاب الله كتبت له حسنة مضاعفة، ومن تلا آية من كتاب الله كانت له نورا يوم القيامة)).

861. Ahmad mengeluarkan dari Abu Hurairah ((siapa menuntut dengar kepada satu ayat daripada kitab Allah dituliskan bagi dia kebaikkan yang digandakan, dan siapa membaca satu ayat dari kitab Allah adalah ia cahaya baginya pada hari kiamat)).

والطبراني [مجمع الزوائد رقم 11671] عن أنس ((من علم ابنا له القرآن نظرا غفر له ما تقدم من ذنبه وما تأخر، ومن علمه إياه ظاهرا فكلما قرأ الابن آية رفع الله بها الأب درجة حتى ينتهي إلى آخر ما معه من القرآن)).

862. Thabarani mengeluarkan dari Anas ((siapa mengajarkan Quran kepada anaknya secara meneliti* diampunkan bagi dia apa yang terdahulu daripada dosanya dan apa yang terkemudian, dan siapa yang mengejarkan Quran kepada anaknya secara zahir maka setiap kali anakna itu membaca satu ayat Allah mengangkatkan si bapa itu dengan sebabnya satu darjat hingga dia sampai ke akhir apa yang ada bersamanya daripada Quran)).

[19] Limau citron.

والديلمي [الجامع الصغير رقم 3660] عن أبي أمامة ((حامل القرآن حامل راية الإسلام ومن أكرمه فقد أكرم الله ومن أهانه فعليه لعنة الله)).

863. Dailami mengeluarkan dari Abu Umamah ((penanggung Quran penanggung bendera Islam, siapa memuliakannya maka sungguh dia memuliakan Allah dan siapa menghinanya maka diatasnya laknat Allah)).

وأخرج الترمذي [رقم 2916] والنسائي [لم أجده، وهو عند أبي داود رقم 461] عن أنس قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((عرضت عليّ أجور أمتي حتى القَذَاةُ يخرجها الرجل من المسجد، وعرضت علي ذنوب أمتي فلم أر ذنبا أعظم من سورة من القرآن أو آية أوتيها رجلُ ثم نسيها)).

864. Turmizi dan Nasai’e mengeluarkan dari Anas katanya : kata rasulullah sawm ((dipamerkan kepada aku ganjaran-ganjaran umat ku hinggakan benda cemar yang dia keluarkan dari masjid, dan dipamerkan dosa-dosa umat ku maka aku tidak nampak satu dosa yang lebih besar dari satu surah atau satu ayat yang diberikan kepada seorang lelaki kemudian dia lupakannya)).

وأبو داود [رقم 1474] عن سعد بن عبادة ((ما من امرئ تعلم القرآن ثم نسيه إلا لقي الله يوم القيامة أجذم)).

865. Abu Daud mengeluarkan dari Sa’ad bin Ubadah ((tidak seorang yang mempelajari Quran kemudian dia lupakannya melainkan dia bertemu Allah pada hari kiamat berpenyakit kusta)).

وحكى اليافعي أن الإمام أحمد ابن حنبل قال : رأيت ربّ العزة في منامي فقلت : يا رب! بِمَ يتقرب إليك المتقربون؟ قال : بكلامي. فقلت ، بفهم أو بغير فهم؟ قال: بفهم وبغير فهم.

866. al Yafi’e menghikayatkan bahawa Imam Ahmad bin Hanbal berkata : aku lihat Tuhan yang maha mulia didalam tidur ku, maka aku kata : wahai Tuhan ku! Dengan apa sesaorang mendampingkan diri kepada Mu? KataNya : dengan kalam ku. Maka kata ku : dengan faham atau tanpa faham? kataNya : dengan faham dan tanpa faham.

تنبيهات. أحدها إن تلاوة القرآن أفضل من سائر أنواع الذكر العام الذي لم يخص بوقت أو محل. وهي نظرا وفي الصلاة وبالليل ونصفه الأخير وبين العشائين وبعد الصبح وفي أفضل الأوقات أفضلُ)).

867. Beberapa penyedaran. Satu daripadanya bahawa membaca Quran lebih afdhal dari sekelian zikir yang umum yang tidak khusus dengan waktu atau tempat. Ianya dengan meneliti dan didalam sembahyang dan pada waktu malam dan setengahnya yang akhir dan diantara dua isyak dan selepas subuh dan pada waktu-waktu yang afdhal adalah lebih afdhal.

فرع. يسن ترتيلها حتى للأعجمي الذي لا يفهمه. وهو الانتقال من حرف إلى حرف آخر بتأنّ بلا وقفة. وحرف ترتيل أفضل من حرفي غيره.

868. Cabangan. Sunat menganjur-anjurkannya hinggakan bagi orang ajam yang tidak memahaminya. Ianya adalah berpindah dari satu huruf kepada satu huruf yang lain dengan lambat yang bukannya wakaf. Satu huruf yang dibaca beranjur-anjur lebih afdhal dari dua huruf tanpa beranjuran.

قال ابن عباس : لأن أقرأ سورة أرتّلها أحب إليّ من أن أقرأ القرآن كله بغير ترتيل.

869. Kata Ibnu Abbas : sungguhnya aku membaca satu surah yang aku menganjur-anjurkannya lebih kasih kepada ku daripada bahawa aku baca Quran semuanya tanpa beranjuran.

قال بعضهم : يسن الوقوف على رأس كل آية. وعليه أبو عمر القارئ.

870. Kata sebahagian mereka : sunat wakaf diatas setiap kepala ayat. Diatasnya qari Abu Amr.

وينبغي أن يكون شأن القارئ الخشوع والتدبر والخضوع إذ هو المقصود والمطلوب. وبه تستنير القلوب.

871. Sayugia bahawa adalah keadaan pembaca Quran itu tenang hati dan mengamat-amati dan tenang anggota kerana ia yang dimaksudkan dan yang dituntut. Dengannya bersinar hati.

قال أنس بن مالك : رُبّ تال للقرآن والقرآن يلعنه.

872. Kata Anas bin Malik : berapa ramai pembaca Quran sedang Quran itu melaknatnya.

وورد في التوراة : يا عبدي! أما تَسْتَحِيْ منّي، يأتيك كتاب بعض إخوانك وأنت في الطريق تمشي فتعدل عن الطريق وتقعد لأجله وتقرؤه وتتدبره حرفا حرفا حتى لا يفوتَك منه شيء، وهذا كتابي أنزلته إليك، أنظر كم فصّلْتُ لك من القول، وكم كرّرت عليك فيه لتتأمل طولَه وعرضَه، ثم أنت معرِض عنه. أفكنتُ أهونَ عليك من بعض إخوانك؟ يا عبدي! يقصد إليك بعض إخوانك فتُقبل عليه بكل وجهك وتُصْغِي إلى حديثه بكل قلبك، فإن تكلم متكلِّم أو شغلك شاغل عن حديثه أومأْتَ إليه أَنْ كُفّ، وهَأَنَا ذَا مقبِل عليك ومحِدث لك وأنت معرِض عنّي بقلبك. أجعلتني أهون عليك من بعض إخوانك. تعالى الله عن ذلك علوا كبيرا.

873. Datang didalam Taurat : wahai hamba Ku! Adakah kamu tidak malu pada ku, datang kepada kamu surat saudara kamu sedangkamu berjalan dijalanan maka kamu melencong dari jalan itu dan duduk kerananya dan kamu membacanya dan mengamatinya sehuruf demi sehuruf hingga tidak terlepas sesuatu dari kamu, dan ini surat Ku, Aku turunkannya kepada kamu, lihatlah berapa banyak kata-kata yang aku perincikan untuk mu dan berapa banyak aku ulang-ulang keatas kamu padanya supaya kamu mengamati panjang dan lebarnya kemudian kamu berpaling darinya, adakah Aku lebih ringan diatas kamu dari saudara kamu? wahai hamba Ku! Menuju kepada kamu seorang saudara kamu maka kamu mengadap keatasnya dengan seluruh muka ku dan kamu dengar dengan teliti ceritanya dengan seluruh hati kamu maka jika orang lain bercakap atau menyibukkan kamu dari ceritanya kamu isyaratkan kepadanya agar berhenti, sedang ini Aku mengadap kepada mu dan bercerita kepada kamu dan kamu berpaling dari Ku dengan hati mu. Adakah kamu jadikan Aku lebih ringan bagi kamu dari saudara kamu itu. Maha tinggi Allah dari demikian itu sebenar-benar tinggi.

فائدة. قال في المجموع : الاشتغال بحفظ ما زاد على الفاتحة أفضل من صلاة التطوع. وأفتى بعض المتأخرين بأن الاشتغال بحفظه أفضل من الاشتغال بفرض الكفاية من سائر العلوم، دون العين منها.

874. Faedah. Kata Nawawi didalam Majmuk : sibuk menghafal apa yang lebih diatas fatihah terafdhal dari sembahyang sunat. Sebahagian ulamak mutakhir memfatwakan dengan bahawa sibuk menghafalnya terafdhal dari sibuk dengan sekelian ilmu-ilmu fardhu kifayah, tidak yang fardhu ‘ainnya.

وثانيا : أن نسيان آية أو حرف منه ولو بالاشتغال بما هو أهمُّ منه كتعلّم العلم العيني كبيرة.

875. Keduanya : bahawa lupa satu ayat atau satu huruf dari Quran walaupun dengan sibuk dengan apa yang ianya lebih penting darinya seperti belajar ilmu fardhu ‘ain adalah dosa besar.

وثالثها : أنه يجب على من حفظه بعد البلوغ بصفة من إتقان أو توسّط و غيرهما كأن يتوقف فيه و يكثر غلطه أن يستمرّ على تلك الصفة التي حفظه عليها. فيحرم عليه نقصها من حَافِظَتِه.

876. Ketiganya : bahawa wajib diatas orang yang menghafal Quran selepas baligh dengan satu sifat, daripada mantap atau sederhana dan selainnya seperti bahawa dia terhenti padanya dan banyak salahnya, bahawa dia terus diatas sifat yang dia hafal Quran itu diatasnya. Maka haram diatasnya mengurangkan sifat itu dari hafalannya.

ورابعها : أنه يحرم تمزيق ما كتب فيه قرآن عبثا وبلعه، لا أكله ولا شرب محوه، وترك رفعه عن الأرض، ومد الرجل إليه، ووضع نحو درهم فيه وفي كتب علم شرعي. ويندب القيام له كالعلم.

877. Keempatnya : bahawa haram mengoyakkan apa yang dituliskan Quran padanya tanpa tujuan dan menelannya, tidak memakannya dan meminum hapusannya[20], dan haram tidak mengangkatnya dari tanah dan melunjurkan kaki kepadanya dan meletakkan umpama dirham padanya dan pada kitab ilmu syara’. Sunat berdiri kerananya sama seperti bangun kerana orang alim.

وحكى يوسف المالكي أن الإمام أبا بكر ابن فورك ما نام في بيت فيه مصحف قط. وإذا أراد النوم انتقل عن المكان الذي فيه إعظاما لكتاب الله عز وجل.

878. Yusuf al maliki menghikayatkan bahawa imam Abu Bakar bin Fauraq tidak tidur didalam rumah yang ada mushaf didalamnya selama-lama. Apabila dia hendak tidur dia berpindah dari tempat yang ia ada padanya kerana membesarkan kitab Allah azza wa jalla.

فَصْلٌ فِي فَضَائِلِ بَعْضِ السُّوَرِ وَالآيَاتِ الَّتِيْ وَرَدَ فَضْلُهَا فِي الأَحَادِيْثِ غَيْرِ الْمَوْضُوْعَاتِ

[20] Ditulis pada makanan atau dihapuskan tulisan dengan air.

أخرج عبد الله بن حُمَيْد [الجامع الصغير رقم 5828] عن ابن عباس قال: قال رسول الله صلى الله علي وسلم ((فاتحة الكتاب تعدل بثلثي القرآن)).

879. **FASAL PADA FADHILAT SEBAHAGIAN SURAH-SURAH DAN AYAT-AYAT YANG DATANG FADHILATNYA PADA HADITH BUKAN MAUDHU'**. Abdullah bin Humaid mengeluarkan dari Ibnu Abbas katanya : kata rasulullah sawm ((Pembuka Kitab menyamai dua pertiga Quran)).

وأحمد [رقم 8467] والترمذي [رقم 2875] عن أبي هريرة ((والذي نفسي بيده ما أنزل الله في القرآن ولا في الزبور ولا في الإنجيل ولا في الفرقان مثلها)) يعني أم القرآن ((وإنها السبعُ المثاني والقرآنُ العظيم)).

880. Ahmad dan Turmizi mengeluarkan dari Abu Hurairah ((demi orang yang nyawa ku pada tangannya tidak Allah turunkan didalam Quran dan tidak didalam Zabur dan tidak didalam Injil dan tidak didalam Furqan akan yang seumpamanya)) iaitu Ummul Quran. ((Sungguhnya ia tujuh yang diulang-ulang[21] dan Quran yang agong)).

وأحمد [رقم 21653] عن أبي أمامة ((اقرؤو القرآن فإنه يأتي يوم القيامة شفيعا لأصحابه، اقرؤو الزَهْرَاوَيْنِ البقرةَ وآلَ عمران فإنهما يأتيان كأنهما غَمامتان أو غِيايتان أو كأنهما فِرقَانِ من طير صوافّ تُحَاجّانِ عن أصحابهما، اقرؤو سورة البقرة فإن أخذها بركة وتركَها حسرة ولا يستطيعها البَطَلَة)).

881. Ahmad mengeluarkan dari Abu Umamah ((bacalah Quran maka pada hari kiamat kelak ia datang menolong tuannya, bacalah dua bintang iaitu al Baqarah dan Ali 'Imran maka keduanya seolah-olah awan atau peneduh[22] atau seolah-olah dua kumpulan burung yang mendepakan kepaknya[23] berhujjah untuk tuan mereka, bacalah surah Baqarah maka mengamblinya keberkatan dan meninggalkannya kerugian dan tidak mampu mengambilnya tukang-tukang sihir)).

والبيهقي [الجامع الصغير قم 1342] عن الصَلْصَال ((اقرؤو سورة البقرة في بيوتكم ولا تجعلوها قبورا. ومن قرأ سورة البقرة تُوِّجَ بتاج في الجنة)).

882. Baihaqi mengeluarkan dari Shalshal ((bacalah surah Baqarah dirumah kamu dan jangan kamu jadikannya sebagai kubur. Siapa membaca surah Baqarah diberi pakai dia mahkota didalam syurga)).

وابن مردويه والشيرازي [الجامع الصغير رقم 1188] عن ابن مسعود ((أعظم آية في كتاب الله آية الكرسي وأعدل آية في القرآن {إِنّ اللهَ يَأْمُرَ بِالعَدْلِ وَالإِحْسَانِ} [سورى النحل : 90]، إلى آخرها، وأخوف آية في القرآن {فَمَنْ يَعْمَل مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خيراً يَرَهْ وَمَنْ يَعْمَلُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرّاً يَرَهْ} [سورة الزلزلة : 7-8] وأرجى آية في القرآن {قُلْ يَا عِبَادِي الّذِينَ أَسْرَفُوا عَلى أَنْفُسِهِمْ لا تَقْنطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللهِ}، [سورة الزمر : 53].

883. Ibnu Mardawaih dan Syirazi mengeluarkan dari Ibnu Mas'ud ((sebesar-besar ayat didalam kitab Allah adalah ayat kursi, ayat yang paling adil didalam Quran "Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi

---

[21] Diuang-ulang didalam sembahyang.
[22] "غمامة" dan "غياية" setiap yang meneduhkan orang diatas kepalanya, awan atau selainnya.
[23] "صواف" jamak "صافة" : "تصف أجنحتها عند طيران".

bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu dengan suruhan dan laranganNya ini, supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya", dan ayat paling menakutkan didalam Quran "maka sesiapa berbuat kebajikkan seberat zarah nescaya akan dilihatnya! dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya!" dan ayat yang paling mengharapkan didalam Quran "Katakanlah : Wahai hamba-hamba Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; Sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani")).

والحاكم [الجامع الصغير رقم 1731] عن أبي ذر ((إن الله ختم سورة القرة بآيتين أعطاهما من كنزه الذي تحت العرش، فتعلّموهُنّ وعلِّموهُنّ نساءكم وأبناءكم فإنهما صِلاة وقراءة ودعاء)).

884. Hakim mengeluarkan dari Abu Zarr ((sungguhnya Allah mengkhatamkan surah Baqarah dengan dua ayat yang Dia berikan keduanya dari gudangNya yang berada dibawah arasy, maka pelajarilah surah Baqarah itu dan ajarikanlah ia kepada isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu, maka kedua ayat itu adalah rahmat dan bacaan quran dan doa)).

والدارمي [رقم 3396] عن عثمان ابن عفان رضي الله عنه ((من قرأ آخر آل عمران في ليلة كتب قيام ليلة)).

885. Darami mengeluarkan dari Uthman bin Affan r.a ((siapa membaca akhir Ali Imran pada satu malam dituliskan baginya bangun malam)).

وأحمد [رقم 15207] عن معاذ ابن أنس ((آية العزّ {وَقُل الحَمْدُ لِلّهِ الّذِي لَمْ يَتّخِذْ وَلَداً} [سورة الإسراء : 111].

886. Ahmad mengeluarkan dari Mu'az bin Anas ((ayat kemuliaan itu "Segala puji tertentu bagi Allah Yang tiada mempunyai anak, dan tiada baginya sekutu dalam urusan kerajaanNya, dan tiada baginya penolong disebabkan sesuatu kelemahanNya; dan hendaklah Engkau membesarkanNya dengan bersungguh-sungguh!")).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 4725] عن ابن عباس ((سورة الكهف تدعى في التوراة الحائلةُ، تحول بين قارئها وبين النار)).

887. Baihaqi mengeluarkan dari Ibnu Abbas ((surah al Kahfi didalam Taurat dipanggil dengan "yang menghalang", ia menghalang diantara pembacanya dan diantara neraka)).

ومسلم [رقم 809] عن أبي الدرداء ((من قرأ العشر الأواخر من سورة الكهف عُصم من فتنة الدجال)).

888. Muslim mengeluarkand dari Abu Darda' ((siapa membaca sepuluh ayat akhir dari surah al Kahfi dipelihara dia dari fitnah Dajjal)).

وأحمد [رقم 14249] والترمذي [رقم 2892] والنسائي [لم أجده] والحاكم [الجامع الصغير رقم 6921] عن جابر : كان النبي صلى الله عليه وسلم لا ينام حتى يقرأ {الم تَنْزِيلُ السّجْدَةِ. و تَبَارَكَ الّذِي بِيَدِهِ المُلكُ} [سورة الملك].

889. Ahmad dan Turmizi dan Nasai'e dan Hakim mengeluarkan dari Jabir : adalah nabi sawm sentiasa tidak tidur hingga dia membaca "الم تنزيل"dan "maha berkatlah Dia yang pada tanganNya kerajaan dan Dia berkuasa diatas tiap suatu".

والدارمي [رقم 3408] عن خالد بن معدان قال ((اقرؤو المُنْجِيَةَ وهي "الم تنزيل" فإنه بلغني أن رجلا كان يقرؤها ما يقرأ شيئا غيرها، وكان كثيرا الخطايا، فنشرت جناحها عليه. وقالت : رب اغفر له، فإنه كان يكثر قراءتي، فشفّعْها الربُّ تعالى، وقال : اكتبوا له بكل خطيئة حسنةً وارفعوا له درجةً)).

890. Darami mengeluarkan dari Khalid bin Ma'dan katanya ((bacalah surah yang menjayakan iaitu ""الم تنزيل"", maka sungguhnya sampai kepada ku bahawa seorang lelaki membacanya dan dia tidak membaca sedikit pun selainnya, dan adalah dia orang yang banyak dosa, maka surah ini mengembangkan sayapnya keatasnya, dan berkata : wahai Tuhan ku ampunkan dia kerana dia banyak membaca ku, maka tolonglah dia wahai Tuhan ku yang maha tinggi. Kata Tuhan : tuliskan baginya kebaikkan dan angkatlah satu darjat baginya dengan setiap satu kesalahan)).

وقال أيضا [الدارمي رقم 3410] ((إنها تجادل عن صاحبها في القبر. تقول : اللّٰهُمَّ إن كنت من كتابك فشفِّعْنِي فيه وإن لم أكن من كتابك فامْحُنِيْ عنه. وإنما تكون كالطير تَجعل جناحَها عليه فتشفع له فتمنعه من عذاب القبر)). وقال في "تبارك" مثله.

891. Kata Darami juga ((sungguhnya ia berbantah bagi pihak tuannya didalam kubur. Ia berkata : ya Allah, jika aku sebahagian daripada kitab Mu maka jadikan aku penolong padanya, dan jika aku bukan sebahagian daripada kitab Mu maka hapuskan aku darinya. Ia menjadi seperti burung yang meletakkan kepaknya diatas tuannya lalu dia menolongnya dari azab kubur)). Darami katakan apa yang seumpamanya pada surah "تبارك".

وعن أبي سعيد [البيهقي الجامع الصغير رقم 8935] ((من قرأ يس مرة فكأنما قرا القرآن مرتين)).

892. Dari Abu Sai'ed ((orang yang membaca "يس" sekali maka seolah-olah dia membaca Quran dua kali)).

وفي رواية البيهقي [الجامع الصغير رقم 8937] عن معقل بن يسار ((من قرأ يس ابتغاء وجه الله غفر له ما تقدم من ذنبه فاقرؤوها عند موتاكم)).

893. Pada riwayat Baihaqi dari Ma'qil bin Yasar ((siapa membaca "يس" merana menuntut wajah Allah diampunkan bagi dia apa yang telah lalu daripada dosa-dosanya, maka bacakanlah ia disisi orang yang hampir mati dari kalangan kamu)).

وأبو نعيم [الجامع الصغير رقم 8934] عن ابن مسعود رضي الله عنه ((من قرأ "يس" في ليلة أصبح مغفورا له)).

894. Abu Nu'aim mengeluarkan dari Ibnu Mas'ud r.a ((siapa membaca "يس" pada malam hari dia masuk subuh dalam keadaan dia diampunkan)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 8933] عن أبي هريرة ((من قرأ "يس" كل ليلة غفر له)).

895. Baihaqi mengeluarkan dari Abu Hurairah ((siapa membaca "يس" setiap malam diampunkan dia)).

وفي رواية عنه [الجامع الصغير رقم 8937] ((من قرأ "يس" في يوم وليلة ابتغاء وجه الله تعالى غفر له ما تقدم من ذنبه، فاقرؤوها عند موتاكم)).

896. Pada satu riwayat darinya ((siapa membaca "يس" didalam sehari semalam kerana menuntut wajah Allah taala diampunkan baginya apa yang terdahulu daripada dosanya, maka bacakanlah ia disisi orang yang sedang mati dari kalangan kamu)).

والدارمي [رقم 3418] عن عطاء ابن أبي رباح قال ((من قرأ "يس" في صدر النهار قضيت حوائجه)).

897. Darami mengeluarkan dari Ata' bin Abi Rabah, katanya ((siapa membaca "يس" diawal siang ditunaikan hajat-hajatnya)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 3853] عن الخليل بن مرة، قال ((الحواميم سبع وأبواب جهنم سبع، يجيء كل حامِيْمٍ منها تقف على باب من هذه الأبواب، تقول : اللّٰهُمَّ لا تُدْخِلْ هذا الباب من كان يؤمن بي ويقرؤني)).

898. Baihaqi meriwayatkan dari Khalil bin Murrah katanya ((surah yang dimulakan dengan "حم" itu tujuh dan pintu jahannam tujuh, datang setiap satu "حم" daripada tujuh itu lalu ia berhenti pada satu pintu daripada pintu-pintu ini, ia berkata ya Allah! jangan Engkau masukkan kepintu ini orang yang percayakan aku dan membaca aku)).

والترمذي [رقم 2888] عن أبي هريرة ((من قرأ حم الدخان في ليلة أصبح يستغفر له سبعون ألف ملك)).

899. Turmizi mengeluarkan dari Abu Hurairah ((siapa membaca "حم الدخان" pada satu malam dia masuk pagi hari dalam keadaan tujuh puluh ribu malaikat meminta ampun untuknya)).

وابن الضُرَيْس [الجامع الصغير رقم 8940] عن الحسن، قال ((من قرأ سورة الدخان في ليلة غفر له ما تقدم من ذنبه)).

900. Ibnu Dhurais mengeluarkan dari Hasan, katanya ((siapa membaca surah Dukhan pada satu malam diampunkan baginya apa yang terdahulu daripada dosanya)).

والبيهقي والديلمي [الجامع الصغير رقم 6001] عن فاطمة رضي لله عنها ((قارئ الحديد و"إذا وقعت" والرحمن يدعى في ملكوت السموات والأرض ساكنَ الفردوس)).

901. Baihaqi dan Dailami mengeluarkan dari Fatimah r.a ((pembaca surah "الحديد" dan "إذا وقعت" dan "الرحمن" dipanggil pada malakut langit dan bumi sebagai penduduk firdaus)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 8942] عن ابن مسعود ((من قرأ سورة الواقعة في كل يوم لم تصبه فاقة أبدا)).

902. Baihaqi mengeluarkan dari Ibnu Mas'ud ((siapa membaca surah al Waqiah setiap hari tidak dia ditimpa kesulitan dan hajat selama-lama)).

وابن عدي [بل الديلمي الجامع الصغير رقم 2641] عن أنس ((علمو نساءكم سورة الواقعة فإنها سورة الغنى)).

903. Ibnu Adiy mengeluarkan dari Anas ((ajarikanlah perempuan-perempuan kamu akan surah al Waqiah, maka ia adalah surah kekayaan)).

والترمذي [رقم 3406] والنسائي [في الكبرى، وهو عند أبي داود رقم 5057، الدارمي رقم 3424] عن العِرْبَاض بن سارِيةَ : كان النبي صلى الله عليه وسلم يقرأ المسبّحَات في كل ليلة قبل أن يرقد، يقول ((إن فيهنّ آيةٌ خيرًا من ألف آية)). قال الحافظ ابن كثير هي قوله {هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ} إلى {عَلِيم} [سورة الحديد : 3].

904. Turmizi dan Nasai'e mengeluarkan dari 'Irbadh bin Sariah : adalah nabi sawm sentiasa membaca surah-surah "musabbihah"[24] pada setiap malam sebelum dia tidur, katanya ((padanya ada satu ayat yang lebih dari seribu ayat)). Kata Hafiz Ibnu Kathir ianya kata Allah taala "Dia lah Yang awal dan Yang Akhir; dan Yang zahir serta Yang Batin; dan Dia lah Yang Maha mengetahui tiap-tiap sesuatu".

وقال أبي بن كعب : أفضل المسبِّحات "سبح اسم ربك الأعلى". [سورة الأعلى:1].

905. Kata Ubay bin Ka'ab : surah musabbihah yang terafdhal "سبح اسم ربك الأعلى".

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 8943] عن أبي أمامة ((من قرأ خواتيم الحشر من ليل أو نهار فقبض في ذلك اليوم أو الليلة فقد أوجب الله له الجنة)).

906. Baihaqi mengeluarkan dari Abu Umamah ((siapa membaca ayat-ayat akhir surah al Hasyr pada malam atau siang maka dia digenggam pada siang atau malam itu maka sungguhnya Allah mewajibkan syurga bagi dia)).

وأحمد [رقم 7915] وأبو داود [رقم 1400] والترمذي [رقم 2891] والحاكم وابنا عدِيّ وحبان [الجامع الصغير رقم 2279] عن أبي هريرة ((إن سورة في القرآن ثلاين آية شَفَعَتْ لرجل حتى غفر له. وهي "تبارك الذي بيده الملك". وفي رواية أبي داود [رقم 1400] ((تَشْفَعُ)).

907. Ahmad dan Abu Daud dan Turmizi dan Hakim dan Ibnu 'Adiy dan Ibnu Hibban mengelaurkan dari Abu Hurairah ((sungguhnya satu surah didalam Quran sebanyak tiga puluh ayat mensyufaatkan seorang hingga dia diampunkan. Ianya " تبارك الذي بيده الملك". Pada satu riwayat bagi Abu Daud "تشفع".

[24] Surah yang dimulakan dengan "" atau "" iaitu al Hadid, al Hasyr dan as Saff dan al Jumaah dan at Taghabun dan al A'la.

والترمذي [رقم 2890] عن ابن عباس قال : ضرب بعض أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم خِباءه على قبر، وهو لا يحسب أنه قبر. فإذا فيه إنسان يقرأ فيه سورة "تبارك الذي بيده الملك" حتى ختمها. فأتى النبي صلى الله عليه وسلم فأخبره، فقال ((هي المانعة، هي المنجِية، تنجيه من عذاب الله)).

908. Turmizi mengeluarkan dari Ibnu Abbas, katanya : seorang sahabat nabi sawm mendirikan khemahnya diatas satu kubur, sedang dia tidak sangka bahawa ianya kubur. Maka tiba-tiba didalamnya ada orang yang membaca surah "تبارك الذي بيده الملك" hingga khatam. Maka dia datang kepada nabi sawm lalu mengkhabarkannya. Maka kata nabi sawm ((ianya suatu yang menegah, ianya suatu yang menjayakan, ia menjayakan dia dari azab Allah)).

والحاكم [الجامع الصغير رقم 3477] عنه ((ودِدْتُ أن "تبارك الذي بيده الملك" في قلب كل مؤمن)).

909. Hakim mengeluarkan dari Ibnu Abbas ((aku kasih bahawa "تبارك الذي بيده الملك" didalam hati setiap orang beriman)).

والترمذي [رقم 2893] عن أنس ((من قرأ "إذا زلزلت" عدلت نصف القرآن، ومن قرأ "قل يا أيها الكافرون" عدلت ربع القرآن ومن قرأ "قل هو الله أحد" عدلت له بثلث القرآن)).

910. Turmizi mengeluarkan dari Anas (siapa membaca "إذا زلزلت" ia menyamai setengah Quran dan siapa membaca "قل يا أيها الكافرون" ia menyamai satu perempat Quran dan siapa membaca "قل هو الله أحد" ia menyamai baginya dengan satu pertiga Quran)).

والبيهقي [الجامع الصغير رقم 2713] عن ابن عمر ((ألا يستطيع أحدكم أن يقرأ ألف آية كل يوم؟)). قالوا : ومن يستطيع أن يقرأ ألف آية في كل يوم؟ قال ((أما يستطيع أحدكم أن يقرأ "الهكم التكاثر")).

911. Baihaqi mengeluarkan dari Ibnu Umar ((adakah tidak mampu seorang dari kamu membaca seribu ayat setiap hari?)). Kata mereka : siapa yang mampu membaca seribu ayat pada setiap hari? Katanya ((adakah tidak mampu seorang dari kamu membaca "الهكم التكاثر")).

والشيخان [البخاري رقم 5014، وليس بمسلم] وأبو داود [رقم 1461] والترمذي والنسائي [رقم 995] وابن ماجه ومالك [رقم 477 و 483] وأحمد [رقم 10669] والطبراني والبزّار وأبو عُبَيْد [الجامع الصغير رقم 6132] عن عشرة من الصحابة : "قل هو الله أحد" تعدل ثلث القرآن.

912. Dua syeikh dan Abu Daud dan Turmizi dan Nasai'e dan Ibnu Majah dan Malik dan Ahmad dan Thabarani dan bazaar dan Abu Ubaid mengelaurkan dari sepuluh orang sahabat (("" menyamai satu pertiga Quran)).

وأحمد [رقم 15183] عن معاذ بن أنس ((من قرأ قل هو الله أحد عشر مرات بنى الله له بيتا في الجنة)).

913. Ahmad mengeluarkan dari Mu'az bin Anas ((siapa membaca "قل هو الله أحد" sepuluh kali Allah bina baginya sebuah rumah didalam syurga)).

والبيهقي وابن عدِيّ [الجامع الصغير رقم 8950] عن أنس ((من قرأ قل هو الله أحد مئة مرة غفر الله له خطيئةَ خمسين عاما، ما اجتنب خِصالا أربعا : الدماء والأموال والفروج والأشربة)).

914. Baihaqi dan Ibnu ‘Adi mengeluarkan dari Anas ((siapa membaca “قل هو الله أحد” seratus kali Allah ampunkan bagi dia kesalahan lima puluh tahun selama dia menjauhi empat perkara : darah-darah dan harta-harta dan faraj-faraj dan minuman-minuman)).

والطبراني [الجامع الصغير رقم 8949] عن فَيْرُوز ((من قرأ قل هو الله أحد مئةَ مرّة في الصلاة أو غيرها كتب الله له براءةً من النار)).

915. Thabarani mengeluarkan dari Fairuz ((siapa membaca “قل هو الله أحد” seratus kali didalam sembahyang atau selainnya Allah tuliskan bagi dia kelepasan dari neraka)).

وورد في سورة لَمْ يَكُنِ ((إن الله تعالى يقول لمن قرأها : أبشر عبدي، فعِزّتي لأُمَكِّنَنّ لك في الجنة حتى ترضى)). [كنز العمال رقم 2711]، وفي العَادِيَات ((إنها تعدل نصف القرآن)) [الدر المنثور، 100 سورة العاديات]، وفي سورة النَصْر ((إنها تعدل ربع القرآن))، [كنز العمال رقم 2717].

916. Datang pada surah “لَمْ يَكُنِ” ((sungguhnya Allah taala berkata kepada orang yang membacanya : khabarkan hamba Ku dengan gembiraan, maka demi kemuliaan Ku akan Aku tempatkan kamu didalam syurga hingga kamu redha)), dan pada surah “العَادِيَات” ((bahawa ia setengah Quran)), dan pada surah “النصر” ((ianya menyamai satu perempat Quran)).

وروى الجُوَيْنِيّ في تفسيره عن أَبّان ابن أبي عَيّاش، قال : حضرنا وفاة مُوَرّق العِجْلِيّ. فلما سُجِّيَ وقلنا : قد قضى، رأينا نورا ساطِعا قد سطع من عند رأسه حتى خرق السقف، ثم رأينا نورا قد سطَع عند رجليه مثل الأول، ثم رأينا نورا سطَع من وسطه، فمكثنا ساعة، ثم إنه كشف الثوب عن وجهه، فقال : هل رأيتم شيئا؟ قلنا له : نعم. وأخبرناه ما رايناه. فقال : تلك سورة السجدة قد كنت أقرؤها في كل ليلة، وكان النور الذي رأيتم عند رأسي أربع عشرة آية من أولها، والنور الذي رأيتم عند رجلي أربع عشرة من آخرها، والنور الذي رأيتم في وسطي آية السجدة بنفسها صعدت تشفع لي، وبقيت سورة تبارك تحرسني، ثم قضى.

917. al Juwaini meriwayatkan didalam tafsirnya dari Abban bin ‘Iyash, katanya : kami menghadhiri kematian Muwarraq al ‘Ijli. Maka tatkala dia diselimutkan dan kami katakan : sungguh telah diqadhakan, kami lihat cahaya yang memancar keluar dari sisi kepalanya hingga membelah bumbung kemudian kami lihat cahaya memancar dari sisi dua kakinya seumpama yang pertama, kemudian kami lihat cahaya memancar dari tengahnya, maka kami diam seketika, kemudian dia menyelak kain dari mukanya maka katanya : adakah kamu lihat sesuatu? Kami kata kepadanya : ia, dan kami khabarkan dia apa yang kami lihat. Maka katanya : itu surah Sajdah yang aku sentiasa baca pada setiap malam, cahaya yang kamu lihat disisi kepala ku empat belas ayat dari awalnya, dan cahaya yang kamu lihat disisi kaki ku empat belas ayat dari akhirnya, dan cahaya

yang kamu lihat pada tengah ku adalah ayat sajdah itu sendiri, ia naik memberi syafaat kepada aku. Tinggal lagi surah Tabaraka menjaga ku. Kemudian dia wafat.

وحكى اليافعي [الحكاية رقم 151]، قال : سمعت من بعض الصالحين في بعض بلاد اليمن أنه لما دَفَنَ بعض الموتى وانصرف الناس سمع من القبر ضربا ودقّاً عنيفا، ثم خرج من القبر كلب أسودُ. فقال له الشيخ : وَيْحَكَ! إِيْش أَنْتَ؟ قال : أنا عمل الميت. فقال : هذا الضرب فيك أم فيه؟ قال : بل فيّ. وُجِدَتْ عنده سورة يس وأخواتها فحالت بيني وبينه وضُرِبْتُ وطُرِدْتُ.

918. Yafi'e menghikayatkan, katanya : aku dengar seorang dari orang-orang soleh disatu tempat di Yaman bahawa tatkala dia kebumikan satu mayat dan orang ramai berpaling pergi, dia mendengar pada kubur itu bunyi pukulan dan ketukkan yang keras, kemudian keluar dari kubur itu anjing hitam. Maka kata syeikh itu kepadanya : celaka engkau! Apa engkau ini? Katanya : aku adalah amalan mayat ini. Maka katanya : pukulan itu pada engkau atau pada dia? Katanya : bahkan pada aku. Didapati disisinya surah "يس" dan saudara-saudaranya maka ia menghalang diantara aku dan diantara dia, dan dipukul dan dihalau aku.

نسأل الله المنان أن يجنبنا عذاب القبر والنيران وأن يرزقنا الحور والجنان ببركة القرآن. آمين.

919. Kita minta Allah yang maha mengurnia agar dia menjauhkan kita dari azab kubur dan neraka dan agar dia merazekikan kita bidadari dan syurga-syurga dengan berkat Quran. Amin.

بَابُ أَذْكَارِ الصَّبَاحِ وَالْمَسَاءِ

أخرج أحمد [رقم 17529] عن عبد الرحمن بن غَنْم، قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((من قال قبل أن ينصرف ويثني برجليه من صلاة المغرب والصبح "لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد يحيي ويميت بيده الخير وهو على كل شيء قدير"، عشرا مرات، كتب له بكل واحدة عشر حسنات ومُحِيَتْ عنه سيئات ورفع له عشر درجات وكانت له حرزا من كل مكروه وحرزا من الشيطان الرجيم، ولم يحِلّ لذنب أن يدركه إلا الشركُ، وكان من أفضل الناس عملا إلا رجلا يفضُله، يقول أفضلَ مما قال)).

920. **BAB ZIKIR-ZIKIR SUBUH DAN PETANG**. Ahmad mengeluarkan mengeluarkan dari Abdul Rahman bin Ghanmi katanya : kata rasulullah sawm ((siapa membaca sebelum dia berpaling dan mengubah kedudukan dua kakinya dari sembahyang maghrib dan subuh " لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد يحيي ويميت بيده الخير وهو على كل شيء قدير" sepuluh kali, dituliskan baginya dengan setiap satunya sepuluh kebaikkan dan dihapuskan darinya kejahatan-kejahatan dan diangkatkan baginya sepuluh darjat dan adalah ia menjadi penampan baginya dari setiap yang tidak disukai dan penampan dari Syaitan yang direjam, tidak boleh satu dosa mendapatkan dia melainkan syirik, dan adalah ia seafdhal-afdhal manusia nisbah amalan melainkan orang yang melebihinya yang membaca akan yang lebib afdhal daripada apa yang dia baca)).

وزاد النسائي ((من قالهن من صلاة العصر أعطي مثل ذلك)).

921. Nasai'e menambah ((siapa yang membacanya selepas sembahyang asar diberikan dia seumpama demikian itu)).

وأحمد [رقم 16662] والبخاري [رقم 6306] ((سيد للاستغفار "اللّٰهُمَّ أنت ربي لا إلٰه إلا أنت خلقتني وأنا عبدك وأنا على عهدك ووعدك ما استطعتُ. أعوذ بك من شر ما صنعتُ أبوءُ لك بنعمتك عليّ وأبوءُ بذنبي فاغفرلي فإنه لا يغفر الذنوب إلا أنت". من قالها من النهار موقنا بها فمات من يومه قبل أن يصبح فهو من أهل الجنة)).

922. Ahmad dan Bukhari mengeluarkan ((penghulu istigfar itu "ya Allah Engkau Tuhan ku tidak ada Tuhan melainkan Engkau, Engkau jadikan aku dan aku hamba Mu dan aku diatas perjanian Mu sekuasa aku. Aku berlindung dengan Mu dari kejahatan apa yang aku buat, aku kembali kepada kamu dengan ni'mat Mu keatas ku dan aku kembali dengan dosa ku maka ampuni aku kerana tidak ada yang mengampunkan dosa melainkan Engkau". Siapa membacanya pada siang hari dalam keadaan yakin dengannya maka dia mati pada hari itu sebelum masuk subuh maka dia daripada ahli syurga)).

وأبو داود [رقم 5068] والترمذي [رقم 3391] كان النبي صلى الله عليه وسلم يقول إذا أصبح ((اللّٰهُمَّ بك أمسينا وبك أصبحنا وبك نحيا وبك نموت وإليك المصير)).

923. Abu Daud dan Turmizi mengeluarkan : adalah nabi sawm sentiasa berkata apabila masuk subuh ((ya Allah dengan Mu aku masuk petang hari dan dengan Mu aku masuk pagi hari dan dengan Mu aku hidup dan dengan Mu aku mati dan kepada Mu tempat kembali)).

وابن السني [رقم 48]، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم لفاطمة رضي الله عنها : ((ما يمنعك أن تسمعي ما أوصيتك به. تقولي إذا أصبحتِ وإذا أمسيتِ : يا حي يا قيوم برحمتك أستغيث فأصلح لي شأني كله ولا تَكِلْنِيْ إلى نفسي طرفة عين)).

924. Ibnu Sunni mengeluarkan : kata rasululah sawm kepada Fatimah r.a : apa yang menegah kamu daripada bahawa kamu mendengar apa yang aku pesan kepada kamu dengannya. Kamu katakan apabila masuk subuh dan masuk petang : wahai Yang Hidup wahai Yang Menguruskan semua perkara! dengan rahmat Mu aku minta tolong maka perelokkan bagi ku urusan ku semuanya dan jangan Engkau serahkan aku kepada diri ku sekelip mata pun)).

وأبو داود [رقم 5071 و 5084] ((إذا أصبح أحدكم فليقل : أصبحنا وأصبح المُلْك لله رب العالمين، اللّٰهُمَّ إني أسألك خيرَ هذا اليوم فتحَه ونصرَه ونورَه وبركتَه وهداه، وأعوذ بك من شر ما فيه وشر ما قبله وشر ما بعده. ثم إذا أمسى فليقل مثل ذلك)).

925. Abu Daud mengeluarkan ((apabila seorang dari kamu masuk kepetang hari maka katakanlah : berpagi-pagi kerajaan itu milik Allah Tuhan sekelian alam, ya Allah sungguhnya aku memohon dari Mu akan kebaikkan hari ini, kebukaannya dan pertolongannya dan cahayanya dan keberkatannya dan hidayahnya. Aku berlindung dengan Mu dari kejahatan apa yang ada didalamnydan kejahatan apa yang

sebelumnya dan selepasnya. Kemudian apabila dia masuk kepetang hari maka katakan seumpama demikian itu)).

وأبو داود [رقم 1555] دخل رسول الله صلى الله عليه وسلم ذات يوم المسجدَ فإذا هو برجل من الأنصار يقال له أبو أمامة، فقال : ((يا أبا أمامة! ما لي أراك جالسا في غير وقت الصلاة؟ قال : هموم لزمتني وديون يا رسول الله! قال ((أفلا أعلّمك كلاما إذا قلته أذهب الله همك وقضى عنك دينك؟)). قلت : بلى يا رسول الله. قال ((قل إذا أصبحت وإذا أمسيت : اللّٰهُمَّ إني أعوذ بك من الهم والحزن وأعوذ بك من العجز والكسل وأعوذ بك من الجُبْن والبخل وأعوذ بك من غلبة الدين وقهر الرجال. قال : فقلت فأذهب الله تعالى همِّي وقضى عنّي ديني.

926. Abu Daud mengeluarkan : pada satu hari rasulullah sawm masuk kedalam masjid maka dia dapati seorang lelaki daripada puak anshar dipanggil Abu Umamah, maka katanya ((wahai Abu Umamah! Kenapa aku lihat engkau duduk pada selain waktu sembahyang? Katanya : dukacita yang melazimi aku dan hutang wahai rasulullah! Katanya ((katakan apabila engkau berpagi-pagi dan berpetang-petang : ya Allah sungguhnya aku berlindung dengan Mu dari dukacita dan sedih dan aku berlindung dengan Mu dari lemah dan malas dan aku berlindung dengan Mu dari bacul dan bakhil dan aku berlindung dengan Mu dari kalah dengan hutang dan lelaki-lelaki. Katanya : maka aku katakan, maka Allah taala menghilangkan dukacita ku dan melunaskan hutang ku.

وابن السني [رقم 56] جاء رجل إلى أبي الدرداء فقال : يا أبا الدرداء ! قد احترق بيتك. فقال : ما احترق، لم يكن الله عز ووجل ليفعل ذلك بكلمات سمعتهن من رسول الله صلى الله عليه وسلم من قالها أول نهاره لم تصبه مصيبة حتى يُمْسِي ومن قالها آخر النهار لم تصبه مصيبة حتى يصبح : ((اللّٰهُمَّ أنت ربي لا إله إلا أنت عليك توكلت وأنت رب العرش العظيم، ما شاء الله كان وما لم يشأ لم يكن، لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم. أعلم أن الله على كل شيء قدير وأن الله قد أحاط بكل شيء علما. اللّٰهُمَّ إني أعوذ بك من شر نفسي ومن شر كل دابة أنت آخذ بناصيتها إن ربي على صراط مستقيم)).

927. Ibnu Sunni mengeluarkan : datang seorang lelaki kepada Abu Darda' maka katanya : wahai Abu Darda'! rumah kamu terbakar. Maka katanya : ia tidak terbakar, tidak boleh Allah azza wa jalla melakukan demikian itu dengan kalimah-kalimah yang aku dengar dari rasulullah sawm, siapa membacanya pada awal siangnya tidak dia ditimpa musibah hingga dia masuk petanq dan siapa membacanya pada akhir siang dia tidak ditimpa musibah hingga masuk subuh: ((ya Allah! Engkau Tuhan ku, tidak ada Tuhan melainkan Engkau, diatas Mu aku bertawakkal, Engkau Tuhan arasy yang besar, apa yang Allah mahukan ujud dan apa yang Dia tidak mahukan tidak ujud, tidak ada daya dan tidak ada upaya melainkan dengan Allah yang maha tinggi dan maha besar. Aku tahu bahawa Allah diatas setiap suatu maha berkuasa dan bahawa Allah meliputi tiap suata dengan ilmuNya. Ya Allah sungguhnya aku berlindung dengan Mu dari kejahatan diri ku dan dari kejahatan setiap yang melata yang Engkau pegang ubun-ubunnya, sungguhnya Tuhan ku diatas titian yang lurus)).

وأخرجه من طريق آخر [رقم 58] أنه تكرر مجيء رجل إليه يقول : أَدْرِكْ دَارَكَ، فقد احترقت، وهو يقول : ما احترقت لأني سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول ((من قال حين يصبح هذه الكلمات لم يصبه في

نفسه ولا أهله ولا ماله شيء يكرهه))، وقد قلتها اليوم. ثم قال : انهضوا بنا! فقال : وقاموا معه فانتهوا إلى داره وقد احترقت ما حولها ولم يصبها شيء. وفي رواية أخرى له ((من قالها ثم مات دخل الجنة)).

928. Dia mengeluarkan dari jalan yang lain bahawa seorang lelaki berulang kali datang kepadanya seraya berkata: pergi dapatkan rumah engkau kerana ianya terbakar. Dia berkata : ia tidak terbakar kerana aku dengar rasulullah sawm berkata ((siapa yang membaca ketika dia masuk pagi hari akan kalimah-kalimah ini tidak menimpa dirinya dan tidak ahlinya dan hartanya sesuatu yang dia benci)) dan aku telah membacakannya. Kemudian kata Abu Darda’ : bangunlah kamu semua! Maka kata Ibnu Sunni : dan mereka bangun bersamanya lalu sampai kerumahnya, sungguhnya terbakar apa yang disekelilingnya dan ia tidak kena apa-apa. Pada satu riwayat lain baginya ((siapa membacanya kemudian dia mati dia masuk syurga)).

وهو أن رجلا شكا إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم أنه يصيبه الآفات، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ((قل إذا أصبحت بسم الله على نفسي ومالي وأهلي فإنه لا يذهب لك شيء)) فقالهن الرجل فذهب عنه الآفات.

929. Dia mengeluarkan bahawa seorang lelaki mengadu kepada rasulullah sawm bahawa dia kena penyakit, maka kata rasulullah sawm ((katanya : apabila kamu masuk pagi katakan : dengan nama Allah diatas diri ku dan harta ku dan keluarga ku, maka tidak hilang suatu milik kamu)). Kemudian lelaki itu membacanya maka hilanglah penyakit darinya.

ومسلم [رقم 2708] وأبو داود [رقم 3899] ((أما إنك لو قلت حين أمسيت : أعوذ بكلمات الله التامات كلها من شر ما خلق، لم تضر)). وفي رواية ابن ماجه [رقم 3518] ((ما ضره لدغ عقرب حتى يصبح)).

930. Muslim dan Abu Daud mengeluarkan ((kalau kamu katakan apabila masuk petang : aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna semuanya dari kejahatan apa yang Dia buat, kejahatan itu tidak memudharatkan)). Pada satu riwayat Ibnu Majah ((tidak memudharatkan dia sengatan kala hingga dia masuk subuh.

وأحمد [رقم 18488] وأبو داود [رقم 5072] ((من قالها حين يصبح وحين يمسي ثلاث مرات : رضيت بالله ربا وبالإسلام دينا وبمحمد صلى الله عليه وسلم نبيا ورسول، كان حقا على الله أن يرضيه)).

931. Ahmad dan Abu Daud mengeluarkan ((siapa membacanya ketika dia masuk subuh dan ketika dia masuk petang tiga kali : aku redha dengan Allah sebagai Tuhan dan dengan Islam sebagai ugama dan dengan Muhammad sawm sebagai nabi dan rasul, adalah menjadi hak diatas Allah meredhai dia)).

وابن السني [كنز العمال رقم 3495] ((إذا أصبحت فقل : اللّٰهُمَّ أنت ربي لا شريك لك، أصبحنا وأصبح الملك لله لا شريك له، ثلاث مرات وإذا أمسيت فقل مثل ذلك، فإنهن يكفِّرن ما بينهن)).

932. Ibnu Sunni mengeluarkan ((apabila kamu masuk pagi hari maka katakan : ya Allah! Engkau Tuhan ku, tidak ada sekutu bagi Mu, berpagi-pagi kami dan berpagi-pagi kerajaan itu milik Allah, tidak ada sekutu baginya, tiga kali dan apabila kamu masuk petang hari maka katakan seumpama demikian itu, maka ianya mengkifaratkan apa yang diantaranya)).

والترمذي [رقم 3388] وأبو داود [رقم 5088] ((ما من عبد يقول في صَباح كلِّ يومٍ ومساءِ كلِّ ليلةٍ بسم الله الذي لا يضر مع اسمه شيء في الأرض ولا في السماء وهو السميع العليم، ثلاث مرات، لم يضره شيء)). وفي رواية [أبو داود رقم 5088] ((فجأة بلاء)).

933. Turmizi dan Abu Daud mengeluarkan ((tidak ada daripada seorang hamba yang berkata pada pagi setiap siang dan pada petang setiap malam : dengan nama Allah yang tidak memudharatkan suatu bersama namaNya dibumi dan tidak dilangit, dan Dia maha mendengar lagi maha mengetahui, tiga kali, tidak memudharatkan dia oleh sesuatu)). Pada satu riwayat ((bala yang mengejutkan)).

والترمذي [رقم 3966] ((من قال حين يمسي ثلاث مرات : أعوذ بكلمات الله التامات من شر ما خلق، لم يضره حُمَّةٌ تلك الليلة)).

934. Turmizi mengeluarkan ((siapa membaca ketika dia masuk petang hari tiga kali : aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari kejahatan apa yang Dia jadikan, tidak memudharatkan dia oleh apa-apa yang ditakdirkan[25] pada malam itu)).

وأبو داود [رقم 5069] ((من قال حين يصبح أو يمسي : اللَّهُمَّ إني أصبحت أشهدك وأشهد حملةَ عرشك وملائكتَك وجميعَ خلقك أنك أنت الله لا إلٰه إلا أنت وأن محمدا عبدك ورسولك، أعتق الله ربعه من النار. فمن قالها مرتين أعتق الله نصفه من النار، ومن قالها ثلاثا أعتق الله ثلاثة أرباعه من النار. فإن قالها أربعا أعتقه الله تعالى)).

935. Abu Daud mengeluarkan ((siapa yang membaca ketika dia masuk waktu pagi atau petang : ya Allah sungguhnya aku masuk pagi hari dan aku menyaksikan kepada Mu dan menyaksikan kepada para penanggung arasy Mu dan para malaikat Mu dan semua makhluk Mu bahawa Engkau adalah Allah tidak ada Tuhan melainkan Engkau dan bahawa Muhamad itu hamba Mu dan rasul Mu, Allah memerdekakan satu perempat dirinya dari neraka. Maka siapa membacanya dua kali Allah memerdekakan setengahnya dari neraka dan siapa membacanya tiga kali Allah memerdekakan tiga perempatnya dari neraka. Maka jika dia membacanya empat kali Allah taala memerdekakan dia)).

وابن السني [رقم 70] ((من قال في كل يوم حين يصبح وحين يمسي : حسبي الله لا إلٰه إلا هو، عليه توكلت وهو رب العرش العظيم سبع مرات كفاه الله تعالى ما أهمه من أمر الدنيا والآخرة)).

936. Ibnu Sunni mengeluarkan ((siapa berkata pada setiap hari ketika dia masuk pagi hari dan ketika dia masuk petang hari : Allah memada bagi ku, tidak ada Tuhan melainkan Dia, diatasNya aku bertawakkal dan Dia Tuhan Arasy yang agong, tujuh kali, Allah memadakan dia dari apa yang menyedihkan dia, daripada urusan dunia dan akhirat)).

[25] حمة : setiap apa yang ditakdirkan. Marbawi.

وابن حبان والحاكم [كنز العمال رقم 2052] ((من قال إذا أصبح مئة مرة وإذا أمسي مئة مرة : سبحان الله وبحمده، غفرت ذنوبه وإن كانت أكثر من زبد البحر)). وفي رواية أبي داود [رقم 5091] ((سبحان الله العظيم وبحمده)).

937. Ibnu Hibban dan Hakim mengeluarkan ((siapa membaca apabila masuk pagi hari seratus kali dan apabila masuk petang hari seratus kali "سبحان الله وبحمده", diampunkan dosanya sekalipun ia lebih banyak dari buih dilaut)). Didalam satu riwayat bagi Abu Daud ((سبحان الله العظيم وبحمده)).

والترمذي [رقم 2879] ((من قرأ حم ﴿١﴾ تَنزِيلُ ٱلْكِتَابِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٢﴾ غَافِرِ ٱلذَّنبِ وَقَابِلِ ٱلتَّوْبِ شَدِيدِ ٱلْعِقَابِ ذِي ٱلطَّوْلِ لَا إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ إِلَيْهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٣﴾ [سورة غافر : 1-3] وآية الكرسي ٱللَّهُ لَا إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَيُّ ٱلْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَّهُ مَا فِي ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِ مَن ذَا ٱلَّذِي يَشْفَعُ عِندَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَلَا يَؤُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ ٱلْعَلِيُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾ [سورة البقرة : 255] حين يُصبح حفظ بهما حتى يُمسي ومن قرأهما حين يُمسي حفظ بهما حتى يُصبح)).

938. Turmizi mengeluarkan ((siapa membaca "Haa, Miim. turunnya Al-Quran ini dari Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha mengetahui; Yang mengampunkan dosa, dan Yang menerima taubat; Yang berat azabNya; Yang melimpah-limpah kurniaNya; tiada Tuhan melainkan dia; kepadaNyalah tempat kembali", dan ayat Kursi "Allah, tiada Tuhan melainkan Dia, Yang tetap hidup, Yang kekal selama-lamanya mentadbirkan. Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki Segala Yang ada di langit dan Yang ada di bumi. tiada sesiapa Yang dapat memberi syafaat di sisiNya melainkan dengan izinNya. Yang mengetahui apa Yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari ilmu Allah melainkan apa Yang Allah kehendaki. Luasnya KursiNya meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. dan Dia lah Yang Maha tinggi, lagi Maha besar" ketika dia masuk pagi hari dipelihara dia dengan sebab keduanya hingga dia masuk petang hari dan siapa membaca keduanya ketika dia masuk petang hari dipelihara dia dengan sebab keduanya hingga dia masuk pagi hari)).

وأبو داود [قم 5076] ((من قال حين يصبح فَسُبْحَانَ ٱللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ ﴿١٧﴾ وَلَهُ ٱلْحَمْدُ فِي ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ ﴿١٨﴾ يُخْرِجُ ٱلْحَيَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَيِّ وَيُحْيِي ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَكَذَٰلِكَ تُخْرَجُونَ [سورة الروم : 17-19] أدرك ما فاته في يومه ذلك، ومن قالهن حين يمسي أدرك ما فاته في ليلته)).

939. Abu Daud mengeluarkan ((siapa membaca ketika masuk pagi hari "maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada pada waktu malam dan semasa kamu berada pada waktu subuh. bagiNya pujian pada waktu petang dan pada waktu zuhur. Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati, dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup, serta menghidupkan bumi sesudah matinya; sedemikian itulah kamu akan dikeluarkan)), dia mendapat apa yang luput darinya pada siangnya itu dan siapa yang membacanya ketika dia masuk petang hari dia mendapat apa yang luput darinya pada malamnya".

وابن السني [رقم 76] عن محمد بن إبراهيم عن أبيه قال : وجّهَنا رسول الله صلى الله عليه وسلم في سَرِيّة فأمرنا أن تقرأ إذا أمسينا وإذا أصبحنا {أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثاً وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لا تُرْجَعُونَ} [المؤمنون: 115. فقرأنا فغنمنا وسلمنا].

940. Ibnu Sunni mengeluarkan dari Muhammad bin Ibrahim dari bapanya, katanya : rasulullah sawm mengarahkan kami pada satu sariyah[26] lalu menyuruh kami membaca bila berada pada petang dan bila berada pada pagi ((adakah kamu sangka bahawa Kami jadikan kamu percuma dan bahawa Kamu tidak dikembalikan kepada kami)). [maka kami membaca lalu kami menang dan selamat]

وهو [رقم 79] والترمذي [رقم 2922] ((من قال حين يصبح ثلاث مرات : أعوذ بالله السميع العليم من الشيطان الرجيم، وقرأ ثلاث آيات من آخر سورة الحسر، وكلّ الله تعالى به سبعين ألف ملك يصلون عليه حتى يمسي وإن مات في ذلك اليوم مات شهيدا، ومن قالها حين يمسي كان بتلك المنزلة)).

941. Dia dan Turmizi mengeluarkan ((siapa membaca ketika masuk pagi hari tiga kali “aku berlindung dengan Allah yang maha mendengar maha mengetahui dari Syaitan yang direjam dan membaca tiga ayat dari akhir surah al Hasr, Allah taala mewakilkan padanya tujuh puluh ribu malaikat berselawat keatasnya hingga dia masuk waktu petang, dan jika dia mati pada hari itu dia mati sebagai syahid, dan siapa membacanya ketika dia masuk petang hari adalah dia mendapat kedudukkan itu)).[27]

وأبو داود [رقم 5082] والترمذي [رقم 3575] عن عبد الله بن خُبَيْبٍ، قال : خرجنا في ليلةِ مطرٍ وظُلْمَةٍ شديدة، نطلب النبي صلى الله عليه وسلم ليصلي بنا فأدركناه، فقال : ((قل))، فلم أقل شيئا، ثم قال ((قل))، فلم أقل شيئا، ثم قال ((قل)). قلت : يا رسول الله! ما أقول؟ قال ((قل هو الله أحد والمعوذتين حين تمسي وحين تصبح ثلاث مرات يكفيك من كل شيء)).

942. Abu Daud dan Turmizi meriwayatkan dari Abdullah bin Khubaib katanya : kami keluar pada malam yang hujan lagi gelap pekat mencari rasulullah sawm untuk sembahyang bersamanya, maka kami mendapat dia, lalu dia berkata ((katakan)), maka aku tidak kata apa-apa, kemudian dia kata ((katakan)), maka aku tidak kata apa-apa, kemudian dia kata ((katakan)), aku kata : wahai rasulullah! Apa aku nak kata? Katanya ((“قل هو الله أحد” dan dua mu’awwazah ketika kamu berada dipetang hari dan ketika kamu berada dipagi hari, tiga kali ia memadai kamu dari setiap suatu)).

[26] Sekumpulan kecil askar. Brigade, detachment.

[27] [illegible]

بَابُ مَا يُقَالُ عِنْدَ النَّوْمِ وَالاسْتِيْقَاظِ مِنْهُ

أخرج البخاري [رقم: 2311] عن أبي هريرة، قال ((وكّلني رسول الله صلى الله عليه وسلم بحفظ زكاة رمضان، فأتاني آتٍ فجعل يَحْثُوْ من الطعام، وذكر الحديث . . . . وقال : إذا أويت إلى فراشك فاقرأ آية الكرسي فإنه لن يزال معك من الله حافظ ولا يقرُبك شيطان حتى تصبح. فقال النبي صلى الله عليه وسلم ((صَدّقَكَ وهو كذوب، وذاك شيطان)).

943. Bukhari mengeluarkan dari Abu Hurairah katanya ((rasulullah sawm mewakilkan aku pada menyimpan zakat ramadhan, maka datang kepada aku seorang lelaki lalu dia meraup makanan itu. . . . Abu Hurairah menyebutkan hadith itu. Kata lelaki itu : bila kamu kembali ke tempat tidur kamu maka bacalah ayat Kursi, maka ia sentiasa bersama kamu sebagai penjaga dari pihak Allah dan Syaitan tidak mendekati kamu hingga kamu masuk ke waktu subuh. Maka kata nabi sawm ((dia bercakap benar dengan kamu sedang dia orang yang kuat berdusta, demikian itu adalah syaitan)).

والشيخان [البخاري رقم 5009، مسلم رقم 808] ((الآيتان من آخر سورة البقرة من قرأهما في ليلة كفاتاه)).

944. Dua syeikh mengeluarkan ((dua ayat dari akhir surah al Baqarah siapa membacanya pada satu malam ia memadai untuknya)).[28]

وهما [البخاري رقم 5017، مسلم رقم 2192] كان رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا أوى إلى فراشه كل ليلة جمع كفيه ثم نفث فيهما، فقرأ "قل هو الله أحد" و "قل أعوذ برب الفلق" و "قل أعوذ برب الناس" ثم مسح بهما ما استطاع من جسده. يبدأ بهما على رأسه ووجهه وما أقبل من جسده يفعل ذلك ثلاث مرات.

945. Dua syeikh mengeluarkan : adalah rasulullah sawm apabila kembali kepada tempat tidurnya pada setiap malam merapatkan dua tapak tangannya kemudian meniup pada keduanya maka dia membaca “قل هو الله أحد” dan “قل أعوذ برب الفلق” dan “ قل أعوذ برب الناس” kemudian dia menyapu dengan keduanya barang sedapat akan tubuhnya, mula dengan keduanya keatas kepalanya dan mukanya dan bahagian tubuh yang depan, dia melakukan demikian itu tiga kali.

---

28 [illegible]

وأبو داود [رقم 5055] والترمذي [رقم 3403] عن نوفل قال: قال لي رسول الله صلى الله عليه وسلم ((اقرأ "قل يأيها الكافرون" ثم نَمْ على خاتمتها، فإنها براءة من الشرك)). أعاذنا الله من الشرك والنفاق.

946. Abu Daud dan Turmizi mengeluarkan dari Naufal katanya : kata rasulullah sawm ((bacalah "قل يأيها الكافرون" kemudian tidurlah diatas khatamnya, maka ia kelepasan dari syirik)). Moga Allah melindung kita dari syirik)).

والترمذي [رقم 3398] ((من قال حين يأوي إلى فراشه : أستغفر الله الذي لا إلٰه إلا هو الحي القيوم وأتوب إليه، ثلاث مرات غفر الله تعالى له ذنوبه وإن كانت مثل زبد البحر، وإن كانت عدد النجوم، وإن كانت عدد رَمْلٍ عَالِجٍ وإن كانت عدد أيام الدنيا)).

947. Turmizi mengeluarkan ((siapa membaca ketika dia kembali ke tempat tidurnya "" tiga kali Allah taala ampunkan bagi dia dosa-dosanya sekalipun ia seumpama buih laut sekalipun ia sebilangan bintang sekalipun ia sebilangan pasir bergunung sekalipun ia sebilangan hari-hari dunia)).

وابنا حبان والسني [كنز العمال رقم 41323] ((من قال حين يأوي إلى فراشه : لآ إلٰه إلا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم سبحان الله والحمد لله ولا إلٰه إلا الله والله أكبر، غفرت ذنوبه ولو كانت مثل زبد البحر)).

948. Ibnu Hibban dan Ibnu Sunni mengeluarkan ((siapa membaca ketika dia kembali ke tempat tidurnya "لآ إلٰه إلا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم سبحان الله والحمد لله ولا إلٰه إلا الله والله أكبر" diampunkan dosanya walaupun ia seumpama buih lautan)).

والشيخان [البخاري رقم 2328، مسلم رقم 2727] عن علي رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال له ولفاطمة رضي الله عنهما ((إذا أَوَيْتُمَا إلى فراشكما فسَبِّحَا ثلاثا وثلاثين واحْمِدا ثلاثا وثلثين وكَبِّرا أربعا وثلاثين)). قال علي رضي الله عنها ما تركته منذ سمعته منه صلى لله عليه وسلم. قيل له : ولا ليلة صِفِّيْنَ؟ قال ولا ليلة صفين.

949. Dua syeikh mengeluarkan dari Ali r.a bahawa rasulullah sawm berkata kepada dia dan Fatimah r.anhuma ((bila kamu berdua kembali ke tempat tidur kamu maka bertasbihlah tiga puluh tiga kali dan bertahmidlah tiga puluh tiga kali dan bertakbirlah tiga puluh empat kali)). Kata Ali r.a : aku tidak tinggalkannya semenjak aku mendengarnya dari rasulullah sawm. Dikatakan kepadanya : tidak pada malam Siffin? Katanya : tidak pada malam Siffin.

والبخاري [رقم 6324] كان إذا أوى إلى فراشه قال باسمك اللّٰهُمَّ أحيا وأموت)). [رقم 6320] ((باسمك ربي وضعت جنبي وبك أرفعه إن أمسكت نفسي فارحمها وإن أرسلتها فاحفظها بما تحفظ به عبادتك الصالحين)).

950. Bukhari mengeluarkan : adalah nabi sawm bila kembali ketempat tidurnya dia berkata ((dengan nama Allah aku hidup dan aku mati, dengan nama Engkau Tuhan ku aku letakkan lambung ku dan dengan Mu aku angkatkannya. Jika Engkau tahan nyawa ku maka kasihanilah ia dan jika Engkau lepaskannya maka peliharalah ia dengan apa yang Engkau pelihara dengannya akan hamba-hamba Mu yang soleh)).

والشيخان [البخاري رقم 2413، مسلم رقم 2710] ((إذا أتيت مضجعَك فتوضّأ وضوءك للصلاة، ثم اضطجع على شقك الأيمن وقال : اللّهُمَّ إني أسلمت نفسي إليك وفوّضت أمري إليك وألجأت ظهري إليك رغبة ورهبة إليك، لا ملجأً ولا مَنْجًا منك إلا إليك. آمنت بكتابك الذي أنزلتَ ونبيك الذي أرسلتَ. اللّهُمَّ قِنِيْ عذابَك يوم تبعث عبادَك. فإن مِتّ مِتّ على الفطرة، واجعلهن آخر ما تقول)).

951. Dua syeikh mengeluarkan ((bila kamu datang ke perbaringan mu maka hendaklah kamu berwudhuk sebagai wudhuk mu untuk sembahyang, kemudian baringlah diatas sebelah tubuh yang kanan dan katakan “ya Allah sungguhnya aku serahkan diri ku kepada Mu dan aku pasrahkan urusan ku kepada Mu dan aku tumpukan belakang ku kepada Mu kerana gemar dan gerund kepada Mu, tidak ada tempat tumpuan dan tidak ada tempat kelepasan dari Mu melainkan kepada Mu. Aku beriman dengan kitab Mu yang Engkau turunkan dan dengan nabi Mu yang Engkau utuskan. Ya Allah jagalah aku dari azab Mu pada hari Engkau bangkitkan hamba-hamba Mu”. Maka jika Engkau mati matilah engkau diatas fitrah dan hendaklah engkau jadikan ayat-ayat itu akhir apa yang engkau katakan.

وابن السني [الجامع الصغير رقم 8545] ((من بات على طهارة ثم مات من ليلته مات شهيدا)).

952. Ibnu Sunni mengeluarkan ((siapa bermalam diatas suci kemudian dia mati matilah dia sebagai syahid)).

وأخرج البخاري [رقم 6312] كان رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا استيقظ من النوم قال ((الحمد لله الذي أحيانا بعد ما أماتنا وإليه النشور)).

953. Bukhari mengeluarkan : adalah rasulullah sawm bila terjaga dari tidurnya dia membaca ((segala puji bagi Allah yang menghidupkan kami selepas Dia mematikan kami dan kepadaNya kita dihidupkan semula)).

وابن السني [رقم 13] ((ما من رجل ينتبه من نومه فيقول "الحمد لله الذي خلق النوم واليقظة، الحمد لله الذي بعثني سالما سوِيًّا أشهد أن لا إله إلا الله يحيي الموتى وهو على كل شيء قدير" إلا قال الله تعالى صدق عبدي)).

954. Ibnu Sunni mengeluarkan ((tidak ada daripada seorang lelaki yang terjaga dari tidurnya maka dia berkata “segala puji bagi Allah yang menjadikan tidur dan jaga, segala puji bagi Allah yang membangkitkan aku dalam keadaan sejahtera lagi sama, aku menyaksikan tidak ada Tuhan melainkan Allah, Dia menghidupkan yang mati dan Dia kuasa diatas tiap suatu” melainkan Allah taala berkata : benarlah hamba Ku itu)).

وهو [رقم 10] ((ما من عبد يقول عند رد الله تعالى روحه "لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير" إلا غفر الله تعالى ذنوبه، ولو كانت مثل زبد البحر)).

955. Dia mengeluarkan ((tidak ada daripada seorang hamba yang berkata disisi Allah memulangkan nyawanya "لا إلٰه إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير" melainkan Allah taala ampunkan dosanya walupun ia seumpama buih laut)).

وأحمد [رقم 5943] كان رسول الله صلى الله عليه وسلم لا ينام إلا والسواك عند رأسه. فإذا استيقظ بدأ بالسواك.

956. Ahmad mengeluarkan : adalah rasulullah sawm tidak tidur melainkan siwak ada disisi kepalanya. Maka apabila dia terjaga dia mula dengan siwak.

ومسلم [رقم 747] ((من نام عن حزبه أو عن شيء منه فقرأه ما بين صلاة الفجر وصلاة الظهر كتب له كأنهما قرأه من الليل)).

957. Siapa tidur dari hizbnya[29] atau dari suatu daripadanya maka dia membacanya diantara sembahyang subuh dan zohor dituliskan bagi dia seolah-olah dia membacanya semalaman)).

بَابُ مَا يُقَالُ فِيْ بَعْضِ الأَحْوَالِ

أخرج ابن السني [رقم 272] ((من لبس ثوبا فقال : الحمد لله الذي كساني هذا ورزقنيه من غير حول مني ولا قوة، غفر الله له ما تقدم ومن ذنبه)).

958. **BAB APA YANG DIKATAKAN PADA SEBAHAGIAN KEADAAN-KEADAAN**. Ibnu Sunni mengeluarkan ((siapa memakai kain maka membaca "segala puji bagi Allah yang memakaikan aku dengan ini dan merazekikannya kepada aku tanpa daya dan tanpa kekuatan dari ku" Allah ampunkan bagi dia apa yang terdahulu daripada dosa-dosanya".

وهو [رقم 176] والحاكم [الجامع الصغير رقم 6651] كان رسول الله صلى الله عليه سلم إذا خرج من بيته قال : ((بسم الله، التُّكْلَانُ على الله ولا حول ولا قوة إلا بالله)).

959. Nasi'e dn Hakim mengeluarkan : adalah rasulullah sawm apabila keluar dari ruahnya berkaa ((بسم الله، التُّكْلَانُ على الله ولا حول ولا قوة إلا بالله)).

والشيخان [البخاري رقم 142، مسلم رقم 375] : كان صلى الله عليه وسلم إذا دخل خلاء قال ((اللّٰهُمَّ إني أعوذ بك من الخُبْثِ والخَبَائِثِ)).

960. Dua syeikh mengeluarkan : adalah nabi sawm apabila masuk tandas membaca ((ya Allah aku beindung dengan Mu dari Syaitan Jantan dan Syaitan Betina)).

وابنا ماجه [رقم 301] والسني : كان إذا خرج من الخلاء قال ((الحمد لله الذي أذهب عني الأذى وعافاني)).

[29] Satu kumpulan zikir.

961. Ibnu Majah dan Ibnu Sunni mengeluarkan : adalah dia sawm bila kelaur dari tandas membaca ((segala puji bagi Allah yang menghilangkan kesakitan dari ku dan menyihatkan aku)).

والترمذي [رقم 314] كان إذا دخل المسجد صلّى على محمد وسلّم، وقال ((رب اغفرلي ذنوبي وافتح لي أبواب فضلك)).

962. Turmizi mengeluarkan : adalah nabi sawm bila masuk masjid mengucap selawat keatas Muhammad dan mengucap salam dan berkata ((Tuhan ku! Ampuni aku dan bukalah bagi ku pintu-pintu limpah kurnia Mu)).

وأبو داود [رقم 3023] والترمذي [رقم 3458] ((من أكل الطعام وقال "الحمد لله الذي أطعمني هذا ورزقنيه من غير حول منّي ولا قوةٍ"، غفر له ما تقدم من ذنبه)).

963. Abu Daud dan Turmizi mengeluarkan ((siapa makan makanan dan membaca “segala puji bagi Allah yang memberi aku makan makanan ini dan merazekikan aku dengannya tanpa daya dan upaya dari ku” diampunkan baginya apa yang telah lalu daripada dosanya)).

والترمذي [رقم 3428] والحاكم ((من دخل السوق فقال "لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد يحيي ويميت وهو حيٌّ لا يموت، بيده الخيرُ وهو على كل شيء قدير" ورفع بها صوته كتب الله له ألف ألف حسنة ومحا عنه ألف ألف سيئة ورفع له ألف ألف درجة)).

964. Turmizi dan Hakim mengeluarkan ((siapa masuk ke pasar lalu membaca “tidak ada Tuhan melainkan Allah sendirian, tidak ada sekutu bagiNya, bagiNya kerajaan dan bagiNya pujian, dia menghidupkan dan mematikan dan dia yang hidup tidak mati, pada tangannya kebaikkan dan dia berkuasa diatas tiap suatu” serta dia meninggikan suaranya Allah tuliskan bagi dia seribu ribu kebaikkan dan menghapuskan darinya seribu ribu kejahatan dan mengangkatkan baginya seribu ribu darjat)).

والترمذي [قم 3429] ((من جلس في مجلس وكثر فيه لغَطُه فقال قبل ن يقوم من مجلسه ذلك "سبحانك اللّهُمَّ وبحمدك أشهد أن لا إله إلا أنت أستغفرك وأتوب إليك" غفر الله له ما كان في مجلسه ذلك)).

965. Turmizi mengeluarkan ((siapa yang duduk pada satu majlis dan banyak riuh rendah padanya maka dia membaca sebelum dia bangun dari majisnya itu “maha suci Engkau ya Allah dan dengan pujian Engkau aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan melainkan Engkau, aku minta ampun dari Mu dan bertaubat kepada Mu” Allah ampunkan baginya dosa yang ada pada majlisnya itu”.

غفر الله لنا ما تقدم وما تأخّر من ذنوبنا وسيئات أعمالنا.

966. Moga Allah ampunkan bagi kita apa yang terdahulu dan apa yang terkemudian daripada dosa-dosa kita dan kejahatan amalan-amalan kita.

تنبيهات. أحدها أنه يسن الأذكار الواردة أول النهار وآخره وعند النوم واليقظة. فينبغي لمريد الخير الاعتناء بحفظها ومواظبتها. وقد استوفاها الجلال السيوطي في وظائف اليوم والليلة)).

967. Beberapa penyedaran. Pertamanya sunat zikir-zikir yang warid pada awal siang dan akhirnya dan disisi tidur dan jaga. Maka sayugia seorang murid memberi perhatian pada memeliharanya dan mengekalinya. Sungguhnya al Jalal Sayuti melengkapkannya pada “Jawatan-Jawatan Sehari Semalam”.

وثانيها أن الاشتغال بالذكر الخاص بوقت أو محل بأن ورد الشرع به فيه ولو من طريق ضعيف أفضل من تلاوة القرأن لتنصيص الشارع عليه. والذكر الخاص الوارد عن بعض الصحابة كالوارد عنه صلى الله عليه وسلم.

968. Yang keduanya : bahawa mengamalkan zikir yang khusus dengan waktu atau tempat dengan bahawa datang syara’ dengan sesuatu zikir padanya walaupun dari jalan yang dhaif terafdhal dari baca Quran, kerana syara’ menentukannya. Zikir khas yang warid dari sebahagian sahabat seperti seperti yang warid dari nabi sawm.

وثالثها أنه ينبغي للذاكر والداعي أن يتدبر ما يذكر ويدعو به ويتعقل معناه.

969. Ketiganya : sayugia orang yang berzikir dan berdoa mengamat-amati apa yang dia berzikir dan berdoa dengannya dan memahami maknanya.

قال الإسناوي وغيره : من أتى بذكر أو دعاء مأثور غافلا عن معناه المعلوم له لو لا الغفلة لا يثاب عليه. وقال شيخنا ابن حجر تغمده الله برحمته : في العامي الذي لم يفهم المعنى يحتمل أنه يثاب.

970. Kata Isnawi dan selainnya : siapa mendatangkan zikir atau doa yang ma’thur dalam keadaan dia lalai dari maknanya yang dimakluminya kalau dia tidak lalai tidak diberi pahala dia diatasnya. Kata syeikh kami Ibnu Hajar moga Allah menenggelamkan dia dengan rahmatNya pada orang awam yang tidak faham maknanya : diihtimalkan bahawa dia diberi pahala.

بَابٌ فِي أَذْكَارٍ غَيْرِ مُقَيَّدَةٍ بِوَقْتٍ

أخرج الترمذي [رقم 3377] وابن ماجه [رقم 3790] وصححه الحاكم [1/496] عن أبي الدرداء، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ((ألا أنبئكم بخير أعمالكم وأزكاها عند مليككم وأرفعِها في درجاتكم، وخيرٍ لكم من إنفاق الذهب والورق وخير لكم من أن تلقوا عدوكم فتضربوا أعناقهم ويضربوا أعناقكم؟)) قالوا بلى! قال ((ذكر الله)).

971. **BAB ZIKIR YANG TIDAK DIKAITKAN DENGAN WAKTU**. Turmizi dan Ibnu Majah mengeluarkan dan disahkan oleh Hakim dari Abu Darda’, kata rasulullah sawm ((tak mau kah aku khabarkan kamu dengan yang terbaik daripada amalan kamu dan paling bersihnya disisi Tuhan kamu dan yang paling meninggikan daripadanya akan darjat kamu dan yang paling baik bagi kamu daripada menafkahkan emas dan perak dan lebih baik bagi kamu daripada bahawa kamu bertemu dengan musuh kamu maka kamu pancung tengkok mereka dan mereka pancung tengkok kamu?)) Kata mereka : bahkan! Katanya ((zikrullah)).